



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN	(Halaman 1)
PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA Mengalu-alukan Pelantikan Semula Ahli-ahli	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 2)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2014	(Halaman 21)
USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 56)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang d-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Doris Sophia ak Brodi
3. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
4. “ Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman (Dilantik)
5. “ Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
6. “ Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar – *Senator*
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
7. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
8. “ Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md Hanipah – *Senator*
- *Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan
Kepenggunaan*
9. “ Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
10. “ Tuan Baharudin bin Abu Bakar (Dilantik)
11. “ Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan (Dilantik)
12. “ Dato' Boon Som a/l Inong (Dilantik)
13. “ Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah (Selangor)
14. “ Tuan Chiew Lian Keng (Dilantik)
15. “ Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
16. “ Datuk Chiw Tiang Chai (Dilantik)
17. “ Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
18. “ Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
19. “ Dato' Sri Iris Jala @ Idris Jala (Dilantik) – *Senator*
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
20. “ Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman (Dilantik)
21. “ Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh (Dilantik)
22. “ Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
23. “ Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya (Sabah)
24. “ Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
25. “ Dato' Khairudin Samad (Dilantik)
26. “ Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator*
27. “ Tuan Lihan Jok (Sarawak)
28. “ Dato' Lim Nget Yoon (Pahang)
29. “ Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan - *Senator*
- *Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*
30. “ Datuk Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)
31. “ Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)

32. Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Senator*
33. “ Dato' Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Senator*
34. “ Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor (Dilantik)
35. “ Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam (Melaka)
36. “ Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
37. “ Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
38. “ Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin (Dilantik)
39. “ Dato' Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
40. “ Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai (Dilantik)
41. “ Datuk Hajah Noriah Binti Mahat (Dilantik)
42. “ Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
43. “ Datuk Paul Low Seng Kuan - *Senator*
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
44. “ Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah (Dilantik)
45. “ Puan Hajah Rohani binti Abdullah (Terengganu)
46. “ Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman (Pahang)
47. “ Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal (Dilantik)
48. “ Datuk Haji Saat bin Haji Abu (Melaka)
49. “ Tuan Saiful Izham bin Ramli (Kedah)
50. “ Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam (Dilantik)
51. ” Dato' Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
52. “ Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
53. “ Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud (Pulau Pinang)
54. “ Tuan Waytha Moorthy Ponnusamy – *Senator*
- *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
55. “ Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas (Dilantik)
56. ” Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Dilantik)
57. “ To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin (Terengganu)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen

Dato' Lamien bin Sawiyo

Setiausaha Dewan Negara

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Che Seman bin Pa Chik

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Siti Norlina binti Ahmad

Hazwani Zarifah binti Anas

Siti Aishah Md Nasir

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KETIGA
Isnin, 16 Disember 2013
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som a/l Inong
- Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN SEMULA AHLI-AHLI

Tuan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera kepada semua Ahli Yang Berhormat dan semua dif jemputan yang berada di Dewan yang mulia pada pagi ini.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kedua Ahli Yang Berhormat yang baru sahaja mengangkat sumpah sebentar tadi dan mengalu-alukan Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som a/l Inong dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit atas pelantikan semula Ahli Dewan Negara yang mulia ini.

Kepada semua Ahli Yang Berhormat dan khususnya kepada kedua-dua yang baru sahaja mengangkat sumpah sebentar tadi, saya ingin menyatakan di sini Yang Berhormat berdua adalah boleh dianggap sebagai Ahli Yang Berhormat yang cukup bernasib baik dan bersyukur kita kepada Allah SWT kerana pelantikan Yang Berhormat telah dipersetujui oleh Yang di-Pertuan Agong dan diberi peluang untuk Yang Berhormat terus menyambung buat penggal keduanya menjadi Ahli Majlis Dewan Negara ini.

Kepada Yang Berhormat berdua, sebagai Ahli Dewan Negara penggal kedua, saya percaya Yang Berhormat semua telah mengetahui bagaimana sumbangan dan peranan Yang Berhormat boleh memainkan di Dewan Negara ini. Justeru, saya berharap supaya Yang Berhormat terus memberi sumbangan yang berguna tanpa segan silu demi kebaikan Dewan Negara dan juga warga bangsa kita Malaysia umumnya.

Kepada Yang Berhormat Dato' Boon Som a/l Inong mewakili orang Siam, secara kebetulan saya dimaklumkan ketika ini, *Ambassador Mr. H.E. Krit Kraichitti* ada bersama-sama. Ini melambangnya seolah-olah Yang Berhormat mempunyai *networking* yang baik daripada keturunan orang Siam. Saya ingin menyatakan Yang Berhormat mewakili orang Siam, betapa prihatinnya supaya semua orang diwakili di dalam Dewan Negara ini.

■1010

Setelah Yang Berhormat menjadi Ahli Dewan Negara, betul Yang Berhormat boleh memberi sumbangan, perkembangan keadaan seperti orang Siam tetapi Yang Berhormat jangan lupa Yang Berhormat adalah Ahli *Senate* Dewan Negara yang mewakili seluruh Malaysia untuk kebaikan keluarga bangsa kita semuanya [*Tepuk*]

Kepada Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit, ini kali kedua Yang Berhormat sambung, dan diberi kepercayaan. Yang Berhormat ialah seorang peguam. Saya berharap supaya Yang Berhormat memberi sumbangan lebih lagi kepada orang yang bukan mempunyai ilmu sebagaimana Yang Berhormat ada. Maknanya dengan izin, *give your best, contribute your best for the sake of national interest*. Kepada Yang Berhormat, saya harap kita ini agaknya ada yang bernasib baik, satu penggal sahaja. Ada Yang Berhormat cukup bernasib baik, bersyukur tetapi *I expect more than that from you after this*, dengan izin.

Pertama sekali, hadir dalam Dewan, dengar semua. Agaknya waktu tidak bercakap baru datang. Jadi *you* membuang masa dan menghampakan rakyat seluruhnya. Saya berharap Yang Berhormat dengarlah pandangan saya. Saya mengingatkan diri saya juga. Saya memang prihatin dan perkara ini patut kita buat, lakukan untuk kebaikan kita bersama, *insya-Allah*. Sekian sahajalah Yang Berhormat kata-kata saya. Selesailah sudah Majlis Angkat Sumpah pada pagi ini dan selepas ini kita akan terus bersidang semula. Silakan.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, apakah unjuran tahap sara diri untuk keselamatan bagi bekalan makanan yang mencukupi untuk Malaysia memandangkan Pertubuhan Makanan dan Pertanian Sedunia (FAO) yang menyatakan dunia akan mengalami krisis makanan yang serius apabila penduduk dunia berjumlah 9 bilion jika bekalan makanan sedia ada tidak ditingkatkan sebanyak 70 peratus menjelang 2050.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan diucapkan syabas kepada Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor yang telah menyatakan soalan menunjukkan keprihatinan berhubung dengan bekalan makanan untuk rakyat Malaysia yang semakin bertambah.

Yang Berhormat menyebutkan bahawa rakyat Malaysia akan bertambah selari dengan pertambahan penduduk dunia. Sebanyak sembilan bilion pada tahun 2050 dan kita di Malaysia boleh menjangkakan atau membuat unjuran penduduk rakyat Malaysia akan bertambah daripada 27 juta sekarang ini kepada 34 juta pada tahun 2020 dan seterusnya 60 juta orang pada tahun 2050. Kerajaan amat prihatin berhubung dengan tanggungjawab untuk memberikan bekalan makanan yang secukupnya kepada rakyat.

Pada masa ini pengeluaran makanan yang paling utama iaitu beras, yang mana keluaran negara pada masa ini ialah 1.74 juta metrik tan manakala kita mengimport sebanyak 900,000 metrik tan. Daripada segi peratusannya, keluaran beras dalam negara ialah 70 peratus dan import sebanyak 30 peratus. Kita meletakkan SSL atau *self sufficiency level* atau pun tahap saraan diri kepada negara kita bagi beras sebanyak 70 peratus dan kita mengimport sebanyak 30 peratus. Walau bagaimanapun bagi memastikan bahawa tahap SSL ini tidak tergugat dan tidak mengancam daripada segi *food security*, kita mempunyai kaedah *stockpile* iaitu bekalan selama empat bulan keperluan rakyat daripada segi beras.

Walaupun bagaimanapun, memandangkan bahawa pertambahan penduduk dunia, mungkin bekalan import ini tidak terjamin maka mungkin dengan sebab itu kita juga sedang meningkatkan lagi pengeluaran negara, padi dan seterusnya beras negara.

Ini bagi memastikan kita boleh mencapai pengeluaran sebanyak 100 peratus pada tahun 2020 dan tahun-tahun berikutnya. Jadi, beberapa langkah yang telah diambil untuk meningkatkan pengeluaran ini termasuklah dengan benih padi sah, sistem pengairan dan saluran yang lebih moden dan cekap, pengurusan secara estet atau pun secara berpusat dan lain-lain kaedah yang kita laksanakan sekarang ini dan diharapkan akan meningkatkan bekalan padi dan seterusnya beras negara dan pergantungan kepada import dapat dikurangkan.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan daripada segi bekalan bahan makanan yang lain iaitu daripada segi bekalan ikan kita tidak ada masalah. Ini kerana pada masa sekarang pun kita sudah mencapai 110 peratus iaitu lebih daripada keperluan negara dan kita mengeksport sebahagian daripada ikan yang kita peroleh daripada tangkapan oleh nelayan-nelayan. Walau bagaimanapun, untuk masa yang akan datang dengan pertambahan penduduk yang saya sebutkan tadi, kita akan terus juga meningkatkan pengeluaran bekalan ikan ini kerana tentunya 110 peratus itu untuk waktu sekarang tetapi bagi akan datang 100 peratus tangkapan mestilah lebih daripada yang kita peroleh iaitu 2,117,000 atau pun 2.1 *million* metrik tan perlu ditingkatkan lagi. Dengan sebab itu kita mengambil langkah-langkah umpamanya galakan perusahaan akuakultur iaitu untuk menambah tangkapan atau bekalan ikan yang kita perlukan.

Selain daripada itu kita juga menggiatkan perusahaan tangkapan ikan laut dalam. Pada waktu ini tangkapan ikan laut dalam Tuan Yang di-Pertua, hanya sekitar dalam 20 peratus sahaja daripada jumlah tangkapan ikan dan kita ingin meningkatkan lagi tangkapan ini kepada peratus yang lebih tinggi lagi daripada jumlah tangkapan. Begitu juga akuakultur iaitu ikan ternakan pada waktu ini hanya merupakan lebih kurang 26 peratus daripada keluaran ikan negara Tuan Yang di-Pertua. Jadi mengikut arahan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, dewasa ini kita hendak meningkatkan pengeluaran ikan kepada 50 peratus bagi ikan-ikan peliharaan atau pun akuakultur ini.

Selain daripada itu bahan makanan seperti sayur-sayuran kita telah mencapai hampir 70 peratus daripada keperluan negara dan import sebanyak lebih kurang 30 peratus. Pada masa ini kita menghadapi masalah kekurangan tanah yang sesuai untuk tanaman sayur dan sebagainya. Oleh sebab itu pergantungan lebih kurang 30 peratus import itu masih diteruskan. Walau bagaimanapun, kerajaan sedang berusaha untuk menggalakkan tanah-tanah terbiar supaya dibangunkan dan ditanam dengan tanam-tanaman yang menjadi bahan makanan kepada rakyat. Akan tetapi walau bagaimanapun ini mengambil masa untuk menggalakkan pemilik-pemilik tanah dan pelbagai masalah yang timbul. Perkara yang kita lihat peratusannya rendah ialah bekalan daging seperti daging kerbau, lembu di mana pencapaian yang begitu rendah setakat ini.

■1020

Jadi kita sedang hendak menggalakkan perusahaan penternakan lembu, kambing dan kerbau lebih banyak lagi. Ini kerana pada masa ini kita baru mencapai, daging kerbau baru sekadar tidak sampai pun 30 peratus. Jadi kita hendak menghidupkan semula fidlot-fidlot, satelit-satelit fidlot yang ada di seluruh negara yang agak bermasalah sebelum ini, kita akan galakkan dan dijemput sesiapa juga peladang-peladang yang ingin mengambil bahagian dalam penternakan lembu, kambing serta kerbau di fidlot-fidlot kita yang ada di seluruh negara ini supaya perusahaan penternakan lembu ini dapat kita pulihkan dan meningkatkan pengeluaran daging dalam negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan. Soalan tambahan saya, apakah inisiatif kerajaan dalam membangunkan teknologi baru dalam sektor pertanian? Kerjasama di antara institut penyelidikan khususnya MARDI di mana saya melihat ini merupakan satu pendekatan strategik yang berpotensi untuk diberikan tumpuan.

Ini termasuk mewujudkan geran-geran bagi menjalankan penyelidikan berkaitan *food security* ini. Contohnya penyelidikan berkaitan padi supaya kita tidak selama-lamanya terus bergantung kepada kaedah dan teknologi sedia ada serta organisasi sedia ada seperti BERNAS. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, MARDI menjalankan penyelidikan yang berterusan untuk mencari kaedah meningkatkan produktiviti pengeluaran padi oleh pesawah-pesawah kita terutamanya daripada segi benih padi. Benih padi sah yang telah dihasilkan oleh MARDI iaitu CL2 dan CL3 yang mana terbukti ia dapat meningkatkan hasil pengeluaran padi di sawah-sawah.

Selain daripada itu, MARDI juga telah mendapati satu kaedah baru di mana perusahaan padi ini tidak perlu lagi bergantung kepada sistem pengairan dan saliran yang sangat mahal daripada segi kos infrastrukturnya yang memerlukan sampai beratus juta ringgit untuk menyiapkan saliran dan pengairan satu-satu kawasan jelapang padi Tuan Yang di-Pertua.

Jadi pada masa ini, ada satu kaedah yang menggunakan sistem siraman iaitu tidak perlu ada pengairan dan saliran seperti yang sedia ada hari ini. Kalau untuk kita mudah memahaminya, seperti pekebun-pekebun sayur mereka menggunakan kaedah siraman untuk menyiram tanaman padi yang ditanam. Jadi ini boleh mengurangkan kos pengairan. Kalau sebuah kawasan jelapang padi sampai beratus-ratus juta, jadi dengan bilangan kawasan jelapang padi yang begitu banyak yang hendak kita bangunkan, maka memerlukan wang yang berbilion-bilion ringgit jumlahnya.

Jadi dengan kaedah siraman ini, kita bukan sahaja boleh mengurangkan kos infrastruktur tetapi juga Tuan Yang di-Pertua, tanah-tanah terbiar di kawasan-kawasan yang sukar untuk dibuat infrastruktur pengairan dan saliran ini juga boleh kita buka untuk dijadikan kawasan-kawasan tanaman padi. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi kesempatan kepada saya untuk bertanya. Dari satu segi saya berpuas hati dengan jawapan Timbalan Menteri tadi tetapi daripada segi lain saya tidak puas hati. Ini kerana tidak ada langsung atau sedikit sekali dalam jawapan Menteri menyebut tentang rancangan yang lebih komprehensif dan meliputi. Ada disebut tentang undangan kepada pihak swasta untuk melakukan ini dan itu, tetapi saya rasa yang lebih penting di sini ialah usaha-usaha penyelidikan yang lebih inovatif sifatnya. Perkara ini saya rasa agak terbelengkalai semenjak akhir-akhir ini, apalagi setelah Fakulti Pertanian di Universiti Malaya dimansuhkan pada tahun 1960 berapa saya lupa. Kemudian telah dimansuhkan pula Fakulti Pertanian di Universiti Pertanian Serdang digantikan dengan Universiti Putra Malaysia sehingga *emphasis* yang berbeza.

Jadi usaha-usaha penelitian seperti ini saya rasa agak terbelengkalai selama ini. Oleh sebab itu saya mengharapkan supaya perkara ini diberi perhatian yang lebih serius. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah setelah kita menyedari tentang krisis makanan, krisis pertanian, bergantung kita dengan bahan-bahan dari luar negeri selama ini, ada atau tidak rancangan kerajaan untuk menghidupkan kembali Fakulti Pertanian di Universiti Malaya dan mewujudkan di universiti-universiti lain dan ada atau tidak usaha-usaha menggantikan kembali peranan yang dimainkan oleh Universiti Pertanian di Serdang itu. Terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang sangat baik daripada Yang Berhormat kerana pada masa ini sebenarnya kementerian bercadang untuk menubuhkan sebuah universiti pertanian yang diberi nama buat masa inilah tertakluk kepada kelulusan Kabinet iaitu *Agropolitan University*. Maksudnya ialah sebuah universiti pertanian kerana pihak Menteri dan kementerian memikirkan bahawa penekanan semula kepada industri pertanian yang dahulunya dianggap sebagai *sunset industry*, sebenarnya tidak betul. Industri pertanian tidak pernah *sunset*. Ia terus hidup kerana kalau tidak ada bahan makanan, kita pun tidak hidup.

Jadi dengan sebab itu industri pertanian perlu bukan sahaja diteruskan tetapi dipergiatkan. Ilmu dan pengetahuan, kemahiran teknologi yang berkaitan dengan pembangunan industri pertanian ini mesti dipertingkatkan dan tidak ada lain caranya iaitu mempunyai sebuah gedung ilmu khususnya berhubung dengan hal-hal pertanian. Universiti Pertanian pada hari ini sudah maju dan berjaya, sudah bertukar menjadi Universiti Putra Malaysia. Keperluan untuk menubuhkan sebuah universiti pertanian kerana Universiti Putra itu banyak cabangnya.

Tidak lagi hal pertanian sahaja, dengan IT, dengan Perakaunan, dengan *Mass Com.*, dengan pelbagai *but this time around*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *this university will focus entirely on the agriculture industry*. Jadi kita harap ia menjadi pusat untuk kita menghasilkan ilmu dan pengetahuan serta teknologi yang terbaik mungkin untuk memajukan industri pertanian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya harap Yang Berhormat akan realisasikan apa Yang Berhormat cakap sebentar tadi. Seterusnya soalan kedua. Silakan Datuk Haji Kadzim.

Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi sebelum saya mengajukan soalan saya yang nombor dua, saya mohon pembetulan kepada soalan iaitu, "...*mengkaji pemberian kelulusan "demi" keselamatan.*" Bukan "*dan*", tetapi "*demi*" keselamatan. Terima kasih.

2. Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya minta Perdana Menteri menyatakan, ekoran daripada insiden pembunuhan dan penculikan dua orang pelancong Taiwan di Pulau Pom-Pom Semporna baru-baru ini, adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji pemberian kelulusan 'demi' keselamatan kepada operasi *resort* di pulau-pulau terpencil yang sukar diberi kawalan keselamatan oleh pasukan keselamatan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Kerajaan Negeri Sabah dan Pihak Berkuasa Tempatan bersetuju untuk mengkaji semula polisi kelulusan pembangunan baru atau permohonan perluasan pembangunan di pulau-pulau peranginan yang perlu mengambil kira aspek risiko dan juga kawalan keselamatan.

■1030

Untuk itu PBT daerah berkenaan perlu mendapat ulasan PDRM dan juga ESSCOM sebelum kelulusan pembangunan diberikan. Maksudnya di sini, kalau sekiranya PDRM dan juga ESSCOM menolak permohonan tersebut maka permohonan tersebut tidak boleh diluluskan walaupun saya sebut di sini ialah mendapat ulasan. Ulasan di sini ialah berbentuk kelulusan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, soalan tambahan seterusnya Datuk Haji Kadzim.

Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sekiranya pulau-pulau terpencil ini milik kerajaan, adakah kerajaan bersedia untuk menjadikan ia pangkalan untuk pasukan keselamatan bagi memudahkan segala kegiatan mencegah pencerobohan dan penyeludupan?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, terdapat pulau-pulau ini yang telah diberi milik pada satu zaman di Sabah dan terdapat juga sebahagian besar yang masih hak kerajaan. Hak kerajaan, kita akan ambil semula jadi hak kerajaan. ESSCOM sekarang ini sedang mencari tempat baru untuk kita jadikan pangkalan atau pun untuk pondok kawalan. Mana-mana harta kerajaan saya ingat tidak wajar mana-mana pihak untuk membangunkannya sebab kawasan ini ialah kawasan keselamatan dan perlu diberi perhatian yang serius.

Kita tahu bahawa kadang-kadang orang menganggap bahawa kehadiran ESSCOM ini sebagai sebuah badan biasa, tidak. Ini sebuah badan yang memberi perhatian khusus kepada keselamatan dan kita tidak akan bertolak ansur tentang keselamatan. Itu sebab sekarang kita sedang *screen*, dengan izin, kepada semua kakitangan yang bertugas di sana supaya tidak ada pula mana-mana pihak yang terlibat untuk menyampaikan maklumat dan sebagainya sehingga berlaku apa-apa bentuk pencerobohan atau pun pelanun. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan seterusnya Dato' Haji Muhamad Yusof.

Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seperti mana yang kita maklum, keselamatan di

perairan Sabah yang begitu luas, yang mungkin mudah dibolosi oleh penceroboh terutama lanun terutama di Lahad Datu.

Saya dimaklumkan kadang-kadang mudah lanun masuk ke kampung-kampung dan sebagainya. Jadi pertanyaan saya, apakah langkah yang lebih drastik untuk kerajaan lakukan agar perairan di Sabah ini tidak semudah itu dicerobohi oleh pihak lanun dan penceroboh yang mengganggu-gugat rakyat kita di Sabah? Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya ialah kawasan operasi ESSCOM itu sendiri yang saya telah maklumkan tiga hari yang lepas di Parlimen ini. Kawasan operasi ESSCOM itu terhad kepada 10 buah daerah. Kemudian, kawasan perairan Sabah yang lain luas dan terletak di bawah PDRM dan juga lain-lain pihak termasuklah APMM. Di 10 buah daerah ini, dulu memang berlaku pergerakan orang masuk dari Filipina itu dengan mudah sebab jarak dari pulau Filipina, *point* yang terakhir itu ke tempat kita dengan menaiki bot laju mengambil masa dalam 15 hingga 20 minit, dia boleh sampai. Dulu memang berlaku pergerakan bebas sebab ini pergerakan biasa yang sering kali berlaku di sempadan, dipanggil 'Tentera Semut', di sempadan darat dan juga sempadan laut berlaku pergerakan. Manusia akan mencari jalan untuk hidup dengan mengambil kesempatan atau keuntungan daripada apa yang boleh menguntungkan mereka, apa saja. Kalau kadang-kadang menguntungkan membawa barang dari luar, dibuat seperti itu, ini pergerakan yang berlaku.

Akan tetapi sekarang sudah tidak berlaku lagi. Tidak ada pergerakan yang bebas sebab tentera kita, tentera laut, APMM, maritim, polis, pihak berkuasa berada di sana dan siapa-siapa yang datang dari luar, dia mesti mengikut proses biasa, kena ada imigresen dan sebagainya. Kita *check* bot yang mereka bawa itu kalau-kalau ada senjata dan sebagainya. Akan tetapi kita kena terima hakikat bahawa hubungan mereka dengan kawasan ini sudah begitu lama. Sudah pasti ada hubungan kekeluargaan dan sebagainya. Perkara itu kita tidak boleh berkata apa-apa. Akan tetapi yang paling penting sekarang ini ialah kedaulatan Malaysia yang harus kita pertahankan dan kita akan pastikan bahawa tidak ada mana-mana pihak mengambil kesempatan.

Keduanya, kita tahu bahawa manusia sering alpa. Kealpaan ini menyebabkan mereka akan masuk untuk mengganggu kita. Jadi, pusat-pusat peranginan ini kita hendak pastikan supaya mereka mengambil *security guard*. Dia kadang-kadang menganggap bahawa askar kita, polis kita itu macam *security guard* dia, tidak. Kami bukan *security guard*. Kami menjaga keselamatan negara dan dia kena ambil *security guard*.

Apa yang berlaku baru-baru ini dia tidak ada *security guard*, dia kena ada *security guard* dia sendiri yang sah, yang diiktiraf. Kalau sekiranya dia hendak pakai senjata, dia kena dapat kebenaran APMM. Kalau boleh *security guard* ini tidak boleh ambil orang luar, kena ambil orang tempatan supaya kita *screen* betul-betul. *Security guard* ini jaga kawasan peranginan dan kami jaga keselamatan secara keseluruhan. Kalau hari ini berlaku, okey. Akan tetapi ada tempat pulau peranginan yang kita hendak pergi buat rondaan pun mereka tidak benarkan kerana dia takut nanti orang kurang melancong, bila orang tengok ada pasukan beruniform. Itu kita hendak beritahu, kita tidak peduli dan kita akan teruskan kerja kita dan mana-mana pihak yang tidak mahu bekerjasama, kita akan buat cadangan supaya mereka tidak perlu beroperasi di situ.

Kita kena ingat bahawa kita boleh untung daripada segi pelancongan tetapi bila terjadi masalah keselamatan, kerugian yang lebih besar lagi berlaku daripada keuntungan. Jadi, sekarang ini kita bagi fokus kepada keselamatan.

3. Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai minta Menteri Luar Negeri menyatakan, apa tindakan Kerajaan Malaysia di dalam memastikan dasar *Global Movement of Moderates* (GMM) yang diuar-uarkan oleh YAB Perdana Menteri ini akan dapat diterima pakai oleh kesemua negara dalam dunia ini dan sekali gus memastikan aktiviti-aktiviti ekstrem bukan lagi sebagai pilihan.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Hamzah bin Zainudin]: [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, bagi menyebarkan, meyakinkan masyarakat antarabangsa tentang keberkesanan pendekatan GMM atau *Global Movement of Moderates*.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ke-68 di New York pada bulan September 2013 telah sekali lagi mengetengahkan GMM dan menekankan bahawa pendekatan kesederhanaan yang dipelopori oleh GMM ini mampu menyumbang ke arah keselamatan dan keamanan sejagat.

Seterusnya, bagi menyebarkan lagi konsep GMM dengan lebih meluas di platform antarabangsa, Kementerian Luar Negeri sentiasa bekerjasama dengan yayasan GMM atau *Global Movement of Moderates Foundation* (GMMF) melalui pelaksanaan program-program dan aktiviti-aktiviti dan promosi konsep bagi mempromosi konsep GMM ini.

Selain itu yayasan GMM juga telah pun memberi komitmen untuk menjalinkan kerjasama dengan pakatan ketamadunan PBB atau *United Nations Alliance of Civilizations* (UNAOC) dalam mempromosikan konsep GMM kita. Inisiatif mempromosikan konsep GMM ini turut dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri dan beberapa Menteri-menteri yang keluar negara mengadakan perjumpaan dengan rakan-rakan sejawatan mereka dari luar negara di peringkat dua hala dan juga pelbagai hala.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua juga, sejak konsep gerakan persidangan global atau *Global Movement of Moderates* di perkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri buat pertama kalinya kepada komuniti antarabangsa di Perhimpunan Agung PBB pada bulan September 2010, kerajaan Malaysia telah melaksanakan pelbagai usaha dan inisiatif dalam mempromosikan dan meyakinkan keberkesanan pendekatan GMM peringkat serantau dan antarabangsa. Kejayaan Malaysia dalam mempromosikan keberkesanan dan pendekatan GMM ini dapat dilihat dengan sokongan terbuka terhadap konsep GMM yang diperoleh oleh lebih daripada 25 buah negara serta beberapa orang ketua-ketua negara atau ketua-ketua kerajaan dari serata dunia termasuklah USA, UK, China dan banyak lagi.

■1040

Pengiktirafan dan sokongan terhadap konsep ini juga telah diterima daripada pelbagai pertubuhan antarabangsa khususnya seperti PBB, ASEAN, OIC, NAM, ASEM, D8, Komanwel dan Pakatan Ketamadunan PBB. Selain itu, konsep GMM turut tertera di dalam dokumen-dokumen muktamad ASEAN, OIC, NAM, ASEM, Komanwel dan D8 serta resolusi-resolusi di Perhimpunan Agung PBB mengenai promosi dialog antara agama dan budaya, persefahaman dan kerjasama ke arah keamanan dan juga kerjasama antara PBB dengan ASEAN semenjak tahun 2011 lagi.

Baru-baru ini, Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel atau CHOGM yang bersidang pada 15 hingga 17 November 2013 telah menghasilkan satu kenyataan bersama yang antara lainnya menekankan kepentingan GMM sebagai satu pendekatan yang menyeluruh yang mampu menangani cabaran dan ancaman dalam menjamin keselamatan dan keamanan sejagat.

Kerajaan Malaysia akan terus berusaha untuk memperkenalkan dan mempromosikan lagi konsep GMM di peringkat serantau dan antarabangsa dalam usaha menangani gejala ekstremisme dan keganasan serta meyakinkan masyarakat antarabangsa bahawa aktiviti-aktiviti ekstremisme bukan lagi pilihan dalam penyelesaian konflik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, pandai jawab. Soalan tambahan saya, negara-negara besar seperti USA, UK dan *Republic of China* telah mengiktiraf dasar negara ini sebagai sebuah negara yang patut dicontohi oleh negara-negara membangun tetapi mengapa pihak pembangkang hina, tahu mengutuk dan tidak sedar mereka ditadbir oleh sebuah kerajaan yang berjaya iaitu Barisan Nasional? Terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Nalla yang membangkitkan soalan tambahan ini yang agak baik. Dia puji kita baik, kita kena kata dia baiklah.

Sebenarnya, bila kita sebut tentang GMM yang kita promosikan di seluruh masyarakat antarabangsa di seluruh dunia, ia telah membuktikan bahawa konsep yang dibawa oleh Kerajaan Malaysia ini satu konsep di mana kita nak menangani segala masalah ekstremisme di seluruh dunia termasuklah dalam negara. Apa yang jadi masalah kepada kita, bila soalan yang dibangkitkan oleh Dato' Nalla ini, adalah merupakan satu polemik politik yang sengaja diperbesar-besarkan oleh pihak pembangkang kerana tidak puas hati tentang kedudukan kuasa pemerintahan yang selama ini begitu baik yang dibawa oleh Kerajaan Barisan Nasional [*Tepuk*]

Jadi, yang menimbulkan masalah dalam negara kita bukannya daripada segi sejarah yang telah menunjukkan dan membuktikan kejayaan kita untuk membangunkan negara tetapi rasa tidak puas hati mereka terhadap kepimpinan kerajaan yang selama ini telah berjaya bukan hanya untuk membangunkan negara tetapi telah membuktikan boleh membawa satu konsep GMM, kesederhanaan ini, dalam peringkat antarabangsa yang begitu berjaya sekali. Ini yang menyebabkan mereka tak puas hati. Jadi sebab itulah saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Nalla. Dia telah bagi bola tanggung, saya suka nak *smash* ini, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih banyak.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab agak panjang lebar tentang dasar GMM atau *Global Movement of Moderates*. Antara jawapan tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan tentang ia membawa kepada penubuhan sebuah yayasan yang dipanggil Yayasan GMM.

Soalan saya ialah, berapa implikasi kewangan yang sudah diguna pakai sepanjang 2013 dan apakah implikasi kewangan yang akan atau dijangka akan diguna pakai sebagai perbelanjaan untuk memajukan gagasan ini, serta apakah program-program jelas yang sudah dilaksanakan sama ada di peringkat tempatan dan antarabangsa untuk memperkenalkan seterusnya gagasan kesederhanaan ini? Terima kasih, itu sahaja soalan saya.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentang soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Saiful, saya minta maaf. Pertama tentang jawapan nak saya berikan ini, saya tak pasti berapakah jumlah yang telah digunakan dan apa bajet untuk tahun depan sebagai contoh. Jadi itu boleh saya berikan secara bertulis Tuan Yang di-Pertua.

Cuma, tentang program yang telah pun kita jalankan, seperti yang saya dah beritahu awal tadi bahawa kita telah pun bersama yayasan atau *foundation* GMM ini, kerjasama dengan beberapa buah pertubuhan termasuklah *United Nations Alliances of Civilization* iaitu UNAOC untuk menentukan bahawa apa yang kita buat dengan apa yang mereka buat ada persamaannya untuk kita menentukan bahawa kalau ada pun *interfaith dialog* di mana-mana di seluruh dunia, kita boleh bersama untuk menyertai perbincangan atau dialog yang dibawa oleh mereka. Itu program di peringkat antarabangsa sebagai contoh.

Dalam negara kita, kita ada buat banyak *round table*. Pertama, menjemput semua NGO yang ada dalam negara kita untuk kita menjelaskan beberapa isu yang dibangkitkan sebab fokus kita ini bukan hanya tentang masalah ekstremis tentang agama tetapi juga ekstremisme tentang politik, sosial dan banyak perkara dalam dan juga luar negara. Maka, *round table discussion* yang kita buat, contohnya untuk melihat daripada segi masalah sosial di dalam negara luar contoh, kita akan panggil dan menjemput NGO untuk berbincang dan melihat apakah persamaan daripada segi budayanya, daripada segi pembawaan, masalah tentang agama, semua itu kita buat dan banyak *round table discussion* telah pun kita jalankan daripada mula kita menubuhkan yayasan ini sehinggalah ke akhir-akhir ini. Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua.

4. **Tuan Saiful Izham bin Ramli** minta Menteri Kesihatan menyatakan, adakah pihak kerajaan bercadang memisahkan antara amalan preskripsi ubat-ubatan dengan penjualan ubat-ubatan dengan hanya menghadkan tugas doktor kepada preskripsi dan bukan lagi penjualan seperti mana amalan negara-negara maju yang lain bagi mengembangkan serta menumpukan kepakaran amalan perubatan dan farmaseutikal negara ini.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Saiful Izham. Ini soalan yang berkenaan dengan farmasi di Malaysia ini.

Secara amnya Tuan Yang di-Pertua, pengasingan fungsi klinik dan farmasi telah lama dipraktikkan oleh semua hospital dan klinik kesihatan kerajaan serta pusat-pusat perubatan swasta di seluruh Malaysia. Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan pengasingan fungsi klinik dan farmasi secara tidak menyeluruh di mana hak ahli farmasi untuk mendispens diiktiraf tetapi pengamal perubatan turut mendapat hak yang sama. Ini termaktub dalam peruntukan undang-undang di bawah seksyen 19 dan 21 Akta Racun 1952 yang mewajibkan pengamal perubatan mendispens sendiri ubat-ubatan kepada pesakit-pesakit mereka dan bukan oleh pembantu klinik yang tidak bertauliah.

■1050

Tuan Yang di-Pertua, beberapa tahun yang lepas memang kerajaan belum bersedia untuk mengasingkan perkhidmatan perubatan dengan farmasi oleh sebab kekurangan ahli farmasi. Buat masa sekarang, pada tahun ini telah terdapat 11,800 lebih ahli farmasi. Jadi maknanya, kita telah pun bersedia untuk mengadakan pengasingan ini Tuan Yang di-Pertua. Sebagai contoh lagi, tentang skim pesara contohnya, mereka hari ini sudah boleh berjumpa dengan doktor di hospital dan mendapatkan ubat di klinik-klinik farmasi yang di bawah program 'Oratis' yang telah pun dilancarkan di bawah skim pencen Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya yang awal tadi sebenarnya berkaitan dengan kemampuan kita untuk menangani masalah kekurangan ubat-ubatan keluaran negara yang semakin tahun semakin meruncing dan kos perubatan yang semakin hari semakin tinggi. Tadi Menteri menjawab bahawa sekarang ini kita sudah bersedia. Jadi, antara persoalan saya ialah bilakah kita bercadang untuk mengadakan pengasingan itu dan mencontohi amalan negara-negara maju di Eropah dan di Barat? Apabila ia berlakunya pengasingan, ia juga akan berlaku perubahan daripada struktur fi yang melibatkan fi konsultasi dan fi *dispensing* serta fi preskripsi daripada segi amalan farmasinya.

Jadi persoalan kita ialah sekiranya kita masih lagi melewatkan amalan pengasingan antara dua profesion ini yang sebelum ini ditentang keras oleh Majlis Perubatan Malaysia- pengasingannya, ia juga akan menjejaskan kemampuan kita untuk mengeluarkan ubat-ubatan sendiri negara ini. Kita berharap dan kita minta penjelasan kadar waktu pengasingan ini akan dilaksanakan bagi meningkatkan amalan profesionalisme dalam amalan farmasi negara dan menghasilkan lebih lagi ahli farmasi negara untuk membantu negara menghasilkan ubat-ubatan sendiri dan tidak bergantung kepada negara luar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Saiful Izham. Memang tadi saya sudah sebut bahawa kita sudah mempunyai ahli farmasi yang mencukupi saya kira. Setakat ini *ratio* kita, contohnya pada tahun ini *ratio* kita 1:2,813 orang penduduk Malaysia. Pada tahun 2016, 1:2,000 dan pada tahun 2020, 1:1,600. Bagi negara maju, 1:1,200 orang penduduk. Ini jumlah yang ada, yang saya sebut. Maknanya kita sudah bersedia dan setakat ini kementerian telah pun mengadakan *benchmarking guideline*, Tuan Yang di-Pertua pada tahun 2011. Ini untuk *private pharmacy* supaya mereka mengikut *guideline* yang standard. Belum dikuatkuasakan sepenuhnya tetapi mereka sudah ada *guideline* yang kita kena ikut.

Akan tetapi kita juga sudah bersedia untuk membentangi suatu akta farmasi yang baru. Bila dibentangi ini, maka kita boleh asingkan secara undang-undang yang mana dikuatkuasakan melalui undang-undang.

Ini bermakna kalau sekarang ini kita tidak boleh berkuat kuasa secara undang-undang kerana undang-undang yang baru ini belum dibentangkan lagi. Mungkin dalam masa terdekat, mungkin tahun depan kita bersedia, kita laksanakan.

Jadi, di pihak swasta pun sudah ada, setakat ini sudah ada 2,672 buah premis farmasi swasta. Jadi Tuan Yang di-Pertua, bermakna kita sudah hampir *ready* untuk melaksanakan skim itu.

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita memandangkan banyak usahawan hendak membuka farmasi tetapi ada kekurangan *pharmacist* yang ada dalam pasaran sekarang ini. So, kita dapat lihat yang memandangkan dahulu sebelum ini satu *pharmacist* boleh mengadakan beberapa buah farmasi dia boleh buka dan bekerja di situ tetapi sekarang ini, telah dihadkan. Yang mana satu *pharmacist* untuk sebuah farmasi. So, memandangkan ini menyusahkan usahawan untuk membuka banyak farmasi dalam pasaran sekarang ini. Apakah pandangan Menteri dan juga dengan kementerian untuk mengatasi masalah ini? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi, jumlah farmasi di negara ini telah pun meningkat. Sebenarnya kita sudah ada di dalam negara ada sudah ada 19 buah institusi yang mengeluarkan graduan farmasi dan jumlah lebih kurang 1,000 *pharmacist* setahun. Di luar negara kita dapat- pelajar yang belajar di luar negara adalah lebih kurang 300. Jadi lebih kurang 1,300 setahun yang kita keluarkan dan jumlah unjurannya Tuan Yang di-Pertua memang meningkat. Bermakna tahun ini ada 11,823, tahun 2014 dijangka 13,133 dan seterusnya sampai tahun 2020 - 22,103. Maknanya, memang mencukupi saya kira. Ini hampir menepati unjuran negara maju. Maknanya, bila bil itu siap, bil itu telah dilaksanakan, masuk ke dalam Dewan, diluluskan, maka masa itu kita boleh laksanakan segera mengikut undang-undang. Akan tetapi sekarang ini kita hendak melaksanakan dengan begitu tegas tidak bolehlah kerana tidak ada undang-undang Tuan Yang di-Pertua.

5. Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan, sejauh mana kesan tindakan taubat balu pengasas Al-Arqam dan pengikutnya, serta kursus pemulihan aqidah bagi memastikan mereka tidak mengamalkan amalan yang melanggar hukum syarak.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharam]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui agensinya khususnya melalui Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) bersama-sama dengan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) serta ejen yang berkaitan sentiasa memantau pergerakan dan aktiviti yang dijalankan oleh bekas kumpulan Al-Arqam atau Global Ikhwan Sdn. Bhd. (GISB) agar selari dengan taubat yang telah mereka adakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya pengikut bekas Al-Arqam termasuk balu pengasasnya iaitu Hatijah binti Aam pernah menjalani majlis taubat yang telah diadakan di hadapan Ahli Majlis Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam dan juga kursus pemulihan pada tahun 1994 sejourus fatwa pengharaman ajaran Al-Arqam dibuat. JAKIM dan JAIN mendapati ada sebahagian bekas ahli Al-Arqam telah kembali ke pangkal jalan manakala ramai lagi yang didapati masih terus mengamalkan kandungan ajaran tersebut dengan berselindung di sebalik dua penjenamaan semula syarikat iaitu Syarikat Rifaqa' Corporation (SRC) dan syarikat Global Ikhwan Sdn. Bhd. (GISB).

Walaupun Hatijah Aam telah mengisytiharkan taubat dan kembali kepada fatwa bersama-sama 300 orang ahli lembaga pengarahnya di Shah Alam, Selangor pada 8 November 2013 yang lalu, JAKIM bersama-sama pihak berkuasa agama negeri sentiasa mengambil sikap berwaspada dan berhati-hati kerana tidak mahu pisang berbuah dua kali. Oleh yang demikian, pemantauan terhadap aktiviti dan kegiatan kumpulan ini diteruskan bagi memastikan ia selari dengan majlis taubat kedua yang telah dibuat.

Di samping itu, JAKIM bekerjasama dengan JAIN khususnya Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) merangka modul yang lebih berkesan bagi memulihkan dan membetulkan semula asas pegangan akidah bekas kumpulan GISB serta berusaha membawa kembali ahli bekas kumpulan ini menjalani kehidupan dalam sistem arus perdana. Terima kasih.

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang mana adalah penting bagi kita untuk memastikan bahawasanya pergerakan Al-Arqam ini yang telah pun diharamkan sejak tahun 1994 tidak dihidupkan semula sama ada melalui nama-nama lain seperti Global Ikhwan dan sebagainya. Bermakna, kerajaan hendaklah bertindak tegas kepada kumpulan ini dan memastikan taubat ini benar-benar ikhlas dan berkesan kerana khuatir sikap *takliyah* iaitu kepura-puraan Ummu Jah dan juga pengikutnya. Kerajaan hendaklah memastikan bukan sahaja 300 orang pengikut Al-Arqam ataupun Global Ikhwan yang bertaubat tetapi lebih menyeluruh. Saya ingin mendapat penjelasan, sudahkah taubat bagi ahli Al-Arqam atau Global Ikhwan bagi 38 buah zon yang masih bergiat aktif di seluruh negara yang telah dilaksanakan?

■1100

Soalan kedua saya pada 25 November 2013 yang lepas iaitu Menteri Wilayah Persekutuan Yang Berhormat Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor ada membuat satu kenyataan yang menggemparkan bahawa dikesan sekumpulan cebisan Al-Arqam sedang bergiat menggerakkan aktiviti mereka di Putrajaya. Menurutnyalah, gerakan ini bergerak menggunakan platform sebuah klinik kesihatan dan sebuah surau. Memandangkan bahawa Putrajaya ini merupakan pusat pentadbiran kerajaan Malaysia dan rata-rata majoriti penduduknya kakitangan kerajaan, tidakkah keterlaluan bahawa gerakan ini mungkin dipelopori oleh segelintir kakitangan kerajaan sendiri dan apakah bentuk tindakan membendung perkara ini supaya tidak merebak? Jika benar, tidakkah ia amat serius kerana ia adalah merupakan satu *wakeup call* kepada kerajaan bahawa ikhtiar keinsafan, kepimpinan bekas Al-Arqam ini boleh dipertikaikan. Sekian, terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Roslin yang mengambil keprihatinan yang tinggi kepada kes yang berkaitan dengan Al-Arqam atau pun kemudian berpindah kepada nama baru melalui penubuhan Syarikat Rufaqa' Corporation yang sebelum daripada itu Global Ikhwan yang telah digunakan sebagai salah satu dari premis untuk mereka beroperasi.

Saya juga ingin menekankan bahawa persoalan yang telah Senator Roslin timbulkan, berkaitan dengan taubat-taubat yang lain. Saya suka mengambil kesempatan dari saat Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua untuk memaklumkan bahawa sebenarnya bila bercakap soal taubat ia tidak memerlukan kepada majlis. Maksud saya diadakan satu upacara khas, majlis khas dan sebagainya. Sebenarnya taubat ini merupakan satu perkara keikhlasan individu dengan penciptanya Tuhan dan boleh dibuat pada waktu, masa dan ketika mana-mana sekalipun, tidak ada waktu yang terlarang dan sebagainya. Bahkan kita diminta untuk sentiasa bertaubat pada bila-bila masa.

Maka, sebab itu juga kita melihat bagaimana junjungan Rasul SAW yang setiap harinya mengikut para ulama' menyebut ada yang mengatakan tidak kurang daripada 70 kali, ada mengatakan 100 kali sentiasa beristighfar memohon keampunan daripada Allah SWT walaupun kita melihat bahawa junjungan Nabi Muhammad itu disebutkan sebagai yang maksum, terpelihara. Maka, begitu juga dengan mana-mana individu termasuk ajaran yang kita sebut termasuk dengan Al-Arqam ini. Namun, oleh sebab fenomena Al-Arqam ia berjalan begitu meluas dalam konteks negara kita Malaysia. Apatah lagi dirupakan dengan penjelmaan pakaian dan juga bentuk pengamalan-pengamalan yang menampakkan begitu mempengaruhi dan sehingga ramai pengikutnya.

Maka, sebab itu pendekatan yang bijak dibuat pada saat dan ketika 1994 dahulu ialah dengan mengambil satu majlis yang diadakan untuk mereka ini menyatakan secara terbuka supaya bagi orang-orang yang sudah mendengar ceramahnya, taklimatnya, syarahannya dan pelbagai di peringkat kampung, halaman dan sebagainya, mereka dapat menggunakan majlis ini sebagai satu pernyataan kembali kepada kesilapan yang telah dilakukan.

Dengan itu, diadakan majlis taubat. Sebab itu, memang ada orang Senator Roslin yang sebut kepada saya, hantar SMS pun ada, yang marah pun ada. Dia kata Datuk, bilakah lagi ini? Dok tanggung lagi majlis agama, jabatan agama ini, JAKIM ini dok tanggung lagi. Bilakah hendak buat majlis taubat ini? Kalau depa ini mati sebelum sempat buat majlis ini, Datuk tanggung dosa itu pula. Pulak dah?

Jadi Yang Berhormat, terlampau banyak sehingga hak dosa orang pula kita boleh tolong tanggung. Jadi, ini bukan konsep di dalam Islam menanggung dosa orang lain. Jadi, maka sebab yang demikian kita beri jawapan. Sebenarnya tidak memerlukan kepada majlis. Taubat secara ikhlas dilakukan kepada Allah SWT. Maka, Allah yang maha pengampun itu akan menerima taubat masing-masing. Itu satu hal.

Keduanya ialah berkenaan dengan kenyataan Menteri Wilayah yang berkaitan dengan operasi sedang dijalankan. Ini satu pernyataan yang telah pun dibuat dan pihak JAKIM bersama-sama dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Oleh sebab Putrajaya itu adalah di bawah naungan tanggungjawab Majlis Agama Islam Wilayah, kita telah memantau dan kita telah memerhatikan tentang apa yang telah dilaporkan. Daripada dapatan terhadap pemantauan tersebut, kita melihat gerakan ini bukan merupakan gerakan yang menjurus untuk menghidupkan Al-Arqam tetapi lebih bersifat kepada kepercayaan kepada amalan-amalan keagamaan.

Walau bagaimanapun, saya suka hendak menjelaskan bahawa pihak JAKIM bersama-sama dengan Majlis Agama Islam Negeri yang mempunyai kuasa terhadap masalah dan juga pengamalan daripada Al-Arqam dan sebagainya sentiasa meneruskan pemantauan yang berterusan. Cuma, ia kadang-kadang satu perkara yang bersifat dalaman yang kadang-kadang ia tidak luahkan perasaan dan tidak menyatakan pegangan dan juga tidak menyatakan apakah yang menjadi ikutan yang diamalkan. Jadi, maka kita agak sukar dalam hal yang berkaitan dengan kepercayaan dan akidah. Mungkin dalam konteks kecurian dan sebagainya lebih mudah. Mungkin barangan tersebut ada dimiliki oleh orang yang berkenaan atau pun dalam tuduhan khalwat dan sebagainya mungkin agak mudah dibuat pertuduhan kerana khalwat itu kita dapati dia bersunyian antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram dalam satu tempat yang boleh mencurigakan. Maka, dia boleh dibuat pertuduhan. Itu pun masih lagi subjek kepada keputusan akhir di mahkamah nanti.

Akan tetapi dalam hal yang berkaitan dengan akidah, kadang-kadang pemantauannya begitu terpaksa dibuat secara halus, *detail* dan juga untuk mempunyai pembuktian yang kukuh untuk keluar daripada keraguan yang munasabah, maka hendak mendapatkan hal yang seperti ini agak sedikit bermasalah kerana tidak ramai orang sanggup tampil untuk menjadi saksi dan sebagainya. Buktinya hal yang bersifat pengakuan diri masing-masing. Terima kasih.

Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, bila JAKIM akan menahan saudara Mat Sabu untuk bertaubat kerana beliau telah didapati bersalah lari daripada ajaran Islam yang sebenar, daripada ajaran Ahli Sunah Wal Jamaah seperti yang telah pun disahkan oleh KDN? Bahkan bukan itu sahaja, ada lagi bukti-bukti kelas 'A'. Kerana itu saya hendak tahu bila beliau akan ditahan dan diminta bertaubat.

Mengikut Rasulullah, Rasulullah pernah bersabda wafat aku ini esok, umat Islam akan berpecah belah kepada banyak ajaran. Yang betul hanya satu sahaja iaitu ajaran Ahli Sunah Wal Jamaah. Kerana itu saya berharap tindakan perlulah disegerakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa perkara itu di luar daripada tajuk Yang Berhormat. Boleh Yang Berhormat tumpu kepada Al-Arqam ini dahulu Yang Berhormat?

Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam: Kedua, kerana ini penyelewengan akidah, Al-Arqam pun lari. Jadi Syiah ini pun lari juga.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba Yang Berhormat agaknya kirim soal Yang Berhormat itu ada berkaitan taubat tetapi tidak ada tajuk lain.

Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kalau tak nak jawab pun tidak apa.

Tuan Yang di-Pertua: Kerana itu tadi saya benarkan soalan yang seterusnya. Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat. Tumpukan kepada soal tajuk yang berkenaan ya?

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri berhubung dengan Al-Arqam ini. Daripada jawapan itu saya ingin bertanya, yang pertama sekali disebut tadi 300 orang telah bertaubat bersama dengan Ummu Jah yang terakhir ini. Jadi, saya hendak tahu berapa ramai sebenarnya ahli Al-Arqam itu di seluruh negara termasuk cawangan-cawangan yang ada di luar negara?

Kedua, boleh saya? Sambungannya ialah bagi mereka yang telah bertaubat 300 itu, bagaimanakah sikap yang belum bertaubat? Adakah mereka bersedia untuk melakukan hal yang sama atau sebaliknya? Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari Mat, terima kasih kepada soalan tambahan yang telah diberikan. Pertamanya kalau saya sebutkan yang sebelum itu Datuk Ali Rustam, dalam penggulungan panjang nanti ada berkaitan dengan Syiah.

Berkaitan dengan Al-Arqam ini, yang pertamanya sekali kalau kita bincangkan ahli-ahlinya ini, oleh sebab Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari Mat dia tidak memiliki satu senarai yang lengkap atau pun dia tidak memiliki senarai yang tertulis. Hanyalah sekadar cawangan dan mereka ini mempunyai satu jaringan yang di luar daripada pengesanan yang mudah. Sebab kalau dahulu pakaiannya dia pakai jubah, jubah berwarna hijau dan gaya lilitan serban itu mudah dikenal.

■1110

Akan tetapi hari ini dalam bentuk yang sudah pelbagai dan kalau wanita punya juga sudah tidak lagi berpakaian sebagaimana jubah dan hijab seperti yang dahulu. Hari ini sudah dalam bentuk pakaian pun kadang-kadang satu warna dan kadang-kadang berwarna-warni macam Ahli-ahli Yang Berhormat Senator pakai di dalam Dewan pada hari ini. Jadi kalau dahulu kita tengok satu *colour*, kebanyakannya warna hitam, dia berhijab maka itu mudah dikenali. Jadi sekarang ini untuk maklumat jumlah yang sebenarnya sebagaimana Yang Berhormat Dato' tadi, saya akan beri untuk jawapan ini kalau saya dapat menghubungi pihak JAKIM dan juga Majlis-majlis Agama Islam Negeri, satu hal.

Kemudian berkaitan dengan sikap daripada mereka ini, sebenarnya mereka ini oleh sebab sebagai seorang Muslim yang mengamalkan akhlak-akhlak Islam dan sebagainya, mereka sentiasa memperlihatkan semangat keterbukaan yang tinggi. Akan tetapi sebagaimana yang saya sebutkan Dato' Dr. Johari, kadang-kadang terselindung di sebalik sikap baik itu amalan yang sebagaimana kita kata dulu, taubat dahulu pada tahun 1994 tetapi masih lagi berpegang kepada kepercayaan-kepercayaan dan juga mengamalkan dalam janji taubat tersebut tidak sebagaimana yang sepatutnya. Oleh sebab demikian sikap mereka ini kita lihat tidak menjadi agresif dan sebagainya. Apatah lagi pada hari ini ia berdiri di atas landasan yang bukan lagi atas nama agama sebagaimana dahulu Al-Arqam, ia menggunakan dengan Rufaqa' Corporation bertukar kepada Global Ikhwan, menukarkan dengan pelbagai.

Bahkan jaringan perniagaan sehingga sampai ke Arab Saudi tetapi oleh sebab tindakan Kerajaan Arab Saudi yang kita berterima kasih kepada Kerajaan Arab Saudi yang menghantar balik mereka yang duduk di sana untuk berniaga. Kemudian daripada perniagaan tersebut pula, mereka menggunakan dana keuntungan untuk membiayai gerakan mereka. Jadi ini yang menyebabkan jaringan hubungan kita dengan Kerajaan Arab Saudi kita lebih berterima kasih kerana kekukuhan ini, kita dapat menyelesaikan masalah dengan sebaik mungkin.

Apa-apa pun bagi pihak kerajaan akan terus memantau bersama-sama dengan Majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri untuk melihat perkembangan daripada asal usul Al-Arqam yang berkembang dan bertukar atas nama premis perniagaan dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

6. Dato' Maznah binti Mazlan minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, mengapa berlakunya kebanjiran pekerja asing di negara ini dan tindakan yang telah diambil untuk mengurangkan kepada pergantungan kepada pekerja asing termasuk Program Pasang Siap. Sila nyatakan tindakan terhadap majikan yang sengaja mengabaikan pengambilan pekerja tempatan dan memberi keutamaan untuk mengambil pekerja asing.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: *Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Senator Dato' Maznah. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kebanjiran pekerja asing di negara kita ini sebenarnya banyak faktor yang boleh menentukannya. Saya melihat secara besar kepada dua. Pertama ialah faktor penarik ataupun *pulling factor*, dengan izin.

Antara faktor penarik yang menyebabkan ramai pekerja asing di negara kita ialah keselamatan, kestabilan politik di negara kita ini. Inilah apabila negara kita diperintah oleh kerajaan yang cukup prihatin iaitu Kerajaan Barisan Nasional, maka orang lain berminat datang ke negara kita. Kedua ialah keselamatan negara. Maknanya mereka terjamin, berasa selamat berada di negara kita. Ketiga ialah keadaan ekonomi yang cukup baik di negara kita ini dan saya menganggap negara kita ini sebagai lubuk emas kepada pekerja asing. Kemudian keadaan sosial dan perpaduan yang cukup baik, yang perlu dikekalkan dan kemudahan prasarana yang sudah tentu menggalakkan pekerja asing bahkan pelabur asing untuk datang ke negara kita serta faktor-faktor lain yang baik.

Manakala faktor penolak pula ataupun *pushing factor* di mana menolak pekerja-pekerja di negara lain datang ke negara kita. Antaranya ialah yang boleh saya sebutkan ialah pekerja-pekerja asing yang lazimnya datang daripada negara-negara yang cukup ramai bilangan penduduknya. Saya sebutkan di antaranya ialah Bangladesh. Keluasan negara Bangladesh hanya 143,000 kilometer lebih kurang negara kita sahaja. Akan tetapi penduduknya 161 juta orang. Indonesia ini luas sedikit iaitu 1.9 juta kilometer persegi manakala penduduknya 237 juta orang. Nepal sebuah negara yang kecil berkeluasan 147,000 persegi dan penduduknya ialah 29.89 juta orang. Maknanya hampir sama dengan kita. Ini antara faktor-faktor penolak yang menyebabkan pekerja asing datang ke negara kita dan sudah tentulah mereka bersaing di negara mereka dan melihat negara kita sebagai negara yang cukup baik untuk mereka bekerja.

Di samping itu terdapat faktor-faktor lain. Pertama ialah permintaan yang tinggi daripada majikan dalam sektor-sektor yang dikategorikan sebagai kritikal dalam keperluan tenaga kerja tidak mahir seperti sektor perkhidmatan, perkilangan, perladangan, pembinaan, pertanian dan perkhidmatan domestik. Kedua ialah kadar pergerakan pekerja tempatan dalam sektor pekerjaan adalah tinggi. Maknanya kadang-kadang si 'A' sudah bekerja pada satu majikan tetapi dia mendapat *offer* yang lebih baik daripada majikan lain, maka dia berpindah kepada majikan lain dan menyebabkan kekosongan kepada majikan yang asal. Di mana menyebabkan majikan asal terpaksa mencari pekerja yang lain. Mahu tidak mahu kadang-kadang terpaksa mengambil pekerja asing. Ketiga ialah kekurangan minat mencari pekerja tempatan untuk menceburi sektor pekerjaan yang tidak mempunyai nilai kerjaya dan bersifat buruh. Ini banyak faktornya Tuan Yang di-Pertua.

Manakala bagaimana langkah kerajaan. Kerajaan sentiasa mengambil tindakan bagaimana kita boleh mengurangkan pekerja asing ini. Kerajaan sentiasa memberikan keutamaan kepada pencari kerja tempatan di mana langkah menggaji pekerja asing hanya pada satu tempoh sahaja sehingga jawatan itu diisi oleh pekerja tempatan. Penggajian pekerja asing tidak dibenarkan secara sewenang-wenangnya di mana permohonan mestilah berlandaskan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Antara syarat-syarat utama adalah seperti berikut:

- (i) hanya majikan yang berkeupayaan dan *genuine* sebenarnya serta mematuhi standard perburuhan seperti gaji minimum sahaja dipertimbangkan untuk memohon pekerja asing. Keupayaan majikan ditentukan melalui proses saringan dan pemeriksaan Jabatan Tenaga Kerja yang kita kenal pada hari ini;
- (ii) pengiklanan tawaran kekosongan kerja melalui *JobsMalaysia* kepada pekerja tempatan. Maknanya setiap majikan yang hendak menawarkan kerja mestilah menawarkan pekerjaan kepada pekerja tempatan terlebih dahulu;
- (iii) menetapkan kriteria penggajian pekerja asing yang ketat dan diselia oleh agensi kawal selia dari segi menentukan keperluan sebenar pekerja dalam subsektor yang berkaitan; dan
- (iv) mengehendkan sektor dan subsektor tertentu untuk penggajian pekerja asing seperti yang disebutkan tadi dalam enam sektor.

Pelaksanaan gaji minimum juga bertujuan mengurangkan penggajian pekerja asing dan memberikan galakan kepada pekerja tempatan. Menggalakkan peralihan industri daripada industri berorientasikan buruh kepada intensif automasi melalui pengenalan pakej-pakej kemudahan kepada majikan oleh agensi kawal selia yang berkaitan. Ini termasuklah sebagaimana yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Senator ialah Program Pasang Siap Sistem Binaan Berindustri (IBS) yang dilaksanakan sekarang.

Walaupun saya telah melihat, meninjau sedikit kalau pelaksanaan program pasang siap ini, kita boleh menurunkan kadar penggunaan pekerja melalui program itu hanya 30 peratus. Kalau ini juga kita laksanakan, saya melihat dua keadaan yang mungkin positif dan negatif. Kalau kita melaksanakan pasang siap mungkin 30 peratus kekurangan penggunaan tenaga maknanya kalau masih ada pekerja tempatan, maknanya kita akan mengurangkan 30 peratus pekerja tempatan. Begitu jugalah mungkin sebaliknya bagi pekerja asing. Kerajaan sentiasa memastikan pengambilan pekerja asing hendaklah dirancang dan diuruskan secara teratur supaya peluang pekerjaan bagi rakyat tempatan, keselamatan negara, kesihatan dan keharmonian industri sentiasa dijaga. Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato', saya ingat Yang Berhormat Dato' pun juga arif mengenai perkara ini.

Kerajaan secara serius membentuk Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendetang Asing Tanpa Izin (JKKPA) atau PATI ini yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri. Bahkan dalam kita mengurangkan pekerja asing ini, program-program khas juga dilakukan oleh Kementerian Sumber Manusia. Saya ingat kita ada lebih kurang 12 buah program yang telah pun mungkin Yang Berhormat Senator juga tahu dilaksanakan agar bagaimana kita boleh menarik pekerja-pekerja tempatan untuk bekerja. Di antaranya ialah portal *Job Malaysia*, Karnival Pekerjaan, penempatan dengan agensi pekerjaan swasta dan lain-lain. Kita ada 12 buah program Tuan Yang di-Pertua yang kita laksanakan bagaimana untuk menarik pekerja tempatan untuk mengambil alih tempat pekerja asing ini.

■1120

Saya melihat langkah ini bukan sahaja, tindakan ini bukan sahaja yang lepas, tetapi sekarang bahkan akan datang yang sepatutnya diambil. Oleh sebab itu, saya menyeru bukan sahaja Kementerian Dalam Negeri, bukan sahaja Kementerian Sumber Manusia bahkan kementerian-kementerian dalam *Blue Ocean Strategy* yang kita ada itu dengan Tuan Yang di-Pertua, tetapi kalau boleh semua pemimpin kita. Semua masyarakat, semua massa yang ada dalam kita pastikan supaya negara kita yang kaya ini hendaklah kita manfaatkan untuk rakyat negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, isi soalan ketiga yang hendak saya maklumkan kepada Dewan ini dan juga kepada Yang Berhormat Senator, ialah tindakan yang diambil oleh kerajaan terhadap pengambilan pekerja asing ini. Kementerian Sumber Manusia telah mengambil tindakan terhadap majikan yang mengajikan pekerja asing dan tidak mengambil pekerja tempatan. Pendakwaan dijalankan di bawah seksyen 60K, Akta Kerja 1955 [*Akta 265*] iaitu tidak melaporkan pengambilan pekerja asing dalam tempoh 14 hari.

Tindakan dibuat melalui seksyen ini adalah kerana seseorang majikan yang mengambil pekerja asing melalui *ratio* yang dibenarkan akan menyembunyikan penggajian pekerja asing haramnya. Sejak tahun 2011 sehingga tahun 2013, sebanyak 19 pendakwa telah dilakukan terhadap majikan yang gagal melaporkan pengambilan pekerja asing. Pecahan bilangan Tuan Yang di-Pertua ialah:

Tahun	Bilangan Kes (Majikan gagal melaporkan bilangan pekerja asing)
2011	1
2012	11
2013	7
Jumlah	19

Selanjutnya satu laporan kepada Jabatan Imigresen (JIM), Kementerian Dalam Negeri bagi maksud majikan telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 55B, Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155] berhubung dengan majikan orang yang tidak memiliki pas khas. Kedua-dua akta ini, jika majikan tersabit disabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda RM10,000 atau 12 bulan penjara atau kedua-duanya sekali.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga memastikan supaya majikan dilarang memberhentikan pekerja tempatan sebelum menamatkan semua perkhidmatan semua pekerja asing terlebih dahulu. Selain kewajipan majikan melaporkan pengambilan pekerja asing di Jabatan Tenaga Kerja, majikan di negara ini dilarang untuk memberhentikan pekerja tempatan bagi maksud untuk pengambil pekerja asing. Dilarang sama sekali Tuan Yang di-Pertua. Ini selaras dengan seksyen 60M, Akta 265] Manakala seksyen 60M akta yang sama pula, sekiranya majikan berkehendakkan mengurangkan pekerja, maka majikan dilarang menamatkan perkhidmatan pekerja tempatan melainkan majikan berkenaan terlebih dahulu menamatkan perkhidmatan semua pekerja asing yang bekerja dengannya.

Maknanya kalau mematuhi syarat-syarat, saya kira Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator *insya-Allah* kita berupaya mengurangkan pekerja asing ini dan sudah tentulah dengan sokongan semua lain-lain termasuk Kementerian Dalam Negeri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Nampaknya yang bertanya ini bekas Timbalan Menteri situ dulu itu [Ketawa] Dia hendak cabar Yang Berhormat. Masalah ini memang serius. Saya harap ini hendak tanya ini serius, terus tambah Yang Berhormat.

Dato' Maznah binti Mazlan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap syabas, tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia yang memberi jawapan yang begitu jelas dan begitu banyak maklumat yang dapat diperolehi. Soalan tambahan saya ialah kalau kita lihat pada tahun 2009, jumlah pekerja asing di negara ini ialah sebanyak 1.8 juta, dan kini sudah meningkat kepada 2.2 juta. Ini tidak termasuk pekerja yang tidak berdokumen.

Oleh itu saya ingin bertanya apakah kerajaan mempunyai satu angka yang mesti dipastikan bahawa pekerja asing di negara ini tidak melepasi jumlah tersebut? Kedua, saya juga ingin tahu sejajar dengan usaha kerajaan untuk memperkasakan tenaga kerja melalui program latihan kemahiran supaya dapat menjana tenaga kerja berkemahiran tinggi di negara ini daripada jumlah dan juga bidang-bidang yang diperlukan, apa langkah kerajaan, mekanisme yang diwujudkan untuk memastikan majikan melabur dalam teknologi tinggi? Contohnya dalam teknologi pasang siap tadi dan lain-lainnya supaya dengan kaedah ini kita dapat mengurangkan penggantungan kepada pekerja yang tidak mahir iaitu pekerja asing dan memberi peluang yang lebih besar kepada pekerja tempatan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat jawab.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih. Sebenarnya Yang Berhormat Dato' Maznah ini sahabat saya lama dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Satu negeri itu.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Satu negeri dan saya cukup seronok kerja dengan dia.

Tuan Yang di-Pertua: Dia faham, silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Pernah kita mengahwinkan Orang Asli yang terbiar. Pekerjaan tidak menentu digunakan, tetapi kahwinkan mereka. Saya rasa cukup baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Dato' Senator. Sebenarnya saya menyebutkan tadi kita ada, kalau Mac kita ada 2.2 juta orang pekerja asing, bulan Mac. Pada bulan Jun, kita ada 2.1 juta. Makna ada penurunan sedikit pekerja asing. Ini hasil daripada usaha yang dilakukan oleh Kementerian Dalam Negeri dan saya ingat Jawatankuasa Khas Kabinet ini dengan agensi-agensi lain yang kita telah dapat menurunkan kadar pekerja ini.

Saya tidak boleh hendak katakan Yang Berhormat Senator sebab saya tidak berani hendak sebut *figure* yang sebenarnya. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Senator kerana kalau kita melihat di sebalik pekerja yang sah 2.1 juta ini, sebenarnya ramai lagi pekerja asing di luar yang *illegal* ini, yang haram ini. Jadi saya berharap, saya kira dalam...

Dato' Maznah binti Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya tambah Yang Berhormat? Kalau kita lihat sekarang ini kalau jumlah...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh Yang Berhormat. Tidak boleh tambah Yang Berhormat, dia jawab setakat ini.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Jadi, itu saya tidak boleh hendak berikan *figure* yang tetap, tepat Tuan Yang di-Pertua. Ini kita letak pada kerajaan mungkin kita lihat selagi kesediaan kita, langkah-langkah yang kita ambil untuk menggalakkan pekerja tempatan kita untuk memastikan supaya *enforcement* yang kita buat berjalan dengan baik dan rakyat negara kita ini sedar bahawa mereka perlu mengisi kekosongan ini, selagi itu keperluan tenaga pekerja asing ini masih ada. Walau bagaimanapun, saya kira kita serius, bagi saya serius bahkan saya tidak mahu sebenarnya kalau boleh pekerja asing ini berada di negara kita. Akan tetapi, ada sektor-sektor yang memang kita tidak boleh elak di mana kita perlu pekerja asing ini.

Tentang langkah-langkah lain yang seperti mana Yang Berhormat sebutkan tadi, bahawa kita telah juga hendak mengejar langkah atau pun hasrat kerajaan, bagaimana kita hendak mencapai tenaga kerja mahir pada tahun 2020 kepada 50 per 100 ini iaitu lebih kurang saya kira lebih kurang enam juta. Kita ada *workforce* kita sekarang ada 13 juta dan hari ini kita hanya 28 peratus sahaja pekerja mahir.

Jadi sudah tentulah *target* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, matlamatnya 2020 untuk memperoleh pekerja mahir sebanyak saya kira kurang lebih enam juta perlu kita capai. Oleh sebab itu, kementerian melaksanakan pelbagai perkara termasuklah mewujudkan institut-institut latihan dan sebagainya untuk kita memberikan latihan kepada pelajar-pelajar, mahasiswa yang keluar daripada universiti, pelajar-pelajar *plus-minus* dan sebagainya untuk mengisi ruang-ruang yang ada kekosongan negara kita ini termasuklah yang diisi oleh pekerja asing dan dengan harapan mereka ini akan menjadi tenaga kerja kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Tentang pelaburan tadi, Yang Berhormat sebut tentang pelaburan. Saya setuju kita hendak supaya majikan-majikan juga, industri-industri juga memberikan sokongan kepada kita untuk membantu bagaimana kita boleh meningkatkan jumlah pekerja tempatan di negara kita ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat. Terima kasih saya ingat lepas ini Yang Berhormat Senator Dato' Maznah dan Yang Berhormat Timbalan Menteri berunding elok-eloklah cara bagaimana hendak selesaikan perkara ini. Banyak perkara saya fikir boleh rundingkan. Sekarang saya mempersilakan pertanyaan nombor tujuh, Dato' Abdul Rahim.

Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Gaji minimum satu kaedah menarik pekerja tempatan ke bidang yang tidak diminati kerana pendapatan yang rendah. Soalan tambahan saya ialah apakah gaji minimum ini tidak begitu berkesan mencapai tujuan ini? Terima kasih.

■1130

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tanya soalan tambahan, kah, soalan tambahan tadi?

Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ha, okey. Saya ingat nombor tujuh tadi. Tidak apa, silakan, silakan

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak boleh mengatakan bahawa gaji minimum ini berkesan atau tidak. Kita baru hendak menguatkuasakan gaji minimum ini pada Januari 2014. Jadi, walaupun kita mendapat rayuan daripada beberapa orang majikan untuk penangguhan ini tetapi kerajaan telah memutuskan bahawa 1 Januari 2014 pelaksanaan gaji minimum ini akan dikuatkuasakan dan kita akan melihat dahulu Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih banyak. Kita akan melihat. Akan tetapi inilah satu mekanisme bagaimana kita hendak menarik pekerja tempatan. Kalau sekarang mungkin sebahagian mereka mendapat gaji RM400 atau RM500, dengan memberikan gaji minimum di Semenanjung RM900 dan Sabah dan Sarawak RM800 ini, maka saya kira boleh juga menarik pekerja-pekerja tempatan untuk bekerja di negara kita ini.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat.*]

Kita akan kuatkuasakan Januari tahun depan ini akan datang. Jadi, pada saya terlalu awal untuk saya memberikan rumusan dan pandangan apakah gaji minimum ini berjaya atau gagal. Sebab itulah dalam mengikut akta ini selepas dua tahun kalau ada apa-apa kita akan buat *revision* ataupun kaji semula tentang pelaksanaan gaji minimum ini. Walaupun soalan itu Tuan Yang di-Pertua, bukan tentang pekerja asing. Terima kasih.

7. **Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, keberkesanan program pemutihan pendaftaran warga asing, dan apa langkah-langkah berterusan yang akan diambil untuk menyekat kemasukan PATI untuk membendung masalah-masalah sosial, jenayah dan bawaan penyakit-penyakit berjangkit yang berleluasa.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Selamat pagi. Nampaknya minat dengan soalan pekerja asing hari ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Kerajaan telah melaksanakan program penyelesaian menyeluruh (*total package solution*) program 6P pada 1 Ogos 2011 hingga 30 November 2013. Ianya adalah merupakan program *one-off* melibatkan enam aktiviti atau proses 6P iaitu:

- (i) pendaftaran;
- (ii) pemutihan;
- (iii) pemantauan;
- (iv) penguatkuasaan; dan
- (v) pengusiran.

Pada masa ini tidak lagi proses pemutihan dilaksanakan. Walau bagaimanapun, kerajaan bersetuju untuk melaksanakan program khas pengurusan PATI bagi tempoh tiga bulan bermula 21 Oktober 2013 hingga 20 Januari 2014 untuk membantu majikan yang ditipu oleh agen atau orang tengah semasa program 6P dilaksanakan. Keberkesanan perolehan melalui pelaksanaan program ini adalah seperti berikut:

- (i) kerajaan untuk mengumpul data berhubung anggaran jumlah PATI berada di dalam negara serta butiran tentang keadaan PATI mengikut pecahan warganegara, aktiviti ekonomi, umur, jantina dan sebagainya di bawah proses pendaftaran seramai 1,303,126 orang PATI telah berjaya didaftarkan bersama maklumat keberadaan mereka di negara ini;
- (ii) mengambil data biometrik yang dilaksanakan semasa proses pendaftaran secara tidak langsung telah membantu memantapkan pemantauan dan penguasaan terhadap warga asing ada meningkat kawalan keselamatan negara;
- (iii) menangani isu pemalsuan identiti dan dokumen perjalanan melalui pendaftaran data biometrik cap jari yang tidak boleh dipalsukan;
- (iv) seramai 330,770 PATI telah pulang ke negara asal dan kos yang terlibat dalam penghantaran pulang melalui proses pengampunan di bawah program 6P ditanggung oleh PATI tersebut;
- (v) seramai 503,161 PATI telah diputihkan dan memenuhi keperluan industri yang mendesak pada masa ini berdasarkan sektor-sektor ekonomi tanpa perlu membawa masuk pekerja asing baru;
- (vi) menangani isu kutipan levi atas majikan yang menggaji PATI di mana sebelum ini kerajaan tidak dapat mengutip bayaran levi ke atas majikan yang telah menggunakan PATI dan menjanakan hasil pendapatan negara sebanyak RM629,065,191 hasil levi telah berjaya telah dikutip di bawah program 6P dan dijangkanya dapat dikutip bagi dua atau tiga tahun lagi berdasarkan tempoh pengajian dibenarkan di bawah program ini; dan
- (vii) PATI yang diputihkan dapat bekerja secara sah dan mengumpul pendapatan dalam tiga tahun bagi sektor yang dibenarkan dan dua tahun lagi bagi sektor baru dan luar dasar untuk menampung perbelanjaan untuk pulang ke negara asal.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah berterusan untuk menyekat kemasukan PATI ke negara ini bagi memastikan masalah sosial, jenayah dan pembawaan penyakit-penyakit berjangkit yang berleluasa. Antara langkah tindakan penguasaan secara berterusan oleh Jabatan Imigresen Malaysia untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir PATI yang berada dalam negara serta majikan yang menggaji PATI. Malah, PATI yang berada dalam negara dibuat saringan kesihatan dan saringan jenayah sebelum diputihkan dan dibenarkan bekerja secara sah di Malaysia sebelum pulang ke negara asal.

Masalah sosial yang sering kali berlaku di kalangan warga asing mengenai isu kebersihan awam yang mana budaya asal warga asing yang berlainan dengan budaya Malaysia. Sebagai contoh, sikap warga asing yang suka meludah merata-rata tempat yang menjadi punca penyebaran penyakit seperti tibi dan sebagainya. Perkara ini telah dimaklumkan kepada semua agensi kawal selia untuk mengingatkan semua majikan akan teguran kerajaan berhubung kebersihan awam di kalangan warga asing.

Berhubung penglihatan jenayah warga asing pula bagi tempoh tiga tahun iaitu tahun 2011 hingga 2013, statistik menunjukkan warga Indonesia adalah yang paling ramai terlibat dengan jenayah. Jenayah lazim yang dilakukan dan tertinggi melibatkan kes samun berkawan tanpa senjata api, pecah rumah, curi serta curi ragut. Bagi mengambil pekerja asing sah, saringan kesihatan melibatkan 18 kategori penyakit akan dibuat di Malaysia bagi memastikan tidak ada penyebaran penyakit berjangkit. Malahan di bawah Memorandum Persefahaman Kerajaan Malaysia-Kerajaan Bangladesh (*G-to-G*) serta Memorandum Persefahaman Kerajaan Malaysia-Kerajaan Indonesia pembantu rumah telah dipersetujui supaya saringan kesihatan turut dilakukan di negara sumber masing-masing. Semasa pelaksanaan program 6P, seramai 26,418 PATI didapati daripada 1,015,552 PATI yang berdaftar di bawah program 6P telah dikenal pasti gagal saringan kesihatan. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih atas jawapan yang begitu komprehensif oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri. Pada hari Jumaat, 13 Disember, dalam Ops Tiong polis telah menangkap 42 orang dari Afrika yang telah melakukan jenayah *black money*, *black magic* dan, dengan izin, *con job* yang lain. 22 orang daripada mereka ialah pendatang tanpa izin dan yang lain menggunakan Visa Pengajian atau *Student Visa*.

Soalan tambahan saya ialah adakah wujud koordinasi atau kerjasama di antara Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pendidikan dan institusi pengajian tinggi berhubung dengan kemasukan warganegara asing yang menggunakan *Student Visa* dan menjalankan kegiatan jenayah dalam negara yang telah banyak kali dibawa di dalam kedua-dua Dewan Parlimen. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya Kementerian Dalam Negeri membuat pemantauan dan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan. Kita juga mengenal pasti beberapa buah institusi pengajian tinggi yang mana kemasukan pelajar dari luar negara yang mempunyai nisbah yang tinggi, yang lari dari kelas dan sebagainya dan kurang pemantauan semasa menjalankan pelajaran mereka di kelas masing-masing.

■ 1140

Kita juga telah menghubungkan institusi pengajian tinggi ini menerusi Kementerian Pendidikan dan kementerian kami menerusi tindakan-tindakan khusus supaya insiden ataupun perkara berhubung dengan pelajar yang masuk ke negara ini bukan hanya untuk belajar tetapi ialah untuk mencari perkara-perkara lain ataupun mengambil tindakan-tindakan yang antisosial di Malaysia. Terima kasih.

Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertanyaan tambahan saya mengenai dengan kebanjiran PATI ini saban hari kalau dibuat operasi ada saja yang dapat ditangkap. Kemasukan PATI ke Malaysia sekarang bukan sahaja jalan udara, bahkan jalan laut dan jalan darat yang sudah tentu mereka ini tidak dapat masuk kalau tidak ada ejen ataupun kumpulan yang menguruskan kemasukan mereka yang mana urusan kemasukan ini dibuat secara berkumpulan sama ada di Kedah melalui Langkawi dan sebagainya yang selalu kita dengar ditangkap oleh Imigresen.

Jadi sudah tentu ejen-ejen ini ialah merupakan perdagangan manusia yang membawa masuk PATI-PATI dan sebahagiannya terbiar apabila mereka masuk negara ini. Bila mereka tidak dapat kerja, masuk tidak tahu hendak cari apa, maka berlaku masalah sosial, rompak dan sebagainya. Pertanyaan saya, apa langkah-langkah yang diambil kerajaan supaya melibatkan semua pihak termasuk orang ramai, termasuk ketua-ketua kampung, termasuk semua agensi kerajaan dan masyarakat supaya saluran-saluran masuk terutama jalan darat dan jalan laut ini dapat diatasi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat cukup itu soalan tambahan. Terima kasih. Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat, penguatkuasaan undang-undang di negara mana sekalipun sama ada di Malaysia atau di negara mana sekalipun. Walaupun di negara maju sekalipun, tidak akan berjaya kalau masyarakat keseluruhannya akan berdiam diri. Jadi di sini kita ada kelemahan sedikit dari sudut penglibatan masyarakat untuk membantu pihak penguatkuasaan. Dari sudut kerajaan iaitu semua agensi penguatkuasaan telah berganding bahu untuk menguatkuasakan undang-undang tetapi kemasukan mereka ini melalui sempadan yang begitu panjang adalah di luar kawalan mana-mana agensi digabung bersama pun tidak berkemampuan membuatnya melainkan masyarakat rata-rata membantu kerajaan memberi laporan kepada kerajaan, memberi maklumat dengan kerajaan untuk tindakan diambil. Tapi ini sedikit kelemahan dari sudut masyarakat.

Dengan itu saya menyeru supaya pihak ketua masyarakat, pemimpin-pemimpin parti soalan perkara keselamatan negara jangan dipolitikkan tapi berilah saluran dengan ikhlas supaya kerajaan boleh mengambil tindakan. *Insyah-Allah* pihak kerajaan, kita mempunyai mekanisme yang sebetulnya sebagaimana rakan saya daripada Kementerian Sumber Manusia tadi menyebut, kita ada *Cabinet Committee* yang telah ditubuhkan di bawah Timbalan Perdana Menteri yang memberi arahan kepada semua agensi kerajaan seluruh Malaysia untuk menguatkuasakan undang-undang, memastikan supaya PATI ini boleh dibendung kedatangan mereka ke sini.

Yang keduanya pula ialah pihak majikan. Ada pihak majikan di luar sana untuk mengelak membayar levi dan membayar insurans, membayar *forbidden fund* kepada pihak-pihak pekerja mereka maka mereka mengambil PATI ini untuk bekerja. Jadi dalam keadaan sedemikian nampaknya kerajaan melawan arus dalam menegakkan undang-undang di negara ini.

Yang ketiga untuk soalan yang ketiga, kita juga telah memperkasakan pihak agensi penguatkuasaan berhubung dengan anti pemerdagangan orang dan anti penyeludupan manusia ke negara ini dan minggu lepas, tiga minggu lepas, kita telah melancarkan *standard operating procedure* ataupun SOP yang diguna pakai oleh semua pihak agensi yang berkenaan daripada pihak AG nya, pihak polisnya, pihak imigresennya. Semua agensi yang terlibat berhubung dengan kemasukan manusia menerusi penyeludupan ini telah dilaksanakan dengan harapan supaya penguatkuasaan undang-undang di bawah ini nanti lebih tepat, lebih canggih dan lebih dapat menepati sasarannya. Undang-undang ini juga masih dalam kajian kita untuk diperkasakan, untuk dipinda kalau perlu supaya mengukuhkan kedudukan kita dalam menguatkuasakan undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dengan jawapan diberi Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri itu tadi maka berakhirlah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan kita untuk hari ini.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2014

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". **[12 Disember 2013]**

Timbalan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri mula menjawab. Silakan Yang Berhormat Menteri.

11.46 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak Jabatan Perdana Menteri saya mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Saya telah meneliti dan akan menjawab isu-isu yang berkaitan dengan SPA dan MAMPU semasa perbincangan Bajet 2014 ini. Manakala isu-isu lain akan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri-menteri ataupun Timbalan Menteri mengikut portfolio masing-masing. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai pandangan, teguran dan cadangan serta saranan ahli-ahli Yang Berhormat dan untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini susunan ahli-ahli Menteri yang menjawab, yang menggulung untuk Jabatan Perdana Menteri ialah selepas saya diikuti oleh Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, diikuti oleh Yang Berhormat Puan Hajah Nancy bin Shukri, kemudian diikuti pula Yang Berhormat Dato' Seri Shahidan bin Kassim. Selepas itu Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum dan yang terakhir untuk Jabatan Perdana Menteri ialah Yang Berhormat Dato' Razali bin Ibrahim.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar memohon supaya SPA memberi peluang kepada rakyat Malaysia yang memohon untuk memasuki perkhidmatan awam yang kini mencecah 2.05 juta. Tahniah saya ucapkan kepada Yang Berhormat Senator atas keprihatinan kepada rakyat. Kerajaan sentiasa merasai denyut nadi rakyat dan mengambil langkah yang proaktif dalam memastikan lebih ramai calon yang memohon dilantik ke perkhidmatan awam. Sebagai contohnya pada tahun 2011, kerajaan telah melantik seramai 36,810 manakala pada tahun 2012, seramai 47,335 orang telah dilantik iaitu peningkatan sebanyak 22.24 peratus.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, perlu diingatkan, mana-mana negara semuanya mencuba menurunkan nisbah di antara orang-orang yang berkhidmat dengan kerajaan dengan jumlah penduduk di negaranya kerana ini dilihat sebagai satu peningkatan produktiviti. Jadi kita tidak boleh melihat pelantikan di perkhidmatan awam sebagai tujuan utama kerajaan yang perlu sangat diambil kira ialah produktiviti. Itulah sebabnya kita memberi tekanan ataupun fokus kepada perkembangan ataupun *growth* pihak sektor swasta supaya lebih ramai lagi penduduk-penduduk kita bekerja dengan sektor swasta. Itulah maknanya peningkatan produktiviti nanti.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar juga mencadangkan agar komputer dan peralatan SPA dinaiktaraf dari 6 terabait kepada 20 terabait agar dapat lebih akses kepada semua unsur pentadbiran.

■ **1150**

Pada tahun 2014, SPA telah mendapat peruntukan sebanyak RM4.69 juta untuk menaiktarafkan komputer dan peralatan ICT agar dapat memenuhi keperluan semua pihak terutamanya calon dan kementerian dalam usaha mengisi kekosongan jawatan dalam perkhidmatan awam. Di samping itu, di bawah pelan strategik ICT SPA 2014/2015, SPA berhasrat untuk meningkatkan prasarana ICT sebagai penyelesaian untuk jangka masa panjang. Walau bagaimanapun, pelaksanaan perkara ini adalah bergantung kepada peruntukan belanjawan yang akan diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Untuk tahun 2014, dalam bajet yang telah kita bentangkan, kita tidak berjaya memohon bajet untuk program ini dan tahun hadapan akan kita majukan lagi permohonan tersebut.

Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim bin Kader memohon agar kerajaan membuat pengambilan lebih ramai lagi penjawat awam daripada keturunan India Muslim di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggunakan peluang ini untuk memberi keterangan tentang satu persepsi orang ramai yang ada kaitan dengan teguran ini, tetapi secara umumnya menuduh kerajaan memelayukan perkhidmatan awam ataupun lebih memberi fokus kepada pengambilan orang Melayu. Mengikut data perkhidmatan awam misalnya, saya gunakan analisis ini pemohon misalnya orang Melayu begitu tinggi. Untuk tahun 2013 sampai bulan Oktober permohonan ialah RM1,641,172 permohonan dari orang Melayu. Daripada jumlah tersebut cuma 22,960 orang dilantik. Maknanya peratusan orang Melayu yang diambil cuma 1.4 peratus. Maknanya 98.6 peratus tidak berjaya, gagal mendapat pekerjaan dengan perkhidmatan awam. Di sebaliknya orang India misalnya peratusan yang dilantik daripada yang memohon 2.03 peratus, maknanya orang Melayu tadi 98.6 peratus yang kecewa, orang India yang kecewa 97.97 peratus lebih rendah yang kecewa. Satu daripada *angel* yang kita boleh lihat untuk pengambilan ini. Orang Cina lebih hebat lagi.

Peratusan yang berjaya 5.49 peratus, yang kecewa daripada memohon 94.51 peratus juga rendah orang yang kecewa dibandingkan dengan orang Melayu. Cuma yang betul-betul memerlukan perhatian di sini ialah Orang Ulu misalnya, peratusannya lebih rendah dari orang Melayu yang berjaya dan yang kecewa lebih ramai dari orang Melayu. Begitu juga Iban. Tinggi sedikit dari orang Melayu yang berjaya, tetapi dibandingkan dengan orang Cina, orang India dengan orang Bidayah misalnya, lebih ramai juga peratusannya yang kecewa.

Jadi untuk menentukan lebih ramai lagi pelbagai kaum ini memohon, kita telah turun padang, ahli-ahli SPA turun padang dan mengadakan aktiviti, kalau tidak salah saya tidak kurang dari 56 buah aktiviti yang dibuat turun padang setakat bulan Oktober ini. Banyak aktiviti ini penggalakan bangsa-bangsa seluruh Malaysia ini supaya mengemukakan permohonan kepada SPA terutama melalui *online*.

Satu lagi yang saya hendak tekankan di sini kita janganlah memberi tumpuan kepada pengambilan di perkhidmatan awam sahaja. Sebenarnya dijangka masa panjang yang lebih lumayan ialah pekerjaan-pekerjaan di sektor swasta. Akan tetapi kalau diambil kira pengambilan di sektor swasta dicampurkan sekali dengan sektor awam, angkanya semakin lebih terang perbezaan apa yang persepsi oleh rakyat umum dan apa yang sebenarnya. Misalnya populasi penduduk, ini tidak termasuk orang asing yang tinggal di Malaysia, ini *citizen of Malaysia* sahaja. Melayu 54.83 peratus, orang Cina 24.14 peratus, India 7.24 peratus, bumiputera lain 12.87 peratus, lain-lain kaum 0.92 peratus. Akan tetapi ingat, Melayu lebih setengah, tetapi kita ambil kira *white collar workers* sebab *white collar* ini dia mempunyai pekerjaan yang lebih lumayan.

Daripada jumlah bilangan pekerja, orang yang dianggap bekerja di Malaysia ini mengikut istilah antarabangsa ialah orang yang berumur 16 tahun hingga 65 tahun. Daripada angka tersebut, orang Melayu yang bekerja awam dan swasta dicampur sekali ialah 39.32 peratus. Cina 44.83 peratus, India 42.08 peratus, bumiputera lain termasuk orang seperti sayalah muka Melayu, nama Orang Putih agama pun lain. Bumiputera lain, 39.22 peratus, lain-lain kaum ini termasuk Siam dan sebagainya. Termasuk Yang Berhormat dari Kapit 32 peratus.

Sekali lagi peratusan ini menunjukkan tidak dipinggirkan sama ada orang India ataupun orang Cina tidak dimelayukan ialah pihak swasta terutama kalau campur sektor awam. Dalam keadaan yang *full employment* sekarang, kita punya *unemployment* dua perpuhuan beberapa peratus, itu dianggap sebagai istilah ekonomi, *full employment*. Maknanya *everybody* sepatutnya dapat kerja. Cuma ada teknikal *unemployment* dan sebagainya. Itu sebabnya masih ada yang tidak bekerja ataupun dia terlalu memilih pekerjaan-pekerjaan yang gajinya lumayan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya harap sekali gus dapat membuktikan yang kerajaan tidak meminggirkan mana-mana kaum daripada segi *employment* sama ada di sektor awam dan terutama di sektor swasta.

Bagi memastikan lebih ramai lagi kaum India termasuklah India Muslim dilantik dalam perkhidmatan awam, kerajaan telah mengadakan program-program seperti program turun padang berjumpa dengan masyarakat India, pertemuan dengan media India dan karnival kerjaya yang melibatkan kaum India.

Kerajaan juga telah menubuhkan jawatankuasa khas bagi menambahbaikkan urusan pengambilan kaum India iaitu jawatankuasa khas mengkaji penyertaan kaum India dalam perkhidmatan awam. Kita memanglah kita sedapat-dapatnya akan memberi pertimbangan kepada mana-mana pihak yang dianggap agak terpinggir, bukan disengajakan tetapi barangkali pengambilannya agak rendah selama ini.

Untuk makluman juga, sehingga- merujuk pada tahun yang lepas 2012, kalau tahun 2011, 2,316 orang yang diambil bekerja dan pada tahun 2012 ini meningkat kepada 2,354. Ini tidak termasuk anggota polis dan tentera.

■1200

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim bin Kader menyentuh isu permohonan yang diajukan kepada jabatan atau agensi kerajaan ditolak tanpa beri alasan. Sebenarnya memang ada pekeliiling yang memerintah supaya pegawai-pegawai yang berkenaan, jikalau menolak sesuatu permohonan mestilah beri alasan. Akan tetapi, ada juga pengecualian iaitu untuk permohonan jawatan yang berkaitan dengan sekuriti dan juga kepentingan negara. Pengecualian diberi supaya tidak perlu beri alasan. Oleh yang demikian, saya memohon Ahli Yang Berhormat Senator memberi secara spesifik kes-kes yang tertentu supaya kita dapat merujuk sama ada pegawai tersebut tidak mematuhi pekeliiling ini ataupun atas sebab sekuriti atau kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak SPA dan juga MAMPU, walaupun SPP tidak disentuh, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah menyentuh pelbagai isu berkenaan dengan portfolio saya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya kita beralih kepada Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup. Silakan Yang Berhormat.

12.02 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh berhubung kait berkaitan dengan subjek perpaduan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman telah mengemukakan dua soalan berkenaan dengan Rukun Tetangga. Soalan pertama ialah sejauh manakah peranan yang dimainkan oleh Rukun Tetangga dalam usaha untuk mengurangkan jenayah di Malaysia? Soalan kedua, beliau pula bertanya sejauh manakah inisiatif untuk menggembelng tenaga muda yang berumur 18 tahun ke atas bagi menyertai Rukun Tetangga?

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Rukun Tetangga atau KRT dahulunya ditubuhkan pada tahun 1975 dengan tujuan menjaga keselamatan komuniti dan negara atas konsep kerakyatan masyarakat. Sejak tahun 80-an, KRT dikembangkan peranannya di samping menjaga keselamatan. KRT juga berfungsi dan juga berperanan untuk menyatupadukan masyarakat ke arah kesejahteraan dan keharmonian komuniti. KRT sebenarnya lebih menumpukan kepada pelbagai aktiviti yang dapat mempromosikan interaksi, kebajikan, kesihatan, kesejahteraan, kejiranan, muhibah, kerjasama, persefahaman, keharmonian dan perpaduan di kalangan penduduk di sesuatu kawasan. Ia juga berperanan untuk menjaga keselamatan komuniti di mana diwujudkan skim rondaan sukarela (SRS) yang diperkenalkan mulai tahun 2004 bertujuan melibatkan anggota jiran setempat membantu pihak polis menangani jenayah agar keadaan setempat melalui aman dan sejahtera, dengan izin, *to generate a greater sense of security within the neighborhood.*

SRS ini nampaknya cukup berjaya oleh sebab hasil daripada satu kajian yang bertajuk, *"Feel Safe"* yang dijalankan oleh kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional di dalam 100 buah kawasan Rukun Tetangga yang mempunyai SRS.

Maka hasil daripada kajian itu didapati 70 peratus hingga 90 peratus ahli komuniti merasa selamat mendiami kawasan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat juga, sehingga 30 November 2013 terdapat sebanyak 3,961 SRS telah diwujudkan di 6,044 tiga buah kawasan Rukun Tetangga. Jumlah keahlian peronda SRS adalah lebih kurang 150,000 orang. Walaupun kita mampu mengurangkan jenayah, kita harus menangkis persepsi awam dan tahap jenayah yang boleh terus berkekalan malah menjadi lebih teruk lagi walaupun perangkaan jenayah mutlak semakin berkurangan. Meningkatkan penyertaan awam dalam aktiviti kesukarelawan seperti Rukun Tetangga dan skim rondaan sukarela dapat menyumbang terhadap menambahkan kesedaran serta rasa selamat yang menyeluruh sekali gus membantu kerajaan dalam usaha kita untuk menangkis persepsi negatif masyarakat awam tentang tahap jenayah.

Selain SRS, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional juga sedia maklum bahawa dalam usaha memupuk perpaduan keharmonian masyarakat, kita hendaklah menangani perselisihan faham yang kadang kala berlaku di antara satu sama lain supaya menjaga daripada tercetusnya ketegangan atau kejadian yang serius. Pendekatan pendamaian diperkenalkan melalui proses Mediasi Komuniti. Mediasi Komuniti merupakan pihak ketiga yang berkecuali untuk berusaha mencari jalan pendamaian antara pihak-pihak yang bertelagah atau berkonflik.

Pendekatan kedua melalui Program Sayang Komuniti iaitu program khidmat masyarakat di kawasan berisiko tinggi dan *hotspot*. Setakat ini, sebanyak 16 Program Sayang Komuniti diperkenalkan oleh pihak jabatan terutama di kawasan perumahan rakyat seperti PPR.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita tidak berpuas hati untuk berusaha berterusan untuk memantapkan lagi perpaduan atau membantu untuk mengurangkan jenayah yang mungkin berlaku. Maka dalam pada itu, dalam usaha untuk mempergiatkan skim rondaan sukarela (SRS), pihak jabatan bercadang untuk bekerjasama dengan Ikatan Relawan Rakyat (RELA) dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dalam masa yang terdekat.

KRT dan SRS sentiasa sedia bekerjasama dengan badan JKKK, persatuan penduduk dan badan-badan lain untuk meningkatkan keharmonian, kesejahteraan dan keselamatan di kawasan berkenaan. Semangat *volunteerism* atau sukarelawan ini perlu diterapkan dan dikembangkan di semua lapisan masyarakat. Selain daripada penglibatan anggota SRS dalam gelombang *volunteerism* menangani jenayah, pihak kerajaan juga menggalakkan penyertaan anggota RELA dan JPAM membantu PDRM membuat rondaan di kawasan-kawasan *hotspot*.

■1210

Di samping itu, satu kajian untuk memperkasakan peranan Rukun Tetangga menjangkau seluruh masyarakat di Malaysia sedang dijalankan untuk menjadikan Rukun Tetangga sebagai pusat pelan transformasi masyarakat ataupun khidmat komuniti.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya soalan Yang Berhormat Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman ialah berkenaan dengan inisiatif untuk menggembelng tenaga muda yang berumur 18 ke atas bagi menyertai Rukun Tetangga. Pihak kerajaan sedar belia merupakan aset penting kepada perkembangan sesebuah negara. Inisiatif kerajaan dalam menggembelng tenaga muda menyertai Rukun Tetangga yang pertama adalah melalui mewujudkan Jiran Muda di bawah Jawatankuasa Rukun Tetangga yang berperanan sebagai platform untuk golongan remaja melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan di kawasan rukun tetangga.

Terdapat 4,182 Jiran Muda ditubuhkan setakat ini dan akan terus diperkembangkan lagi. Jiran Muda berperanan untuk memperkasakan golongan remaja dan belia berusia mulai daripada 13 tahun hingga 21 tahun di kawasan Rukun Tetangga melalui aktiviti kesukanan, alam sekitar, kesukarelawanan, rekreasi kepimpinan dan *character building*. Oleh itu Jiran Muda merupakan wadah berkesan untuk membimbing golongan muda daripada hanyut dibawa arus kehidupan yang sekali gus mengelakkan mereka daripada terlibat dalam aktiviti-aktiviti negatif seperti jenayah, mat rempit dan lain-lain lagi.

Kedua, mengadakan kolaborasi rukun tetangga dengan Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat institusi pengajian tinggi awam, swasta dan program yang dianjurkan oleh Rukun Tetangga. Setakat ini 138 SRN ditubuhkan di IPTA dan IPTS di seluruh negara.

Ketiga, mengadakan bengkel, seminar dan kem padu bagi memberi ceramah kepada golongan belia, menyumbangkan idea dan hala tuju keperluan program yang bersesuaian dengan mereka dan melatih ke arah menjadi pemimpin di peringkat komuniti Rukun Tetangga. Berikutnya...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Yang Berhormat, boleh mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Boleh beri saya habis dulu ini? Sekejap ya.

Berikutnya, melaksanakan pendekatan bersepadu dengan agensi kerajaan seperti Rakan Muda di bawah Kementerian Belia dan Sukan, melaksanakan Program Jiran Muda, program ini diubah suai oleh pihak jabatan yang kini dikenali sebagai Belia Perpaduan yang menyasarkan penyertaan golongan belia dan remaja. Ya, dipersilakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih. Mat rempit- saya hendak tanya sedikit. Apakah usaha-usaha terkini daripada kementerian untuk mencegah gejala mat rempit yang semakin bertambah dan menjadi-jadi? Contoh di KL. Contoh kedua yang sangat ketara di tempat saya Kuala Terengganu. Bila Jumaat malam Sabtu, beratus, malahan beribu-ribu. Saya berani katakan tidak kurang daripada 2,000. Polis pun takut. Orang ramai pun takut. Lumba, langgar lampu isyarat, main di *junction* dan persimpangan *traffic light*. Jadi, nampaknya polis tidak boleh buat apa-apa. Ini ganggu orang awam, bising. Jadi, apakah usaha terbaru? Usaha yang lama saya tahu tidak berkesan. Jadi, saya hendak minta penjelasan daripada kementerian, macam mana hendak atasi masalah mat rempit yang semakin bertambah dan menjadi-jadi? Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sebentar tadi, saya memberi penjelasan secara mendalam bahawa tugas Jabatan Perpaduan ini di bawah jagaan saya memberi kesedaran sebenarnya supaya belia dan beliawanis ini sini tidak terlibat dalam gejala-gejala tersebut seperti mat rempit dan sebagainya. Untuk mengambil tindakan, kami akan memperkasakan lagi program-program semata-mata untuk memberi kesedaran kepada belia dan beliawanis. Bagi mengambil tindakan, apa pendekatan itu daripada pihak polis sebenarnya yang mengambil tindakan. Kita boleh membantu. Rukun tetangga boleh membantu untuk memberi maklumat kepada pihak polis tentang berlakunya jenayah yang berlaku ini. Setakat ini yang kita boleh buat tetapi mengambil tindakan sebenarnya ialah pihak polis, kita boleh membantu memberi maklumat. Jadi, saya berharap Ahli Yang Berhormat sendiri mungkin boleh membantu memberi maklumat kepada pihak polis supaya mereka dapat bertindak untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tambah sedikit Yang Berhormat Menteri. Adakah pihak kementerian bercadang untuk menggubal satu undang-undang baru bagi mencegah dengan lebih berkesan lagi. Semua orang sudah tahu, polis semua sudah tahu. Bukan setahun, bukan dua tahun, bukan empat tahun, bukan lima tahun. Malahan kalau tidak salah saya, belas-belas tahun gejala mat rempit ini makin menjadi-jadi, makin bertambah. So, saya ingat kementerian, saya hendak syorkan. Keluarkan satu undang-undang baru atau peraturan baru bagi mengajar mat rempit. Kalau psikologi, nasihat bimbingan, tidak jalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Lain kali kita akan buat pemerhatian tentang masalah yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Kita akan mengambil kira. Oleh sebab ini memerlukan kajian secara menyeluruh, banyak kementerian yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha memantapkan penglibatan golongan belia dalam aktiviti kesukarelawan, pihak jabatan bercadang untuk mengerjakan kerjasama dengan Jabatan Khidmat Negara untuk menggalakkan pelatih-pelatih terutamanya alumni PLKN untuk melibatkan dalam aktiviti-aktiviti KRT. Inilah sebenarnya perancangan kita untuk memperkasakan lagi tugas-tugas kita untuk menggembelng tenaga belia dan beliawanis ini untuk mengetuai Rukun Tetangga.

Selanjutnya, Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som a/l Inong telah menyarankan agar kerajaan meningkatkan usaha-usaha mempererat perpaduan negara melalui penerapan nilai patriotisme. Pelaksanaan Kempen Jalur Gemilang yang diadakan dalam komuniti setempat merupakan salah satu program untuk meningkatkan semangat patriotisme melalui Rukun Tetangga yang melibatkan semua kaum dan pelbagai lapisan masyarakat.

■1220

Harus kita sedari di sini bahawa program itu bukan setakat untuk mengadakan program untuk mengibarkan Jalur Gemilang sahaja tetapi kempen kibar Jalur Gemilang ini, seperti saya katakan sebentar tadi, tidak harus dilihat sebagai hanya mengibarkan bendera di dalam rumah atau di bangunan-bangunan. Kempen ini haruslah dilihat di mana bendera itu sebagai lambang kedaulatan negara kita dan kempen ini adalah usaha ke arah penghayatan rakyat kita mengenai kedaulatan yang di kecapi melalui perpaduan kita yang harus dipertahankan untuk dinikmati oleh generasi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan itu milik dan tanggungjawab bersama setiap warga yang bangga menjadi rakyat Malaysia. Akan tetapi, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Senator Dato' Boon, ia merupakan sukar sekali untuk membentuk perpaduan jika tidak ada patriotisme.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat. kerajaan sentiasa mengutamakan program-program meningkatkan semangat patriotisme melalui aktiviti yang dilaksanakan di kalangan generasi muda melalui Kelab Rukun Negara (KRN) yang berjumlah 5,811 di peringkat sekolah rendah dan menengah. Hampir semua sekolah menengah telah diwujudkan KRN manakala 60 peratus sekolah rendah telah menubuhkan kelab ini.

Juga melalui Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat institusi pengajian tinggi bahawa tujuan utama itu ialah untuk meningkatkan kesedaran khususnya di kalangan mahasiswa untuk mempraktikkan prinsip-prinsip Rukun Negara dalam kehidupan seharian ke arah melahirkan masyarakat yang mempunyai jati diri, setia, bersatu padu, berwawasan, bermaruah, bersikap terbuka dan beretika sejajar dengan wawasan negara. Ini membolehkan Sekretariat Rukun Negara sebagai platform yang berkesan untuk menyemai dan memperkukuhkan semangat patriotisme di kalangan mahasiswa.

Pihak kerajaan juga menerapkan prinsip-prinsip murni dalam Rukun Negara melalui Rukun Tetangga terutamanya melalui Jiran Muda dan Tabika Perpaduan.

Pelaksanaan Program Rukun Negara dipantau oleh Jawatankuasa Penyelarasan antara Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dengan Kementerian Pelajaran Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, penyatuan perlu dengan sifat keupayaan agar kita bangga sebagai seorang warganegara. Berprinsipkan seorang yang berjiwa Malaysia, fasih berbahasa Malaysia dan menjunjung keluhuran Perlembagaan, patriotisme dapat disemai dalam setiap individu yang menganggap diri mereka sebagai anak Malaysia.

Setiap rakyat mestilah sentiasa menjunjung tinggi Perlembagaan yang menjadi tonggak utama kepada perpaduan di kalangan berbilang kaum di negara kita ini. Prinsip asas negara yang termaktub dalam Perlembagaan Negara tidak boleh dikompromi dan generasi baru perlu sedar kepentingannya. Perlembagaan Malaysia adalah untuk keseluruhan warga Malaysia yang bertanggungjawab ke atas tanah airnya. Ini kerana tanggungjawab kewarganegaraan tanggungjawab bersama sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan. Sama ada di pihak kerajaan atau di pihak pembangkang, tanggungjawab kita ini ialah tanggungjawab kita bersama seperti yang dikehendaki oleh Perlembagaan kita.

Sebagai program-program *the way forward* Tuan Yang di-Pertua, maka usaha-usaha ke arah memupuk perpaduan yang menjamin keharmonian masyarakat berbilang kaum perlu diberi tumpuan secara berterusan. Program-program khususnya sedang dalam perancangan untuk mempertingkatkan semangat kecintaan kepada negara. Contohnya ialah Program Demi Negara bagi memupuk semangat patriotisme dan cinta negara yang tinggi di kalangan rakyat terutamanya golongan muda. Kemudian meningkatkan amalan perkongsian nilai dan nilai murni antara kaum atau dengan izin, *share common and good values* melalui penerapan prinsip Rukun Negara.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya di sini sudah sampai masanya pendekatan mempamerkan dan melabelkan slogan perpaduan digunakan untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat dan orang perseorangan tentang pentingnya perpaduan. Pihak jabatan bercadang untuk melancarkan program ini pada bulan Januari tahun hadapan, tahun 2014.

Sebagai kesimpulan, Tuan Yang di-Pertua, apabila negara kita merayakan 100 tahun pembentukan Malaysia pada tahun 2063, di mana rakyat dan bangsa Malaysia akan mencapai kejayaan yang tidak pernah difikirkan, perpaduan akan menjadi faktor utama untuk kejayaan tersebut. Kekuatan sebenar tanah air ini adalah pada kepelbagaian dan menjadikan ia sebagai pedoman tahun baru 2014 untuk terus hidup sejahtera dan makmur demi masa depan dan untuk generasi kita yang akan datang. Jika isu-isu sensitif terus dipolitikkan lebih-lebih lagi apabila kecenderungan berpaksikan kepada fahaman politik idealisme dan bukan *real politic*, perpaduan adalah amat sukar dibentuk dan dipertahankan. Oleh itu, marilah kita terus memupuk perpaduan dan memelihara keharmonian semua kaum dalam negara kita dengan penuh semangat patriotisme.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, untuk semua yang berada di Dewan yang mulia ini atau di luar sana, saya ingin menyampaikan ucapan *Merry Christmas and Happy New Year*. Sekian, terima kasih [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Seterusnya kita beralih ke Yang Berhormat Puan Hajah Nancy binti Shukri. Silakan Yang Berhormat.

12.28 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Negara yang telah membangkitkan isu-isu di bawah Jabatan Perdana Menteri semasa mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2014 dari 9 hingga 12 Disember 2013 ini. Sesungguhnya bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya amat menghargai segala pandangan, cadangan dan juga teguran yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Pertama sekali saya hendak menyentuh daripada segi perbincangan yang telah dibahaskan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Saiful Izhah bin Ramli yang telah mencadangkan agar kuasa mendakwa kes-kes rasuah dan ketirisan dipindahkan ke Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan tidak bercadang untuk memberikan kuasa pendakwaan kepada SPRM kerana dalam penyiasatan dan pendakwaan sesuatu kes, perlu ada dengan izin, iaitu *check and balance*.

■1230

Jadi di mana-mana negara pun kuasa untuk membuat pertuduhan dan pendakwaan terletak pada Peguam Negara atau pun pendakwa raya yang bebas dan tidak dipengaruhi oleh agensi penyiasatan.

Sekiranya agensi penyiasatan dalam hal ini SPRM diberi kuasa untuk membuat keputusan untuk mendakwa kes yang disiasatnya, maka tidak wujud satu unsur pemikiran yang bebas atau, dengan izin, *independence of mind* dalam mempertimbangkan fakta dan keterangan sesuatu kes secara objektif.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu pemberian kuasa juga daripada segi pendakwaan kepada SPRM turut tidak disokong oleh Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat kematian Teoh Beng Hock yang berpandangan cadangan ini tidak sama sekali menambah baik sistem yang sedia ada. Suruhanjaya Diraja tersebut turut berpandangan bahawa timbalan pendakwa raya yang berurusan dengan SPRM hendaklah ditempatkan secara fizikal jauh daripada SPRM agar mereka lebih bebas dan tidak dipengaruhi oleh pegawai SPRM di tempat kerja. Di samping itu juga adalah janggal sekiranya agensi penguatkuasaan seperti SPRM yang menjalankan risikan dan penyiasatan pada masa yang sama diberi kuasa untuk mendakwa. Siasatan yang dijalankan oleh SPRM perlulah diteliti dan disemak oleh Peguam Negara bagi menjamin ketelusan, keseimbangan dan keadilan selaras dengan kedudukan Peguam Negara sebagai pendakwa raya yang mempunyai kawalan dan arahan dalam semua pendakwaan jenayah dan prosiding di bawah Kanun Tatacara Jenayah.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar telah menyarankan agar tindakan yang tegas diambil terhadap individu yang menghina raja, agama Islam dan hak istimewa yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mana-mana orang yang didapati melakukan apa-apa perbuatan yang boleh mendatangkan kebencian atau penghinaan atau membangkitkan perasaan tidak setia terhadap mana-mana raja boleh diambil tindakan di bawah Akta Hasutan 1948, Akta 15. Bagi sesuatu kes yang melibatkan penghinaan agama atau perkauman yang menyentuh sensitiviti agama sesuatu kaum, bangsa atau hak-hak istimewa yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan pertuduhan boleh dibuat sama ada di bawah..

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah Yang Berhormat.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Sekejap ya. Pertuduhan boleh dibuat sama ada di bawah Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan, Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 atau pun Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Ya, Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, Akta Hasutan, Akta 15, boleh Yang Berhormat Menteri huraikan sedikit? Bagi kefahaman saya, hukuman yang diberikan mana-mana orang yang menghina raja itu adalah sangat ringan. So, kita hendak berat sedikit. Sebelum saya meminta penjelasan dengan lebih panjang, saya hendak minta Yang Berhormat Menteri huraikan kandungan Akta 15 itu supaya semua faham. *Thank you.*

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat. Di bawah Akta Hasutan 1948 seseorang yang melakukan apa-apa perbuatan yang mengandungi kecenderungan menghasut boleh didakwa melakukan kesalahan di bawah seksyen 4. Perkataan, "*kecenderungan menghasut*" telah ditakrifkan dalam seksyen 3 sebagai termasuk mendatangkan kebencian atau penghinaan atau membangkitkan perasaan tidak setia terhadap mana-mana raja dan mempersoalkan apa-apa perkara hak, taraf, kedudukan keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif yang ditetapkan atau dilindungi oleh peruntukan Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan atau Perkara 152, 153 atau 181 dalam Perlembagaan Persekutuan. Itu yang dapat saya huraikan di sini Yang Berhormat. Kalau hendak secara terperinci lagi *insya-Allah* kita boleh bekalkan secara *detailnya* sebab panjang Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya hendak minta kementerian kaji balik undang-undang ini supaya hukuman yang lebih berat yang setimpal dengan perbuatan mereka yang menghina raja. Contohnya, Raja Thailand, sebut sahaja hina, tujuh tahun penjara. Kita? Tidak nampak lagi.

Orang yang hina raja ramai tetapi saya tidak nampak lagi mana-mana individu yang menghina raja dipenjarakan dan dijatuhkan hukuman yang berat. So saya cadangkan kaji balik untuk diperbaharui untuk menyedarkan orang ramai supaya jangan hina raja, Islam, adat istiadat, bahasa dan sebagainya. Itu perkara yang sensitif. Kalau tidak..

Timbalan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. Saya rasa mesej itu sampai.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Okey, sudah sampai. *Thank you.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat. Ingin saya nyatakan di sini kalau Yang Berhormat mengikuti keadaan semasa kita di Malaysia ini, kita sedang dalam proses mendrafkan sebuah akta iaitu *National Harmony Act* di mana ia akan menggantikan *Sedition Act* atau pun Akta Hasutan nanti. *Insyallah* saya rasa itu akan diambil kira juga Yang Berhormat. Saya menghargai pandangan Yang Berhormat itu kerana ia diharapkan menjadi satu panduan kepada semua rakyat Malaysia.

Saya bersetuju dengan apa yang berlaku di Thailand menjadi satu panduan kepada kita semua untuk menjadi contoh kepada negara kita. Terima kasih. Saya teruskan lagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Peguam Negara atau pendakwa raya hanya akan membuat keputusan terhadap sesuatu kes setelah siasatan yang dijalankan oleh pihak penguat kuasa undang-undang selesai dengan sempurna dan memenuhi kehendak undang-undang bagi isu atau pertuduhan dibuat di mahkamah. Asas pertimbangan dalam memutuskan sama ada untuk membuat pertuduhan di mahkamah atau tidak adalah sama ada terdapat keterangan yang mencukupi untuk memperoleh sabitan bagi setiap pertuduhan yang dibuat terhadap Orang Kena Tuduh. Keterangan yang dikemukakan di mahkamah mestilah keterangan yang relevan, boleh diterima pakai dan dengan izin, *credible* bagi memastikan sabitan diperoleh dan keadilan diberi kepada semua pihak.

Semua perkara ini mesti dipertimbangkan oleh Peguam Negara kerana sebagai pendakwa raya bebannya sangat berat untuk membuktikan kes dalam sesuatu percabaran kes jenayah iaitu melampaui keraguan munasabah atau dengan izin, *beyond reasonable doubt*. Sehubungan dengan itu pertuduhan di mahkamah hanya dibuat apabila pendakwa raya berpuas hati bahawa keterangan mencukupi dan kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya ada juga yang telah membawa isu daripada Yang Berhormat Tuan Saiful Izham bin Ramli mengenai beliau ingin mendapat kebenaran dakwaan mengenai terdapat ejen CIA di Jabatan Peguam Negara. Untuk makluman Yang Berhormat, di sini sukacita dimaklumkan dan ditegaskan bahawa pihak Jabatan Peguam Negara menafikan bahawa terdapatnya ejen CIA di jabatan tersebut.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud telah mencadangkan agar diwujudkan Mahkamah Tinggi yang khusus untuk mengadili perkara-perkara berkaitan pekerja dan buruh di mana hakim-hakim juga perlu mempunyai pengalaman dalam perkara-perkara tersebut. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud telah mengemukakan soalan yang sama melalui pertanyaan lisan pada mesyuarat kali ini juga. Pertanyaan ini telah pun saya jawab pada hari Selasa yang lalu. Saya hantar secara bertulis. Namun begitu untuk kepuasan hati bagi memudahkan kita mendengar jawapannya lagi sekali, saya baca jawapan yang telah saya berikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes-kes yang berkaitan dengan isu-isu pekerja dan perburuhan adalah di bawah bidang kuasa asal Mahkamah Buruh dan Mahkamah Perusahaan yang masing-masing adalah di bawah kendalian Kementerian Sumber Manusia. Mahkamah Tinggi hanya akan dirujuk daripada segi *procedural* bagi penguatkuasaan award yang telah diberikan oleh Mahkamah Buruh.

■1240

Sekiranya terdapat mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan award yang diputuskan tersebut, mereka perlu memfailkan di Mahkamah Tinggi permohonan untuk semakan kehakiman dalam tempoh 14 hari daripada tarikh award diputuskan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, award yang diputuskan oleh Mahkamah Perusahaan juga hanya boleh dibawa ke Mahkamah Tinggi secara semakan kehakiman. Semakan kehakiman tersebut di Mahkamah Tinggi akan didengar dan dibicarakan atas alasan kesilapan undang-undang atau melampaui bidang kuasa secara *certiorari*.

Justeru, dengan wujudnya mekanisme sedia ada yang khusus bagi pendengaran isu-isu pekerja dan perburuhan di bawah kendalian Kementerian Sumber Manusia. Badan kehakiman berpendapat belum ada keperluan untuk mewujudkan Mahkamah Khas bagi kes-kes yang berkaitan isu-isu pekerja dan perburuhan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tadi hendak menyentuh juga isu pengangkutan awam yang telah dikemukakan dan dibahaskan oleh Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan. Memandangkan beliau tidak ada di dalam, jadi saya tidak perlu menjawabnya. Namun begitu saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada beliau atas pelantikan sebagai Senator dan saya juga hendak mengucapkan Selamat Hari Krismas kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga rakan-rakan kita di seluruh Malaysia ini yang meraikan Hari Krismas dan Selamat Tahun Baru. Jadi dengan itu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan yang tidak dijawab itu mungkin boleh dibuat secara bertulis. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya saya ingin mempersilakan seorang lagi Menteri dari Jabatan Perdana Menteri iaitu Yang Berhormat Dato' Seri Shahidan bin Kassim. Silakan Yang Berhormat.

12.41 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Jabatan Perdana Menteri saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2014 yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Majlis Keselamatan Negara atau MKN, *Eastern Sabah Security Command* atau ESSCOM, Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri atau ICU, Perumahan Rakyat 1Malaysia atau PR1MA, Parlimen Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Pilihan Raya serta isu-isu am dan pentadbiran di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri amat menghargai pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Saya ingin menyentuh satu-persatu di bawah perkara-perkara yang saya sebutkan iaitu saya ambil yang sedikit dahulu bertanya kemudian yang besar ialah JPA iaitu hampir 20 orang yang bercakap pasal JPA. Hak ini kita akan jawab yang akhir dan mungkin di waktu petang.

Yang Berhormat bertanya fasal ESSCOM iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya. Saya hendak maklumkan di sini bahawa ESSCOM ini, ia melibatkan bahagian timur Sabah iaitu Kudat, Kota Marudu, Pitas, Beluran, Sandakan, Kinabatangan, Lahad Datu, Kunak, Sempurna, Tawau yang diisytiharkan sebagai zon selamat atau ESSZONE dan yang melaksanakan tugas ataupun yang membuat urusan pentadbiran dan juga lain-lain lagi ialah ESSCOM.

Kita telah dimaklumkan tentang apa yang berlaku di ESSCOM dan kita juga hendak maklumkan bahawa ESSCOM telah menggabungkan semua aset daripada angkatan tentera, polis termasuklah tentera laut di sini, APMM digabungkan dan semua sekali aset yang ada di kementerian ataupun jabatan yang telah saya sebutkan tadi digunakan untuk tujuan ESSCOM termasuklah cadangan Yang Berhormat penggunaan alat-alat moden untuk kita mengesan penyeludup dan juga mengesan musuh.

Itu ada, semua jabatan yang saya sebutkan tadi ada aset tersebut dan aset ini akan digunakan bersama dalam operasi ESSCOM.

Jadi ESSCOM pada keseluruhannya, kawasan yang dijaga oleh ESSCOM kita mempertingkatkan kawalan perairan dan termasuk memperbanyakkan rondaan serta mempertingkatkan aktiviti-aktiviti perisikan. Hak ini penting sebab kita tahu bahawa orang yang datang di kawasan tersebut mereka ini ada pelbagai pemikiran dan juga motif. Ada yang datang untuk seperti yang telah berlaku di mana dia ingat dia boleh serang negara ini dan mengambil alih kawasan di *Eastern Sabah*, di kawasan tersebut. Jadi ada pemikiran, ada orang yang mengaku 'Raja' kemudian datang menyerang dengan membawa anggota beberapa ratus orang dan dia terlupa memikirkan bahawa dia sedang menghadapi Malaysia dengan kekuatan ketenteraan dan sebagainya.

Akan tetapi ada pemikiran sebab orang-orang yang kita hubungi atau pun yang kita *contact* itu termasuk orang yang kita tangkap itu ilmunya cukup kurang. Dia tidak dapat gambaran tentang mungkin apa yang berlaku di dunia dan sebab itu dia sanggup masuk dan *joint* kumpulan yang menjanjikan berbagai-bagai termasuk hendak bagi tanah dan sebagainya yang tidak mungkin berlaku tetapi oleh kerana ilmu mereka cetek tentang ilmu dunia dan juga lain-lain lagi maka menyebabkan mereka percaya dan mengikuti kumpulan tersebut.

Keduanya daripada segi agama juga cukup lemah. Mereka ini kebanyakannya orang Islam tetapi Islam yang penuh dengan khurafat. Semua yang kita tangkap ini banyak yang bertangkal sana sini yang tidak menjadi amalan umat Islam Ahli Sunah Wal Jamaah. Jadi ini menunjukkan bahawa ilmu yang kurang itu menyebabkan mereka telah melakukan perkara-perkara yang di luar kawalan manusia.

Ketiganya mereka bermotif untuk menculik orang-orang yang mereka anggap berada ataupun kaya. Selepas itu meminta tebusan. Ini jalan mudah untuk hidup jadi kaya, kita ada skim cepat kaya dan lain-lain lagi. *Depa*, mungkin ini skim cepat kaya mereka, mereka tawan dan kemudian mereka tuntutan, membuat tebusan dan mereka mengambil jalan mudah seperti juga pelanuran yang berlaku di Somalia.

Jadi di sini orang-orang ini hanya menunggu masa sebabnya kumpulan yang pertama yang telah menculik dan membunuh pelancong Taiwan itu ada beberapa kumpulan yang buat kerja itu dan kumpulan yang kedua pun sedang menunggu untuk datang dan sebagainya. Ini berdasarkan risikan tetapi ia tidak seharusnya mendatangkan keluh kesah di mana-mana pihak kerana kita meningkatkan kawalan keselamatan ini di peringkat maksimum yang membolehkan tidak ada mana-mana pihak boleh berbuat perkara yang tidak elok kepada kita dan kita juga hendak pastikan supaya pengusaha-pengusaha *resort* sebab mereka ini melibatkan orang asing, saya hendak pastikan supaya mereka mengikuti arahan-arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa terutamanya menyediakan *security guard* dan lain-lain lagi dan juga akses rondaan yang harus diberikan kepada anggota keselamatan. Itu ialah berhubung dengan ESSCOM. Saya terima kasih.

Dato' Maznah binti Mazlan: Yang Berhormat, izinkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat.

Dato' Maznah binti Mazlan: Memang kita marah tentang apa yang telah berlaku kepada pihak musuh tetapi mendengar penerangan Yang Berhormat Menteri, ia menjurus kepada masalah pokok iaitu masalah ekonomi mereka di negara mereka. Selain daripada pendekatan keselamatan, saya ingin bertanya ada atau tidak pendekatan ekonomi iaitu yang merentasi Malaysia dan masuk ke wilayah selatan Filipina yang mungkin dengan permuafakatan dengan Kerajaan Filipina, Kerajaan Malaysia boleh membantu membangunkan wilayah tersebut. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Maznah. Soalan ini jarang ditanya dan ia sudah pasti kalau jawapan daripada ESSCOM dijawab ini di luar bidang kuasa ESSCOM tetapi sebab saya ada pengalaman tentang perkara ini semasa kita menubuhkan kawasan pertumbuhan Malaysia yang melibatkan zon merentasi sempadan ini kita telah masukkan Sabah, Sarawak dan juga selatan Filipina serta Sulawesi ini di bawah program dipanggil EAGA.

Di sebelah utara kita panggil NCER. Bukan NCER sebelah kita. Ini pertumbuhan daripada segi tiga utara yang melibatkan utara Sumatera, utara Malaysia dan selatan Thailand.

■1250

Akan tetapi selepas itu, akhirnya bila kita mengadakan mesyuarat di Malaysia ini sudah tidak jadi utara Malaysia, sudah turun sampai ke Melaka. Melaka pun sudah masuk pertumbuhan segitiga utara yang saya sebutkan tadi. NCR ini ialah sebelah Malaysia tetapi yang di bawah hubungan luar tadi ialah melibatkan seluruh kawasan yang di isytiharkan di Malaysia dan di utara Sumatera pun tidak lari dari utara sudah. Sumatera pun sudah masuk sampai ke tengah, sampai ke Riau pun sudah dimasukkan Pertumbuhan Segitiga utara. Selatan Thailand pun dia sudah tambah kawasan sehingga hampir seluruh kawasan Selatan Thailand itu masuk di bawah Pertumbuhan Segitiga Utara.

Kemudian di sebelah sini pertumbuhan ekonomi yang melibatkan Sulawesi, Sabah dan Sarawak serta selatan Filipina. Ini program bersama. Sama ada program bersama ini berjaya atau pun tidak, saya rasa benda ini boleh dijawab oleh Kementerian Kewangan tetapi sudah ada usaha untuk berbuat demikian. Saya sendiri pernah terlibat dengan EAGA dulu bersama-sama dengan bekas Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin. Jadi kita sudah ada program untuk membangunkan wilayah ini kerana kita tahu bahawa ekonomi itu membantu manusia menjadi kurang resah. Kalau manusia kemiskinan yang menyelubungi kehidupannya, dia akan jadi manusia yang resah gelisah dan lain-lain lagi mudah emosional.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat.

Dato' Khairudin Samad: Minta maaf Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua saya ingin tahu juga sama ada benar-benar ekonomi kerana dia hendak beli beras atau pun masalah lain. Oleh sebab yang *hostage* ini yang banyak dibawa ke hutan Abu Sayyaf. Jadi mereka ini kalau untuk beli beras, saya rasa tidak ada permintaan sampai berjuta-juta ringgit untuk pembebasan tahanan-tahanan itu. Saya minta kepada Yang Berhormat Menteri, tolong. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Maksud tadi ialah apa yang ditanya oleh Yang Berhormat Dato' Senator Maznah ini, apa usaha Kerajaan Malaysia untuk sama-sama membangunkan wilayah ini supaya berlaku keseimbangan ekonomi yang boleh dikatakan bukan sama rata, berlaku pembangunan ekonomi? Jadi kita kena ingat dalam negara dunia sekarang ini, negara yang miskin akan masuk ke negara yang kaya dan terjadi lah apa yang berlaku di Amerika, Mexico dan pergerakan di seluruh dunia.

Demikian juga di wilayah ini dilihat Malaysia sebagai sebuah negara yang mudah orang cari makan. Itu sebab, saya ingat di dunia ini cuma di Malaysia saja yang kita akan terdapat warga dunia di Malaysia. Kita tidak boleh cari warga dunia di tempat lain tapi di Malaysia warga dunia. Malah orang Eskimo pun saya jumpa semalam ada di Malaysia. Saya pun terkejut. Mula-mula saya tengok orang Eropah di sini, orang sebelah Eropah Barat ada di Malaysia, bekerja di hotel-hotel. Orang Afrika yang kita tidak suruh datang pun dia datang juga. Jadi kita lihat Malaysia ini sebab tempat senang cari makan. Ini tidak bagus sebab nanti dia tidak akan berlaku keseimbangan ekonomi. Ia kena berlaku keseimbangan ekonomi dan pemerintah kerajaan pada masa tersebut memikirkan bahawa kita harus bangunkan kawasan ekonomi ini. Kita ada kawasan Segitiga Utara, kawasan Pembangunan Wilayah Selatan yang melibatkan Johor. Sekarang ini kita lihat Wilayah Iskandar begitu berjaya.

Kemudian di Pantai Timur yang melibatkan Kelantan, Terengganu dan selepas itu ialah melibatkan Sabah dan Sarawak yang disebut EAGA tadi. Berhubung dengan soalan bahawa apakah mereka datang untuk membeli beras dan sebagainya. Sebenarnya pertama, wilayah tersebut ada masalah daripada segi politik yang kalau tanya saya pendekatan yang terbaik untuk menyelesaikan politik sebuah wilayah. Kawan saya pun ada tanya di luar tadi berhubung dengan Selatan Thailand. Saya kata pendekatannya ialah melihat siapakah yang menjadi kumpulan utama di negara yang berkenaan. Macam di Selatan Thailand saya kata ialah kumpulan utama ialah kumpulan agama. Kita libatkan

mereka sudah pasti kita dapat mengurangkan apa yang berlaku sekarang ini di mana orang bunuh orang tiap-tiap hari di Selatan Thailand.

Di *Philippine* juga pendekatan yang mulanya diambil sudah okey, di mana kerajaan mengiktiraf satu kumpulan dan Kerajaan Malaysia pun mengiktiraf kumpulan berkenaan. Akan tetapi ada kumpulan yang lagi satu, yang kita terpinggir sedikit dan mereka ini cuba menentang usaha-usaha damai. Akan tetapi yang keduanya ialah kumpulan yang lain, yang tidak masuk mana-mana kumpulan. Mereka ini ambil kesempatan untuk mencari keuntungan dengan menyamun atau pun mendapatkan wang tebusan. Sebab tidak ada orang tebusan yang mereka lepaskan dengan harga murah, jadi ia menyebabkan orang berminat untuk tangkap lagi dan menebus lagi. Semua orang yang ditangkap itu ditebus dengan harga yang mahal. Jadi itulah berlaku apa yang telah berlaku. Akan tetapi di pihak Malaysia kita tidak boleh campur tangan apa yang berlaku di sana, hanya boleh melibatkan diri dalam usaha untuk membangunkan ekonomi.

Akan tetapi di pihak kita, pertahanan kita, kalau mereka tahu bahawa kita kuat bertahan dan kita ambil tindakan tegas kepada orang-orang yang cuba mencerooboh negara ini, mereka takutlah. Akan tetapi kalau mereka datang sini kita puju-pujuk, merayu-rayu dengan mereka, membelai-belai, mereka akan datang lagi. Akan tetapi kalau mereka datang ke sini, mereka nampak peluru di hadapan mata, mereka takutlah.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Minta laluan. Saya hendak minta pandangan atau pun penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Kalau saya katakan bahawa kehadiran orang-orang selatan Filipina ke Lahad Datu, insiden Lahad Datu tempoh hari. Apa dia ada hubungan antara pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, kehadiran mereka. Sebab kita di gembur-gemburkan sebelum ini bahawasanya ada pihak-pihak tertentu sebelum kejadian itu berada di Selatan Filipina. Selepas kejadian ada juga perkara-perkara yang berlaku di katakan ini sandiwara dan sebagainya. Saya minta penjelasan daripada pihak Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya ingin sangat menjawab soalan itu Tuan Yang di-Pertua, tapi masalahnya di luar bidang kuasa saya, nanti saya dituduh memandai-mandai.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak payah jawab Yang Berhormat, teruskan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Akan tetapi saya bagi peluang kepada Kementerian Dalam Negeri untuk menjawab soalan ini sama ada- soalan Yang Berhormat biar tepat bahawa terdapat pemimpin tempatan yang ada hubungan dengan orang yang telah datang membuat kacau di sini, ada hubungan mereka buat, dia ada perjumpaan dan dia ada bukti-bukti yang kukuh. Saya tidak tahu buktinya hendak masukkan ke kelas 'A' kah, kelas 'B' kah saya tidak tahu. Hari ini baru saya dengar cerita ada pegawai kementerian kata ini bukti kelas A, ini bukti kelas B. Saya tidak tahu. Akan tetapi yang saya tahu, komunis dulu ada, tetapi yang agama ini ada kelas 'A' dan 'B' mungkin macam *construction* ada kelas 'A', 'B', 'C', ada kelas 'F', saya tidak tahu.

Akan tetapi saya serahkan kepada kementerian untuk menjawab berhubung dengan siapakah pemimpin negara ini yang terlibat berjumpa, sama ada apa mereka cakap itu hak Kementerian Dalam Negeri berjumpa dengan orang-orang, pemimpin-pemimpin yang mencerooboh Malaysia pada peristiwa Lahad Datu yang lepas. Kita mendengar laporan akhbar, kita mendengar cerita-cerita yang awang-awangan tidak tersangkut, kita biarkan benda ini diputuskan oleh Kementerian Dalam Negeri, maklumkan siapa pemimpin pembangkang. Sebab pemimpin pembangkang juga di kalangan mereka yang bila berlaku peristiwa Lahad Datu, dia kata ini sandiwara. Ini satu pemikiran songsang yang bertaraf gua batu, bertapa orang gua batu. Di mana boleh menuduh bahawa permainan kehidupan, bunuh orang itu sandiwara.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Terima kasih Yang Berhormat, saya tertarik tadi dengan pernyataan fakta yang mengatakan bahawa ada bukti pertemuan dan sebagainya. Persoalan saya di sini ialah setakat hari ini adakah mana-mana pemimpin yang dikatakan pembangkang itu dipanggil untuk memberikan keterangan? Adakah sebarang cadangan daripada pihak kerajaan terhadap pemimpin-pemimpin tersebut untuk ditahan atau didakwa? Ini kerana kalau kita bersebang macam kedai kopi tidak guna. Ini soal

keselamatan negara, ini soal ketenteraman awam, ini soal nyawa anggota kita yang sudah terkorban.

Jadi kalau kita dapat hormat mereka dengan mengambil tindakan yang tegas, itu salah satu perkara sekurang-kurangnya yang kerajaan boleh buat. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Bagus Yang Berhormat Senator bersetuju bahawa perbuatan menuduh perkara ini sandiwara ialah perbuatan yang cukup-cukup zalim. Bahawa melibatkan pembunuhan, melibatkan anggota tentera, melibatkan penganiayaan mayat lagi. Bila mayat itu mati dibelah perut, dibuang biji mata dan sebagainya. Jadi ini adalah satu benda yang tidak boleh kita tuduh sandiwara.

Saya percaya Kementerian Dalam negeri telah ambil tindakan yang sewajarnya dan kita tidak boleh bermain-main cerita. Oleh sebab kalau orang tuduh sandiwara, saya percaya kementerian tidak boleh duduk diam, kena banyak bertanya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat masa kita sekarang tepat pukul 1 tengah hari, mungkin Yang Berhormat Menteri, sambung semulalah sebelah petang.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Pukul berapa, petang?

Timbalan Yang di-Pertua: Pukul 2.30 petang.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Pukul 2.30 petang, terima kasih.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1 petang.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita sambung semula persidangan kita. Nampaknya Yang Berhormat Dato' Seri Shahidan bin Kassim masih lagi, saya mempersilakan Yang Berhormat.

2.32 ptg.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perdana Menteri kita ada 82 buah agensi yang melibatkan lapan orang Menteri akan tetapi hari ini selepas saya ialah Menteri agama dan seterusnya ialah Timbalan Menteri. Saya terlibat hampir 60 buah agensi. Walau bagaimanapun, yang pertamanya saya jawab berdasarkan secara umum yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Keduanya berdasarkan kepada Yang Berhormat Senator yang masih ada, kalau mereka tidak ada, kira saya tidak jawab. Apakah boleh Tuan Yang di-Pertua macam itu? Saya menjawab secara umum Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Berhubung dengan ESSCOM tadi. Semua yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat, isu ini masih dalam siasatan pihak polis, jadi Yang Berhormat bertanya apakah mereka ini telah dipanggil ataupun tidak, saya hendak beritahu bahawa kalau belum dipanggil sabarmah akan dipanggil, sesiapa yang telah dipanggil, dipanggil sebab kes ini kes yang masih dalam siasatan. Jadi saya tidak boleh lanjutkan sehingga siasatan selesai. Jadi saya telah menjawab mengenai ESSCOM.

Keduanya, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh tentang SPR iaitu sama ada 40,000 orang Bangladesh yang dibawa masuk untuk menjadi pengundi hantu dalam pilihan raya yang lepas dan apakah mahkamah telah menerima petisyen dalam masa 21 hari daripada mana-mana pihak berhubung dengan apa yang telah disentuh oleh pihak yang berlawanan dengan Barisan Nasional iaitu sama ada isu *blackout*, isu 40,000 orang Bangladesh dan sebagainya. Isu ini telah dibawa sehingga ke tahap yang menimbulkan keluh kesah rakyat sehingga sesetengah rakyat percaya perkara ini berlaku.

Baru-baru ini di Dewan Rakyat, saya telah membuktikan bahawa tidak ada bukan warganegara yang mengundi dalam PRU Ke-13 yang lepas, tidak ada! Kalau sesiapa boleh menyentuh satu orang sahaja ada, saya kata saya sanggup melepaskan apa-apa jawatan yang saya ada kerana bertanggungjawab atas pernyataan tersebut. Tidak ada bukan warganegara yang mengundi di dalam PRU yang lepas. Berhubung dengan tuduhan kononnya ada 40,000 orang Bangladesh yang datang mengundi, tidak ada! Sebab apa?

Pertama, mereka bukannya warganegara, tidak mungkin mereka boleh mengundi. Sehingga kita menyebutkan bahawa dalam masa 10 tahun yang lepas individu-individu yang menjadi warganegara Malaysia sebagaimana biasa, proses biasa termasuklah orang Indonesia, orang *Myanmar*, orang Laos, orang yang datang daripada mana-mana negara termasuklah orang-orang Bangladesh yang menjadi warganegara hanya 12 orang. Jadi tidak mungkin angka 40,000 itu. Jadi kita anggap 40,000 orang yang telah disebutkan ini ialah satu pembohongan mutlak dalam dosa yang telah dikaitkan di seluruh negara iaitu menyebarkan fitnah yang mana Allah cukup benci kepada manusia yang menyebarkan fitnah, yang membawa mulut dan mereka ini tidak dapat menghidu bau syurga...

Tuan Saiful Izham bin Ramli: [*Bangun*]

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Jadi perbetulkan rakyat Malaysia supaya tidak menuduh 40,000 orang yang terlibat sebagai pengundi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Keduanya, apakah mana-mana bukti walaupun sepatah bahawa mereka membuat petisyen pilihan raya? Kalau ada petisyen, *alright* kita akan menjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum kita berhenti rehat tadi saya telah bertanya tentang kes...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, tidak sekarang ini apa Yang Berhormat hendak tanya? Silakan.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Saya masih lagi belum mendapat jawapan mengenai pertanyaan yang saya kemukakan sebelum waktu rehat tadi iaitu berkenaan dengan kes di Lahad Datu, kalau Yang Berhormat Menteri masih lagi ingat tentang soalan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Okey Yang Berhormat, teruskan dahulu agaknya mungkin ada hujah, ada *point* itu, silakan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah menjawab. Yang Berhormat tidak sempat masuk tadi saya beritahu kes ini dalam siasatan polis. Bagi mereka yang kena panggil, panggillah dan siapa yang belum kena panggillah sabarlah, polis sedang menyiasat. Bagi mereka yang telah membuat tuduhan dan juga bagi mereka yang terlibat dengan peristiwa Lahad Datu, "Tidak lari gunung dikejar, hilang kabus nampaklah dia".

Okey, berhubung dengan 40,000 orang sekali lagi bahawa tuduhan yang dibawa oleh pihak pembangkang satu permainan politik yang tidak bersih, yang membuat tuduhan kepada kerajaan sehingga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pergi ke negara yang berkenaan secara perli memberitahu bahawa kot-kot ada orang Bangladesh yang mengundi, kita hendak mengucapkan terima kasih tetapi tidak ada. Tidak ada orang Bangladesh, orang Afrika, orang Tanzania, orang Uganda atau mana-mana. Tidak ada sama ada memilih untuk menyokong pembangkang ataupun sebagainya. Akhir sekali Yang Berhormat...

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Minta laluan sedikit Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Tuan Yang di-Pertua, kita sudah tahu kesalahan nyata yang telah dibuat iaitu penipuan, pembohongan. Yang Berhormat Menteri kata tadi orang yang berbohong, orang yang menipu tidak masuk syurga. Jadi saya hendak tanya pihak kerajaan, Yang Berhormat Menteri apakah tindakan khusus yang harus diambil oleh orang-orang seperti ini? Pilihan raya akan berlaku sekali lagi nanti dan seterusnya pilihan raya akan berlaku, sudah tentu ada lagi masalah-masalah seperti ini timbul untuk masa-masa akan datang. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, yang pertama sekali 40,000 orang itu satu penipuan. Penipuan yang ketara, tidak perlu fikir dari jauh. Daripada segi logiknya kita hendak kena bawa 40,000 orang ini bererti kita kena bawa dengan kapal terbang. Kalau 707 pun yang boleh muat 400 orang, kalau 40,000 orang bermakna 1,000 buah kapal terbang, adakah 1000 buah kapal terbang? Kalau dikumpulkan beberapa buah negara di dunia ini untuk mengumpulkan kapal terbang, yang benda itu tidak logik yang kononnya kena bawa bas, bas itu 40 orang. Kalau 40,000 orang bermakna 10,000 buah bas. 10,000 buah bas, 10,000 buah bas untuk mengangkut orang. Selepas itu hendak mengundi di mana? Hendak mengundi dekat Selangor kah, dekat Selayang kah, dekat Tambun Tulang kah, dekat Arau kah, hendak mengundi di mana? Apabila mengundi pula, kita katakan dengan 'mamat' itu, selepas itu bagi kad seorang satu, "Ini kad pengenalan kamu seorang satu, nah!" sekian, sekian. Bolehkah kita buat? Daripada segi logiknya pun tidak betul.

Akan tetapi kenapa rakyat Malaysia boleh terikut-ikut, terkempen bersama-sama bahawa ada 40,000 orang yang dibawa masuk. Bohong! Ya Allah ya Tuhan ku, orang boleh percaya ini saya tidak tahu di manakah otak percaya masing-masing itu, otak percaya orang dan tidak percaya orang. Otak tidak percaya itu macam mana boleh dipengaruhi dengan kata-kata yang tidak logik oleh pihak pembangkang.

Tuan Saiful Izhah bin Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin bertanya sebab saya sudah mendengar banyak kali tentang 40,000 ini. Bolehkah Yang Berhormat Menteri jelaskan di manakah kenyataan ini diberikan secara spesifik ya, kerana ini pertuduhan spesifik Yang Berhormat Menteri ada menyebut tentang tindakan mahkamah dan sebagainya

■1440

Jadi, di mana kenyataan ini diberikan, oleh siapa dan bilakah? Supaya spesifiknya, bukan dipetik daripada surat khabar *Utusan Malaysia*. *Utusan Malaysia* ini dah kalah banyak kali dah dekat mahkamah kerana membohong. Ini yang spesifik. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya tak mahu sebutlah tapi kalau Yang Berhormat tanya saya, siapakah surat khabar yang paling kuat membohong? Saya bagi tahu, surat khabar *Suara Keadilan*lah. Kuat sungguh bohong. Kalau yang hak Keadilan, cerita hak yang Keadilan semua yang baik. Kalau *Harakah*, cerita yang PAS sahaja baik. Kalau *Utusan Malaysia*, kurang-kurangnya dia cerita secara keadilan. Kalau ada orang kami tak bagus, dia hentam *Utusan Malaysia*. Akan tetapi kita telah memburukkan surat khabar yang sebenarnya menjadi wadah perjuangan tok nenek kita dahulu. Kita ini kadang-kadang terlampau-lampau seolah-olahnya menghukum *Utusan* itu seolah-olahnya *Utusan* begitu, *Utusan* begini. Saya nak bagi tahu hangpa hidup di muka bumi ini wahai puak-puak Melayu, kerana perjuangan *Utusan*.

Jangan burukkan *Utusan* sampai ke peringkat demikian rupa, kasihan *Utusan*. Padahal berita-berita yang disiarkan oleh *Utusan* ialah berita-berita yang menceritakan apa yang berlaku, keadaan yang sebenarnya. Dia bagi keadilan. Keadilan bukan letak dekat *Suara Keadilan*, letak pada *Utusan Malaysia*. Saya nak bagi tahu 40,000 ini Yang Berhormat, kenyataan yang berbagai-bagai. Di antaranya termasuk dalam *Suara Keadilan*. Kenyataan, syarahan berapi-api di mana-mana tempat di seluruh Malaysia termasuk di Kangar, Perlis. Berapi-api tapi kalau Yang Berhormat nak tanya di manakah, cakap pasal 40,000 itu. Nampaknya sudah ada penafian pembangkang. Mereka tak cakup 40,000. Akan tetapi inilah isu yang digembar-gemburkan yang nak suruh Suruhanjaya Pilihan Raya berhenti...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada seorang lagi.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih kerana memberi peluang untuk saya menyampuk, untuk bertanya.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum daripada itu, saya nak maklumkan bahawa bersama kita hari ini, Yang Berhormat Datuk Haji Ishak bin Haji Mohammad, Yang di-Pertua Dewan Negeri Pahang ada bersama mengikuti persidangan pada hari ini [*Tepuk*] Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Dua perkara yang berkaitan, Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya dapat tahu tentang kenyataan seseorang individu yang menyebut tentang 40,000 itu sudah divideokan. Kalau sekiranya ada kesempatan untuk kita menayangkan video itu, sudi tak semua datang, semua hadir? Kita menafikan tetapi bila ada kesempatan untuk memberi bukti, kita lari. Jadi, saya rasa kalau umpamanya ada pengakuan daripada siapa yang masih ragu tentang individu yang membuat kenyataan tentang kononnya 40,000 orang itu datang, buat pengakuan. Kita tengok ramai-ramai Yang Berhormat, saya rasa Tan Sri boleh memperuntukkan masa dalam 20 minit untuk ini. Demi memperlihatkan bukti yang sahih tentang pembohongan itu, satu.

Kedua, saya hanya hendak mengulang kembali soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat sahabat di belakang tadi. Apa tindakan konkrit, tindakan undang-undang terhadap pembohongan yang jelas-jelas dilakukan ini yang menjejaskan banyak pihak, yang memperbodoh orang ramai. Apakah tindakan dia? Ini ulang balik soalan tadi, terima kasih. Jadi, ada dua soalan. Sudi tak pihak yang berkenaan sama-sama menonton video yang menayangkan pihak yang membohong itu, yang sedang berucap berapi-api dengan berbohong itu. Kedua, apakah tindakan akan dibuat? Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi, saya menyokonglah kalau Tan Sri bagi, kita tengok ramai-ramai. Saya percaya boleh panggil lagi pemerhati-pemerhati daripada pihak Keadilan dan juga lain-lain. Keadilanlah, DAP dengan PAS lain. DAP menerima pilihan raya, PAS menerima pilihan raya tetapi Keadilan tidak. Kesimpulannya, mereka sendiri pun berbeza pendapat. Kita panggil ramai-ramai tengok bahawa video kenyataan daripada pemimpin pembangkang berhubung tuduhan 40,000 Bangladesh. Tuduhan yang menyuruh ahli suruhanjaya berhenti. Ahli suruhanjaya nak berhenti pasal apa? Cuba bagi tahu pasal apa nak berhenti? Berhenti kerana ada pengundi hantu, dia kata iaitu 40,000 Bangladesh. Berhenti kerana ada *blackout*. Nak suruh orang berhenti dengan begitu mudah. Saya ingat itu tidak patut yang dibuat oleh akhbar *Suara Keadilan* dan kita bercakap, tak apa. Saya bercakap ini saya bertanggungjawab. Kalau mahkamah dunia tak selesai, mahkamah akhirat kita jumpa bahawa pembohongan tentang 40,000 orang, nak suruh ahli suruhanjaya berhenti ini ialah satu pembohongan yang melarikan diri sebenarnya.

Melarikan diri bahawa kita dah sudah kalah, kita tak mahu terima. Memang cerita bahawa mereka akan menang itu sudah merata-rata tapi tiba-tiba kalah, dia tak terima kekalahan. Macam di Sungai Limau, bila menang, Suruhanjaya Pilihan Raya baik pula. Kalau katalah mereka kalah itu, tentulah ada pengundi walaupun kita tahu bahawa pengundi di sebuah peti undi di Bukit Besar bahawa pengundi lebih ramai daripada penduduk sebab banyak orang yang pergi daftar masa dia mengaji dahulu, dia terus mengundi di situ walaupun dia tak bermastautin di situ. Terdapat pengundi yang bukan bermastautin di Sungai Limau. Akan tetapi kami, kami ini jenis puak-puak yang bagus, puak-puak Barisan ini. Puak-puak Barisan ini bukan suka bergaduh-gaduh dengan orang sangat, dia kira kalau rakyat dah hukum, hukum. Kalau rakyat dah sudah kata macam itu, kami ikut. Kami ialah orang yang mudah dan kami mencari pahala dalam kehidupan, kami tak mahu cari bala di sisi Allah SWT.

Berhubung dengan hukuman, hukuman ini terpulang kepada SPR, Tuan Yang di-Pertua. Kalau SPR buat laporan polis, lepas itu dia saman orang yang mengeluarkan kenyataan, ada kenyataan. Buat masa ini SPR jawab, kami tidak bercadang untuk mengambil apa-apa tindakan lagi. Jadi, itu terpulang tapi Enakmen Agama Islam Negeri-negeri, *clear*. Saya tahu, saya bekas Menteri Besar yang lama juga.

Terdapat undang-undang bahawa memfitnah itu ada undang-undang yang boleh dijatuhkan hukuman. Kalau negeri-negeri nak ambil tindakan, boleh tapi negeri-negeri pun tak tahulah. Ada 46 acara jenayah yang negeri boleh ambil tindakan dan menghukum pembawa fitnah tetapi belum ada negeri lagi yang berbuat demikian. Jadi, mufti-mufti, kadi dan juga MB boleh fikirkan menghukum pembawa fitnah ini kalau terkena dua, tiga orang hukum, saya ingat sudah tentu ia akan menjadi pengajaran kepada pihak yang lain. Negeri-negeri boleh ambil tindakan sebagai seorang Islam.

Orang Islam ini jangan pergi mengaku Islam sahaja tetapi kena ingat bahawa benda-benda yang besar yang mereka harus ikuti itu juga perlu diikuti. Saya hanya nak sebut contoh Tan Sri, satu, boleh? Masa banjir ini saya melawat di kampung Orang Asli bersama dengan Dato' Olian dan juga Senator Roslin semalam. Saya bawa mereka untuk menjadi saksi. Kita pergi sebuah kampung Orang Asli dan dia kata bila saya tanya agama apa, dia kata agama asli. Okey, tapi kami nak minta surau boleh tak? Saya kata boleh, kenapa? Dia kata ada orang Islam yang sebelah kampung itu masuk Islam tapi dia orang tak sembahyang, dia kata. Jadi, kena bagi surau dekat dia orang. Saya kata boleh, lulus serta-merta dan saya pernah pergi di Sarawak di Kampung Tabuan, situ semua orang Kristian.

Orang Kristian memohon surau kepada saya kerana ada anak-anaknya yang bekerja di hotel berkahwin dengan orang Islam dan mereka tidak ada tempat untuk memasak. Jadi, mereka minta sebuah surau untuk mereka beribadah. Mereka berpegang pada prinsip kalau masuk Islam, kena solat dia kata. Kalau dah masuk Islam dia bagi tahu orang-orang sesama mereka, kena solat. Itu yang orang nampak tentang Islam tapi orang Islam sendiri nampak bahawa di antara benda besar yang harus dipegang oleh orang Islam, elakkan diri daripada fitnah kerana fitnah itu lebih besar dosnya daripada membunuh. Jadi, saya harap saya telah menjawab kepada Yang Berhormat. Bila Yang Berhormat Senator Firdaus cadangkan video 20 minit, saya harap Keadilan tolong bawa ramai-ramai orangnya. PAS dan DAP saya tak pasti, untuk melihat video siapa yang bercakap pasal 40,000 orang itu. Boleh Yang Berhormat? Yang Berhormat tentulah dah setuju.

Tuan Saiful Izhah bin Ramli: Boleh sangat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ha boleh sangat. Jadi, Yang Berhormat kata boleh sangat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau tadi ada tanya sama ada Tuan Yang di-Pertua setuju atau tidak, saya fikirkan jangan gunakan sini. Kita pergi tempat lain tak apa. Jangan gunakan Dewan yang mulia ini untuk tayangkan perkara itu, saya fikir dan saya cadangkan Yang Berhormat adakan di tempat yang sesuai. Tidak di Dewan dan panggil dia orang semua. So, saya fikir di Dewan Negara bukan sesuai untuk ditayangkan perkara macam ini. Kedua, takut pada satu hari nanti itu akan jadi bahan bukti dalam mahkamah dan kita tidak mahu perkara-perkara ini dijeopardize. Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Okey. Terima kasih tetapi di Dewan ini kita tertakluk dengan undang-undang, kan?

Tuan Yang di-Pertua: Tak, kalau boleh bukan di Dewan ini, di bangunan kita ini banyak tempat macam di bankuet pun ada tapi tidak di Dewan yang mulia.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Okey, kalau Tan Sri Yang di-Pertua tidak boleh, kita boleh bagi kebenaran di dewan bankuet.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan bankuet lagi selesai.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Okey. Jadi, kebenaran Tan Sri Yang di-Pertua itu diucapkan setinggi ribuan dan terima kasih. Ini bukan nak tunjuk nak berkempen, sebab ini permintaan daripada PKR sendiri supaya ditunjukkan bukti siapa yang bercakap tentang 40,000 orang tersebut. Jadi, video pun telah dalam *YouTube*, Yang Berhormat boleh akses dekat *YouTube*, boleh tengok sekarang. Oleh sebab pihak pembangkang suka *YouTube*, kan? Banyak fitnah yang diedarkan dalam *YouTube*. Okey, kemudian saya menjawab Yang Berhormat yang...

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada bangun seorang Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada satu soalan yang saya hendak tujukan kepada Yang Berhormat Menteri.

■1450

Antara tahun 2010 sehingga tahun 2013, 1.8 juta MyKad telah hilang. Kalau kita rujuk tahun 2013, setengah juta yang hilang. Di negara ini, hanya mereka yang mempunyai MyKad boleh buang undi. Di sini saya hendak tanyalah, adakah kerajaan telah membuat penapisan untuk menentukan yang buang undi itu warga negara yang tulen dan bukan warganegara secara automatik? Ini yang pentinglah. Tidak payah kita hendak mempertikaikan tentang 40,000 undi hantu semua. Ini yang penting. Kalau 1.8 juta telah hilang dalam tempoh masa empat tahun dan setengah juta hilang pada tahun 2013 iaitu tahun pilihan raya di antara setengah juta ini berapa ramai yang buang undi, yang dapat kita kesan?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Walaupun ini kita boleh bincang dalam Kementerian Dalam Negeri nanti tetapi saya hendak beritahu Yang Berhormat perkara yang pendek sahaja bahawa mereka yang hendak mengundi mestilah warganegara Malaysia. Keduanya, IC yang tipu ini kita boleh *detect* dan kita boleh kesan. Saya ingat tidak ada masalah sebab apa pendaftaran pemilih ini dia tidak boleh lari daripada orang yang mendaftar pemilih itu mengundi. Kecuali dia kata ada orang mati. Orang mati ini orang matilah. Orang mati tidak boleh mengundi, yang boleh mengundi orang hidup sahaja.

Jadi, sama ada orang itu pendatang atau pun tidak kita kena ingat bahawa lihat data pemilih. Kalau dia curi kad itu, dia kena buang gambar dia, hendak kena letak gambar dia. Jadi, takkan nama Jamilah binti Ahmad hendak letak gambar lelaki. Dia kena letak gambar perempuan. Gambar perempuan siapa dia? Yang curi itu siapa dia? Yang hilang dekat mana? Ini satu benda yang kita tidak boleh samakan dengan tuduhan tadi. Kalau tuduhan, kita kena ada asas dan bukti yang kukuh dan kita tidak boleh kata pula yang hilang itu, ini semua menyokong Barisan. Kalau menyokong Barisan, saya ingat kita tidak jadilah apa yang terjadi. Jadi, sukar untuk menuduh bahawa kita ambil sekumpulan kad pengenalan untuk membolehkan mereka itu menyokong Barisan. Tidak, tidak mungkin boleh berlaku.

Kalau Yang Berhormat boleh buktikan satu sahaja cukup. Ada saya tengok dalam video satu telah dibuktikan iaitu seorang yang rupa macam Bangla telah dipukul. Tengok-tengok penyokong PAS sendiri. Jadi Yang Berhormat kena fikir bahawa tidak mungkin benda itu boleh berlaku dan sukar berlaku. Kalau Yang Berhormat kata boleh berlaku, tunjukkan cara pada saya, macam mana boleh berlaku untuk membolehkan saya berpuas hati. Pada masa sekarang ini saya dapati bahawa ini merupakan tuduhan reka, reka untuk membolehkan mereka seronok menuduh bahawa SPR itu harus berhenti dan sebagainya. Kalau SPR terlibat, saya tengok cara penyusunan di pejabat SPR itu, orang yang hendak akses dengan komputer itu bukan sembarangan orang dan kita tidak boleh tukar orang-orang, pengundi-pengundi yang telah pun didaftarkan, namanya telah disenaraikan di sana. Mereka tidak boleh tukar, kecuali mati, yang lain tidak boleh daftar.

Macam mana kita hendak masukkan data. Kemudian daftar pemilih yang baru dipamerkan. Ada tidak nama Ahmad Bangla? Tidak ada. Dipamerkan, semua orang tengok. Kaki yang kuat menengok daftar pemilih ini ialah orang-orang PKR, dari DAP. Dia yang pergi tengok. Kami Barisan tidak pernah tengok apa pun. Kami pakai harap sahaja, pakai mengharapkan bahawa sistem itu memberi keadilan kepada kami. Jadi itulah menyebabkan Allah bagi rahmat kepada Malaysia ini dan Barisan terus berada di sini. Terima kasih.

Sekarang saya jawab mengenai PR1MA. Dengan ini Ahli Dewan Negara berpuas hati bahawa PRU ke-13 telah dilaksanakan dengan begitu baik, bersih dan tidak perlu diuar-uarkan penipuannya dan Suruhanjaya Pilihan Raya telah menjalankan tugasnya dengan baik.

Terima kasih kerana Senator daripada pembangkang yang semua baik-baik belaka ini. Tidak mungkin mereka hendak *argue* pun, bertanya sedikit-sedikit sahaja, sebab apa syarat. Nanti kalau tidak tanya nanti balik ke rumah akan ditanya soalan kenapa tidak bantai sedikit? Padahal yang dilantik ini semua orang baik-baik, bertaraf ustaz belaka. Jadi, tidak mungkin mereka, walaupun mereka daripada orang bukan Islam tetapi baik. Cuma mereka bertanya ini syarat sebab dia orang pembangkang, adalah dalam berita akhbar bahawa mereka tanya soalan. TV pun sedang merekodkan. Saya pun kena perhati TV elok-elok ya.

Okey ini mengenai PR1MA, mengenai PR1MA Yang Berhormat. Pada masa ini sebanyak, saya beri contoh Putrajaya Holdings telah melaksanakan pembinaan rumah yang melibatkan 761 orang pemohon yang telah berjaya untuk memiliki rumah tersebut. Rumah ini dibina oleh Putrajaya Holdings dan PR1MA terlibat dengan pengagihan rumah. Pengagihan rumah yang dibuat oleh PR1MA sekarang ini dibuat pendaftaran terbuka. Semasa saya bercakap di Dewan Rakyat hari itu kita ada 200,000 orang. Selepas itu, bila Dewan Rakyat habis saya dimaklumkan 250,000 yang membuat pendaftaran terbuka. Hari ini saya dimaklumkan bahawa sudah 300,000 orang tanpa kempen untuk mereka dapatkan rumah PR1MA. Jadi Yang Berhormat telah timbulkan itu ia melibatkan 761 orang dan pada tahun hadapan kita dapatlah riuh rendah tentang perkara ini.

Yang Berhormat sedia maklum bahawa pendaftaran sekarang sebanyak 300,000 dan kita tahu bahawa PR1MA ini adalah untuk mereka yang bergaji di antara RM2,500 sehingga RM7,500 dan rumah yang akan dibina ialah rumah yang bernilai RM100,000 sampai RM400,000 dan mereka boleh memohon PR1MA ini sebagai rumah kedua. Rumah kedua boleh, rumah ketiga tidak boleh. Jangan mempoligamkan pula rumah. Rumah kedua boleh, rumah ketiga tidak boleh. Maksud kata kalau dia rumah Tan Sri, ada rumah di sebuah tempat yang lain, di Melakakah, kemudian dia mari di KL ini, dia bekerja di Kuala Lumpur, dia boleh memohon PR1MA sebagai rumah yang kedua. Akan tetapi selepas dia memohon PR1MA, kemudian selepas itu dia hendak minta yang ketiga tidak boleh, tidak layak. Cuma, kita bagi untuk permohonan kali kedua, yang ketiga tidak boleh.

Akan tetapi ada benda Yang Amat Berhormat akan umumkan pada tahun ini atau pun awal tahun depan iaitu bagi mereka yang memohon pinjaman bank tetapi tidak layak, tidak lulus mereka jangan kecewa dan timbul rasa di sanubari dan asmara sebab mereka ini akan dipertimbangkan satu skim yang kita akan maklumkan nanti. Skim ini skim yang selalu kita buat tetapi ini yang diperkenalkan oleh PR1MA iaitu PR1MA tidak akan mengecewakan rakyat, PR1MA sentiasa bersama dengan rakyat, PR1MA tidak cakap besar, PR1MA walaupun ada staf yang minimum tetapi mampu untuk melaksanakan 80,000 seunit setahun.

PR1MA pula baru buat tahun ini dan kita diberi RM1 bilion untuk 80,000 unit. Akan tetapi kita ingat 80,000 unit bukan harga RM1 bilion. Kalau tidak, jatuhnya dalam berapa puluh ribu. Ini ialah yang PR1MA modal untuk membina 80,000 unit. Lepas itu ia akan diiringi dengan pembayaran berdasarkan pembangunan perumahan yang kita buat. Jadi, kita berharap kehadiran PR1MA ini mampu mengurangkan masalah rumah. Keduanya, mampu untuk menggalakkan orang-orang yang berpendapatan RM2,500 ke RM7,500 mempunyai rumah di bandar. Kita akan membina rumah-rumah ini di pinggir bandar.

Kemudian yang keduanya, *bachelors* baru keluar universiti dan baru kerja juga layak untuk mohon PR1MA. Jadi, PR1MA ada rumah ada sebuah bilik, 1+1, 1+2 dan juga 1+3. Semua orang berpuas hati, tidak tanya tentang soalan PR1MA.

Kemudian, pasal ICU. Ini seorang yang bercakap pasal ICU. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak maklum Dewan Rakyat dia lain tahu. Dewan Rakyat fokus lebih kepada dua, tiga perkara. Akan tetapi di Dewan Negara saya tengok paling banyak bercakap adalah pasal JPA. Ini saya hairan, perbezaannya kerana di Dewan Rakyat saya cuma ada dalam berapa belas JPA tetapi yang paling banyak mengenai SPR dan sebagainya. Akan tetapi di Dewan Negara ini mereka bagi perhatian kepada JPA. Nampaknya pakcik-pakcik di sini cukup prihatin kepada anak cucu dan juga masa depan. Jadi saya berterima kasih sebab mereka prihatin kepada pencen, kepada ini. Bagus. Dewan Negara ini Dewan yang hebat. Terima kasih.

Akan tetapi saya masih Dewan Rakyat. Mungkin selepas sepuluh tahun agaknya Dewan Negara. Tidak tahulah, *wallahualam*. Orang Perlis senyum tengok.

Okey Yang Berhormat Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin meminta supaya Dewan Negara juga mendapat peruntukan macam Dewan Rakyat. Yang Berhormat Dewan Rakyat ini kita bagi mengikut Parlimen. Parlimen, sesiapa pun boleh memohon untuk peruntukan. Demikian juga Dewan Negara. Kita peruntukkan tiap-tiap Dewan Negara itu sedemikian rupa punya jumlah. Jadi, semua orang boleh memohonlah, memendekkan cerita. Itu jawapan secara rasminya. Terima kasih. Semua orang berpuas hati...

■1500

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: *[Bangun]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya pun berpuas hati.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah sedikit? Saya hendak minta supaya Menteri kaji balik untuk peruntukan Dewan Negara, sedikit sangat. Cuma RM200,000 untuk tiga tahun. Bolehkah kerajaan menaikkan balik supaya RM200,000 untuk satu tahun. Jadi untuk satu penggal, RM600,000. Bolehkah? Sudah lama isu ini.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, kadang-kadang ia ini macam *overlap* sedikitlah. Ada yang Ahli Dewan Negara memohon peruntukan daripada Dewan Rakyat dan sebagainya. Saya ingat benda itu tidak ada masalah kepada Ahli Yang Berhormat. Jadi pohonlah, pohonlah kamu sebelum kamu dipohonkan *[Ketawa]* Seramai empat orang...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Pohon sudah lama, tidak dapat, buat apa pun *[Ketawa]* Pohon, pohon tetapi tidak dapat-dapat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Sabar itu separuh daripada iman *[Ketawa]*

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: *[Bangun]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, sekarang ini saya menjaga ICU.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Yang Berhormat, tengok Selangor mereka sudah naik gaji, cepat-cepat sudah naik gaji. Sini kita berapa lama tanya pun tidak ada apa-pun naik *[Ketawa]* Macam mana?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Okey, fasal gaji itu saya akan jawab di bawah Parlimen. Akan tetapi tidak apa, sekarang saya boleh jawab. Boleh atau tidak saya pergi kepada Kepala Parlimen terus? Tadi ICU, ICU Yang Berhormat pohonlah. Sekarang saya Menteri yang menjaga ICU, pohon. Kalau ICU tidak hendak beri, saya pun tidak mahu jawab ICU sudah. Sekarang saya jawab ICU, saya bertegas.

Kalau Yang Berhormat mohon, dan bagus permohonan tersebut, tidak ada masalah. Kita akan tolong. Macam tadi permohonan untuk bina surau di Kampung Hembus di Maran. Itu saya tidak mahu beri permohonan itu kepada kerajaan sebab saya teringin hendak buat pahala. Jadi saya akan pertimbangkan surau itu untuk kawan-kawan yang hendak cari pahala. Macam permohonan surau ini banyak yang dipohon, saya tidak beri permohonan itu kepada kerajaan, tetapi saya beri kepada kawan-kawan saya yang hendak cari pahala. Ini perlumbaan kita sebagai amanah Allah. Firman al-Quran... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Bermaksud, berlumba-lumbalah membuat kebajikan.

Berhubung dengan Yang Berhormat yang membangkitkan pasal Parlimen. Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin Samad, Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah dan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan. Jadi yang pertama sekali ialah pasal *internet*. Yang Berhormat, bulan Mac ini Parlimen bersidang, kita akan lihat *internet* berwajah baru *[Tepuk]*

Kita akan lihat bahawa bukan sahaja kita berwajah baru tetapi kita boleh berkomunikasi. Yang Berhormat Senator Puan Roslin boleh, "*Hai! Hai!*" kepada saya, saya boleh, "*Hai! Hai!*". Jadi, kita boleh berkomunikasi. Sekarang bolehlah pakai *handphone*. Akan tetapi kita menggunakan *internet* ini untuk kita sampaikan maklumat.

Kita tengok kadang-kadang ada pihak pembangkang ini dia mendapat maklumat daripada orang yang hantar maklumat dan dia bercakap. Ini kita boleh menghantar maklumat melalui komputer. Kita panggil tender, tender ditutup. Tunggu habis Dewan Negara, terus kontraktor masuk dan kita akan berwajah baru. Kita akan buat serta-merta.

Kemudian, berhubung dengan Ahli Dewan Negara yang tidak boleh hadir semasa bajet, duduk di kawasan pemerhati. Jadi Yang Berhormat, inilah yang tinggal kepada kita. Bukan ini, ini yang tinggal. Sementara bangunan baru hendak baru hendak siap, ini yang ada kepada kita. Kita tidak boleh buat Persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara bersekali sebab kita pakai dewan yang sama kecuali Tuan Yang di-Pertua dan Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia berbincang dan mereka hendak mengadakan bajet di satu tempat yang lain, itu kita boleh pertimbangkan. Saya cuma mengikut arahan daripada ketua-ketua yang hebat ini. Walau bagaimanapun, mereka kata Parlimen tidak sesuai dibuat di tempat lain. Di sini, walaupun kita terpaksa membuat satu perubahan yang besar berhubung dengan tempat duduk, kita potong sedikitkah di sana supaya tidak nampak yang Ahli Dewan Negara ini berada di tempat pemerhati, kita boleh berbuat sedemikian. Cadanglah, cadanglah kamu sebelum kamu dicadangkan...

Tuan Saiful Izhah bin Ramli: [Bangun]

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Okey kemudian, taska. Taska ini kalau ikut program ...

Tuan Saiful Izhah bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, pembetulan tadi Tuan Yang di-Pertua. Saya masih ingat lagi tentang ucapan membahaskan perkara tersebut. Yang dibangkitkan, bukan lebih kepada tempat duduk tetapi ucapan bajet itu yang tidak diberikan kepada Ahli-ahli Dewan Negara. Sedangkan ada yang meminta tetapi tidak diberikan juga. Itu persoalannya. Bukan pasal tempat duduk. Tempat duduk, okey. Tengok dari atas cantik juga...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Akan diberi.

Dato' Khairudin Samad: Tuan Yang di-Pertua, mohon...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya akan pastikan juga sebab semua kita berhak untuk kita mendapat satu *copy*.

Dato' Khairudin Samad: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan. Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua, yang saya maksudkan pada hari itu di atas memanglah cantik tetapi sepatutnya bukan kita kata di tempat publik. Maksud saya, pada hari itu pegawai-pegawai bukan ramai. Sekurang-kurangnya Ahli Dewan Negara ini duduk sekali. Bukan kita suruh duduk sekali di sini tetapi di belakang ini. Akan tetapi kami diletakkan di atas, buku tidak dapat, fotostat, fotostat pun tidak dapat. Itu maksud saya.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua bersetuju? Kalau bersetuju, saya pun bersetuju, tidak ada masalah. Ingat tidak ada masalah. Bajet kalau Yang Berhormat hendak supaya duduk sekali, di sekaligus, *insya-Allah*. Akan tetapi kita akan duduk bajet sekali, bajet depan sekali, selepas itu kita ada dewan baru yang cantik dan indah. Tidak ada masalah sebab tender telah ditutup dan kita *insya-Allah*, kita akan mulakan kerja dalam bulan Januari iaitu pembaikan di Dewan yang lama. Dewan lama ini kalau hendak perbaiki dalam tempoh enam bulan pun boleh tetapi sebab hendak mengambil nilai-nilai estetika itu hendak supaya *colour* sama dan sebagainya, itulah yang menjadi sampai dua tahun.

Kemudian, fasal taska. Taska ini kita akan buat pada tahun hadapan, pada bulan Julai. Akan tetapi saya ada minta kepada Ketua Pentadbir Parlimen tadi, Dato' Lamien supaya dibuatkan pada bulan Januari. Saya katakan kalau terpaksa buat dalam khemah, buatlah khemah. Budak-budak pun suka bermain dalam khemah. Lagi dia seronok. Lagi taska kita akan mendapat sambutan.

Berhubung dengan sama ada Parlimen ini ada kuasa autonomi, Parlimen memang ada kuasa autonomi. Memang Dewan Negara dan Dewan Rakyat ini, bebas. Cuma pentadbirannya sebab yang melibatkan belanjawan dan lain-lain lagi, ia masih terikat dengan kerajaan.

Ini kerana kita menghantar pegawai-pegawai ini yang ada grednya, Gred JUSA 'A', JUSA 'B', JUSA 'C'. Jadi ia tidak- yang itu ia masih dengan kerajaan. Pada masa sekarang saya ingat tidak ada masalah. Pegawai-pegawai Parlimen ini memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pembangkang dan juga Barisan Nasional. Kadang-kadang saya pun rasa, "Eh! Saya ini kurang dilayan". Selepas itu pembangkang ini kadang-kadang rasa kurang dilayan, tetapi kita sebenarnya mendapat layanan yang saksama daripada pegawai-pegawai Parlimen dan mereka tidak mengira parti. Itu yang hebat.

Saya dahulu masuk Parlimen lebih awal daripada kebanyakan Yang Berhormat- Yang Berhormat, saya lihat suasana lain. Lain dahulu lain sekarang. Jadi sekarang kita lihat perkhidmatan yang cukup hebat dan kita ucap terima kasih. Kita beri tepukan bergendang kepada pegawai-pegawai yang telah memberikan perkhidmatan kepada kita [*Tepuk*] Pihak pembangkang tidak tepuk pun, "Awat ini?".

Berhubung dengan...

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua, saya mencelah sedikit Yang Berhormat Menteri. Saya berterima kasih banyak atas jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tadi. Di sini kita layan sama sahaja. Pembangkang atau tidak pembangkang, sama sahaja. Akan tetapi saya hendak bertanyalah dengan Yang Berhormat Menteri, kalau kita pergi ke tempat pembangkang, dia layan atau tidak orang Barisan Nasional macam kita layan pihak pembangkang di sini? Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Jawapannya tidak. Jadi, kalau kita pergi ke negeri pembangkang, kita kena bawa kereta kita sendiri walaupun kita sebagai Menteri, kita tidak dapat benda itu. Akan tetapi kalau mereka datang tempat kita, kita beri. Tidak dapat. Saya sebagai Menteri, sepatutnya dapat kereta.

Tuan Saiful Izhah bin Ramli: [*Bangun*]

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tidak ada. Saya kena sewa teksi kadang-kadang.

Tuan Saiful Izhah bin Ramli: Sedikit pembetulan. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa mungkin Menteri yang berkenaan tidak menyemak kedudukan terkini bagaimana Kerajaan Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri Selangor menaiktarafkan kedudukan Ketua Pembangkang hampir setaraf dengan Exco. Saya rasa mungkin perkara tersebut boleh dijadikan ikutan sama ada di peringkat nasional atau mana-mana negeri. Tidak kisahlah sesiapa pembangkang pun. Akan tetapi pengiktirafan institusi tersebut harus diberikan dan jangan kita buat cerita, di tempat pembangkang tidak ada. Sama sahaja. Institusi Parlimen, Dewan Undangan Negeri itu seharusnya menjadi badan bebas. Apa yang ada di dalam itu hanyalah ahli politik yang berbeza parti. Jadi kita jangan kata ini negeri pembangkang, ini negeri bukan pembangkang. Mana ada negeri pembangkang. Saya pun tidak faham negeri pembangkang ini macam mana. Terima kasih.

Dato' Maznah binti Mazlan: [*Bangun*]

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Kira Yang Berhormat, nombor satu.

Dato' Maznah binti Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, mohon. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya ingin menambah apa yang ditanyakan oleh rakan saya Yang Berhormat Senator bahawa saya rasa kalau kita tengok di Pulau Pinang, di situ telah ada bukti yang menunjukkan bahawa Ketua Pembangkang di sana bukan sahaja memberi gelaran, panggilan di Dewan itu yang menjejaskan air muka dan juga perasaan di mana telah menuduh, memanggil Ketua Pembangkang- minta maaf, kerajaan telah memanggil Ketua Pembangkang di Pulau Pinang dengan gelaran 'nenek' dan juga... [*Disampuk*] Dan racist. Saya rasa, saya tidak boleh bayangkan Yang di-Pertua di Dewan yang mulia kita ini berbuat sedemikian. Jadi saya rasa memang ada bukti bahawa mereka tidak adil dan saksama di sana. Terima kasih.

■1510

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Terima kasih. Pertama pada Yang Berhormat, Ketua Pembangkang tidak dapat layanan- saya hendak beritahu masa bajet 2012, kita bentang 2011, sepatutnya kita laksanakan elaun Ahli-ahli Parlimen pada tahun 2012.

Akan tetapi kita tangguh ke tahun 2013 dan dalam bajet itu kita masukkan menaikkan taraf Ketua Pembangkang ke tahap yang hebatlah. Di antara yang terbaik dalam dunia. Akan tetapi siapa yang menentang? Penentangan datang daripada pembangkang. Pembangkang dua, tiga orang kata, tidak perlu Ahli-ahli Parlimen dinaikkan taraf.

Saya menjawab sekali ini ialah soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin berhubung dengan Kabinet. Mereka menolak. Sekarang ini barulah Ketua Pembangkang telah menghantar surat baru-baru ini kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga kita sudah bawa perkara ini dalam Kabinet dan kita lihat bahawa ada sokongan padu 100 peratus daripada semua pihak supaya elaun Ahli-ahli Parlimen yang cukup rendah ini dinaikkan. Malah saya menerima rombongan dari luar negara, yang terakhir saya terima dari Uganda, yang lain-lain semua elaun mereka di antara USD3,000 ke USD11,000 kecuali Uganda. Uganda cuma USD2,500. Tuan-tuan bayang Uganda, USD2,500. Cuba darab dengan tiga. Kita yang paling rendah. *Cambodia* sendiri, negeri itu dibayar kepada Ahli-ahli Parlimen dia USD4,000 *plus* satu. Makna USD5,000. Indonesia cukup tinggilah. *Singapore* yang paling tinggi.

Yang Berhormat, Thailand pun memberi USD4,000 sebulan kepada Ahli-ahli Parlimen. Malaysia tuan-tuan tengok cuma RM6,000 bersamaan dengan USD2,000 sebulan. Kita rendah, Ahli-ahli Parlimen datang jumpa saya dan penghabisan sekali saya sebut Uganda tadi, dia bawa kopi Uganda bagi pada saya, yang saya gunakan untuk tetamu-tetamu yang datang ke bilik kaca. Saya hendak bagi tahu elaun mereka lebih tinggi daripada kita. Itu negeri yang di antara termiskin di dunia. Oleh sebab ahli Parlimen itu juga pegawai kebajikan. Mereka setuju kita juga kena bagi perkhidmatan kepada orang lain, sama ada Senator atau wakil rakyat kah, orang ramai tidak peduli, dia kira ada Yang Berhormat, dia datang ke rumah dan dia meminta. Kalau tidak bagi, dia cerita dekat orang, dia kata Yang Berhormat...

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Tuan Yang di-Pertua, pohon laluan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Bagi saya masa sekejap Yang Berhormat. Jadi Yang Berhormat, usaha kerajaan untuk memperbaiki semua pihak telah kita buat. Akan tetapi pembangkang untuk tujuan politik menentang. Sekarang mereka menyokong, kita akan pertimbangkan semua itu dalam tahun depan, termasuk ini elaun Mesyuarat Ahli-ahli Parlimen telah pun kita setuju, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri setuju untuk dinaikkan.

Jadi, Ahli Yang Berhormat Dewan Negara dan juga Dewan Rakyat akan mendapat elaun baru mulai dari tahun depan. Akan tetapi elaun lain akan disamakan. Sudah pasti kita tidak boleh buat kenaikan yang begitu mendadak seperti yang berlaku di mana-mana negeri tetapi sudah pasti ia akan diselaraskan. Dalam peraturan kenaikan gaji di Malaysia ini, Parlimen naikkan gaji dahulu. Selepas itu Dewan negeri ikut tetapi sekarang ini sudah jadi terbalik. Dewan Negeri naikkan dahulu, Parlimen hendak kena ikut.

Jadi kita telah melanggar etika, etika Parlimen Malaysia dan juga Dewan Undangan Negeri. Tidak pernah negeri naikkan elaun dahulu daripada kita. Akan tetapi sejak pembangkang datang kacau, ambil alih dua, tiga buah negeri. Jadi negeri pergi naik dahulu kemudian kita baru hendak ikut. Kita rasa agak malu sedikitlah. Ahli Parlimen malu, Dewan Negara pun malu, semua pihak malu. Yang Berhormat boleh tidak, Yang Berhormat ini sudah bangun dahulu tadi...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tidak apa Yang Berhormat ya.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Selepas Yang Berhormat ini pasal gelaran ini, gelaran. Ini pembangkang cakap hebat. Yang Berhormat saya tidak tahulah. Pembangkang mengeluarkan kata-kata *racist* kepada Ketua Pembangkang di Pulau Pinang. Saya ingat sebagai orang Melayu di sini, orang Cina, orang India, kita tidak mahu benda ini berlaku. Tidak boleh buat macam itu. Bukan saya kata *racist*, malah seorang daripada wakil rakyat mereka maki kepada pegawai kerajaan. Dia kata apa? [*Disampuk*] 'Kucing kurap'.

Maki kepada pegawai kerajaan tetapi pegawai kerajaan yang menyokong pembangkang itu tidak sedar-sedar lagi, kena maki. Polis pun kena maki, polis yang tahan trafik kadang-kadang kena maki “*Woi, you rasuah*”. Akan tetapi kalau masa *accident* cari polis. Kena tembak cari polis, semua cari polis tetapi maki polis sampai di luar batasan kemanusiaan.

Jangan buat macam itu, ini bukan taraf rakyat Malaysia untuk cakap demikian rupa. Hendak jadi negara maju, cakap pun biar maju ya. Jangan cakap- saya minta supaya ketua pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang tarik balik perkataan “*racist*” yang digunakan kepada Ketua Pembangkang di Pulau Pinang dan termasuk perkataan “nenek”. “Nenek” itu mungkin nenek betul kita ya?... [Disampuk] “Kucing kurap” tidak bolehlah. Nenek itu- okey, tidak apalah saya...

To’ Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih banyak Yang Berhormat Menteri. Saya cukup bangga terutama pada hari ini mendengarkan jawapan yang begitu padat, prihatin dan sangat menitikberatkan tentang perjuangan Barisan Nasional atas jawapan Yang Berhormat Menteri tadi. Saya juga berbangga pada hari ini, dua orang Yang Berhormat Senator kita mengangkat sumpah buat penggal kedua. Cuma saya mencadangkan Yang Berhormat Menteri, mudah-mudahanlah diselaraskan perlantikan, yang perlantikan di bawah pusat supaya kedua-duanya Ahli Dewan Negara ini daripada calon negeri mahupun calon pusat itu diselaraskan untuk kedua-duanya untuk dua penggal. Jadi, itu cadangan saya melihatkan Yang Berhormat Menteri tadi menjawab dengan penuh rasa tanggungjawab tahu apa isi hati Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara pada hari ini. Terima kasih.

Dato’ Seri Shahidan bin Kassim: Yang itu *insya-Allah*. Segala apa yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat, kalau saya tidak jawab di sini sudah pasti saya akan membisikkan di telinga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat untuk membantu sedikit Dewan ini. Bahawa mengikut Perlembagaan kita, Ahli-ahli Dewan Negara ini ada dua kategori. Pertama, pelantikan dua orang tiap-tiap negeri yang mesti dipilih daripada Dewan Undangan Negeri yang berkenaan. Contohnya kita ada 13 buah negeri termasuk Sabah, Sarawak. Kita ada 26 Ahli Yang Berhormat di Dewan Negara dipilih daripada Dewan Undangan Negeri dan keputusan itu dihantar kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara dan tidak perlu pergi ke Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Itu pelantikan negeri. Contoh, Yang Berhormat semua tengoklah kalau dari Kelantan saya terima pencalonan atau pun keputusan daripada Dewan Undangan Negeri Kelantan. Begitu juga di Pulau Pinang, yang lain-lain itu adalah budi bicara yang dilantik dari Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan dengan atas nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagaimana semuanya.

Kalau hendak diselaraskan, saya rasa perkara itu kena mengambil kira terlebih dahulu. Bagi di peringkat negara yang lain, pelantikan Federal, itu terpulang kepada budi bicara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang perlu mengambil kira kedudukan masyarakat kita. Contohnya OKU baru sahaja dilantik tetapi tidak ada mengatakan mesti lantik seorang OKU dalam Dewan Negara. Ini terpulang kepada budi bicara mengikut keadaan semasa. Tidak semua orang OKU boleh jadi. Kalau NGO- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempunyai satu pemikiran pertimbangan untuk menentukan tidak ada pihak terpinggir. Itu memang sudah ada tetapi kalau hendak selaraskan itu, begitu juga kedudukan parti-parti ya. Itu terpulang pada parti-parti yang berkenaan, kalau parti wakil MCA contohnya dia tidak mahu orang MCA dua penggal. Akan tetapi budi bicara ini serahkan kepada parti-parti yang berkenaan. Itulah pengalaman dan kita jalankan tetapi hendak diselaraskan Yang Berhormat, mungkin agaknya Yang Berhormat kena bincang di peringkat Kabinet dahulu. Sekian, terima kasih.

Dato’ Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Yang Berhormat...

Dato’ Seri Shahidan bin Kassim: Jawapan Tuan Yang di-Pertua itu jawapan sayalah.

Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak mencelah sedikit. Bagaimanakah kalau tempoh penggal tiga tahun itu ditambah sekurang-kurangnya empat tahun kah? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh Yang Berhormat jawabnya. Dewan Negara mengikut perlembagaan hanya dua penggal sahaja maksimum. Tidak kira Tuan Yang di-Pertua atau siapa-siapa sahaja. Maksimum dua penggal dan sekurang-kurangnya satu penggal. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Kalau kita hendak tambah itu kita kena pinda perlembagaanlah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya ingat perlembagaan kalau dipinda di Dewan Rakyat, Dewan Negara akan sokonglah. Kalau tanya saya, satu penggal lima tahun dan dua penggal sepuluh tahun. Itu baru betul. Kalau tiga penggal ini ialah pemikiran masa kita buat perlembagaan Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan kita buat tahun 1956, 1957 kita merdeka. Itu otak semasa itu. Otak itu dia fikir tiga tahun sudah lama. Masa itu pun, jangka hayat manusia pun dekat umur 60 lebih sudah jalan. Akan tetapi sekarang jangka hayat 70 lebih, 71, 73. Sekarang sudah meningkat, lelaki 72, perempuan 74, 75 ya. Jadi, Oleh sebab berlaku perubahan itu dan berlaku pula perubahan pencen, dahulu pencen 55. Sekarang sudah pencen 60.

■1520

Saya rasa sudah sampai masanya Dewan Negara ini kita pinda kepada empat ataupun lima tahun sebab sudah berlaku perubahan, tapi ini mesti dipinda di peringkat perlembagaan dan mesti disokong oleh dua pertiga. Saya ingat yang ini mungkin pembangkang pun akan sokong dan saya cuba bawa benda ini untuk dipertimbangkan oleh pihak kerajaan.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: [Bangun]

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Dan akhir sekali untuk ini sebab saya dapat *warning* ini, dia kata jawab cepat. Kena berhenti, ya? Pegawai ini pun jangan beri amaran.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Tidak, saya ingin bawa beberapa...

Tuan Yang di-Pertua: Satu sahaja lagi Yang Berhormat untuk bertanya kerana kita ada banyak kementerian dan kita hanya dua hari sahaja. Okey, silakan.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Saya cuma buat pembetulan tentang kekeliruan fakta yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Pertama sekali tentang soal katanya pembangkang tidak setuju, menghalang, sedangkan kita kata pertimbangkan semula. Saya *privy* dengan perbincangan tersebut, surat-menyurat antara Ketua Pembangkang dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kita mencadangkan jangan hanya kenaikan dipertimbangkan tetapi juga elaun tetap kepada pembantu-pembantu supaya memastikan agar mutu perbincangan yang dibentangkan dalam Dewan ini sama ada di Dewan Rakyat mahupun Dewan Negara menjadi lebih baik dengan ada pembantu dan juga *researcher*.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Penyelidik.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Kerana itu kita minta tangguhkan dan pertimbangkan semula. Kita tidak tolak dan saya juga *privy* tentang surat-menyurat yang terakhir tentang soal kenaikan elaun ini. Itu yang pertama.

Yang kedua, saya katakan tadi sebelum tahun 2008, di Selangor dan di Pulau Pinang, institusi Ketua Pembangkang tidak pernah diiktiraf. Oleh sebab itu, dalam pindaan yang terbaru, cadangan kenaikan elaun dinaikkan semua tetapi yang paling penting ialah institusi Ketua Pembangkang di dua buah negeri ini dinaiktarafkan dan diiktiraf hampir sama dengan kedudukan Exco. Itu yang sepatutnya dilakukan oleh mana-mana kerajaan di mana-mana negeri terutamanya di peringkat persekutuan. Kalau itu boleh dipertimbangkan, saya rasa Malaysia akan bergerak dengan lebih baik dan juga dihormati di negara luar.

Bukan kerana gaji kita atau elaun kita rendah, tidak, tetapi kerana kemampuan kita untuk mengiktiraf amalan demokrasi sejajar dengan amalan demokrasi di mana-mana negara terutamanya di negara-negara Komanwel. Itu sahaja. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, saya hendak bagi tahu kepada Yang Berhormat pasal kenyataan itu. Kenyataan itu bila surat khabar *pickup*, semua orang *pickup*, dia kata pembangkang menolak. Yang Berhormat, di mana kita hendak simpan muka walaupun Yang Berhormat sebut kita hendak *researcher*. Parlimen sudah sediakan *researcher*. Sekarang Parlimen menyediakan *researcher* cukup untuk pembangkang dan juga Barisan Nasional untuk membuat *research*. Kita mempunyai *researcher* yang tetap di Parlimen. Ini kita sudah ada.

Kemudian, tiap-tiap parti ada pula *researcher* masing-masing. Sekarang ini di peringkat itu okey. Akan tetapi apa pun cadangan, bila pergi surat khabar, pembangkang menolak. Walaupun Ketua Pembangkang berjumpa dengan saya pada waktu itu dia kata dia tidak menolak, diminta tambah *researcher* tapi cara bercakap dalam surat khabar lain. Pembangkang menolak. Akhirnya kita kata pembangkang tolak. Surat khabar pula dia *pickup* macam-macam. Dia hendak ambil *mileage*, hendak ambil kesempatan supaya usaha baik kita itu disalahertikan. Sekarang ini, biar menanggung semua. Semua sengsara.

Akan tetapi kena ingat, di antara sengsaranya kita ini ialah kerana tindakan Ketua Pembangkang dan lain-lain lagi yang cuba cakap macam berbelit-belit. Cakap teruslah. Mahukah, tidak mahu, habis cerita. Mahu naik, habis. *Researcher* pun kita bincang. Ini teknikal. Ini *sat* mahu, *sat* tidak mahu. Sekarang sudah mahu tapi mahu pun sudah terlewat, orang itu sudah berhenti sudah. Ahli Parlimen baru pula ambil alih. Ini Ahli Parlimen baru pula ambil alihkan? Ahli Parlimen yang mencadangkan itu sudah banyak yang sudah berhenti ataupun bertukar tempat. Ini hendak bagi tahu bahawa lain kali kalau benda-benda macam ini, dalam bahasa Perlis ya, jangan *caboi* mulut. Hendaklah kita bagi kenyataan yang ikhlas.

Berhubung dengan yang keduanya ialah tentang taraf Ketua Pembangkang. Manakala Yang Berhormat tahu, apakah dia taraf Ketua Pembangkang kita hendak bagi? Sudah pasti kita tidak pernah buat benda yang kurang daripada Dewan Undangan Negeri. Dewan Undangan Negeri ini satu negeri- negeri dan satu Dewan Undangan Negeri yang kecil, tiba-tiba gaji lebih besar daripada Parlimen. Contohnya macam Dewan Undangan Negeri Kuching ya. Ahli Parlimen Kuching, dia juga Ahli Dewan Undangan Negeri. Yang kawasan kecil dia dapat gaji RM23,500, yang Parlimen dia dapat elaun RM6,000. Jadi tidak berapa seronok.

Demikian juga yang dari Selangor nanti. Menteri Besar Selangor gaji Menteri Besar RM29,000. RM29,000 ini elaun tetap, tidak termasuk elaun *plus-plus*. Mungkin sampai dekat RM48,000. Kemudian mari Parlimen, RM6,000. Padahal dia hanya satu Dewan Undangan Negeri sahaja dan Dewan Undangan Negeri di Selangor juga telah dinaikkan sampai ke tahap yang agak tinggi.

Jadi sebenarnya saya seharusnya minta supaya semua pihak bagi penyelarasan. Biar jangan Ahli Parlimen rendah daripada Dewan Undangan Negeri. Kalau tidak, tidak elok. Dia Dewan Undangan Negeri. Contohnya macam di Perlis. Satu Parlimen ada lima Dewan Undangan Negeri. Tiba-tiba Dewan Undangan Negeri lebih tinggi daripada Ahli Parlimen. Susah kita hendak buat kerja itu. Semua penyelarasan ini akan dibuat supaya semuanya akan jadi elok, *insya-Allah*.

Saya juga hendak menafikan bahawa Ketua Pembangkang kita tidak diberi pengiktirafan. Tidak. Dalam cadangan baru itu, Ketua Pembangkang akan dinaikkan ke taraf, bukanlah ke taraf dewa-dewa... *[Ketawa]* Ke taraf yang agak hebat sama seperti mungkin barisan di sini. Saya tidak ada masalah. Kita akan menyokong tentang Ketua Pembangkang tapi mulutnya itu yang capoi pada peringkat awal yang menolak itu yang menyebabkan jadi kelam-kabut kita. Yang Dewan Negara tidak perlu perjuangkan sebab Dewan Negara akan dinaikkan bersama. Dewan Rakyat naik, Dewan Negara automatik naik walaupun saya tidak berjumpa dengan Ahli Dewan Negara, saya jumpa Tuan Yang di-Pertua sahaja. Jadi kita akan naik bersamaan. Bersama-sama.

Okey, pasal Kabinet tadi saya telah sebutkan. Kemudian sekarang ini ialah benda yang besar yang sedang diperbincangkan ialah pasal JPA. Saya menjawab ini dengan fakta yang khusus. Yang Berhormat boleh beri perhatian sebab Dewan Negara ialah- pasal JPA, saya tidak pasti, dan saya tengok semua sekali yang ditimbulkan pasal kementerian ada tapi yang JPA ini banyak.

Jadi, Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad Yusof, Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid. Yang Berhormat Senator Tuan Saiful Izham, Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin, Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Saat bin Haji Abu, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Muhamad Yusof, Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Mashitah, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany, Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiaah, Yang Berhormat Senator Datuk Subramaniam dan Yang Berhormat Senator Dato' Maznah Mazlan. Ada lagi tidak orang lain yang telah timbulkan?

Kemudian yang keduanya, seperti Tuan Yang di-Pertua telah sebutkan, siapa yang tidak mari, kalau boleh kita tidak payah jawablah. Yang pertama ialah yang ditimbulkan pasal naik gaji. Jadi. pasal kenaikan gaji ini, keadaannya adalah seperti berikut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan gaji perkhidmatan awam termasuk perkhidmatan-perkhidmatan Polis Diraja Malaysia, angkatan tentera dan pegawai penjara setanding dengan beban tugas dan pengorbanan mereka serta mengurangkan kejadian rasuah, kerajaan telah mengkaji semula semua gaji dan memberi kenaikan sebanyak 7 peratus sehingga 30 peratus berkuat kuasa mulai 1 Januari 2012 berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil.1, Tahun 2012.

Di samping itu, berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil.2, tahun 2013, gaji maksimum dalam struktur gaji bagi setiap gred juga telah ditambah sebanyak tiga kenaikan gaji tahunan (KGT) untuk membolehkan pegawai yang berada di gaji maksimum menikmati pergerakan gaji tahunan.

Berkuat kuasa mulai 1 Julai 2013 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil.5, tahun 2013, semua pegawai perkhidmatan awam telah diberi satu kenaikan gaji tahunan. Ini tambahan kepada kenaikan gaji tahunan yang mereka nikmati pada tahun 2013.

Dalam pada itu, struktur jadual gaji minimum/maksimum bagi Gred 1 sehingga 54 di bawah Sistem Saraan Malaysia telah ditambah baik di mana penambahan sebanyak dua lagi kenaikan gaji tahunan pada gaji maksimum. Ini bagi membolehkan pegawai yang berada di gaji maksimum menikmati pergerakan gaji tahunan.

Secara khususnya, penambahan gaji bagi ATM dan PDRM telah dilaksanakan yang melibatkan penambahbaikan skim perkhidmatan dan kesetaraan pangkat ATM dan PDRM dengan gred jawatan ataupun gred gaji perkhidmatan awam am yang telah berkuat kuasa pada 1 Januari 2013. Bagi penambahbaikan gaji perkhidmatan pegawai penjara, ia diterangkan dalam kajian 100 skim perkhidmatan yang akan dilaksanakan pada tahun 2014.

Di samping itu, berkaitan pemberian elaun kepada pegawai penjara. Penyelarasan sesuatu elaun dibuat bersama kajian menyeluruh semua elaun dalam perkhidmatan awam bergantung kepada kemampuan kewangan kerajaan.

■1530

Dengan ini kerajaan mengambil perhatian mengenai kenaikan gaji penjawat awam dan semua kenaikan gaji yang diluluskan turut mengambil kira kadar inflasi. Secara dasarnya kerajaan akan mengkaji gaji penjawat awam setiap lima tahun yang mana kajian terakhir pada tahun 2012. Berhubung dengan Yang Berhormat Puan Bathmavathi yang meminta supaya ada pembantu khusus untuk OKU dan juga warga emas. Sebenarnya, apa yang- pegawai yang telah ada sekarang ini telah mencukupi dan kita tidak perlu menambah pegawai tetapi sebenarnya kita boleh tambah mungkin jadual kerja dan sebagainya. Pegawai sekarang telah mencukupi.

Berhubung dengan kehadiran pegawai-pegawai awam agar tidak sehaluan dengan dasar kerajaan, tidak cekap, tidak amanah dan terlibat dengan rasuah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa mengambil perhatian serius terhadap perkara yang dibangkitkan. Oleh itu semasa menjalankan tugas, penjawat awam hendaklah mengamalkan prinsip berkecuali, neutral dan tidak memihak *impartial* supaya mereka boleh memberi perkhidmatan secara profesional dan terbaik kepada rakyat. Mereka perlu bersikap berkecuali dalam hal-hal politik dan hendaklah taat setia kepada kerajaan yang memerintah dengan izin, *government of the day* kerana ia ialah transformasi pengangkutan awam. Nilai-nilai murni seperti amanah, bijaksana, cekap, tepat dan berintegriti dalam apa jua tindakan adalah dititikberatkan selaras dengan komitmen yang diberikan melalui surat aku janji yang ditandatangani oleh semua penjawat awam.

Jadi Yang Berhormat pada dasarnya, pegawai-pegawai kerajaan mestilah tidak memihak kepada mana-mana pihak dan mereka juga tidak boleh memihak dengan cara langsung ataupun tidak langsung ataupun sembunyi ataupun tidak bersembunyi. Ada pegawai kerajaan yang bersembunyi, tidak menyokong sesuatu dasar kerajaan dengan masuk dalam *Facebook* bubuh nama lain tapi kita tahu bahawa dia pegawai kerajaan. Perbuatan tersebut melanggar aturan atur kerja mereka sebagai pegawai kerajaan.

Berhubung dengan hubungan negeri dan persekutuan. Kita tidak perlu tubuh apa-apa jawatankuasa lagi. Jawatankuasa yang ada sekarang sudah cukup. Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri dengan Menteri-menteri Besar. Ini pembangkang pun hadir. Kemudian kita ada Majlis Tanah Negara, Majlis Air Negara. Semua ini yang ada telah mencukupi dan kita tidak perlu membuat jawatankuasa yang baru untuk membolehkan ada hubungan di antara kerajaan persekutuan dengan negeri. Paling penting ialah kerajaan negeri mestilah sentiasa orang kata memberi kerjasama dan tidak mengambil tindakan yang liar, yang kerana politik boleh menyebabkan kerugian kepada semua pihak.

Contohnya apa yang berlaku di antara Selangor dengan Kerajaan Persekutuan sekarang berhubung dengan air. Sepatutnya benda ini diselesaikan dengan baik kerana yang akan menjadi mangsa nanti ialah rakyat Malaysia. Kalau kita sudah bina loji yang berkenaan sudah pasti rakyat Malaysia akan untung, kerajaan Selangor pun akan untung. Akan tetapi mereka hendak hak terlebih dahulu sehingga perundingan-perundingan melalui jalan sukar dan sudah pasti benda ini harus diselesaikan serta-merta sebab air ini adalah hak Allah SWT yang kita tidak boleh memandai-mandai sampai ke tahap yang boleh merugikan.

Di luar negara, air tidak main-main demikian rupa. Contohnya *Egypt* dengan Sudan. Sumber air daripada Sungai Nil di setengah Afrika. Tidak boleh Sudan tahan air pergi Sungai Nil. Akan berlaku peperangan yang hebat dengan negara yang berkenaan. Demikian juga Singapura sendiri memberi amaran bahawa mereka mesti dapatkan bekalan air dari Johor. Kalau tidak, akan timbul masalah. Jadi benda ini harus diambil kira. Jangan mengambil kira setakat mesti, / pegang dahulu, baru / benarkan buat loji. Itu tidak betul. Mesti dilihat rakyat akan menjadi mangsa.

Jadi Senator-Senator yang ada ini, balik nasihat kepada Kerajaan Negeri Selangor supaya berubah laku. Lihat rakyat.

Tuan Saiful Izhah bin Ramli: *[Bangun]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Esok-esok rakyat akan berdoa, menyumpah kepada perangai kerajaan yang tidak mahu bekerjasama.

Tuan Saiful Izhah bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin...

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Dua orang bangun, yang mana satu ini?

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Ya, ini perlu dijawab sebab ini agak *capoi* juga. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri *[Disampuk]* Saya bukan orang Perlis, jadi saya tidak pandai sebut.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri tahu tentang kedudukan terkini perundingan antara pentadbiran Selangor dengan pentadbiran pusat sepanjang mengenai urusan air ini yang hampir selesai?

Tuan Saiful Izhah bin Ramli: Yang kedua. Alang-alangkan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya tentang persoalan yang sama tentang isu air. Saya orang Kedah juga, isu air ya. Isu air di Selangor ini adakah Yang Berhormat Menteri sedar, saya setuju pandangan awal Yang Berhormat Menteri tentang air ini anugerah Allah, amanah Allah yang harus diuruskan sebaiknya, bukannya diwastakan sebaiknya.

Oleh sebab itu pengurusan air harus kembali kepada kerajaan sama ada Kerajaan Persekutuan ataupun negeri di bawah perlembagaan. Akan tetapi apa yang berlaku Selangor ialah kerajaan negeri mempersoalkan kenapa urusan air yang berkaitan dengan masyarakat dan rakyat dipolitikkan dan diserahkan kepada swasta? Itu persoalannya. Bukan persoalan tidak mahu bagi buat dulu.

Itu yang penting kerana sebelum pilihan raya yang lepas Selangor ini macam hendak rebah sudah. Air kering, tidak ada. Habis semua air kena tutup. Lepas pilihan raya air ada balik. Itu yang pelik di Selangor. Sebelum pilihan raya, memang Selangor ini sudah tidak boleh apa sudah. Sekarang ini isu itu sudah habis. Jadi saya minta kalau boleh bagi penjelasan yang jelas. Jangan kita kelirukan. Isu air ini isu penting. Dia tidak kira kalau ada masalah air ini Tuan Yang di-Pertua, dia tidak kira kolar mana orang itu. Orang UMNOkah, orang PASKah, orang Keadilankah? Orang parti mana pun semua kena sama saja. Macam banjir juga. Dia tidak pilih-pilih rumah. Semua kena sama. Jadi perkara-perkara penting seperti ini kita harus jelaskan dan jangan kita politikkan. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama soalan apakah Yang Berhormat tahu tentang air ataupun tidak. Semua air bawa ke Kabinet. Sudah pasti saya anggota depan Kabinet mengetahuinya, ya? Jadi tidak boleh ditanya dan perundingan sedang berjalan terus untuk kita *finalize*. Akan tetapi saya hendak beritahu bahawa, tanya saya, saya tidak bagi tangguh-tangguh, kena teruskan. Akhirnya kita hendak buat juga. *Hang* berunding macam pun kita hendak buat juga.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tadi, sahabat kita di seberang, adakah Yang Berhormat tahu tentang soal air ini? Saya hendak tahu adakah dia tahu apa yang ditanyakan?

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Tuan Yang di-Pertua, sudah gaharu cendana pula, sudah tahu bertanya pula. Jadi sebenarnya apa yang saya sebut ini saya tahu. Jadi kalau saudara yang bertanya itu tidak tahu, boleh jumpa saya dan saya bagi tahu.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, tapi benda yang penting sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat. Agaknya tidak habis-habis ini. Sudah hendak selesai sudah. Yang Berhormat sudah jawab. Cukup, cukup.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Akan tetapi saya hendak bagi tahu sebagai-Setengah minit saya hendak bagi tahu bahawa kerana kekebalan, keengganan menyebabkan ini tertangguh-tangguh sehingga ia boleh mendatangkan kesan yang besar kepada pengguna-pengguna di Wilayah dan juga di Selangor nanti. Kalau sekiranya tidak dibebal-bebalkan, sudah pasti benda ini jadi elok. Ini kerana penswastaaan Yang Berhormat, ceritanya panjang tetapi memendekkan cerita penswastaaan ini untuk menyelamatkan kerajaan-kerajaan negeri yang mempunyai hutang yang cukup tinggi.

Sekarang ini bila kita swasta, kita swastakan kepada- Ini saya bagi secara umum ya? Saya tidak mahu ambil Selangor, secara umum kenapa negeri-negeri menubuhkan syarikat air ini untuk membolehkan syarikat air yang baru ini bayar hutang dan akhirnya negeri tidak ada hutang lagi?

Akan tetapi swasta ini dipegang oleh kerajaan negeri. Cukup saya sudah jawab macam itu. Kemudian yang berikutnya Tuan Yang di-Pertua ialah berhubung dengan KPI. KPI kita hendak bagi tahu bahawa 52 jawatan telah pun diadakan KPI termasuklah KSU dan juga pengarah-pengarah di jabatan. Ini 52 dan tahun depan kita akan naikkan lagi dan kita hendak pastikan supaya semua pegawai kerajaan ini telah mendapat latihan yang cukup dan kita hendak bagi tahu bahawa sekarang disyaratkan bahawa tiap-tiap pegawai mesti ada tujuh hari latihan, baik setahun dan 1 peratus daripada emolumen untuk latihan pegawai-pegawai.

Jadi pegawai-pegawai Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia ini di semua peringkat daripada segi perancangan dan juga pelaksanaannya ialah di antara yang terbaik di dunia. Berhubung dengan Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir yang menimbulkan berhubung dengan pencen.

■1540

Sebenarnya kerajaan baru menaikkan pencen iaitu pencen minimum daripada RM720 kepada RM820 bagi mereka yang berkhidmat selama 25 tahun atau lebih pada 1 Januari 2012. Seterusnya kerajaan telah melaksanakan kenaikan pencen tahunan sebanyak 2 peratus setiap tahun mulai 1 Januari 2013. Justeru itu, kerajaan belum bercadang untuk menaikkan pencen minimum daripada RM820 kepada RM900 seperti yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat.

Berhubung dengan perundingan di antara kerajaan dengan anggota kerajaan, saya ingat apa yang telah ada, telah mencukupi di mana sekarang ini kita ada Majlis Bersama Kebangsaan di mana ahli-ahlinya adalah dipilih di kalangan wakil-wakil kesatuan, Majlis Bersama Jabatan peringkat jabatan yang mana wakil pihak pekerja menjadi salah seorang daripada ahli, kemudian pertemuan di antara KKPH berkala yang mengikut keperluan dengan pihak CEUPACS. Pertemuan KSN ataupun KKPA dengan penjawat awam dalam mendapatkan pandangan dan cadangan dari semasa ke semasa.

Jadi pada masa sekarang kita tidak perlu buat apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat. Berhubung dengan kontrak untuk pegawai kerajaan ini tidak ada had umur. Kalau mereka layak, kita akan memilih mereka untuk bekerja kontrak. Berhubung dengan WIN iaitu yang melibatkan kepimpinan dan juga keusahawanan ia diletakkan di bawah INTAN kerana INTAN boleh melibatkan latihan dalam masa yang sama Kementerian Wanita boleh memberi sokongan kepada keusahawanan.

Kemudian berhubung dengan mengenai *rotation*, Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiah binti Raja Abdullah, berhubung dengan *rotation* untuk jawatan-jawatan kritikal. Sebenarnya benda ini dibuat dan dilaksanakan, kita pastikan supaya- jadi Yang Berhormat, mengikut Pekeliling Perkhidmatan Awam Bil.3, 2004 berdasarkan garis panduan, pegawai-pegawai yang kritikal ini mereka hendaklah menjawat jawatan tersebut di antara tiga sehingga lima tahun. Saya sedar bahawa ada kadang-kadang kes yang melibatkan jawatan pegawai-pegawai yang sudah terlajak 10 tahun pun ada, dan sebagainya. Walau bagaimanapun, perkara ini dikaji dari semasa ke semasa supaya mereka yang berada di jawatan kritikal dapat *dirotate*.

Kemudian mengenai audit, teguran audit. Sebagaimana yang telah dibangkitkan dalam Laporan Audit 2012, kerajaan telah mengambil tindakan dengan menubuhkan satu Jawatankuasa Khas Tindakan Susulan Laporan Ketua Audit Negara 2012 yang dipengerusikan oleh KSN bertujuan mempercepatkan proses siasatan. Proses siasatan tersebut melibatkan penentuan jenis dan punca ketidakaturan, jenis pelanggaran sama ada melibatkan perbuatan jenayah ataupun pelanggaran tata tertib dan sebagainya. Seramai 817 orang pegawai sedang disiasat. Ini disiasat ya.

Siasatan ini bertujuan untuk memperoleh keterangan yang relevan daripada aspek kesaksian tentang keterlibatan mereka. Kita dapat maklumat tambahan sebentar tadi bahawa setakat ini terdapat 116 orang pegawai yang telah dikenal pasti untuk penentuan wujud ataupun tidak wujud sesuatu kesalahan *prima facie* kes bagi diambil tindakan tata tertib.

Ini termasuk juga lain-lain jawatan utama, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa mereka yang pergi belajar sendiri kemudian mereka hendak pohon pinjaman bantuan biasiswa daripada JPA, ataupun kita panggil ini Skim Pinjaman Yuran Pengajian Luar Negara. Jadi untuk peringkat Ijazah Pertama, contohnya macam *medic*, dia pergi, dia belanja duit sendiri dan telah ambil *exam* dan dia telah berjaya dan dia akan dipertimbangkan untuk tahun kedua dan seterusnya.

Akan tetapi, kita kena ingat kita juga mengehadikan. Kita telah menerima 3,300 permohonan setahun, tetapi kita hanya boleh luluskan sebanyak 500 pinjaman sahaja ataupun 500 orang calon yang boleh mendapat pinjaman biasiswa tersebut. Kemudian untuk mereka seperti yang dicadangkan oleh Dato' Maznah. Ini saya kena baca supaya Yang Berhormat semua boleh melihat tentang mereka yang menamatkan perkhidmatan kurang dari 21 tahun.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat terma-terma dan syarat-syarat pemerintahan Angkatan Tentera Malaysia secara jelas menetapkan bahawa bagi melayakkan anggota lain-lain pangkat menerima pencen perkhidmatan, mereka mestilah mempunyai perkhidmatan diakui sekurang-kurangnya 21 tahun.

Penetapan syarat perkhidmatan ini adalah bertujuan untuk menyedia dan mengekalkan sesuatu ketumbukan angkatan tentera yang sentiasa siap siaga sepanjang masa. Untuk tujuan ini, kerajaan telah membayar faedah perkhidmatan bagi mereka yang berkhidmat kurang dari 21 tahun, mereka mendapat faedah perkhidmatan yang sepatutnya diterima sebagai menghargai jasa dan sumbangan golongan ini terhadap negara.

Sebagai contohnya anggota LLP yang berpangkat Sarjan yang menamatkan perkhidmatan selama 18 tahun dan gaji akhirnya ialah RM2,553. Beliau layak dibayar dengan caruman Lembaga Angkatan Tentera- kerajaan iaitu termasuk caruman ahli dan juga kerajaan termasuk dividen dan bonus yang dianggarkan jumlah RM135,284.82.

Faedah gantian cuti rehat pada kadar maksimum RM19,518.60. Ini menjadikan anggaran jumlah keseluruhan yang diterima oleh mereka yang pencen jikalau 18 tahun perkhidmatan ialah RM150,803.42. Jadi, saya menjawab tentang pencen bulanan tersebut dan saya ucap terima kasih- ya?

Dato' Maznah binti Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, mohon. Ada dua yang saya bangkitkan Yang Berhormat. Satu ialah mereka yang bekas anggota tentera yang tidak berpencen dan yang berkhidmat pendek kurang dari 10 tahun, itu satu. Selepas itu sekumpulan yang mana dahulu terlibat dengan masa peperangan dengan komunis dan juga di *Congo* ada sekumpulan lagi yang membangkitkan masalah pampasan dan lain-lain sumbangan yang wajar diberi oleh kerajaan.

Oleh sebab di kawasan saya, saya penaung kepada beberapa buah persatuan bekas tentera dan ini merupakan isu yang dibangkitkan setiap kali mereka bermesyuarat agung. Jadi, saya kemukakan kepada kerajaan. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya sedar Yang Berhormat telah timbulkan kes yang khusus. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawabnya secara bertulis. Dalam masa yang sama saya hendak bagi tahu prinsip yang kita pakai tadi bahawa mereka mesti berkhidmat 21 tahun. Yang kurang dari 21 tahun telah saya sebutkan contoh untuk seorang sarjan.

Akhir sekali, saya hendak jawab ialah berhubung dengan Jabatan Perdana Menteri. Jadi, perkara yang telah ditimbulkan ialah berhubung dengan kediaman rasmi Sri Perdana dan juga penjelasan mengenai peranan isteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang membuat lawatan ke luar negara. Yang pertama sekali Yang Berhormat, Seri Perdana, kompleks. Kediaman rasmi sebahagian dari kompleks itu. Ia terdiri daripada pameran, dan juga keduanya seperti yang telah kita sebutkan iaitu daripada segi kita menyambut tetamu luar termasuk penggunaan Dewan. Ketiga yang kecil itu kediaman rasmi. Yang Amat Berhormat dia tidak duduk di situ, jarang beliau berada di situ dan masanya banyak dihabiskan atas kesibukan yang luar biasa, berada di rumah sendiri di Jalan Duta.

■1550

Jadi, kediaman rasmi yang di bawah Kompleks Sri Perdana itu ialah sebahagian kecil. Akan tetapi sebahagian besar perbelanjaannya untuk dewan bankuet dan juga pameran. Pameran ini ialah orang ramai, bila orang ramai datang, orang melihat pameran berhubung dengan Perdana Menteri sekarang dan juga pada masa yang lepas. Jadi, orang datang ramai dan semua itu bilik-bilik yang kita terpaksa menggunakan *electricity*.

Keduanya, di dewan untuk tetamu itu kita juga ada bilik tetamu untuk tetamu asing yang datang. Bila kita menggunakan dewan itu untuk jamuan dan sebagainya, jadi kita telah mengurangkan kos kerajaan. Di mana kalau kita buat di hotel, yang memang tidak sesuai dibuat di hotel, kita buat sambutan pembesar-pembesar utama negara dibuat di situ. Belanjanya tidaklah sebesar seperti belanja kalau sekiranya kita buat di hotel. Sebab hotel akan *charge* dewan dan sebagainya. Jadi, untuk Kompleks Seri Perdana, belanja yang besarnya seperti yang telah saya sebutkan tadi.

Kemudian, bahagian kediaman rasmi itu memang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berhak duduk di situ, tidak ada masalah dan sesiapa pun tidak boleh mempertikaikan. Akan tetapi bila dipertikaikan, kononnya kompleks tersebut belanja sebanyak RM2.1 juta untuk *electricity* ialah sebahagian besarnya berada di bahagian pameran dan juga di bahagian bankuet. Bahagian kediaman rasmi seperti yang telah saya sebutkan tadi memang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berhak untuk berada di sana. Kemudian, berhubung dengan lawatan isteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Lawatan tersebut lawatan rasmi yang telah diluluskan oleh Kabinet. Saya tahu sebagai anggota Kabinet, saya tahu dan kita menggalakkan lawatan tersebut di atas beberapa sebab yang berikut. Kita kena ingat dalam hubungan kita dengan luar negara ini, dia ada orang-orang yang cukup *special*, yang negara amat berterima kasih. Contohnya, dulu ada satu nama seperti- saya rasa dia tidak ada jawatan dalam kerajaan tetapi dia ada nama dan dia telah dihantar untuk mewakili Malaysia ke Bangsa-bangsa Bersatu semasa penubuhan Malaysia dulu. Ada beberapa nama yang terkenal yang kita hantar kerana hubungannya dengan Timur Tengah pada masa itu.

Orang Timur Tengah ini dia ada negara-negara setengahnya dia lebih *comfortable* berhubung dengan orang yang dia biasa dan dia percaya mampu untuk memegang amanah dan sebagainya. Kita lihat bahawa kebanyakan negara-negara Timur Tengah, terutamanya negara-negara *Emirates* ini cukup mudah berhubung dengan kita melalui yang isteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kalau sekiranya ada perkara-perkara yang berhubung dengan acara-acara besar, dia lebih menggalakkan isteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk hadir ke majlis tersebut.

Atas kapasiti dan kemampuannya, terutama daripada segi gerakan wanita sedunia. Jadi, kalau ada yang itu, dia akan jemput isteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menyampaikan ucap tama ataupun sebagai panel dalam persidangan yang berkenaan. Saya hendak bagi tahu, sebagai rakyat Malaysia kita kena berterima kasih kepada orang yang berjasa. Jikalau tidak berterima kasih, kita jadi orang yang bertaraf punah *illah*. Itu bahasa Perlis ya. Bahasa moden ini ialah orang yang tidak bergunalah yang tidak reti berterima kasih kepada manusia.

Saya hendak bagi tahu. Majoriti Dewan Negara, saya percaya pihak kawan-kawan daripada pembangkang pun akan setuju sebab mereka ini manusia yang sudah berumur dan sudah berjanggut putih ya, tahu berterima kasih kepada manusia. Pertama, jasa besar Datin Seri Rosmah. Semasa kita memindahkan pelajar-pelajar 8,000 orang dan majoriti pelajar ini orang PAS. Saya orang yang terlibat secara langsung dengan Dato' Aziz, Baling. Terlibat secara langsung memindahkan orang. MKN mulai mengaturkan perpindahan dan kita menjadi orang utama yang mengerakkan perpindahan. Saya berada di situ, saya berada di *Cairo Airport* dan saya tidur di situ dan bersama-sama mengerakkan studen untuk pindah ke sana.

Akan tetapi untuk pindah ke sana, mereka harus melalui beberapa ruang udara termasuk kena berhenti sekejap. Oleh sebab kapal terbang 747 tidak boleh masuk ke *Cairo* pada masa itu. Kita kena menggunakan apa sahaja kemudahan yang ada termasuk menggunakan *Charlie* dan mereka kena berhenti dekat mana-mana.

Antara negara yang paling susah yang kita dapat visa dalam dunia ini ialah negara Arab Saudi. Kita hendak buat visa cukup susah. Akan tetapi Saudi beri kebenaran kepada 8,000 orang studen ini berhenti di Saudi, bukan transit, berhenti dan tinggal di Airport Saudi. Tempat orang terima Tabung Haji kerana panggilan telefon daripada Datin Seri Rosmah kepada keluarga Diraja Arab Saudi.

Kita tidak boleh katalah, ini pasal apa keluarga Diraja Arab Saudi. Saudi ini diperintah oleh keluarga Saud, namanya Saudi. Jadi, hormatlah dia memerintah cara dia dan bila isterinya beritahu kepada suaminya bahawa studen hendak minta duduk di sana, 8,000 orang studen Malaysia terpaksa berhenti Saudi. Dia bukan sahaja setuju untuk duduk di Saudi, bagi lagi kapal terbang untuk bawa orang-orang itu mari ke Malaysia. Tidak terima kasihlah puak-puak pembangkang? *[Tepuk]* Ini terima kasih Rosmah, tabik Rosmah, ini bukan hendak bodek, saya tidak perlu bodek. Saya tidak perlu hendak fikir jadi lain daripada Menterilah, hampir kuat- Menteri Kananlah. Cukuplah kan.

Jadi, tidak perlu bodek sesiapa pun. Kalau saya layak, saya terus jadi menteri. Kalau tidak layak, berhenti. Berhenti duduk jadi *backbenchers*. Akan tetapi saya hendak bagi tahu, saya bertanggungjawab bahawa rakyat Malaysia berterima kasih, orang-orang PAS berterima kasih kerana bawa anak-anak mereka, diselamatkan daripada pesta pembunuhan yang berlaku di *Cairo* pada masa tersebut. Terima kasih Rosmah kerana telefon, terus Saudi beri kebenaran. Kalau tidak hendak bubuh dekat mana? Hendak bubuh dekat negara mana yang paling dekat dengan *Cairo*?

Nombor dua, cerita yang telah disebutkan, hubungan dengan Suzanne Mubarak, masa itu Mubarak masih memerintah lagi. Bila masa operasi kapal kita untuk membantu rakyat Palestin, salah seorang daripada pelajar kita ditahan. Hanya dengan telefon Suzanne Mubarak, budak itu dilepaskan dalam masa dua jam. Kalau tidak budak itu ditahan sebagai pegganas dan sebagainya, mungkin sekarang ini masih berada di dalam penjara tetapi dua jam dilepaskan. Ini hubungan yang hebat dengan negara-negara Timur Tengah yang ada kepada isteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Bukan semua negara boleh iktiraf isteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana kebolehannya, orang mengiktiraf, terima kasih. Jadi, puak-puak pembangkang mahu memberikan senyuman yang lebar...

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tepuk tanganlah kepada... *[Tepuk]*.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Boleh. Tuan Yang di-Pertua, syabas dan tahniah saya ucap kepada Datin Seri Paduka Rosmah Mansor, isteri Perdana Menteri kita. Siapa dia ada tolong itu budak yang duduk di penjara, dua jam sudah diangkat keluar. Dia telefon, dia sudah keluar. Terima kasih. Bagus dia, bagus.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Terima kasih Senator Nallakaruppan. Nallakaruppan pun tahu bahawa walaupun dia melibatkan negara *Egypt*, negara Islam tetapi Nallakaruppan tahu dengan panggilan telefon mungkin Nallakaruppan berada di situ. Panggilan telefon, terus budak ini, pelajar ini, *direlease* dalam masa dua jam. Dengan panggilan telefon, 8,000 orang studen dapat visa. Terima kasih. Jadi, kita dengan pelajar terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, boleh celah sedikit boleh? Saya tabik kepada Datin Rosmah tapi ada seorang itu namanya Kadir Jasin, *blogger*. Dia kata, lebih baik Datin Rosmah jadi Menteri Luar pada fahaman. Apakah pandangan menteri? Orang cakap, dia tidak dengar *[Ketawa]* Kadir Jasin kata, lebih baik Datin Seri Rosmah jadi Menteri Luar- daripada fahaman, Kadir Jasin. Jawablah *[Ketawa]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ini hendak jawablah. Jadi, kita boleh, kita tahu, kita orang pakar menulis dan sebagainya. Akan tetapi saya rasa Kadir Jasin kena dapatkan maklumat daripada saya. Saya menghormatinya sebagai Ketua Pengarang *New Straits Times* dulu. Saya cukup hormat sebab saya suka baca tulisan dia dengan tulisan Jocelyn Tan. Saya suka bahasa-bahasa yang digunakan, mudah seperti bahasa Tun Mahathir, saya seronok baca. Akan tetapi apabila kita beri pandangan biarlah kita ada maklumat. Kita kena ingat, menteri luar ada bidang dia.

Jadi, Datin Seri Rosmah ini dia ada kepakaran, hubungannya dengan terutama keluarga-keluarga diraja di Timur Tengah dan juga lain-lain pemimpin di Timur Tengah. Tabiklah. Kita bolehkan...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Rahman Bakar pun, kalau sekiranya Senator Rahman ada hubungan, kita akan pakai dia. Dia tidak ada boleh- kalau dia ada hubungan dengan Kerajaan Bhutan kah, kita akan pakai [*Ketawa*]

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Bhutan tak mainlah, Amerika main. Jadi apa pada pandangan Yang Berhormat Menteri, Kadir Jasin itu hendak apa?...

■1600

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya pun hendak tanya dia hendak apa. Dia tidak boleh buat macam itu. Tidak adil bagi komen demikian rupa dan saya pun rasa sedih atas beban yang terpaksa ditanggung oleh Datin Seri Rosmah. Dia buat baik, macam ini orang kata. Tidak bagus. Rakyat Malaysia, rakyat yang prihatin dan rakyat sentiasa berkasih sayang. Datin Seri Rosmah memperkenalkan PERMATA.

Sekarang ini Tadika PERMATA menjadi rebutan kepada negeri-negeri. Sekarang ini orang berebut. Semua Ahli Parlimen Dewan Rakyat, Dewan Negara tidak tanya sebab Dewan Negara mungkin anak sudah besar-besar. Akan tetapi Dewan Rakyat, mereka bertanya, bilakah PERMATA hendak masuk ke kawasan kami? Itu idea daripada Datin Seri Rosmah dan kerajaan melaksanakan satu tadika yang cukup luar biasa memberi perhatian kepada anak-anak yang cemerlang. Saya berterima kasih. Dewan Negara sekali lagi mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebentar. Ada satu usul. Yang Berhormat sila kemukakan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

4.00 ptg.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 17 Disember 2013”.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya tinggal sedikit lagi sebab kawan-kawan tanya soalan, jadi saya cukup seronok. *Welcome new Speaker*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang bertolak ansur dengan saya.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Pada Kadir Jasin tadi, tolonglah jangan buat macam itu termasuklah rakyat Malaysia. Hormatilah kepada seorang yang telah berjasa kepada negara. Ahli-ahli Yang Berhormat nak benci pada dia, bencilah tetapi hendak benci kenapa- kenapa hendak benci? Hendak benci kerana muka dia? Muka dia lawa. Hendak benci kenapa?

Jadi saya tidak faham. Rakyat Malaysia hendak benci padahal dia menolong kerana Allah, tidak dibayar gaji pun. Pergi ke luar negara, kerajaan bagi, dia tidak minta gaji, tidak minta elaun apa pun. Jadi terima kasihlah- dia banyak berkorban untuk negara. Sabar, saya hendak beritahu, sabar. Yang Berhormat Senator Johari bersetuju bahawa bersabarlah orang-orang yang diuji oleh Allah SWT. Siapa yang sabar, Allah akan bagi kemenangan. Kalau orang kata lagi banyak- banyak kebun sayur di syurga.

Seperti Mufti Perlis dulu Datuk Mat Jaya pernah kata kepada saya bahawa, saya kata saya kenapa ditohmah dengan surat layang sedemikian rupa, kenapa, apakah salah saya? Saya gaji pun tidak ambil, saya sedekah habis kepada orang. Apalah salah saya? Dia kata sabar Dato', kebun sayur di syurga.

Satu hari Mufti ini telah membawa rombongan haji dan rombongan haji itu tidak dipersetujui oleh Tabung Haji. Selepas itu dia ditohmah macam-macam, dia dituduh makan duit dan sebagainya. Dia pun datang menangis pada saya sebab dia seorang yang cukup ikhlas. Dia kata Dato', kenapa orang tuduh saya macam-macam. Saya kata kepadanya, sabar, kebun sayur banyak di syurga *[Ketawa]* Demikianlah adanya ya.

Datin Seri Rosmah, kalau sekiranya Allah hendak naikkan martabat seseorang, Allah akan uji kita. Saya telah diuji tahun 2008 sampai tahun 2013. Syukur *Khalid [Ketawa]* Diuji, diuji dengan begitu teruknya. Kalau hendak kira sebarang manusia turut sukar untuk menghadapi bila seorang penasihat Perdana Menteri berada di sebuah kerajaan negeri, Timbalan Pengerusi Perhubungan tetapi tidak boleh menggunakan apa-apa- dewan dan terpaksa pakai dewan sendiri, dan kadang-kadang pakai bawah pokok dengan puak-puak DAP dan sebagainya. Jadi walau bagaimanapun, saya sabar. Bagi saya itu ujian Allah kepada saya, dan kadang-kadang seronok juga bermesyuarat bawah pokok kerana anginnya tidak perlu dibayar. Jadi terima kasih Datin Seri Rosmah. Selepas ini saya minta supaya Datin Seri Rosmah bersabar dan terus buat kerja...

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Mohon mencelah.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Jangan melatah apa-apa. Ya, Yang Berhormat Senator Dato' Olian.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu saya ingat kita bersetuju, mungkin pembangkang tidak setuju. Kita merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Yang Amat Berbahagia Datin Seri Rosmah kerana turut membantu pelajar-pelajar balik daripada Mesir *[Tepuk]*

Seorang Ahli: Setuju, setuju

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sokong.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua: *Microphone.*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua: *Microphone* itu.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Cadangan dan sokongan ini kira usul, jadi Ahli yang bersetuju kata setuju.

Beberapa Ahli: Setuju.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Okey, terima kasih *[Ketawa]* Maaf Tuan Yang di-Pertua kerana- kalau tidak kata tidak? Semua bersetuju *[Ketawa]*

Jadi Dewan Negara hari ini telah membuat keputusan mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Datin Seri Rosmah kerana usaha-usahanya untuk membantu negara dan kita minta supaya dia teruskan kebbaikannya dan minta supaya dia banyak bersabar dan jangan melatah kepada apa-apa teguran. Bersabar dan berdoa kepada Allah. Sesungguhnya Allah lebih tinggi daripada manusia yang kompelin kepadanya. Terima kasih [Tepuk]

Okey, sekarang ini yang akhir sekali saya akan sentuh MKN. Saya beritahu Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu jawab panjang-panjang sebab nanti kawan-kawan *queue* panjang.

Timbalan Yang di-Pertua: Bagus itu, ringkaskan Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Ringkaskan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ini cukup ringkas pasal MKN. Lepas itu Menteri Agama akan jawab ya. Padahal jawapan MKN dekat 40 helaian muka tetapi saya jawab dalam masa lima minit. Pertama, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Yang Berhormat Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah Binti Mahat, Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas, Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad dan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan yang telah bertanya kepada soalan yang berhubung dengan banjir. Pertama sekali banjir saya hendak beritahu, kita sudah ada SOP.

Saya harap TV tolong tengok sekejap ya. Ini dia SOP dia... [Menunjuk buku berkaitan] SOP banjir. Ini ialah arahan nombor 20, ini ialah banjir. Jangan siapa-siapa mempertikaikan lagi. Siapakah manusia yang patut menjadi orang utama dalam arahan ini? Pertama sekali ialah pejabat daerah. Dia ketua, dia hero. Saya sudah beritahu pada JPA tadi, yang mana-mana yang tidak mampu menjadi orang yang di hadapan ini, mereka kena duduk di belakang. Orang di hadapan ini ialah orang yang mampu untuk mengendalikan krisis terutama banjir dan lain-lain lagi. Dia berada di barisan hadapan.

Kalau yang keduanya ialah jawatankuasa di peringkat negeri yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan. Hari ini saya akan mempengerusikan satu mesyuarat bencana alam untuk menghadapi gelombang kedua, ketiga dan seterusnya. Gelombang kedua yang kita jangka ini Tuan Yang di-Pertua, saya akan pergi ke sana tempat Tuan Yang di-Pertua, akan berlaku di Sabah dan Sarawak. Kemungkinan di Pantai Timur yang sekarang ini hujan mulai turun dari kelmarin lagi yang sepatutnya jangkakan kita pada 16 hari bulan. Setiausaha Kerajaan.

Di peringkat negara ini ialah Majlis Keselamatan Negara. Jadi saya bila orang sebut, ini MKN. Kenapakah MKN tidak hantar bot? Tidak, bot ini akan dihantar oleh polis, tentera, bomba dan JPAM. Ini yang ada bot termasuk APMM. APMM sudah cuba bawa bot kita tetapi banjir terlampau rendah. Jadi bot tidak dapat masuk sebab ekor itu agak panjang. Jadi yang lain semua kita telah *mobilize* semua sekali jentera kita untuk pergi ke sana.

Kemudian di pusat-pusat banjir ini selalunya diuruskan oleh pegawai-pegawai kebajikan masyarakat. Dia akan menguruskan semua pusat banjir. Oleh sebab bila kita pindahkan kepada pusat banjir, maka pusat banjir ini dia ambil alih oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Di atas beberapa kesesakan yang berlaku, maka sesetengah pusat banjir itu dikendalikan oleh Tok Empat, kebanyakan di Pahang oleh Tok Empat. Demikian juga di Terengganu dikendalikan oleh Penghulu. Ada tempat dikendalikan oleh orang perseorangan yang tidak ada jawatan dalam kerajaan dan yang tidak ada jawatan dalam parti seperti yang pernah saya sebutkan di Sekolah Menengah Bangol itu diketuai oleh seorang manusia bernama 'Mazwin'.

Kemudian tempat-tempat lain diketuai oleh pejabat daerah. Pegawai Daerah dia merupakan hero, orang yang berada di barisan hadapan untuk memastikan supaya gerakan perpindahan dan gerakan untuk mengendalikan tempat perpindahan. Selepas itu, mari episod akhir ialah JKM akan hantar nama kepada MKN dan kemudian MKN akan bagi RM500.

Akan tetapi di Pahang di Kuantan terutamanya angka itu mungkin diubah kerana berdasarkan kepada kerosakan yang paling teruk. Saya tidak pernah jumpa kerosakan yang paling teruk Tuan Yang di-Pertua seperti yang berlaku di Kuantan di mana kereta habis rosak. Di mana peti ais habis rosak, TV rosak komputer rosak, tidak ada baju termasuk baju anak-anak sekolah. Habis rosak.

■1610

Tempat lain banjir tetapi tidak banyak barang yang rosak. Ini rosak sebab apa, air duduk sampai ke paras bumbung. Selepas itu ditambahkan lagi oleh usaha-usaha jahat yang dibuat oleh puak-puak pendatang yang mereka, orang keluar sahaja dari rumah, dia terus mencuri sahaja mencuri. Bila orang balik ke rumah, dia mencuri lagi. Ini pencuri-pencuri juga terlibat untuk menjadikan, menambahkan sengsara mangsa banjir. Jadi keadaan banjir kalau berdasarkan kepada SOP dan juga tempat-tempat yang kita sediakan, kita boleh bertahan sampai 1.3 juta, mangsa banjir boleh kita masukkan kepada semua tempat perpindahan yang telah kita sediakan. Jadi daripada segi menghadapi krisis ini, kita telah membuat persediaan yang begitu rapi. Cuma yang menjadi masalah sedikit ialah kekurangan sedikit ialah di Kuantan, yang tempat-tempat lain kita telah selesaikan dengan baik.

Kalau kita pergi ke Maran, kelmarin saya bawa Senator dua orang pergi ke Maran. Sebelum itu saya bawa Senator Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah juga pergi ke Maran dan juga Pekan serta Kuantan. Mereka melihat sendiri di mana orang-orang berterima kasih kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga kepada anggota bomba, JPAM, tok penghulu, pegawai daerah dan kalau di Maran ini sudah pasti terima kasih mereka kepada wakil rakyat. Wakil rakyat itu semua wakil rakyat Barisan Nasional. Yang Berhormat Ahli Parlimen Barisan Nasional dan ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat, dua orang perempuan pula itu- Yang Berhormat Dayah, Yang Berhormat Shaniza dan juga Dato' Ariffin itu, mereka bertungkus-lumus. Jadi Maran *all clear*, di antara yang diurus dengan baik.

Kemudian di Pekan. Di Pekan *clear*, semua Wakil Rakyat dan di bawah Perdana Menteri pula. Di Kuantan ada masalah, lebih-lebih lagi wakil rakyat pembangkang, kerja bangkang, kompelin, bangkang, kompelin. Bagi tahu, saya terima maklumat daripada pembangkang, tiap-tiap hari, tiap-tiap jam, saya ambil tindakan serta-merta.

Ini kerana sudah pasti sudah ada orang yang tertinggal di mana-mana, kita hantar helikopter hantar orang. Kita hantar makanan di tempat yang tidak ada makanan. Kita bertungkus-lumus siang dan malam. Saya sebagai Menteri banjir- bukan 'Menteri banjir' Menteri Jawatankuasa Banjir ini, saya hadir tiap-tiap hari di tempat banjir. Walaupun pada hari Khamis itu ada undi usul yang dibawa oleh pembangkang, kita cuba habiskan sebelum jam 1 dan selepas itu saya terus bergegas ke tempat banjir.

Saya tidak hadir Perhimpunan Agung, tetapi saya hadir di banjir, di merata-rata. Kalau tanya pasal banjir, saya ingat saya di antara orang yang boleh cerita daripada 'A' sampai 'Z' apa yang berlaku di seluruh negara kerana saya hadir di tempat banjir. Sehingga hari ini, hari ini pun hendak hadir, tetapi sudah kena jawab, tidak boleh hadir. Kalau esok sudah pasti saya akan hadir dan saya telah menjemput beberapa orang Senator untuk hadir bersama, cerita benda yang betul tentang banjir. Cerita usaha baik kerajaan. Cerita pengorbanan anggota kerajaan dan cerita pengorbanan pihak awam untuk membantu. Sekarang ini tugas kita ialah bagi bantuan, NGO-NGO kita galakkan bagi bantuan kepada mangsa banjir dalam apa bentuk sekalipun terutamanya pakaian sekolah di Kuantan dan 1MDB akan bagi bantuan, kemudian Putera 1Malaysia akan bagi bantuan tilam, dua biji bantal dan sebuah dapur. Semua pihak menghulurkan bantuan.

Saya lihat dekat 50 NGO sekarang ini sudah menyatakan untuk memberi bantuan dan banyak orang yang hadir sekarang ini yang saya anggap sebagai mangsa banjir kedua. Fasal apa? mereka duduk di pusat perpindahan iaitu orang-orang yang tolong mencuci rumah-rumah. Terima kasih, inilah rakyat Malaysia yang kita kehendaki iaitu untuk menjadi negara maju mesti ada semangat kesukarelaan yang tinggi. Jadi terima kasih kepada semua rakyat Malaysia yang telah membantu mangsa banjir sehingga kita dapat kurangkan masalah.

Akan tetapi kalau sekiranya ada masalah semasa perpindahan yang di Pekan dan sebagainya, sudah pasti kita kena terima hakikat bahawa kita tidak pernah berdiam diri untuk tolong orang. Kalau ada satu dua kes yang merupakan kes tertentu, sila maklum kepada saya untuk kita ambil tindakan yang selanjutnya.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua ialah berhubung dengan anggota kerajaan yang mesti berkhidmat dengan tulus ikhlas dan tanpa memihak kepada mana-mana pihak, tidak boleh. Tanpa membuat pandangan sendiri untuk kes-kes yang melibatkan agama terutamanya. Kalau melibatkan agama, dia tidak boleh terutamanya, dia melibatkan agama Islam, dia tidak boleh terlibat untuk mengeluarkan hukuman sendiri. Dia jangan memandai-mandai. Saya hendak bagi contoh, ada orang tuduh Wahabi.

Saya hendak tanya dalam Dewan ini, siapakah tahu apa makna Wahabi? Saya tidak tahu apa makna Wahabi. Semua orang tidak tahu, tetapi dia tuduh Wahabi. Wahabi ini seperti yang saya sebutkan tadi ialah digunakan oleh Inggeris untuk memecahbelahkan umat Islam. Di Malaysia ini, agama Islam di Malaysia, agama Islam Sunnah Wal Jamaah yang menerima mazhab-mazhab utama iaitu Maliki, Hanafi, Syafie dan juga Hambali. Ini adalah- *warning* tidak berhenti mari. Ini adalah bagi mereka yang hendak tahu bahawa semua negeri terima yang itu, kita terima. Apa yang kita tidak terima ialah Syiah. Syiah ini ia bukan mazhab. Syiah ini satu kumpulan politik yang berbeza di peringkat awal dan akhirnya ia jadi mazhab, itu hak dia. Akan tetapi ini bukan mazhab. Muktaizilah, Khawarij ini mazhab iaitu cuba memperlekeh dekat orang, dia yang lebih Islam daripada orang lain.

Jadi anggota kerajaan tak boleh terlibat. Kalau mereka hendak hukum fasal Syiah *the grade 'A'* dan sebagainya, boleh tetapi jangan campur pula yang ini Wahabi. Saya hendak bagi tahu, kalau sekiranya Perlis baca *al-Fatihah* perlahan, salah, tangkap Perlis. Tangkap semua orang yang di Perlis itu. Kalau sekiranya Perlis dia baca doa sendiri-sendiri selepas solat, itu adalah salah daripada segi hukum Islam, tangkap. Akan tetapi kalau tidak salah jangan capoi mulut. Bukan kerana bismillah perlahan kerana talkin, kerana doa tadi tiba-tiba dihukum Wahabi- apakah itu Wahabi?

Saya hendak bagi tahu, saya minta Kerajaan Saudi bahawa itu percakapan daripada dua, tiga orang tetapi Kerajaan Malaysia tidak pernah menganggap bahawa itu satu kumpulan yang bukan Sunah Wal Jamaah. Mereka Sunnah Wal Jamaah, Cuma mungkin mereka bismillah perlahan, kemungkinan mereka tidak baca doa ramai-ramai, apakah salah? Kalau salah, bagi tahulah. Kalau ada hukum yang Kerajaan Perlis kata, siapa sembahyang lebih daripada lapan rakaat, masuk neraka, tunjuk saya. Saya sendiri akan pergi tangkap bersama-sama dan akan gari dia.

Tidak pernah Kerajaan Perlis sesaat pun mengeluarkan perkataan bahawa siapa yang solat lebih daripada lapan rakaat, masuk neraka. Tidak pernah! Bohong! Semoga Allah memberi pengadilan kepada manusia yang mengeluarkan perkataan tersebut. Hendak sembahyang 20 rakaat boleh. Kerajaan Saudi buat 20, hendak sembahyang 40 boleh. Imam Malik buat 40, tetapi jangan pergi menuduh sedemikian rupa. Sehingga kita berbeza. Saya sendiri, kadang-kadang orang tuduh juga. Akan tetapi saya kata saya ini, saya sebut dalam Dewan ini, ada tandukkah dan sebagainya sampai dituduh sedemikian rupa? Sampai orang Perlis tidak tahu hendak sembunyi dekat mana. Kenapa orang panggil Wahabi, apakah itu Wahabi? Orang yang cakap Wahabi pun tidak faham makna Wahabi. Saya sempat bawa buku Muhammad Abdul Wahab tadi tetapi sebab masa, Tuan Yang di-Pertua tidak bagi cakap lama. Saya ucap terima kasih dan minta maaf kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kalau sekiranya ada terkasar bahasa.

Itu sahajalah perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri yang sempat saya jawab dan mana perkara yang tidak sempat saya jawab, perkara tersebut telah dicatat dan akan diambil perhatian serta tindakan sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri. Sebagai menghargai jasa tuan-tuan yang akan berada sehingga jam 8.30 malam, kita akan bagi jamuan nasi beriani. Terima kasih. *Assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Dato' Seri Shahidan bin Kassim. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum. Silakan Yang Berhormat Menteri.

4.18 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum]: *Assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2014 dan menyentuh perkara-perkara berkaitan hal ehwal Islam. Dato' Seri Shahidan pun sebut juga tadi, hujung-hujung. Saya telah meneliti semua isu yang telah dibangkitkan. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai pandangan, teguran dan cadangan serta saranan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin memberikan penjelasan kepada saranan oleh Ahli Yang Berhormat Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed supaya perlu ada kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri terutamanya dalam melaksanakan hudud di Kelantan.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Perkara 74, Perlembagaan Persekutuan menjelaskan mengenai bidang kuasa untuk membuat undang-undang peruntukan tersebut menyatakan bahawa Parlimen boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu per satu dalam Senarai Persekutuan atau Senarai Bersama iaitulah Senarai Pertama atau Senarai Ketiga yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan.

Manakala badan perundangan sesuatu negeri boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu per satu dalam Senarai Negeri iaitulah Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan atau Senarai Bersama.

■1620

Oleh itu perkara-perkara berkaitan dengan agama Islam merupakan bidang kuasa kerajaan negeri sebagaimana yang diperuntukkan dalam butiran satu, senarai dua, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Tanggungjawab bagi memperkasa dan memartabatkan undang-undang syariah dipikul bersama oleh Kerajaan Persekutuan dengan pihak berkuasa agama negeri-negeri. Sehubungan itu, kerajaan sentiasa menjalinkan kerjasama yang baik dengan majlis dan juga Jabatan Agama Islam Negeri-negeri bagi melaksanakan usaha tersebut. Di antara sekretariat dan jawatankuasa yang dibentuk bagi jalinan kerjasama antara negeri-negeri dan Kerajaan Persekutuan iaitu Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, Majlis Perundingan Islam, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, Persidangan Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, Persidangan Ketua-ketua Jabatan dan juga Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia dan Persidangan Penyelarasan Undang-undang Syarak dan Sipil.

Dimaklumkan juga pada masa ini usaha untuk meningkatkan had bidang kuasa Mahkamah Syariah yang terhad kepada hukuman pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, denda dan tidak melebihi RM5,000 dan sebatan yang tidak melebihi enam kali atau pun apa-apa gabungan hukuman-hukuman tersebut. Kerajaan sedang dalam proses membuat pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355]. Di samping itu kerajaan juga bercadang untuk meneliti akan keperluan meminda Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559], dan undang-undang lain yang berkaitan selaras dengan pindaan Akta 355 tersebut.

Dalam hal ini, usaha tersebut dijalankan selaras dengan komitmen kerajaan iaitu untuk menaikkan taraf sistem kehakiman syariah di negara ini, susulan daripada pembentangan kertas cadangan menaik taraf kedudukan Mahkamah Syariah dan hakim-hakim Mahkamah Syariah di Malaysia dalam Mesyuarat Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI) pada 22 Ogos 2011 yang lalu.

Buat masa sekarang, kerajaan sedang di peringkat akhir berdasarkan kepada persetujuan negeri-negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri yang telah bersetuju untuk Mahkamah Syariah dipertingkatkan daripada tiga tingkatan iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah kepada lima tingkat iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tengah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah dan Majlis Rayuan Syariah. Jika kedua-dua perkara ini dapat direalisasikan, ia bakal membawa rahmat kepada umat Islam dan Mahkamah Syariah menjadi lebih baik pada masa hadapan.

Justeru itu, kerajaan dengan kerjasama pihak berkuasa agama negeri sentiasa berusaha dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memastikan penambahbaikan yang berterusan dibuat terhadap pentadbiran agama Islam khususnya pelaksanaan undang-undang syariah selaras dengan kedudukan yang istimewa di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Yang Berhormat Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin juga mencadangkan supaya ditubuhkan jawatankuasa khas bagi menjaga Islam di negara ini dalam melaksanakan Maqasid Syariah. Dimaklumkan bahawa JAKIM telah pun menubuhkan beberapa orang panel, antaranya panel pakar syariah yang terdiri daripada beberapa orang pakar dalam agama seperti mufti negeri dan juga pensyarah IPTA. Panel ini bertanggungjawab untuk menasihati agensi kerajaan dalam aspek berkaitan ibadah, munakahat, muamalat dan juga hal ehwal sahsiah masyarakat Islam termasuklah sistem kewangan Islam dan pelaburan agar pelaksanaannya patuh syariah sebagaimana yang dikehendaki oleh ajaran Islam.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu penyebaran fahaman Syiah di negara ini. Yang Berhormat Datuk Haji Saat bin Haji Abu dan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar bertanya, apa langkah JAKIM menangani Syiah termasuk di kalangan pelajar di institut pengajian tinggi (IPT) dan menyarankan kerajaan perangai Syiah sehabis-habisan. Kerajaan telah bertindak membuat perancangan awal melalui pembendungan aliran Syiah dari terus menular mempengaruhi umat Islam di negara ini melalui usaha-usaha berikut:

- (i) menyebarkan fatwa-fatwa yang telah dibuat tentang pengharaman Syiah kepada masyarakat;
- (ii) sesi penjelasan kepada masyarakat melalui program-program ceramah dan penyebaran maklumat pengharaman ini menerusi media cetak dan elektronik;
- (iii) program pemantauan dan juga mengawal bahan-bahan media cetak dan elektronik dari tersebar fahaman Syiah menerusi media-media berkenaan; dan
- (iv) meningkatkan kerjasama antara agensi agama dengan agensi keselamatan dalam menguatkuasakan undang-undang untuk menyekat fahaman Syiah dari berleluasa dan tersebar kepada masyarakat.

Berkenaan dengan penyebaran fahaman Syiah dan apa-apa jua fahaman menyeleweng di institut pengajian tinggi (IPT), JAKIM mengadakan kerjasama dengan agensi dan Jabatan Agama Islam Negeri bagi mendapat maklumat mengenai individu dan pergerakan Syiah tersebut. Maklumat tersebut akan dipanjangkan kepada IPT bagi mengambil tindakan di bawah bidang kuasa masing-masing.

Di samping itu, kerajaan menerusi JAKIM dan JAIN turut giat menjalankan program-program penjelasan isu Syiah dan program kefahaman Islam berlandaskan akidah, Ahli Sunah Wal Jamaah kepada mahasiswa-mahasiswi di institusi pengajian tinggi awam dan swasta melalui ceramah, diskusi, seminar dan mengedarkan risalah-risalah mengenai bahawa Syiah. Program-program ini dilaksanakan secara berterusan dengan kerjasama pihak universiti melalui pusat Islam IPTA dan IPTS, Bahagian Hal Ehwal Islam HEP IPTA dan IPTS, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan persatuan-persatuan mahasiswa.

Berhubung pertanyaan sejauh manakah kerjasama JAKIM dan Kementerian Dalam Negeri dalam memastikan golongan Syiah tidak menjadikan Malaysia sebagai pusat penyebaran Syiah di Asia Tenggara.

Berdasarkan kajian JAKIM, penyebaran Syiah pada ketika ini kebanyakan dilakukan oleh pelbagai pihak. Walau bagaimanapun tidak dinafikan kehadiran warga Iran yang agak ramai mungkin membawa unsur-unsur Syiah ke dalam masyarakat terutamanya yang berbentuk kebudayaan seperti menyambut Hari Karbala.

Namun begitu, adalah tidak adil untuk menuduh kesemua pelancong dan pelajar warga Iran yang datang ke Malaysia berfahaman Syiah atau menyebarkan fahaman Syiah.

Bahkan terdapat di kalangan mereka yang menganut fahaman sunni dan liberal atau tidak cenderung kepada mana-mana aliran. Meskipun demikian, kerajaan akan sentiasa memantau setiap aktiviti mereka untuk memastikan tiada penyebaran Syiah dilakukan terhadap warga tempatan. JAKIM dan juga JAIN amat menyedari pergerakan Syiah yang cuba untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat penyebaran Syiah di Nusantara. Dalam beberapa operasi yang dijalankan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), kumpulan ini dikesan telah merancang untuk membina sebuah kompleks Syiah di Malaysia.

Oleh sebab pergerakan Syiah sentiasa dipantau dan di sekat oleh pihak berkuasa agama di Malaysia, difahamkan pihak Syiah telah merancang untuk memindah pusat pergerakan mereka ke Satun, Thailand. Walau bagaimanapun, sehingga kini pihak Majlis Agama Islam Wilayah Satun memaklumkan mereka belum menerima apa-apa permohonan untuk mendirikan kompleks tersebut di Satun dan berjanji akan berusaha agar penyebaran Syiah di Selatan Thailand dapat disekat.

Ahli Yang Berhormat juga ingin penjelasan mengenai tindakan terhadap pertabalan kitab buku-buku berkaitan Syiah. Pada masa ini terdapat 18 tajuk buku-buku yang mengandungi unsur Syiah yang telah ditapis dan dikaji oleh JAKIM termasuklah buku bertajuk, *'Meniti Titian Kebenaran: Menyingkap Kebenaran Mazhab Rasul dan Ahlul Bait'*. Buku-buku ini telah diperakukan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Penapisan Bahan Penerbitan Berunsur Islam serta pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengenakan perintah larangan bagi buku-buku Syiah ini. Keputusan dan juga laporan kajian terhadap buku-buku ini telah dihantar ke KDN bagi tujuan pewartaan perintah larangan.

Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat pula bertanya kenapakah ajaran Syiah tidak dapat dibendung? Berdasarkan tindakan-tindakan bersepadu dan berterusan penyebaran serta pengembangan fahaman ini dapat dikawal dalam pemerhatian pihak berkuasa. Program-program Syiah serta cubaan-cubaan untuk mengembangkan fahaman ini melalui pelbagai program dan tindakan mereka telah berjaya di sekat oleh pihak berkuasa. Bagaimanapun tidak dinafikan cabaran semasa dalam dunia tanpa sempadan ini membolehkan fahaman-fahaman ini tersebar dengan pantas. Kerjasama semua pihak termasuk masyarakat awam dalam membantu pihak berkuasa seperti menyalurkan maklumat-maklumat kegiatan setempat amat dialu-alukan agar isu ini dapat ditangani dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya beralih kepada isu ajaran sesat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat untuk membendung aktiviti kumpulan ajaran sesat di negara ini. Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengadakan kerjasama strategik dengan semua Jabatan Agama Islam Negeri iaitu JAIN dan agensi yang berkaitan di peringkat pusat iaitu kementerian-kementerian, jabatan-jabatan lain yang turut sama memikul tugas dan tanggungjawab terhadap perkara ini.

■1630

Penjelasan mengenai perkara yang dibangkitkan adalah seperti berikut. Jumlah ajaran sesat yang aktif dan penjelasan mengenai kesesatannya. Sehingga kini, terdapat sebanyak 98 ajaran sesat di seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, terdapat lima ajaran sesat dikenal pasti masih aktif pada masa ini iaitu: Syiah, Al-Arqam ataupun Ruffaqa' atau pun juga Global Ikhwan Sendirian Berhad atau GISB; Pertubuhan Kerabat Raja Sakti atau PKRS iaitu penjenamaan semula daripada ajaran Azhar Wahab atau Al-Mansur, Ajaran Tuhan Harun, dan Ajaran Ilmu Makrifat Tok Kenali pimpinan Haji Syaari bin Haji Muhammad Yusuf.

Ajaran sesat ini boleh diklasifikasikan kepada beberapa jenis kategori iaitu: mistik dan kultus; pemikiran yang bertentangan dengan Islam seperti liberalisme, pluralisme, sekularisme; perbomohan; amalan kebatinan, berpegang kepada teosofi dan falsafah; dan penyelewengan tafsir Al-Quran atau Al-Hadis demi mencapai kepentingan kumpulan mereka sahaja.

Kedua, jumlah kes ajaran sesat yang didakwa dalam tempoh lima tahun yang lalu. Berdasarkan rekod dari tahun 2007 hingga tahun 2012, pendakwaan bagi kes yang melibatkan ajaran salah sebanyak 442 kes di seluruh negara.

Ketiga, kenapa penguatkuasaan dan pendakwaan agak lambat. Penguatkuasaan dan pendakwaan yang berkaitan dengan ajaran sesat sebenarnya Yang Berhormat memerlukan siasatan terperinci. Menuduh seseorang sesat adalah mudah tetapi membuktikannya satu bebanan. Penyediaan kertas siasatan yang lengkap dan sempurna mesti melalui proses-proses tertentu seperti pengumpulan barang kes dan keterangan saksi, analisis barang kes yang melibatkan agensi lain seperti Jabatan Kimia dan Jabatan Forensik, Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta banyak lagi. Selepas itu, barulah kertas siasatan ini diserahkan kepada pendakwaan untuk dianalisis bagi penambahbaikan yang perlu sebelum kes didakwa di mahkamah.

Kertas siasatan perlu penelitian pihak pendakwaan dan ia amat bergantung kepada keyakinan pendakwa raya terhadap kertas siasatan yang dibawa kepadanya. Pendakwa perlu meneliti keterangan-keterangan yang dikemukakan bagi menentukan wujudnya kes *prima facie* berketerangan dalam kes perlu melepasi tahap keraguan yang munasabah atau *beyond any reasonable doubt*, dengan izin. Hal ini penting bagi memastikan penyediaan satu Kertas Siasatan adalah bebas daripada sebarang pengaruh atau tekanan daripada mana-mana pihak.

Di samping itu, berdasarkan seksyen 58(2) Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] di mana Ketua Pendakwa Syarie mempunyai kuasa bagi memulakan, menjalankan dan memberhentikan apa-apa prosiding bagi kesalahan di hadapan Mahkamah Syariah. Selain itu, tindakan terhadap mana-mana kumpulan ajaran sesat hanya boleh dilaksanakan selepas fatwa pengharaman ajaran tersebut diwartakan di negeri-negeri berkenaan.

Apakah program untuk mendidik rakyat hindari ajaran sesat? Kerajaan melalui JAKIM dan JAIN melaksanakan program pendidikan, penjelasan dan pengukuhan terhadap pegangan akidah Ahli Sunah Wal Jamaah kepada semua lapisan masyarakat secara berterusan melalui pelbagai program dan pendekatan yang melibatkan pelbagai agensi secara bersepadu dengan cara, iaitu:

- (i) meluaskan pengajaran dan pendidikan Islam;
- (ii) memberikan penerangan dan penjelasan mengenai penyelewengan akidah kepada umum; dan
- (iii) menerbitkan dan menyebarkan buku atau risalah berkaitan akidah dan disiarkan dalam media elektronik, antaranya termasuklah melalui kaedah bersemuka seperti kursus, seminar, forum dan sebagainya serta melalui media cetak, media elektronik dan media baru.

Matlamat program ini adalah untuk membina benteng akidah yang kukuh di kalangan masyarakat supaya tidak terpengaruh dengan sesuatu ajaran sesat.

Kelima, apa tindakan kerajaan untuk menyekat penyebaran ajaran sesat melalui buku dan media masa dan media sosial. Kerajaan melalui JAKIM sentiasa menjalankan pemantauan terhadap bahan-bahan penerbitan berunsur Islam yang bercanggah dengan akidah dan syariah. Buku-buku dan bahan penerbitan ajaran sesat akan dikaji dan disemak oleh Mesyuarat Jawatankuasa Penapisan Bahan Penerbitan Berunsur Islam. Keputusan dan laporan kajian terhadap buku-buku ajaran sesat seterusnya dikemukakan kepada Kementerian Dalam Negeri bagi tujuan pewartaan perintah larangan dan tindakan yang berkaitan.

Dalam usaha menyekat penyebaran ajaran sesat melalui Internet dan media sosial, JAKIM atau Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) telah mempersetujui satu mekanisme khusus bagi mengatasi masalah ini. Sebarang maklumat yang disebarikan melalui media baru yang bercanggah dengan ajaran Islam dan menyalahi undang-undang, JAKIM dengan mendapat persetujuan daripada JAIN akan memanjangkan perkara ini kepada SKMM bagi tujuan menyekat media tersebut dan melaksanakan langkah-langkah lain daripada ia terus tersebar.

Keenam, mencadangkan kerajaan sewajarnya mewujudkan jawatankuasa khas termasuk JAKIM bagi memantau ajaran sesat bertindak pantas dan tuntas serta menggunakan media baru. Pada masa ini, JAKIM telah mewujudkan jawatankuasa dan petugas khas yang melibatkan agensi-agensi berkaitan bagi meneliti, memantau dan mengambil tindakan sewajarnya. Jawatankuasa pasukan petugas tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Jawatankuasa Pemandu Menangani Ajaran Sesat peringkat kebangsaan;
- (ii) Jawatankuasa Induk Penyelarasan Penguatkuasaan Undang-undang Syariah Malaysia;
- (iii) Jawatankuasa Kerja Penyelarasan Penguatkuasaan Undang-undang Syariah Malaysia;
- (iv) Panel Pakar Akidah; dan
- (v) Pasukan Petugas Khas Ajaran Sesat mengikut sesuatu kumpulan ataupun ajaran.

Ketujuh, mengadakan talian khas agar rakyat boleh rujuk dan supaya JAKIM boleh bertindak segera. Kerajaan khususnya JAKIM menyambut baik cadangan Ahli Yang Berhormat.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, JAKIM telah mewujudkan Felo Fatwa yang bermula pada bulan Oktober 2013 di mana pelantikan Felo atau pakar dalam bidang kefatwaan bagi membantu Jawatankuasa Fatwa MKI meneliti dan mengkaji isu-isu hukum yang bersifat segera dan semasa dari pelbagai pihak yang memerlukan kepakaran serta membimbing masyarakat dengan pandangan hukum yang disepakati secara *jamie* sama ada secara atas talian, bersemuka ataupun melalui bahan penulisan.

Portal e-Fatwa juga telah dinaiktarafkan melalui integrasi dengan laman sosial *blog*, *Facebook* dan *Twitter*. Buat masa ini, beberapa saluran media sosial telah dibuka untuk memudahkan maklumat fatwa disebarikan dan juga bagi masyarakat awam berhubung langsung secara maya dengan Felo Fatwa. Saluran-saluran tersebut ialah- e-Fatwa; *Facebook* Fatwa Malaysia; email felofatwa@gmail.com; dan *Twitter* Felo Fatwa. Begitu juga dengan #FatwaMalaysia telah didaftarkan di bawah *Twubs.com* dan alamatnya ialah <http://twubs.com/fatwamalaysia>. Semua jawapan dan penjelasan yang disediakan oleh Felo Fatwa akan dipaparkan terus di saluran-saluran berkenaan.

Selain itu, beberapa JAIN telah mewujudkan *hotline* agar maklumat dan aduan lebih cepat dan tepat. Aduan dan persoalan juga boleh disalurkan melalui portal IslamGRID, e-mel proJAKIM dan panggilan terus ke unit berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat menyarankan agar Ahli Sunnah Wal Jamaah didefinisikan secara benar, tepat dan tiada percanggahan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Panel Kajian Akidah JAKIM pada 28 Disember 2010 telah memutuskan bahawa definisi Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah golongan yang memahami dan berpegang kepada Al-Quran dan Sunah Nabi SAW menerusi para sahabat, tabiin dan tabi' tabiin yang setia bersama mereka dalam prinsip akidah, syariah dan juga akhlak. Selanjutnya, dijelaskan bahawa golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah seperti berikut:

- (a) mereka golongan yang memahami dan berpegang kepada Al-Quran dan Sunah Nabi SAW mengikut *manhaj* dan kaedah *salaf* dan *khalaf* yakni kaedah *Sya'irah* dan *Maturidiyah*;
- (b) mereka golongan berfahaman sederhana- *wasatiyyah*, tidak melampau dan tidak terlalu longgar.
Ini mengeluarkan *Khawarij*, *Syiah*, *Qadariyah*, *Jabariah*, *Muktazilah*, *Anti Hadis*, *Islam Liberal*, *pluralisme agama* dan *seumpamanya*; dan
- (c) mereka ialah golongan yang mengutamakan perpaduan dan persaudaraan Islam, bukan permusuhan; perdamaian, bukan peperangan; berpegang pada prinsip tidak memuja pemimpin, tidak taasub sehingga mengkafirkan atau menyesatkan sesama Islam.

Berhubung dengan peraturan perkahwinan antara Ahli Sunah Wal Jamaah...

■1640

Dato' Dr. Johari bin Mat: Boleh mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang memberikan jawapan.

Daripada penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi berhubung dengan definisi Ahli Sunah, jadi saya cukup rasa puas hati dengan definisi yang telah diolah itu. Cuma pada tiga hari lepas saya membaca Berita Harian di mana seorang ulama yang menjadi pakar rujuk dalam negara kita mengatakan bahawa Ahli Sunah itu muncul sejak 500 tahun. Jadi apabila sebut 500 tahun ini bercanggah dengan definisi tadi. Definisi tadi menyebutkan bahawa Ahli Sunah itu sejak para sahabat lagi. Jadi sahabat sampai sekarang ini ribuan tahun, 1,500 tahun lebih. Jadi saya bimbang kenyataan seperti itu akan memberi kekeliruan kepada masyarakat tentang pengenalan Ahli Sunah Wal Jamaah yang telah diterangkan tadi. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Dato' Dr. Johari yang telah pun membawa kepada usul ini dan juga termasuk laporan yang telah dikeluarkan, difahamkan tiga hari yang lalu daripada Berita Harian. Saya tidak membaca atau pun tidak terjumpa dengan artikel tersebut. Bagaimana pun bukan tujuan untuk menafikan. Akan tetapi sebagai mana yang saya sebutkan sebentar tadi kita melihat bahawa pegangan negara kita Malaysia dan ini yang diputuskan oleh pihak kerajaan melalui Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan di mana kita berpegang kepada yang dikatakan Ahli Sunah, mereka itu yang bermula dari para sahabat sehinggalah sampai kepada *Tabi' at-Tabi'in* Kalau kita tidak mengambil yang disebutkan *Tabi'in* itu daripada kelompok 300 tahun ke atas Hijrah dan *Tabi' at-Tabi'in* itu 300 ke bawah sesudah Hijrah.

Jadi maknanya kita bersetuju dengan pandangan yang telah disebutkan oleh Dato' Dr. Johari dan mungkin ada penulisan yang perlu kita bincangkan dengan kenyataan itu, adakah ia menjadi suatu yang menjadi pegangan atau pun percanggahan? Kerajaan mengambil perhatian atas pandangan dan teguran yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari Mat.

Berhubung dengan peraturan perkahwinan antara Ahli Sunah Wal Jamaah dengan pengikut...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Boleh satu lagi? Saya ingin memberi pandangan. Kalau sekiranya sudah pihak kerajaan telah membuat definisi itu dan ia merupakan satu pegangan kerajaan, saya harap dalam buku-buku agama yang ditulis, khasnya di buku-buku pelajaran di peringkat sekolah supaya definisi itu dimasukkan, diperjelaskan. Itu sahaja definisi yang kita pegang untuk menyatakan siapa Ahli Sunah yang kita rumuskan di Malaysia ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada satu lagi celahan.

Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Agama kerana dapat menjelaskan berkaitan dengan Ahli Sunah Wal Jamaah dan juga Dato' Dr. Johari yang telah menyokongnya.

Kita selalu dengar dalam ceramah agama, ustaz ada menyebut Nabi pernah bersabda bahawa, "Wafatnya Aku ini esok umat Islam akan berpecah kepada banyak golongan dan yang betulnya hanya satu sahaja iaitu golongan Ahli Sunah Wal Jamaah". Oleh sebab itu amatlah jelas bahawa Islam yang sebenar adalah yang berteraskan Ahli Sunah Wal Jamaah. Jadi bagaimana banyak pula yang kurang faham termasuk cerdik pandai kita seperti yang disebut oleh Dato' Dr. Johari tadi. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Senator Datuk...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ali Rustam.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Yang Berhormat Ali Rustam. Minta maaf bukan saya terlupa. Pasal tengah duk fikir tentang soalan tadi sebab pagi tadi Datuk Mohd Ali timbulkan soalan yang lain juga- hampir-hampir. Apa pun sebenarnya sebagaimana yang Nabi sabda, bahawa selepas daripada kewafatan/kematian aku ini umat Islam akan berpecah kepada 73 puak semuanya dan ada di dalam neraka melainkan satu kelompok- ini memerlukan kepada pentafsiran yang luas kepada hadis ini.

Bagaimana pun begitulah kerajaan mengambil tanggungjawab supaya jangan suasana keharmonian, perpaduan, keindahan negara kita Malaysia ini berlakunya perpecahan dan sebagainya. Ini termasuk juga khususnya dalam menjaga bukan hanya keharmonian negara termasuk kerukunan di antara umat Islam, maka seharusnya ada satu pemaduan dan juga satu harus ada di sana penguatkuasaan di mana kerajaan mengambil pendekatan dalam konteks negara kita Malaysia pegangan kita pegangan Ahli Sunah Wal Jamaah. Selain daripada itu merupakan perkara yang terlarang atau pun melanggar undang-undang dan peraturan. Pelanggaran ini akan diambil tindakan berdasarkan kuasa yang telah pun diberi kepada negeri-negeri mengikut Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan peraturan perkahwinan antara Ahli Sunah Wal Jamaah dengan pengikut ajaran Syiah dimaklumkan bahawa urusan perkahwinan mereka adalah tertakluk kepada pihak pentadbir agama Islam negeri-negeri sama ada ingin membuat peraturan atau melarang perkahwinan dengan penganut Syiah atau pun tidak. Walau bagaimana pun jika terdapat keperluan mendesak, kerajaan akan menimbang untuk menyelaras perkara ini menerusi Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan atau forum lain yang diwujudkan di peringkat Pusat.

Mengenai saranan supaya pihak berkuasa menyaring penggunaan hadis palsu dalam seruan menyayangi negara, pada masa ini kerajaan menerusi JAKIM sentiasa menjalankan pemantauan terhadap bahan-bahan penerbitan berunsur Islam yang bercanggah dengan akidah dan juga syariah termasuk menapis penyebaran hadis-hadis palsu. Manakala penyebaran hadis-hadis palsu dalam bentuk-bentuk yang lain memerlukan penglibatan semua pihak termasuk para sarjana yang pakar dalam bidang ilmu hadis bagi menyaring penyebarannya dalam masyarakat sebagai tanggungjawab bersama.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat membangkitkan isu yang berkaitan dengan pusat tahfiz dan sekolah pondok. Yang Berhormat Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin meminta kerajaan memberikan perhatian dan bantuan ke Pusat Tahfiz Persendirian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui pembentangan Bajet 2014 yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM50 juta dikhususkan kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR) di bawah tabung khas pembinaan, penambahbaikan dan penyelenggaraan, pembelian peralatan dan pembinaan blok tambahan yang diuruskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Pusat tahfiz persendirian juga termasuk dalam kategori Sekolah Agama Rakyat dan tertakluk kepada Enakmen kawalan sekolah-sekolah agama di negeri-negeri. Oleh itu bagi melayakkan bantuan disalurkan kepada pihak pusat tahfiz persendirian adalah dicadangkan supaya pihak pentadbir pusat tahfiz tersebut berdaftar dengan pihak berkuasa agama negeri atau berdaftar dengan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).

Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim pula mencadangkan supaya sekolah pondok menerima bantuan tetap sama seperti sekolah-sekolah lain. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum sekolah-sekolah yang tertakluk di bawah Enakmen Kawalan Sekolah Agama di negeri-negeri sekolah yang dwi-kurikulum iaitu lah kurikulum perdana dan *azhari* ataupun *din-ni*. Walaupun JAKIM sentiasa berusaha agar menjadikan institusi pondok yang bernaung di bawah Yayasan Pondok Malaysia akan dipertimbangkan juga sebagai langkah menggalakkan kerajaan terhadap pembelajaran sepanjang hayat.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu hiburan dan industri perfileman yang tidak patuh syariah dalam konteks pengawalan hiburan yang melampau sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin, memaklumkan bahawa JAKIM menganggotai Jawatankuasa Agensi Pusat Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Luar- JK PUSAL dan Lembaga Penapisan Filem agar persembahan artis dan penayangan filem berkaitan agama tidak bercanggah dengan nilai-nilai akhlak masyarakat Malaysia.

■1650

Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim bertanya, adakah pihak kerajaan bersedia dengan mewujudkan undang-undang ataupun peraturan untuk menerbitkan drama dan filem yang patuh syariah? Kerajaan melalui JAKIM perlu meneliti secara mendalam mengenai undang-undang syariah dalam industri perfileman yang dihasilkan syarikat-syarikat industri tersebut. Ini kerana garis panduan hiburan dalam Islam yang sedia ada sudah dilihat dapat membantu dan semua pihak yang terlibat dengan industri perfileman perlu akur dan mematuhi garis panduan tersebut untuk kebaikan bersama.

Pada masa ini, JAKIM dengan kerjasama pelbagai agensi yang berkaitan seperti mana Lembaga Penapisan Filem, Kementerian Dalam Negeri, LPF (KDN), dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah mengadakan sesi taklimat perbincangan dan dialog dengan pihak stesen televisyen dan syarikat serta penerbit-penerbit filem bagi membincangkan isu yang berkaitan agama dan panduan yang perlu dipatuhi dalam menyiarkan dan menyediakan rancangan televisyen dan filem.

Daripada segi perundangan, kuasa dalam menentukan sesuatu rancangan televisyen ini adalah terletak di bawah Akta Komunikasi Multimedia serta Akta Penapisan Filem. Pihak berkaitan dengan penguat kuasa akta ini sering merujuk kepada JAKIM dalam isu yang berkaitan agama dan garis panduan yang disediakan dijadikan sandaran oleh pihak yang bertanggungjawab dalam menguatkuasakan undang-undang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada isu berkaitan pegawai penguat kuasa agama yang dibangkitkan oleh Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim, Ahli Yang Berhormat menyarankan supaya Kerajaan Persekutuan menyalurkan bajet kepada negeri khususnya berkaitan keselamatan pegawai penguat kuasa agama. Kerajaan sememangnya memandang serius isu keselamatan dan kebajikan pegawai penguat kuasa agama yang melaksanakan tugas untuk menguatkuasakan undang-undang syariah di negara ini. Kerajaan juga tidak menafikan bahawa penggunaan senjata api adalah penting bagi memastikan keselamatan anggota dan pegawai yang terlibat lebih terjamin khususnya ketika menjalankan operasi.

Setakat ini, hanya Terengganu yang telah melengkapkan anggota penguat kuasa syariah dan pendakwa syariah dengan senjata api. Satu kajian sedang dijalankan untuk meneliti keperluan untuk dibekalkan senjata api sewaktu menjalankan operasi penguatkuasaan. Walau bagaimanapun, pandangan dan nasihat pelbagai pihak dalam isu ini khususnya daripada agensi tertentu seperti dalam Kementerian Dalam Negeri akan dipinta dan dalam masa yang sama ia adalah terpulang kepada keputusan yang dibuat oleh kerajaan negeri masing-masing yang mempunyai bidang kuasa dalam hal keagamaan.

Berhubung dengan pemasangan CCTV dan membekalkan telefon *wireless* di rumah pegawai penguat kuasa agama, kerajaan melalui JAKIM bersama agensi terlibat juga sedang meneliti kepentingan mekanisme lain bagi memastikan keselamatan pegawai penguat kuasa agama termasuklah meningkatkan operasi bersama dengan PDRM, rondaan berkala dan pemasangan CCTV di rumah, pembinaan kuarters khas, telefon *wireless* bagi membolehkan berhubung terus dengan pihak polis dan beberapa aspek lain.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Datuk Haji Saat bin Haji Abu yang membangkitkan peruntukan RM20 juta bagi aktiviti pembangunan insan JAKIM dan meminta penjelasan apakah objektif dan matlamatnya. Objektif dan matlamat aktiviti pembangunan insan tersebut melahirkan kader-kader pendakwah dan ilmuwan Islam daripada program latihan di institusi-institusi latihan Islam.

Kedua, memantau dan menyelaras pelaksanaan dasar-dasar Islam.

Ketiga, meningkatkan kolaborasi rangkaian dakwah dengan badan-badan bukan kerajaan peringkat kebangsaan dan antarabangsa dan seterusnya ialah menerajui gerakan dakwah secara bersepadu dengan kumpulan sasaran melalui dakwah *bilhal*, media cetak, media elektronik dan media-media yang baru. Objektif tersebut dicapai melalui pelaksanaan program yang merangkumi:

- (i) program dakwah;
- (ii) penerbitan dan penyiaran rancangan TV dan radio;
- (iii) penerbitan majalah, buku dan risalah dakwah;
- (iv) program pembangunan keluarga Islam dan pembangunan sosial; dan
- (v) kursus asas dan induksi program pembangunan dan pemantauan standard kualiti pengurusan pusat latihan dan pusat akademik.

Seterusnya mengenai saranan supaya JAKIM berperanan memastikan ajaran Islam tersebar luas di seluruh masyarakat dan gerakan dakwah secara bersepadu melalui media cetak, media elektronik dan media-media baru. Pada masa ini JAKIM telah merangka gerak kerja dakwah dengan perancangan melalui perwujudan Dasar Dakwah Negara (DDN) yang merupakan dokumen penjelasan usaha gerak pelaksanaan gerak kerja dakwah secara berterusan di Malaysia yang bersifat holistik dan terancang serta dilakukan melalui pelbagai pendekatan yang bijaksana lagi berkesan. Pelaksanaan Dasar Dakwah Negara (DDN) akan direalisasikan melalui pewujudan Pelan Tindakan Dakwah Negara (PTDN) yang akan menggerakkan DDN melalui strategi khas yang dikenali sebagai Agenda Transformasi Dakwah Negara yang merangkumi aspek pengukuhan dan pemerkasaan pengurusan hal ehwal Islam.

Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad pula mencadangkan supaya pegawai agama yang bertugas di Jabatan Penjara hendaklah berkelulusan agama yang tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pegawai agama di Jabatan Penjara buat masa ini jawatan kader daripada JAKIM. Mereka Pegawai Agama Hal Ehwal Islam, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred 44, S44, S32 dan S27 dan Pembantu Hal Ehwal Islam pula ialah Gred 17 yang berkelulusan diploma dan Sijil Pelajaran Malaysia. Sehubungan dengan itu, JAKIM menghargai cadangan daripada Yang Berhormat dan berpandangan adalah wajar gred yang lebih tinggi bagi pegawai agama di Jabatan Penjara untuk menjalankan fungsi pembangunan tahanan dipelihara.

Tuan Yang di-Pertua, Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman memohon penjelasan, apa langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengatasi kekeliruan memandangkan ada percanggahan antara Undang-undang Syariah dan Resolusi Majlis Hak Asasi Manusia, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai perkahwinan di bawah umur? Dalam menjaga masalah kanak-kanak di bawah umur 18 tahun bagi lelaki dan 16 tahun bagi perempuan, telah diperuntukkan prosedur ketat bagi mana-mana individu di bawah umur yang ingin berkahwin di mana ia memerlukan kebenaran mahkamah.

Ini dapat dilihat menerusi seksyen 8, Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah-wilayah Persekutuan 1984 [Akta 303] yang memperuntukkan seperti berikut:

- (i) seksyen 8, umur minimum untuk perkahwinan. Tiada suatu perkahwinan boleh diakadnikahkan di bawah akta ini jika lelaki itu berumur kurang daripada 18 tahun atau perempuan itu berumur kurang dari 16 tahun kecuali jika hakim syarie telah memberikan kebenarannya secara bertulis dalam hal tertentu. Bagi pasangan bawah umur tidak kira salah satu pihak ataupun kedua-duanya mereka perlu mendapat kebenaran daripada hakim syarie di tempat mereka bermastautin terlebih dahulu sebelum melangsungkan perkahwinan.
- (ii) seksyen 18, Akta 30 memperuntukkan seperti berikut. Seksyen 18 rujukan kepada tindakan oleh hakim syarie dalam mana-mana kes berikut iaitu:
 - (a) jika salah satu pihak kepada perkahwinan yang dicadangkan itu adalah di bawah umur yang dinyatakan dalam seksyen 8, maka pendaftar hendaklah sebagai ganti bertindak di bawah seksyen 17 merujuk permohonan itu kepada hakim syarie yang mempunyai bidang kuasa di tempat perempuan itu bermastautin;
 - (b) hakim syarie apabila berpuas hati tentang kebenaran perkara-perkara yang disebut dalam permohonan itu dan tentang sahnya perkahwinan dicadangkan itu dan bahawa kes itu adalah kes yang mewajarkan pemberian kebenaran bagi maksud seksyen 8 atau kebenaran bagi maksud subseksyen 14(3) atau persetujuannya kepada perkahwinan itu diakadnikahkan oleh wali raja bagi maksud subseksyen perenggan 13(b), mengikut mana-mana yang berkenaan hendaklah pada bila-bila masa selepas permohonan itu dirujuk kepadanya dan setelah dibayar *fee* yang ditetapkan mengeluarkan kepada pemohon kebenaran untuk berkahwin dalam borang yang telah ditetapkan.

Oleh yang demikian berdasarkan penjelasan yang diberikan, kerajaan berpandangan adalah tidak timbul percanggahan undang-undang syariah di negeri-negeri dengan Resolusi Majlis Hak Asasi Manusia mengenai isu kahwin paksa kerana undang-undang yang diguna pakai pada masa ini adalah bertepatan dan juga selari dengan resolusi yang telah diputuskan oleh Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sebagaimana dijelaskan dalam Perkara 16(2) Deklarasi Hak Asasi Manusia UDHR seperti mana berikut iaitu, "*Marriage shall be entered into only with the free and full consent of the intending spouses*".

■1700

Maksud di sini ialah kebenaran daripada kedua-dua pihak ataupun persetujuan. Dalam erti kata, di dalam Mahkamah Syariah juga persetujuan daripada kedua-dua pihak, bahkan lebih daripada dua pihak, mestilah juga dengan persetujuan hakim dan bukan setakat hakim, hakim akan memanggil ibu dan ayah, bakal mertua dan bakal bapa dan ibu mertua. Jadi, maknanya dalam bahasa mudah, kalaulah pengantin lelaki bersetuju untuk berkahwin, pengantin perempuan bersetuju untuk berkahwin dan mereka itu lelaki di bawah umur 18 tahun, perempuan di bawah umur 16 tahun, dapat pergi ke mahkamah, mahkamah memanggil ibu dan bapa pengantin lelaki dan pengantin perempuan, bakal mertua kepada kedua-dua pihak.

Jadi, kalaulah sekiranya mertua sudah bersetuju, ibu mertua sudah bersetuju, bapa mertua sudah bersetuju, pengantin lelaki sudah bersetuju, pengantin perempuan sudah bersetuju, maka, siapalah kita pula yang untuk tidak bersetuju dalam hal yang seperti ini.

Di samping itu, sebagai sebahagian daripada dunia Islam, Malaysia menyokong *Covenant* Hak Asasi Kanak-kanak Islam, *Covenant on the Rights of the Child in Islam* yang diluluskan di Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) pada tahun 2004. Antara lain menyebut Artikel 1 untuk tujuan *covenant* ini, kanak-kanak bererti setiap manusia yang menurut undang-undang yang sah ke atas dirinya sebelum mencapai umur baligh atau matang, *covenant* ini turut tidak meletakkan had umur antara dewasa dan kanak-kanak. Undang-undang antarabangsa dan undang-undang hak asasi antarabangsa juga mengiktiraf konsep kedaulatan negara yang mana dalam konteks Malaysia, Artikel 74(1) dan Artikel 76(1)(a), Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa suatu *treaty*, persetujuan atau konvensyen akan mempunyai ikatan undang-undang ke atas negara di peringkat Persekutuan dan negeri-negeri setelah menjalani proses perundangan. Justeru, undang-undang yang terpakai di Malaysia undang-undang Malaysia sendiri.

Kesimpulannya, Islam sangat menjaga hak dan keadilan ummahnya termasuk dalam urusan perkahwinan, dalam perkahwinan bawah umur mengikut hukum syarak. Sebenarnya tiada halangan bagi perempuan Islam yang telah baligh untuk berkahwin sekiranya mendapat keizinan daripada walinya. Walaupun pasangan telah mendapat kebenaran mahkamah untuk berkahwin pada usia muda, pasangan tetap dikehendaki mengikuti kursus pra-perkahwinan Islam sebagai maklumat asas kepada pasangan berkenaan dalam pengurusan rumah tangga. Termasuk juga mematuhi prosedur yang lain seperti melaksanakan ujian saringan HIV/AIDS serta prosedur-prosedur lain. Selain itu, JAKIM juga melaksanakan modul kursus pra-perkahwinan sebagai lanjutan kepada pasangan suami dan isteri.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya mengenai isu berkaitan zakat dan Baitulmal. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim bertanya di manakah peranan Pusat Zakat dan Baitulmal bagi memperkasa dan membantu golongan warga emas terbiar, tunggal tanpa waris yang ditinggalkan bersendirian. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, zakat hendaklah diagihkan kepada lapan golongan asnaf, fakir miskin, amil, *muallaf ar-riqaaq* atau hamba *al-gharimin fisabilillah* dan Ibnu Sabil. Warga emas secara umumnya tidak disebut sebagai salah satu asnaf. Namun, sekiranya mereka termasuk dalam salah satu golongan asnaf yang dinyatakan, mereka layak menerima bantuan zakat yang disediakan.

Bagi warga emas yang tidak lagi produktif, tidak boleh bekerja dan tiada perlindungan bantuan ahli keluarga terdekat. Setelah memenuhi syarat-syarat yang diperlukan sebagai penerima bantuan zakat, Majlis Agama Islam (MAIN) memberikan pelbagai bantuan. Seperti mana bantuan sara hidup, bantuan kewangan bulanan, bantuan perubatan, bantuan hemodialisis, bantuan membaiki dan membina rumah dan juga bantuan modal perniagaan bagi ibu tunggal yang masih boleh bekerja. Walau bagaimanapun, semua bantuan tersebut adalah tertakluk kepada prosedur dan undang-undang syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Negeri, khususnya di Wilayah Persekutuan.

Di Wilayah Persekutuan, terdapat 28 skim bantuan zakat di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang boleh dipohon oleh golongan asnaf termasuk warga emas yang tergolong dalam mana-mana kelompok asnaf. Sebagai contoh, kepada warga emas dan ibu tunggal yang tergolong dalam golongan fakir dan miskin, MAIWP menyalurkan bantuan kewangan bulanan berjumlah RM200 hingga RM500 sebulan kepada mereka. MAIWP juga menganjurkan kursus kemahiran seperti masakan dan jahitan kepada asnaf, khususnya wanita. Bertujuan membolehkan mereka memanfaatkannya untuk mencari pendapatan tambahan. Selain itu, MAIWP juga menyediakan peluang kepada warga emas yang ingin mengikuti pengajian agama secara intensif melalui Pusat Pengajian Warga Emas Darul al-Sakinah.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai hal ehwal Islam yang sempat saya jawab. Mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab, perkara telah dicatat dan akan diambil tindakan sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri, khususnya agensi-agensi yang berkaitan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, boleh beri saya jalan untuk tanya soalan terakhir kepada Yang Berhormat yang sudah berjanji pagi tadi hendak menjawab?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebenarnya Menteri sudah habis menjawab. Macam mana ini Yang Berhormat? *You* hendak jawab? Silakan.

Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kepada Menteri kerana telah mengambil tindakan yang tegas terhadap penyebaran ajaran sesat termasuk Syiah. Saya pagi tadi ada membangkitkan soalan bahawa KDN telah membuktikan banyak perkara yang mana saudara 'Mat Sabu' telah lari daripada ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah, beliau telah mengikuti ajaran Syiah. Ada lagi bukti-bukti kelas 'A' yang akan dikemukakan. Soalan saya, bilakah JAKIM akan menahan beliau dan dapat mengembalikan semula atau tarbiah semula beliau supaya kembali ke jalan Islam yang sebenar berteraskan Ahli Sunnah Wal Jamaah iaitu dengan bertaubat? Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat kerana memanjangkan soalan pagi tadi. Sengaja saya tidak jawab petang ini kerana relevansinya untuk menunggu soalan ataupun menunggu Yang Berhormat untuk bertanyakan tentang hal pagi tadi ditimbulkan semula. Apa-apa pun saya suka menegaskan sebagaimana yang telah sedia maklum bahawa kerajaan melalui Majlis Fatwa Kebangsaan, sejak tahun 1984 telah mengambil pendirian memutuskan bahawa Syiah terkeluar daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Saya ulang, Syiah, mengikut fatwa 1984 terkeluar daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah kemudian melainkan diasingkan iaitu dua daripada kelompok pecahan Syiah ini iaitu Zaidiyah dan Ja'fariyah.

Ini kerana pada waktu itu melihat relevansi juga, amalan yang berada di Jalan Masjid India, ada satu buah keluarga yang berpegang kepada Ja'fariyah dan satu lagi amalan kelompok sekeluarga yang mengamalkan Syiah Zaidiyah di Klang. Akan tetapi selepas daripada itu, keluarga ini sudah meninggal, sudah habis kelompok tersebut. Tahun 1996 Majlis Fatwa Kebangsaan telah memutuskan bahawa semua pegangan Syiah di Malaysia terkeluar daripada ajaran Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Jadi, maka sebab yang sedemikian, tidak ada lagi yang dibenarkan dan sebagainya. Melihat kepada ini merupakan fatwa. Oleh sebab itu ulama' meletakkan dari sudut peraturan hukum, tidak dibenarkan untuk berpegang kepada mana-mana ajaran yang bercanggah, khususnya pegangan Kerajaan Malaysia iaitu Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Akan tetapi dalam konteks pendakwaan pula, saya suka hendak menjelaskan bahawa dalam konteks pendakwaan, ia tidak terikat kepada mana-mana individu ataupun kelompok kumpulan, puak ataupun parti-parti. Soal pegangan ini ia merupakan suatu yang ia *cross* kumpulan dan puak, dengan izin, yang saya sebutkan tadi bahawa ia melangkai semua sempadan. Jadi, berbalik kepada bukti-bukti yang diberikan oleh KDN, kita juga meneliti. Akan tetapi yang dalam bagaimana saya ingin nyatakan bahawa berdasarkan kepada pengalaman, penelitian, perkara-perkara yang berkaitan dengan hukum ini, ia tidak sewenang dan semudah untuk kita menjatuhkan hukuman terutamanya terhadap mana-mana individu. Sebab bebanan kepada sesuatu tuduhan itu ia haruslah mempunyai bebanan tanggungjawab dengan bukti-bukti yang kukuh dan juga bukti yang kemas, apatah lagi bila membicarakan soal hal yang berkaitan dengan akidah.

Oleh sebab kalau kita bincangkan soal kecurian, kita tengok ada barang ataupun bahan yang dicuri kalau benda itu kecil, jam katakan ada dalam kocek seseorang, dalam poket seseorang ataupun bahan emas dan sebagainya.

Maka, boleh dibuat pertuduhan berdasarkan bukti tadi. Hak dan tanggungjawab yang kena tuduh pula untuk mempertahankan di mahkamah. Ini satu hal.

■1710

Begitu juga kalau tangkapan khalwatlah katakan dalam konteks Mahkamah Syariah, maka apabila pasangan yang berkhawat dua orang di dalam sebuah tempat yang bukan muhrim, dua-dua orang yang bersunyi-sunyi dan tempat yang boleh mencurigakan tak kiralah di mana-mana tempat termasuk hotel, maka dia boleh didakwa. Itu pun kadang-kadang boleh terlepas sebab berdasarkan hujah dan sebagainya. Akan tetapi bila kita bercakap soal pendakwaan terhadap kes yang berkaitan dengan akidah, maka bebanan tanggungjawab untuk pembuktian ini merupakan satu bebanan yang cukup besar dan kalau tadi Yang Berhormat sebutkan tadi ada bukti kelas 'A' kah apa, saya juga ada terima juga SMS daripada kawan-kawan pula, bertanya, "*Datuk, kelas 'A' ini dia macam gred telur kah apa, sebab telur ada gred 'A', gred 'B'?*" Yang Berhormat pun senyum juga.

Jadi, maka bebanan untuk pembuktian ini satu hal yang begitu besar dan juga memerlukan penelitian. Apa pun pihak JAKIM dan juga pihak KDN akan terus bekerjasama berhubungan untuk supaya hal yang berkaitan dengan penyelewengan akidah terutamanya hal yang berkaitan dengan Syiah ini diperkemas. Saya hendak mengunci isu yang seperti ini, pendakwaan dia bukan daripada pihak JAKIM tetapi dia masih lagi di bawah mengikut Jadual 9 Perlembagaan Negara, dia telah di bawah kuasa negara masing-masing.

Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam: Boleh beri jalan sedikit? Kalau tak ada dakwa, kita boleh panggil dia bagi penjelasan kerana bukti dah banyak. Jadi kalau dia kata dia memang bukan Syiah, lepas itu JAKIM puas hati, *Alhamdulillah* lah, tetapi sekarang ini nampak apa yang diamalkan itu nampak memang beliau ini pengikut Syiah tetapi dia menafikan. Jadi untuk penjelasan supaya kes ini tak jadi berpanjangan, kita panggil dia dan kalau dia boleh jelaskan dengan baik, dia kata dia ikut-ikut, tengok-tengok, sebut-sebut macam dia kata dia puji Khomeini, orang lain pun puji juga Khomeini- jadi bukan makna dia pengikut. Kalau penjelasan dia itu boleh kita terima dan dia memang Ahli Sunah Wal Jamaah, maka yang kita nak tahu dia bukan pengikut Syiah. Itu yang kita dah dapat satu kebaikanlah, kita tak nak ada pula orang di Malaysia ini dia bertegas-tegas bahawa dia memang Syiah, mengapa tak boleh. Ini yang kita nak cari supaya semua umat Islam di Malaysia menolak Syiah. Nampak Encik Mat Sabu ini dia macam pengikut tapi dia tak mengaku.

Jadi kalau JAKIM boleh panggil dia lepas itu dia *clear* diri dia, maka *alhamdulillah* kita pun nak semua orang mengaku umat Islam di Malaysia ini semuanya pengikut Ahli Sunah Wal Jamaah. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharom: Saya menyokong pandangan Yang Berhormat sebutkan sebentar tadi untuk tujuan mengharmonikan suasana dan keadaan. Maksud saya ialah supaya jangan ada nanti pelbagai pandangan dan sebagainya. Akan tetapi saya balik kepada persoalan tadi, saya bersetuju bahawa kita harus mengambil pelbagai pendekatan tetapi pendekatan yang pertama, pendakwaan itu adalah di bawah kuasa negeri masing-masing dan begitu juga untuk kita nak panggil tujuan perbincangan.

Ini boleh dibuat oleh sama ada di pejabat agama ataupun melalui pejabat mufti ataupun juga melalui pejabat JAKIM untuk memanggil dan sebagainya. Apa pun Yang Berhormat, kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah yang begitu teliti dalam hal yang berkaitan dengan akidah. Sebagaimana saya sebutkan tadi, kerajaan akan sentiasa bekerjasama rapat dengan KDN untuk mendapat maklumat-maklumat yang kukuh dan konkrit bagi sesuatu pertuduhan dan juga sesuatu perkara yang berkaitan dengan Syiah ini dan termasuk yang berkaitan dengan orang yang dituduh tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Razali bin Haji Ibrahim yang merupakan Menteri yang terakhir yang akan menjawab bagi Jabatan Perdana Menteri, silakan Yang Berhormat. Selepas itu Kementerian Pendidikan ya.

5.14 ptg.**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Haji Ibrahim]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan untuk menyambung penggulangan bagi pihak Jabatan Perdana Menteri berkaitan tugas-tugas khususnya di bawah Unit Perancangan Ekonomi, Unit Kerjasama Awam-Swasta, Talent Corporation Malaysia Berhad, Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dan soal-soal berkaitan integriti dan usaha pencegahan rasuah yang telah dibangkitkan oleh seramai 14 orang Ahli Yang Berhormat Senator dengan menyentuh kepada 23 buah isu berkaitan.

Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiah binti Raja Abdullah bertanyakan tentang kriteria, tanda aras dan peratus rakyat berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Tuan Yang di-Pertua, mengikut definisi sebuah negara mencapai status negara maju ialah apabila pendapatan per kapita negara melepasi paras minimum yang ditetapkan oleh Bank Dunia.

Sehubungan itu, pendapatan per kapita salah satu kriteria utama kerana ia menggambarkan kemajuan atau taraf pembangunan sesebuah negara. Ketika Wawasan 2020 dilancarkan pada tahun 1991, pendapatan per kapita negara ialah sebanyak USD2,370 iaitu 69 peratus di bawah paras minimum negara maju ketika itu iaitu USD7,621. Walau bagaimanapun, jurang tersebut telah berjaya dikurangkan kepada 21 peratus iaitu USD9,990 berbanding USD12,616 pada tahun 2012. Sepanjang tempoh 2013 hingga 2020, dengan Program Transformasi Ekonomi dan Program Transformasi Kerajaan yang sedang giat dilaksanakan sekarang ini, jika ekonomi negara mampu mengekalkan pertumbuhan mampan antara 5 peratus hingga 6 peratus, maka pendapatan per kapita negara adalah sebanyak USD17,200 pada tahun 2020.

Paras ini melepasi paras minimum pendapatan per kapita negara maju yang dianggar pada kadar USD15,000 pada tahun tersebut. Manakala trend pendapatan isi rumah menunjukkan rakyat mempunyai pendapatan yang semakin tinggi selaras dengan peningkatan pendapatan per kapita. Pendapatan purata isi rumah bulanan telah meningkat sebanyak 4.5 peratus daripada RM3,686 pada tahun 2007 kepada RM4,025 pada tahun 2009. Pendapatan ini telah meningkat lebih tinggi sebanyak 7.5 peratus kepada RM5,000 pada tahun 2012 berbanding tahun 2009. Pendapatan penengah isi rumah bulanan pula meningkat 5.3 peratus daripada RM2,552 pada tahun 2007 kepada RM2,830 pada tahun 2009. Pendapatan ini telah meningkat lebih tinggi sebanyak 8.6 peratus kepada RM3,626 pada tahun 2012 berbanding pada tahun 2009. Berdasarkan trend yang semakin meningkat ini, diyakini lebih ramai rakyat akan mempunyai pendapatan yang lebih tinggi menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani telah membangkitkan isu-isu penyertaan bumiputera.

Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin menyatakan sasaran 30 peratus untuk penyertaan bumiputera seakan terhalang dengan pelbagai halangan antaranya maklumat tentang peluang penyertaan bumiputera ini tidak sampai secara terus kepada usahawan bumiputera. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan amat komited untuk meneruskan usaha mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus penyertaan bumiputera dalam pemilikan ekuiti sektor korporat menjelang tahun 2020.

Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, kerajaan telah memperluaskan takrifan ekuiti sektor korporat iaitu termasuk pemilikan hartanah dan aset perniagaan seperti ruang niaga, harta bertanah, bangunan komersial, harta intelek dan lain-lain perkhidmatan. Pelbagai langkah dan program bagi meningkatkan pemilikan ekuiti bumiputera dalam ekonomi telah dan akan dilaksanakan secara berterusan dan efektif. Antaranya meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan melalui penubuhan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) yang mana TERAJU telah diangkat sebagai sekretariat kepada Majlis Ekonomi Bumiputera yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dianggotai oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi bumiputera, ahli-ahli politik serta pegawai-pegawai tinggi kerajaan.

TERAJU dipertanggungjawabkan untuk menyelaras transformasi serta memperkukuhkan penyertaan bumiputera bagi merapatkan jurang ekonomi di antara bumiputera dengan bukan bumiputera. TERAJU juga akan menjadi *focal point*, dengan izin, di antara kerajaan dengan masyarakat bumiputera secara amnya dan usahawan bumiputera secara khususnya untuk menyampaikan maklumat secara telus dan terus seperti yang diharapkan oleh Yang Berhormat Senator.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar telah menyarankan agar kerajaan mengambil tindakan yang efektif untuk memastikan agenda pemerkasaan agenda bumiputera tidak gagal seperti Dasar Ekonomi Baru.

■1720

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam menilai DEB perlu diakui bahawa kemajuan KETARA telah dicapai sejajar dengan matlamat pelaksanaannya. Pasca pelaksanaan DEB telah memperlihatkan kedudukan sosioekonomi bumiputera telah bertambah baik berbanding tahun 1970-an. Ini ditunjukkan oleh *indicator* berikut.

Kadar kemiskinan bumiputera pada tahun 1970 sebanyak 64.8 peratus dan kadar tersebut telah dapat dikurangkan kepada 2.2 peratus pada tahun 2012. Purata pendapatan isi rumah bumiputera daripada RM172 pada tahun 1970 telah meningkat kepada RM4,457 pada tahun 2012. Pemilikan ekuiti dalam sektor korporat bumiputera pada tahun 70-an sebanyak 2.4 peratus dan sehingga 2011 telah meningkat kepada 23.45 peratus. Untuk memperkukuhkan usaha-usaha kerajaan dalam agenda pemerkasaan bumiputera, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan lima strategi utama seperti yang telah pun diumumkan baru-baru ini.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas ingin penjelasan mengenai usaha kerajaan memastikan GLC membantu usahawan bumiputera dan juga mekanisme ekosistem bersepadu untuk membantu usahawan bumiputera tersebut. Beliau seterusnya ingin mengetahui langkah kerajaan untuk mengubah mentaliti bumiputera untuk terlibat dalam perniagaan dan bilakah sasaran 30 peratus ekuiti bumiputera akan tercapai?

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, GLC merupakan salah sebuah organisasi yang boleh dioptimumkan peranannya dalam agenda pembangunan bumiputera dan melonjakkan keusahawanan bumiputera khususnya. Seajar dengan matlamat itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seperti yang saya nyatakan tadi telah mengumumkan penubuhan Majlis Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera pada 14 September 2013. Tambahan pula dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, kerajaan telah memperkenalkan pendekatan bersegi dalam memperkukuh keusahawanan bumiputera berdasarkan tahap kitaran perniagaan. Melalui pendekatan ini, bantuan akan disediakan daripada segi pembiayaan, perkhidmatan, sokongan dan agensi pelaksana akan ditentukan berdasarkan kategori syarikat seperti berikut:

- (i) perniagaan mikro dan kecil - tumpuan diberi kepada penyediaan pembiayaan, peningkatan keupayaan dan infrastruktur;
- (ii) tahap pembangunan dan pertumbuhan - menyediakan pembiayaan ekuiti swasta untuk menyatukan dan meningkatkan perniagaan bumiputera supaya berdaya saing; dan
- (iii) syarikat tersenarai dan matang di mana bantuan kepada usaha meneroka pasaran baru di mana mengoptimalkan perolehan kerajaan dan pemberian lesen untuk menggalakkan penyertaan mereka dalam bidang yang strategik.

Untuk memastikan penglibatan bumiputera yang efektif dalam bidang perniagaan, sikap bumiputera ke arah itu harus dibentuk dan ini dimulakan dengan memupuk sikap keusahawanan yang tulen, ingin berdaya maju dan berdaya saing secara sihat.

Kerajaan juga telah menyediakan pelbagai program pembangunan keusahawanan bumiputera termasuk latihan dan pembiayaan dalam sektor bernilai tambah tinggi. Selain itu, peranan agensi pembangunan bumiputera seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) juga telah diperkasakan bagi meningkatkan penyertaan bumiputera dalam bidang perniagaan dan keusahawanan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga tahun 2011, pemilikan ekuiti bumiputera dalam sektor korporat telah mencapai 23.45 peratus. Daripada segi nilai tara, pemilikan ekuiti bumiputera menunjukkan peningkatan yang ketara berbanding pencapaian pada tahun 1990 iaitu daripada RM20.8 bilion telah melonjak kepada RM211.5 bilion. Ini menunjukkan bahawa terdapat kejayaan usaha kerajaan untuk mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus pemilikan ekuiti bumiputera dalam sektor korporat menjelang tahun 2020 dapat direalisasikan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali telah membangkitkan isu agihan pendapatan. Yang Berhormat Senator membangkitkan mengenai *Gini Coefficient* Malaysia iaitu 0.46 dan menyatakan bahawa jurang pendapatan antara rakyat kaya dan miskin sangat teruk berbanding negara-negara jiran yang lain. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ukuran ketidakseimbangan pendapatan kasar isi rumah di Malaysia berdasarkan kepada Pekali Gini bagi tahun 2012 ialah 0.31 berbanding dengan 0.441 pada tahun 2009. Ini menunjukkan ketidakseimbangan berdasarkan agihan pendapatan kasar bulanan isi rumah telah bertambah baik dalam tempoh tersebut.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat juga, kejayaan ini dicapai semasa kebanyakan negara di dunia hari ini mengalami peningkatan dalam ketidakseimbangan pendapatan. Walaupun berada di paras yang agak tinggi, Malaysia merupakan antara negara yang mencapai corak agihan pendapatan yang lebih baik berbanding dengan kebanyakan negara-negara di rantau ini. Namun demikian, perbandingan antara negara perlu berhati-hati kerana terdapat perbezaan dalam menggunakan *indicator* dalam mengukur Pekali Gini.

Sebagai contoh, Indonesia, Thailand dan Filipina menggunakan Pekali Gini berasaskan ukuran perbelanjaan dan bukannya pendapatan kasar. Berdasarkan kepada laporan *Malaysian Economic Monitor* oleh Bank Dunia, pendapatan kasar isi rumah dan ketidakseimbangan pendapatan di Malaysia adalah lebih baik daripada beberapa buah negara maju termasuk anggota *Organization for Economic Corporation and Development* sebelum cukai dan pindahan. Sebagai contoh, Pekali Gini bagi Jepun 0.462, Australia 0.468, dan Mexico 0.494.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pekali Gini Malaysia berasaskan ukuran pendapatan 0.337 berbanding Indonesia 0.381, Thailand 0.394 dan Filipina 0.430. Ini menunjukkan ketidakseimbangan Pekali Gini Malaysia berasaskan perbelanjaan adalah lebih baik berbanding dengan negara-negara lain di rantau ini.

Yang Berhormat Dr. Senator Syed Husin Ali juga berpendapatan kadar pendapatan pekerja Malaysia hanya 28 peratus daripada jumlah pendapatan nasional dan adalah jauh lebih rendah berbanding Singapura, Korea dan Jepun. Kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa kadar pendapatan pekerja Malaysia sebanyak 28 peratus daripada jumlah pendapatan negara adalah benar tetapi ia hanya merujuk kepada maklumat yang diperolehi bagi tahun 2000. Walau bagaimanapun, untuk maklumat yang terbaru kadar pendapatan tersebut telah meningkat kepada 32.9 peratus bagi tahun 2012. Ini menunjukkan pendapatan pekerja di Malaysia telah meningkat 3.1 kali ganda iaitu daripada RM99.8 bilion pada tahun 2000 kepada RM309.4 bilion pada tahun 2012 dan peningkatan ini mencerminkan pendapatan boleh guna rakyat Malaysia terus meningkat.

Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin bin Abu Bakar menyatakan DEB telah merapatkan jurang pendapatan antara kaum bumiputera dan bukan bumiputera. Nisbah pendapatan Melayu meningkat dari 1 kepada 1.6 pada tahun 2013. Data ini telah berusia hampir sembilan tahun. Yang Berhormat ingin tahu nisbah pendapatan terkini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada kajian penyiasatan pendapatan isi rumah tahun 2012, nisbah ketidaksamaan pendapatan mengikut etnik adalah seperti berikut:

- (i) nisbah di antara bumiputera dan Cina adalah 1 berbanding 1.43;
- (ii) nisbah bumiputera dan India 1 kepada 1.17; dan
- (iii) nisbah di antara kaum India dan kaum Cina 1 kepada 1.22.

Yang Berhormat Senator Dr. Syed Hussin Ali telah mencadangkan agar garis kemiskinan dinaikkan kepada RM1,500 agar lebih selaras dengan harga barang terkini.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pendapatan garis kemiskinan atau PGK pendapatan minimum yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah bagi memenuhi keperluan asas makanan dan bukannya makanan setiap ahlinya. Metodologi pengiraan PGK adalah berasaskan kepada keperluan asas kualiti hidup rakyat Malaysia iaitu keperluan makanan dan bukan makanan. Pengiraan PGK mengambil kira ciri-ciri demografi isi rumah seperti umur dan jantina serta lokasi isi rumah mengikut negeri dan kawasan bandar atau luar bandar.

PGK yang digunakan dikemas kini berdasarkan pergerakan harga dan dilaksanakan seiring dengan pelaksanaan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (PPIR) oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Semakan ini adalah bagi mencerminkan perubahan harga serta kos kehidupan semasa. Purata PGK terkini bagi tahun 2012 adalah sebanyak RM830 bagi Semenanjung Malaysia, RM1,090 bagi Sabah dan RM920 bagi Sarawak. Manakala garis pendapatan bagi isi rumah berpendapatan rendah pula adalah sebanyak RM1,800 sebulan yang digunakan khusus bagi Program 1Azam.

Di samping itu, garis pendapatan tertinggi bagi kumpulan isi rumah 40 peratus terendah yang menjadi fokus di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh adalah sebanyak RM2,300 sebulan. Garis pendapatan ini akan berubah mengikut corak pendapatan rakyat berasaskan kepada Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (PPIR) yang saya nyatakan tadi...

■1730

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Yang Berhormat Menteri, boleh mencelah sedikit, boleh?

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut bahawa menjelang 2020, ekuiti bumiputera akan capai 30 peratus. Saya hendak tahu, apakah jaminan yang bumiputera akan capai 30 peratus? Saya bimbang dan takut, dulu DEB kata akan capai.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Setelah dilancarkan tahun 1970, jadi sudah beberapa tahun? Sudah 43 tahun, tidak capai-capai lagi. Sekarang sebut senang akan capai tetapi kalau tidak capai, macam mana? Jadi, saya minta jaminan kerajaan bahawa kaum Melayu bumiputera akan capai 30 peratus. Minta penjelasan.

Dato' Razali bin Ibrahim: Dalam tempoh enam tahun sebelum tahun 2020, saya rasa pernyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar merupakan hasrat kita semua. Saya harap pernyataan ini dapat didengari dengan jelas oleh GLC seperti yang saya nyatakan tadi merupakan salah sebuah organisasi yang paling mustahak selain daripada agenda yang telah digariskan oleh kerajaan.

Antara perkara yang boleh kalau saya kongsi di bawah hasrat untuk mencapai 30 peratus pemilikan ekuiti bumiputera, kementerian dan GLC akan mengukuhkan sistem pembangunan vendor bumiputera. Pemilihan vendor akan dibuat berasaskan meritokrasi demi memupuk usahawan yang berdaya saing dan mapan. Ketua Pegawai Eksekutif GLC akan ditetapkan Petunjuk Prestasi Utama atau KPI ke atas penyertaan bumiputera termasuk perolehan yang dianugerahkan kepada vendor. GLC harus membangunkan usahawan bumiputera yang akan melibatkan diri dalam aktiviti berkaitan pembuatan dan perindustrian yang berpotensi, yang mempunyai nilai tambah tinggi.

Dalam konteks ini GLC akan menerajui usaha untuk mewujudkan beberapa buah konsortium syarikat bumiputera dan sektor-sektor yang terlibat. Akhir sekali, memperluaskan dasar *carve-out* kepada projek-projek besar lain di bawah Kementerian serta GLC.

Apa yang saya nyatakan ini sesungguhnya tidak memberi sebarang jaminan kita akan capai tetapi saya yakin bahawa kalau perkara ini dapat kita laksanakan seperti Yang Berhormat sedia maklum perkataan 'Ali baba' yang sudah pun mempunyai kekuatan sendiri dengan maksud tersendiri yang hari ini jarang kita dengar. Keseriusan kerajaan dalam memastikan ekuiti bumiputera 30 peratus ini tercapai hanya akan dapat kita laksanakan jika seluruh agensi kerajaan, seluruh syarikat GLC. Malahan tidak keterlaluan kalau saya nyatakan seluruh ahli perniagaan daripada mana latar belakang kaum sekali pun dapat sama-sama memainkan peranan supaya *cake* ekonomi yang semakin melebar, membesar di bawah Pelan Program Transformasi Ekonomi Negara dapat dikongsi secara adil kepada seluruh rakyat. Jadi pada saya, perkara-perkara yang telah pun dinyatakan tadi merupakan perkara yang diambil berat oleh pihak kerajaan untuk kita memastikan dalam tempoh enam tahun sebelum tahun 2020, pemilikan ekuiti bumiputera dapat kita capai...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya mengalu-alukan keikhlasan dan kejujuran Yang Berhormat Timbalan Menteri bila beliau mengatakan bahawa kerajaan tidak mungkin memberi jaminan. Ini satu *statement* yang ikhlas, jujur dan realistik. Walaupun tadi telah disenaraikan langkah-langkah yang patut diambil, itu pun patut dialu-alukan.

Akan tetapi satu perkara yang saya rasa patut diambil kira ialah mempelajari sebab-musabab kegagalan pencapaian 30 peratus ekuiti bumiputera dalam Program Dasar Ekonomi Baru 1970 sehingga 1990. Sebenarnya banyak kegagalan itu, kegagalan di kalangan orang Melayu sendiri, kegagalan dan sabotaj daripada orang Melayu atau orang bukan Melayu. Akan tetapi saya dapat kesan Tuan Yang di-Pertua, bahawa itu andaian-andaian secara umum sahaja, yang perlu ialah kajian yang lebih sistematik sebab-sebab kegagalan kita mencapai matlamat 30 peratus itu. Walaupun barangkali akan diambil kira juga keadaan ekonomi dunia yang berubah.

Jadi, saya rasa mempelajari sebab-musabab kegagalan mencapai matlamat 30 peratus antara tahun 1970 hingga tahun 1990 itu adalah penting untuk memastikan bahawa matlamat 30 peratus menjelang tahun 2020 itu dapat kita capai. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ibrahim: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, terdapat pelbagai cadangan sebenarnya telah diperkatakan dari dahulu sehingga ke hari ini berkaitan dengan usaha memastikan pemilikan ekuiti 30 peratus kepada bumiputera ini. Saya percaya kalau kita tidak belajar daripada kesilapan-kesilapan lampau, kita akan ulangi lagi kesilapan tersebut. Saya harap *political will* dalam tempoh daripada 2009 termasuk dengan beberapa pengumuman yang telah dibuat oleh pucuk pimpinan hari ini, saya boleh katakan bahawa terdapat kesungguhan yang dibuat oleh kerajaan bagi mencapai hasrat tersebut...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Razali bin Ibrahim: Saya rasa mempelajari itu seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator perkara asas, awal sebelum kita merangka perkara-perkara baru.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, dulu semasa perbincangan saya bilang banyak aspek penting. Dua aspek saya syorkan kembali balik. Pertama, Kementerian Pembangunan Usahawan kena wujud balik. Kedua, ekuiti untuk bumiputera oleh pelabur asing yang hendak labur di sini kena kembali balik. So, apakah jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri? Kedua-dua itu. Dia tidak jawab lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Dia akan jawab Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ibrahim: Disebabkan dia bangkit awal sebelum tiba waktunya. Daripada segi Kementerian Pembangunan Usahawan sebenarnya telah pun dibuat pengumuman oleh kerajaan untuk buat masa ini tidak ada hasrat untuk mewujudkan kembali kementerian tersebut. Namun begitu saya percaya prerogatif yang diberikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam melihat kepada keberkesanan keperluan sentiasa menjadi pertimbangan. Malahan boleh saya kongsi di sini dalam setiap perbincangan, cadangan mengenai mewujudkan semula kementerian tersebut sering kali dibangkitkan termasuk di dalam Persidangan Agung UMNO baru-baru ini, termasuk juga dalam persidangan-persidangan agung di peringkat bahagian dan masih ada negeri-negeri yang menyatakan perkara tersebut. Jadi, pada saya buat masa ini, jawapannya belum lagi pengumuman mengenai perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh sekejap Tuan Yang di-Pertua? Mengenai subjek- okeylah, jawapannya belum ada maksud, belum ada hasrat lagi. Akan tetapi boleh atau tidak kita diberitahu sebab-sebab belum itu, kenapa tidak hendak ada sedangkan desakan daripada segala pihak telah bertubi-tubi tetapi dikatakan belum ada hasrat, belum ada maksud. Boleh atau tidak kita tahu sebab kenapa tidak ada hasrat dan tidak ada maksud itu? Walaupun desakan telah bertubi-tubi [*Tepuk*]

Dato' Razali bin Ibrahim: Seperti yang disebut dalam pengumuman pada 19 September di Universiti Teknologi MARA, buat masa ini kerajaan sedang dalam proses untuk memperkukuhkan Majlis Ekonomi Bumiputera yang mana telah pun diumumkan pelbagai bentuk inisiatif termasuk pelbagai bentuk dana. Pagi tadi pun ada satu mesyuarat ekonomi negara dan petang ini pun ada mesyuarat mengenai koridor dan pada saya bukan mengatakan bahawa Majlis Ekonomi Bumiputera ini sebagai pengganti kepada Kementerian Pembangunan Usahawan tetapi kalau ahli Yang Berhormat Senator tengok dalam pengumuman tersebut saya rasa jumlah dana yang diumumkan sangat besar.

Malahan melebihi daripada peruntukan yang pernah diberikan kepada Kementerian Pembangunan Usahawan. Ini terus dipantau oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang boleh saya nyatakan di sini bahawa Majlis Ekonomi Bumiputera ini akan menggunakan TERAJU sebagai sekretariat dan beberapa inisiatif termasuk KPI yang saya nyatakan tadi, akhirnya bergantung kepada *political will*.

Kalau ada GLC yang telah pun dikenakan KPI, tidak mencapai. Adakah kita boleh berkompromi atau kita ganti? Ini pada saya akan tiba waktunya nanti. Jaminan ini dibuat secara terbuka, yang boleh didengar oleh seluruh rakyat ketika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menggulung selaku Presiden kepada parti UMNO dalam persidangan UMNO tempoh hari.

■1740

Jadi kepada saya, saya ulang balik, bukan MEB mengganti kementerian Pembangunan Usahawan tetapi pada saya, MEB platform bagi menjayakan hasrat-hasrat yang dibangkitkan...

Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat, silakan.

Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih. Saya pun hendak celah sedikit Yang Berhormat, sebab pengalaman saya sudah 40 tahun berkecimpung sebagai syarikat bumiputera ini. Yang sebenarnya, kita tiap-tiap tahun dalam Mesyuarat Agung UMNO, sudah 50 tahun sudah, kita hendak hanya 30 peratus tapi sampai hari ini kita tidak capai. Sebagai pengalaman, saya ada tiga faktor yang besar yang tidak capai.

Yang pertama, dasar. Kita tubuhkan UDA, kita tubuhkan MARA, kita tubuh macam-macam agensi kerajaan tetapi dasar yang asal dibuat ditukar. Misalannya, saya sudah sebutkan di banyak forum- *UDA for example*. Pada satu ketika, kita *listkan* UDA sebagai syarikat- *listed company*. Jadi dasar asalnya untuk memperuntukkan misalannya harta-harta untuk bumiputera tidak boleh dicapai kerana dia punya aturan apabila syarikat itu didaftarkan, mempunyai syarat-syarat yang tertentu.

Jadi hasrat kita untuk menambahkan harta bumiputera tidak tercapai. Sampai hari ini hanya 18 peratus sahaja premis kepunyaan bumiputera yang ada.

Yang keduanya ialah pemilihan ahli lembaga, CEO di GLC ini. Kita dengar dia mendapat keuntungan berbilion-bilion ringgit tetapi kita tidak tahu apa yang GLC ini buat untuk bumiputera. Saya pernah bercakap dengan pegawai-pegawai kanan GLC. Jawapannya, bumiputera agenda *is not our priority*. KPI nya ialah hanya untuk mendapat keuntungan yang, kita dengariah, berbilion-bilion ringgit.

Yang ketiganya, saya mengucapkan tahniahlah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah membuat pengumuman pada 19 Oktober baru-baru ini. Saya khuatir, kalaulah ini dapat tercapai, kerana TERAJU misalnya, ada banyak peruntukan, RM2 bilion kepada bank itu, RM3 bilion kepada bank itu dan sebagainya untuk kepentingan bumiputera tetapi dalam pengalaman saya, apabila kita cakap kepada bank-bank yang mempunyai dana ini, syarat-syaratnya sama sahaja. Nombor satu, kena ada pengalaman, Nombor dua, kena ada syarikat-syarikat yang menunjukkan keuntungan.

Jadi kalaulah macam itu syarat-syaratnya, saya pergi ke Maybank ataupun CIMB, sama sahaja. Jadi nampaknya sungguhpun dana ini ada tetapi cara memberi pertolongan itu tidak ada, tidak begitu merangsang untuk memberi pencapaian. Sepatutnya syarikat-syarikat bumiputera ini mestilah dibimbing. Yang setengah-setengah macam saya ini, kalau syarikat saya, perkataan "*You are not international enough*", sungguhpun saya ada pejabat *associate office* di 200 buah negara di seluruh dunia. Perkataan yang sama, "*You are not international enough*"- kerana nama jenama syarikat saya itu nama Melayu. Jadi maknanya disuruh tukar nama syarikat saya itu barulah dapat pertolongan. Jadi tidak ada maknalah saya tubuhkan syarikat 40, 50 tahun dahulu.

Jadi saya fikir, untuk mencapai kejayaan ini, ini saya punya pandangan Yang Berhormat, kalau tidak dapat tubuhkan seperti kementerian dahulu, mesti dilantik seorang Menteri dengan tugas-tugas khas supaya perkara-perkara ini dapat tercapai [*Tepuk*]

Sekarang ini siapa yang hendak pergi kepada, minta maaf, katakanlah kepada Sime Darby, "*Manakah awak punya bumiputera punya agenda?*" Atau hendak pergi kepada TNB. Kepada siapa pun sama ada agensi ataupun GLC. Kerana kepada syarikat bumiputera, minta maaf, *is really difficult to me to knock the doors of Genting Highlands* ataupun Hong Leong tetapi umumnya mengatakan kita ada macam-macam agenda.

Jadi saya fikir sudah tiba masanya seorang, selain daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mempunyai hasrat yang begitu kuat tetapi *enforcement* untuk menentukan kejayaan ini tidak ada dan mungkinlah, saya harap, berdoalah kita supaya kita mencapai, sebab sudah lama sudah ini, sudah lebih daripada 60 tahun sudah 30 peratus pun kita tidak capai. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ibrahim: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat, pertama, kita berkongsi benda yang sama.

Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, lepas ini boleh...

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Boleh mencelah?

Dato' Razali bin Ibrahim: Oh, banyak lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Tunggu sekejap. Biar jawab dahulu.

Dato' Razali bin Ibrahim: Saya hendak beritahu sedikit sahaja. Yang saya baca tadi itu pun saya tahu juga. Saya bukan baca yang disediakan ya. Maknanya kita tahu yang ini tapi sekarang ini ada perbincangan baru yang saya rasa sangat menarik. Daripada kita melihat perkara yang ada tertulis ini, banyak *figure* tadi itu kadang-kadang kita faham, tidak faham, tetapi ada perkara menarik di sini. Saya bukan hendak komen semua perkara Tuan Yang di-Pertua. Nanti nampak macam kita berbeza.

Pertama, kita bersama dalam soal ini iaitu bertukar polisi, kita ambil maklum seperti yang dibangkitkan sebab Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahim ini orang yang hebat. Berjaya menjaga sebuah syarikat bukan kerana dibantu kerajaan secara terus tetapi kerana kondusif *environment* dalam negara kita ini membolehkan mana-mana syarikat berjaya kalau ada kesungguhan. Sudah tentu dia ada formula. Yang Berhormat ada formula kejayaan yang boleh kita kongsi. Pemilihan CEO GLC yang berasaskan kepada keuntungan semata-mata bukan kepada *social obligation* untuk melahirkan bumiputera itu juga perkara yang sering dibangkitkan.

Cuma, saya hendak kongsi sedikit tentang membantu syarikat-syarikat baru, kewangan yang ketat. Sebenarnya di bawah MEB ada satu dipanggil SUPERB kalau tidak silap saya. Nanti boleh betulkan kalau tidak betul. Jumlahnya lebih kurang RM100 juta untuk mereka yang nak mulakan perniagaan walaupun dia tidak ada perniagaan. Ini kerana salah satu perkara adalah untuk kita melahirkan usahawan bumiputera. SUPERB ini tidak perlu kita ada *track record*, sebab dia bagi kepada orang yang belum ada perniagaan tetapi untuk mengembangkan perniagaan seperti yang saya nyatakan tadi, kita ada bawah TERAJU, kita ada syarikat TeraS tetapi sebenarnya Yang Berhormat, kita juga ada Ekuinas.

Selain daripada cerita tentang UDA, PUNB yang ingin kita kembang dan menjalankan tugas sepatutnya, kita ada Ekuinas yang bertanggungjawab untuk mengambil alih syarikat, kemudian dia menjayakan syarikat ini sama ada daripada segi keuntungan ataupun daripada segi pembinaan pengurus-pengurus bumiputera tetapi dalam tempoh tiga tahun hingga lima tahun dia kena jual syarikat ini. Ini kenapa?

Sebab dahulu pernah kita memberikan kepada sebuah organisasi, macam UDA mengambil ekuiti ataupun menjaga hak bumiputera tetapi bila harga naik, dia tidak boleh jual. Ini yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Senator sebab syarat itu tidak boleh bagi dia dapat keuntungan. Kita dah ada dah, belajar daripada kesilapan itu. Sebab itu kita ada Ekuinas. Timbul pula persoalan lain. Ekuinas ini bila hendak jual, dia hendak jual kepada bumiputera atau hendak jual kepada bukan bumiputera. Kalau dijual dekat bukan bumiputera, maka ekuiti kita nanti akan berkurangan walaupun kalau kita boleh jual dengan syarikat internasional, untung kita lagi besar.

Sebenarnya Yang Berhormat, perkara ini semua tidak ada jalan penyelesaian yang tetap tetapi saya seronok, kita ada *political will* dalam Dewan ini untuk melihat dalam tempoh enam tahun kita boleh capai.

Yang terakhir tentang cadangan lantikan Menteri khusus...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya...

Tuan Yang di-Pertua: Tunggu Yang Berhormat, tunggu Yang Berhormat. Habiskan dahulu.

Dato' Razali bin Ibrahim: Ini satu perkara yang sangat menarik sebab kalau kita tidak ada orang yang hendak bertanggungjawab, saya sebut tadi akan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, TERAJU sebagai sekretariat dan andaian saya, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang jaga TERAJU iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar, Menteri yang bertanggungjawab tetapi saya akan beritahu bahawa Dewan Negara meminta untuk dinamakan khusus seorang Menteri untuk menjaga agenda bumiputera menjelang tahun 2020 agar jika capai tidak capai, dia boleh menjalankan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri setuju atau tidak setuju, itu cerita lain tapi saya sendiri secara peribadi rasa tertarik untuk ada satu Menteri *accountable* terhadap sebarang perkara yang mungkin perlu diperbaiki dalam tempoh enam tahun ini.

■1750

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya mempersilakan, sebelum Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman, silakan Yang Berhormat Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam, lepas itu Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar.

Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin berkongsi dengan semua Ahli-ahli Yang Berhormat berbincang kedudukan bumiputera menjelang 2020. Kita cuma ada enam tahun. Saya lihat kita tidak tegas meletakkan *target*. Macam tadi pun Timbalan Menteri bagi tahu tidak berani hendak jamin. Saya fikir kita mesti berani jamin. Menjelang 2020, bumiputera pasti dapat 30 peratus ekuiti termasuk juga dalam bidang pemilikan, rumah kedai, tempat perniagaan dan sebagainya. Saya cadangkan yang pertama kerajaan mesti letakkan *target*. *Target* kita 30 peratus ekuiti. Kita baru capai hari ini 23 peratus. Kita tidak boleh letak 30 peratus, kita mesti letakkan 40 peratus. Jadi kita tiba 2020, kita jatuh dekat 30 peratus. Kalau kita letak 30 peratus, tiba 2020 dia akan jadi 27 peratus. Jadi daripada segi umum kita jamin 30 peratus, tapi kerja kita 40 peratus.

Kemudian satu lagi yang saya melihat setelah berada di PUNB, kita tidak bagi kerja. Siapa buat apa. Syarikat pemegang amanah agensi bumiputera banyak. PNB lah, MARA, UDA, Ekuinas, PUNB, PSB, TERAJU, macam-macam tetapi dia tidak tahu, dia punya kerja ini berapa banyak, *workload*. Adakah kalau lagi 6 peratus, okey PUNB kerja *you* 1 peratus. MARA kerja *you* 1 peratus. UDA kerja *you* 1 peratus. Jadi kita bagikan tugas. Kerana itu saya cadangkan kalau tinggal lagi 6 peratus ataupun lagi enam tahun, 7 peratus campurkan 10 peratus jadi 17 peratus. Kalau ada sepuluh buah agensi bumiputera, 17 peratus ini bahagi sepuluh. Satu buah agensi pegang 1.7 peratus kerja dia. Kemudian bahagikan enam tahun, satu tahun berapa, kosong *point* berapa persen. Jadi kita ukur ini tiap-tiap tahun, *insya-Allah* kita boleh mencapai kejayaan.

Kalau kita ukur tiap-tiap tahun, kalau terlambat, kita boleh baiki. Satu lagi yang saya lihat kita pun kena ada kewangan yang mencukupi. Macam PUNB, 21 tahun baru bagi pinjaman RM1.7 bilion. Kalau bahagikan 21 tahun, setahun baru berapa juta? Macam Melaka baru dapat RM30 juta saja dalam tempoh 21 tahun. Kalau beli rumah kedai baru 109 biji dari tahun 2006. Jadi terlalu sikit. Satu lagi saya melihat cara kita tambah ekuiti, kita beli syarikat bukan bumiputera, itu saya hendak cadang yang ini kita ubah balik. Bila kita beli syarikat bukan bumiputera, syarikat itu bertambah kayalah. Kalau syer dia RM1, dia akan naik RM2. Lepas itu kalau kita beli dia RM500 juta, dia ambil RM500 juta ini, dibuka *company* lain. Jadi dia bertambah kaya. Kita mengayakan lagi *company* dia, kita cuma dapat ekuiti, lepas itu dapatlah untung 5 peratus hingga 6 peratus.

Saya hendak cadangkan yang ke depan ini kita tubuh konsortium syarikat bumiputera yang berdaya maju. Bukan dia sudah banyak ada, *combinekan* dia sepuluh, kita buat satu projek besar, semuanya milik bumiputera. Lepas itu bila kita hendak jual kepada bukan bumiputera, dibeli daripada kita. Sebanyak 10 peratus orang putih ambil, 20 peratus Cina ambil atau bukan bumiputera ambil. Jadi kita yang jadi kaya. Jadi bila kita jual, kita bertambah kaya. Sekarang ini sudah terbalik. Kita ambil semua duit kita, beli mereka punya. Jadi kita terkial-kial, selama 43 tahun tidak selesai masalah.

Jadi itulah saya hendak cadangkan ini perlu kita lakukan. Satu lagi rumah kedai ini. Saya semalam ada tanya Tuan Yang di-Pertua dengan Yang Berhormat Datuk Seri Abdul Wahid, boleh tidak sampai tahun 2020 ini kita dapat 30 peratus milik bumiputera, pemilikan rumah kedai dan premis perniagaan. Dia kata tidak berani hendak jamin kerana masa tinggal 6 hingga 7 tahun.

Jadi kalau tidak berani hendak jamin, macam mana kita hendak buat kerja? Kalau saya, saya berani jamin.

Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Yang Berhormat kalau tanya saya, tidak dapat, premis 30 peratus dalam 2020. Percayalah, kita tidak dapat.

Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Sekarang, satu Malaysia 5 peratus. Kuala Lumpur, 2.7 peratus, Melaka 10.5 peratus. *The whole country* ada satu kawasan di Serian di Sarawak, 500 buah rumah kedai, satu pun milik bumiputera tidak ada. Banyak syarikat bukan bumiputera sudah bina rumah kedai, sudah siap dan kita tidak bagi *release* kuota bumiputera. Melayu tidak ada duit hendak beli. Saya punya lagi teruk. Jadi saya hendak cadangkan kalau bumiputera tidak sanggup hendak beli, dia tidak ada duit, kita GLC bumiputera beli dulu. Yang untung 10 peratus, *alhamdulillah*. Yang tidak untung, kita untung 2 peratus. Kalau tidak kita rugi sikit tetapi hujung tahun kita *breakeven* lah dapat 2 peratus- 3 peratus ikut *FD rate*.

Jadi kalau kita tidak hendak buat, terbiar rumah kuota bumi ini. Orang Cina pun marah kita. Saya sudah bina rumah, kuota tidak release, orang Melayu pula marah, saya hendak meniaga tempat tidak ada. Bergantung kepada kerajaan. Kerajaan pula tidak hendak beli. Jadi inilah isu-isu kita yang tidaklah susah sangat untuk diselesaikan kerana kita ada wang dalam negara kita yang boleh kita gunakan untuk beli dan panggil lah dengan kompeni ini. Aku beli kedai kau, katakan RM200 juta, bagi diskaun 10 peratus, tentu dia bagi kerana daripada dia simpan *holding cost* yang tinggi.

Saya dulu bila kerajaan tubuh Tuan Yang di-Pertua hartanah bumiputera saya sudah hantar bil kepada *Federal Government* dekat RM200 hingga RM300 juta kuota-kuota bumiputera yang tidak lagi terjual. Tapi kerajaan pun tidak hendak beli. Oleh sebab itu saya cadangkan antara cara yang terbaik di samping kita bantu memudahkan pinjaman bank. Ini PUNB baru dapat sikit satu kelonggaran, saya belum lagi dapat duitnya. Kita dahulukan 20 peratus, bayar tahun yang keenam. Sebanyak 75 peratus pembeli pinjam bank. Lagi 5 peratus, pakai duit sendiri tetapi tidak semua usahawan bumiputera mampu. Mereka hendak juga sewa rendah. Kalau kita sewa rendah, lepas lima tahun boleh naik. Lepas lima tahun kalau kita jual harga rumah pun sudah naik.

Jadi cara-cara yang begini saya tengok tidaklah susah sangat. Kerana itulah saya hendak cadangkan kita mesti ada perubahan-perubahan baru, transformasi baru dalam menangani isu bumiputera ini dan kerajaan mesti jamin. Jangan kata tidak boleh jamin. Kalau tidak boleh hendak jamin macam mana kita hendak sokong kerajaan menjelang pilihan raya-pilihan raya yang akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar ada Yang Berhormat. Ringkas Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya sokong Datuk Seri Mohd Ali Rustam. Saya hendak tanya banyak entiti bumi yang indah khabar tapi tidak sampai *target*. Contoh, TERAJU, targetnya 1,000 orang usahawan yang berjaya setiap tahun. Semenjak TERAJU ditubuhkan bulan Februari, 2011 hanya 18 orang usahawan sahaja yang berjaya dikumpulkan. Bukan yang berjaya, yang kumpul saja. Jadi macam mana hendak atasi *target* yang telah ditetapkan. Kita UDA, saya bangkit dulu UDA. UDA tidak ada duit, tanah ada. Hendak maju tidak boleh. Contoh, Pudu. Pudu sudah lima tahun, tidak buat lagi. Kalau Pudu tidak buat, lain tidak buat juga. Saya rasa ini kena ambil perhatian. Harta bumiputera satu lagi saya hendak bangkit. Di Kuala Lumpur ini kalau cabut harta bukan bumiputera, harta bumiputera boleh dibilangkan dengan jari sahaja, bukan sahaja berlaku di Kuala Lumpur, malah semua bandar besar.

Jadi Datuk Seri Mohd Ali kata tadi, harta bumiputera di Kuala Lumpur 2.7 peratus *only*. Jadi macam mana hendak capai. So, saya hendak minta agenda dan promosi bumiputera ini kena berjaya betul-betul. Jangan indah khabar daripada rupa. Ingat, kerajaan sekarang mendapat mandat daripada bumiputera. Jadi bumiputera kena perkasakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat, silakan.

Dato' Razali bin Ibrahim: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Pertama saya, saya secara peribadi rasa optimis menghormati walaupun kita mungkin ada yang mengatakan tidak boleh capai tetapi untuk memberi jaminan, kalau saya sebut, kita bukan macam- beza kita Yang Berhormat dengan pembangkang ini, kita cakap kepada asas. Kalau setakat hendak dapat undi orang saya boleh jaminan dalam Dewan Negara pada 16 September atau 16 Disember, kita beri jaminan kita boleh dapat. Kita pun tidak tahu hidup atau tidak lagi tahun 2020.

■1800

Akan tetapi saya jawab ini daripada segi apa yang kita sedang rancang. Saya hendak bagi tahu kita merupakan satu-satunya kerajaan yang membentangkan kepada rakyat tentang pencapaian. Ini program di bawah *Government Transformation Program*. Hujung tahun kita akan bentang, di manakah kedudukan kita? Dan saya percaya tahun hadapan, sekarang ini enam tahun, tinggal lima tahun. Kita akan dengar lagi sama ada kita capai tidak.

Oleh sebab itu, saya bagi tahu setiap apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Seri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, sebenarnya setiap unit ini ada, TERAJU ada, Ekuinas ada dan dibentangkan kepada Majlis Ekonomi Bumiputera ini termasuk waktu dia bentang kepada Majlis Tindakan Ekonomi Bumiputera. Cumanya agensi-agensi ini merupakan agensi pelaksana...

Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Dato' Razali bin Ibrahim: Kita ada banyak lagi GLC ataupun badan-badan bumiputera yang lain yang boleh kita manfaatkan, macam PUNB, macam UDA macam MARA. Saya hanya menyatakan tentang perkara yang berada di bawah EPU, ada GLCs ini berada di bawah Kementerian Kewangan. Bukan saya kata saya tidak tahu, tetapi untuk menjawab bagi pihak dia mungkin nanti tidak tepat. Akan tetapi sebenarnya kita ada banyak perkara ini dan kalaulah isu di sini untuk dengar jaminan, sudah tentu saya bukan orangnya untuk memberi jaminan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Dato' Razali bin Ibrahim: ...Saya optimis perkara-perkara ini sedang diperhatikan.

Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih ada sedikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Sedikit sahaja ya, selepas situ tidak ada ya.

Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Sedikit lagi. Ini pengalaman. TERAJU ditubuhkan dan kita ada apa yang dikatakan syarikat-syarikat teras. Kita punya *target* 1,300. Saya syarikat teras. Saya tidak minta pun, tetapi saya di antara 400 buah syarikat yang dikatakan syarikat teras dan saya percaya saya profesional yang pertama yang mempunyai takrif syarikat teras. Ini hendak bagi tahu dan saya bangga dengan optimis Yang Berhormat.

Akan tetapi saya sendiri sebagai syarikat teras saya tidak rasa apa pun. Tidak ada pun perkara yang saya boleh buat sebagai syarikat teras yang boleh membangunkan. Jadi hendak tidak hendak, macam biasa sahaja. Yang itu saya katakan tadi kalau pergi ke bank, sama sahaja. Jadi dengan taraf kedudukan sekarang pun sama sahaja, kalau pergi Maybank, CIMB dia hendak *condition* itu, kita kena patuhi. Jadi, saya tidak terasa apakah *advantage* sebagai syarikat teras untuk mendapat kejayaan. Saya hendak minta supaya, kalau kita hendak ada syarikat teras ini, bangunlah syarikat teras ini. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ibrahim: Berbalik kepada syarikat teras di bawah TERAJU, Yang Berhormat Senator Datuk Rahman Bakar menyatakan bahawa saya terdengar tadi 18. Saya hendak bagi tahu sasaran pembiayaan kepada TERAJU sasarannya untuk mendapatkan ataupun mencari 1,100 buah syarikat dalam tempoh lima tahun, ia bukan setiap tahun. Buat masa ini sudah ada 450 buah syarikat teras, salah sebuah syarikat Yang Berhormat Dato' Abdul Rahim.

Maknanya kita ada tempoh dari tahun 2011 penubuhan TERAJU ada lima tahun untuk mereka mencari 1,100 buah syarikat teras. Buat masa ini baru ada 450. Kriteria itu cerita panjang, kalau kita hendak buat. Akan tetapi, berbalik kepada apa yang syarikat teras dapat, ia ada beberapa perkara termasuk mudah cara dana Yang Berhormat tidak dapat. Pegawai TERAJU tolong tengok, kalau dia tidak dapat kenapa ambil sebuah syarikat teras dibantu? Ini yang akan menggagalkan KPI. Jadi, pada saya ini dibangkitkan terus, dalam Dewan tidak perlu hendak hantar surat. Kena ambil tindakan dan saya perlukan jawapan kenapa sebuah syarikat teras tidak dapat.

Dua, ia boleh dapat faedah daripada segi rangkaian. Contoh, rangkaian ini maksud begini. Kita membekalkan satu barang perkhidmatan ataupun produk, kita akan dapat rangkaian perniagaan yang lebih besar di bawah TERAJU itu. Ini bagi kita bercerita tentang syarikat-syarikat bumiputera. Akan tetapi pada saya semua yang dibangkitkan tadi Tuan Yang di-Pertua cadangan-cadangan yang boleh dipertimbangkan oleh jawatankuasa tadi termasuk kepada saya. Lagi banyak kita cari di Kuala Lumpur, kita kena ingat syarikat-syarikat bukan bumiputera pun meningkatkan juga pendapatan mereka.

Jangan kita ingat tidak dapat 30, kita gagal. Namun begitu, pada saya salah satu jalan keluar pembukaan koridor-koridor, tempat-tempat baru perniagaan yang dimulakan terus dengan agenda bumiputera, ini dapat membantu merapatkan jurang. Melihat kepada sedia ada, kita jangan ingat kita boleh ambil hak orang. Oleh sebab ini bercanggahan dengan hasrat agenda bumiputera, bukan untuk kita mengurangkan kaum-kaum lain, tetapi untuk meningkatkan ekuiti pegangan bumiputera. Saya percaya, saya setuju dalam keputusan pilihan raya baru-baru satu pengiktirafan dan pulangan balik kepada orang Melayu bumiputera yang menyokong kuat Barisan Nasional perlu dilaksanakan, tetapi bukan dengan menghukum orang lain.

Kalau kita melebihi Melayu bumiputera saya setuju. Barisan Nasional bukan kerajaan yang zalim untuk menganiaya mana-mana yang tidak menyokong dalam pilihan raya hanya kerana kita menggunakan alasan untuk membantu Melayu bumiputera. Saya hendak bagi tahu pembukaan koridor-koridor yang ada dalam jawapan ini sebenarnya salah satu cara untuk kita melihat bagaimana satu perkara- ini semua tahu apa juga yang kita buat projek baru rangkaian ataupun *network* kepada pembekalan kepada mana-mana pembangunan dikuasai oleh bukan bumiputera. Banyak bagi pun dia akan dapat lebih banyak.

Akan tetapi mencari tempat perniagaan baru, mencari kaedah pembuatan pembinaan baru adalah salah satu cara yang difikirkan oleh kerajaan yang tidak dapat saya bagi secara *detailnya*. Akan tetapi natijahnya di Dewan kita semua bersetuju, untuk kita menjaga keharmonian negara, kita perlu mengimbangi ekuiti dan kemewahan negara kepada suasana yang paling adil. Saya percaya dalam dunia ini semua tempat ada yang miskin ada yang kaya. Di India ada miskin dan ada yang kaya, malahan *disparity*- jurang yang kaya miskin ini melebar besar. Di China pun ada. Cumanya di India yang kaya itu India yang miskin itu India, di China ini yang kaya itu Cina, yang miskin itu Cina.

Akan tetapi Malaysia sangat unik. Kita tidak boleh berada dalam suasana yang kaya itu satu kaum, yang miskin itu satu kaum yang lain apatah lagi yang tercicir itu kaum majoriti. Jadi, kita setuju untuk kita berusaha bersama-sama bagi mencapai keharmonian tersebut- 30 peratus menjelang tahun 2020. Itu perlu kita segera dan kita jayakan. Nasib baik dalam ini tidak ada yang bangun tanya saya kenapa 30 peratus. Kenapa tidak buat 67 peratus sebab bumiputera dalam negara 67 peratus. Jadi nasib baik kita setuju dengan 30 peratus, ada enam tahun ini.

Saya harap semua cadangan tadi dalam bentuk cadangan Yang Berhormat Datuk Rahman Bakar, Datuk Seri Ali Rustam memberikan cadangan-cadangan yang boleh kita mempertimbangkan untuk kita menjayakan usaha ekuiti bumiputera sebanyak 30 peratus menjelang tahun 2020.

Ini ada lagi soalan berkaitan kalau boleh kita teruskan. Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal dah tengok saya. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas Umbul menyarankan agar kerajaan dapat memberikan ruang dan peluang kepada masyarakat Murut di Sabah untuk memperbaiki ekonomi mereka yang agak ketinggalan jauh berbanding kaum-kaum minoriti lain dalam negara ini. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, kerajaan mengambil maklum cadangan ini dan akan memperkemas pelaksanaan program-program pembangunan bagi masyarakat minoriti bukan hanya kaum Murut tetapi semua kaum yang ada di dalam negara.

Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh ingin mengetahui apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk melibatkan kaum India dalam pembangunan ekonomi memandangkan sasaran ekuiti 3 peratus kaum India dalam ekonomi belum tercapai. Kita jangan ulang lagi ya, nanti sama juga, kenapa tidak capai. Saya bagi jawapan dahulu.

Kerajaan sentiasa komited dan berusaha menyediakan pelbagai program untuk melibatkan kaum India dalam pembangunan ekonomi. Ia bertujuan untuk memastikan pemilikan ekuiti kaum India daripada 1.6 peratus pada tahun 2008 mencapai sasaran 3 peratus menjelang tahun 2020. Antara langkah-langkah yang akan dilaksanakan oleh kerajaan menawarkan unit Amanah Saham di bawah Permodalan Nasional Bhd PNB kepada kaum India iaitu Amanah Saham Wawasan 2020, Amanah Saham Malaysia, Amanah Saham Nasional 3, Amanah Saham Gemilang dan Amanah Saham 1Malaysia.

Sehingga tahun 2013, kaum India telah memiliki sebanyak RM3.28 bilion unit saham di bawah PNB.

Kedua, menyediakan Program pembangunan Keusahawanan melalui Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional. Program Skim Pembangunan Usahawan Muda India (SPUMI) di bawah TEKUN telah dilancarkan pada tahun 2008. Program ini bertujuan untuk membantu kaum India bermula dan mengembangkan perniagaan di peringkat mikro ke peringkat sederhana dan besar.

■1810

Sehingga September 2013, sebanyak RM146.42 juta telah disalurkan kepada 11,635 orang usahawan India. AIM membantu usahawan India melalui penyediaan kemudahan kewangan, bimbingan dan program latihan keusahawanan. Sehingga September 2013 AIM telah membantu seramai 6,915 orang sahabat di kalangan wanita India yang melibatkan jumlah pembiayaan sebanyak RM49.06 juta.

Ketiga, menyediakan program pembangunan sahsiah dan pembangunan sosioekonomi India dengan peruntukan sebanyak RM47.5 juta bagi tempoh tahun 2011 sehingga 2013. Program ini meliputi aspek pendidikan, kepimpinan, kerjaya, pembentukan akhlak dan jati diri serta penerapan nilai-nilai murni. Antara program yang dilaksanakan program I-Sinar dan I-Cemerlang. Kumpulan sasaran program ini termasuk ibu bapa, ibu tunggal, pelajar dari pelbagai peringkat pra-sekolah sehingga menengah dan para belia. Seramai 38,400 orang pelajar dan ibu bapa telah mendapat manfaat sepanjang tempoh pelaksanaan program ini.

Senator Dato' Boon Som memohon agar kerajaan turut melibatkan masyarakat Siam dalam agenda pembangunan bumiputera yang dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penglibatan masyarakat Siam dalam agenda pembangunan bumiputera seperti yang disarankan akan diambil perhatian. Malahan beberapa taklimat mengenai inisiatif-inisiatif seperti TERAJU sebelum ini telah pun disertai dan mendapat respons yang baik daripada masyarakat Siam di negara ini. Soal ekonomi juga Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh kita asingkan dengan isu berkaitan dengan...

Dato' Boon Som a/l Inong: Minta penjelasan.

Dato' Razali bin Ibrahim: Ya.

Dato' Boon Som a/l Inong: Terima kasih menteri kerana walaupun kami kaum minoriti telah diambil kira dalam memperkasakan kaum bumiputera ini. Jadi, agenda bumiputera ini harus diperluaskan kepada masyarakat Siam. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih sekali lagi.

Dato' Razali bin Ibrahim: Seronok sebab bangun untuk...

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Saya pun hendak minta celah ini.

Dato' Razali bin Ibrahim: Saya jawab dulu. Satu budaya yang baik. Selalu semua balun sahaja tidak pernah cakap terima kasih. Ini dia bangun ucap terima kasih. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis Yang Berhormat?

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Saya minta celah.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, silakan.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Terima kasih ke atas jawapan tadi tentang soalan saya yang saya bangkitkan. Mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, sasaran kerajaan hendak meningkatkan ekuiti orang-orang India daripada 1.6 peratus tahun 2008 kepada 3 peratus tahun 2020. Apakah daripada bilangan *fixed amount* ini 1.6 peratus itu *equate to* beberapa bilion? Sebab tahun 2020 ini hanya lebih kurang tujuh tahun lagi. Jadi, bila saya dengar cadangan dua, tiga yang disebutkan 47 juta untuk program hendak membangunkan keluarga, program TEKUN, program Amanah Ikhtiar itu.

Bolehkah sasaran itu mencapai *target* yang kita hendak letakkan itu hendak meningkatkan lagi 1.6 peratus. Bolehkah? Saya nampak macam kalau kita *add-up*, tidak akan sampai. Jadi, saya hendak tahu bolehkah, tidak boleh?

Dato' Razali bin Ibrahim: Boleh Yang Berhormat. Nasib baik dia tidak tanya. Kalau tanya boleh bagi jaminan, saya tidak berani bagi jaminan tetapi boleh. Akan tetapi saya minta untuk diberikan 1.6 daripada segi bilion ekuiti ini ada kira-kira dia Yang Berhormat. Saya tidak boleh bagi begitu sahaja sebab tetapi yang saya hendak bangkitkan ini, selain daripada ekuiti di PNB. Salah satu adalah untuk kita untuk memberi pendidikan, pendedahan. Ini kerana kita tahu di kalangan masyarakat kaum ini salah satu masalah dia mungkin tidak berapa ada di dalam kaum Melayu bumiputera, gejala sosial di kalangan mereka yang begitu tinggi.

Jadi, kita kehilangan modal insan di kelompok ini yang sepatutnya boleh memberikan manfaat sekurang-kurangnya untuk mereka didedahkan dalam bentuk kemahiran. Akan tetapi ini satu perkara yang berkait-kait dengan perkara yang lain. Cumanya saya tidak ada jumlah 1.68...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya celah.

Dato' Razali bin Ibrahim: Boleh sila.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya bukan hendak menimbulkan balik soal jaminan- ini suatu turut membahaskan bajet ini dahulu. Saya mengatakan bahawa lima teras dalam bajet itu, penekanan aspek ekonominya terlalu banyak, tidak ada salah. Akan tetapi seakan-akan mengabaikan sembilan *strategic challenges* dalam Wawasan 2020 itu. Kalau Yang Berhormat Menteri tidak mahu memberi jaminan kerana realistik, ikhlas, dan jujur, itu kita terima. Akan tetapi setidaknya-tidaknya saya harap supaya dalam mencapai matlamat yang hendak dicapai itu tolong ambil kira, tolong perhatikan kembali di mana, dengan izin, *the nine strategic challenges* dalam Wawasan 2020 itu tidak mendapat perhatian yang sewajarnya.

Saya rasa ini antara perkara-perkara yang kita tersilap selama ini. Kita menganggap seakan-akan Wawasan 2020 itu semata-mata wawasan ekonomi. Wawasan 2020 lebih dari sekadar wawasan ekonomi ia adalah wawasan sosial, wawasan politik yang meliputi matlamat pembinaan sebuah negara bangsa. Jadi, dalam mencapai matlamat ekonomi sebagai matlamat Wawasan 2020 itu, jangan lupa ini. Ini saya rasa walaupun Yang Berhormat Menteri tidak mahu memberi jaminan dan saya terima, dia jujur dengan tidak- tapi kita harap supaya 9 cabaran strategik itu diberi perhatian yang lebih serius dan lebih sungguh-sungguh dalam sebarang perancangan.

Baik perancangan bulanan sepanjang tahun hadapan ataupun perancangan tahunan menjelang tahun 2020 itu. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ibrahim: Saya hendak tambah. Bila kita cakap 2020- negara maju berpendapatan tinggi, semua merujuk kepada pendapatan. Kriteria negara maju termasuk pendidikan, kualiti hidup, alam sekitar, korupsi, tadbir urus. Seperti yang disebut, sebenarnya apa yang termaktub sewaktu Wawasan 2020 itu dirangka, kita menggunakan negara maju dengan acuan kita sendiri. Elemen-elemen terhadap perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Senator itu ada sebenarnya kepada takrif negara maju. Cumanya dalam konteks bajet, pembentangan bajet atau perbahasan bajet. Kita lebih tertumpu pada kewangan perbelanjaan kepada jumlah tersebut.

Sebab itu berbalik kepada soalan modal insan, untuk mengatakan terlepas pandang, saya rasa mungkin- bukan saya tidak bersetuju, tidak berapa tepat. Kita belanjakan 1/3 daripada bajet untuk pendidikan yang akan digulung oleh Kementerian pendidikan selepas ini. Satu jumlah yang besar. Tidak semua perbelanjaan kita diuruskan kepada soal ekonomi. Saya baca Yang Berhormat punya perbahasan tempoh hari, malah dibawa ataupun dilaporkan dalam akhbar kita berkenaan tentang tumpuan, kerana apa? Ini kerana itu merupakan perkara yang *tangible*, boleh diukur. Akan tetapi daripada segi modal insan, tidak boleh kita ukur walaupun ada perbelanjaan kerajaan dalam segmen seperti pendidikan dan juga di Kementerian Belia dan Sukan nanti sebagai contoh.

Sebab itu saya hendak masuk kepada isu modal insan. Kebetulan seperti Yang Berhormat sebutkan tadi dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Shahir, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Mashitah, menyentuh berkaitan modal insan ini. Pertama, Yang Berhormat Tuan Shahir menceritakan tentang Talent Corp dan manfaat. Saya rasa perkara ini telah pun dijawab berulang-ulang kali. Talent Corp yang telah ditubuhkan pada 1 Januari 2011 adalah memikirkan tentang bagaimana kita boleh bawa kepakaran luar balik ke negara. Membawa balik rakyat Malaysia yang ada kepakaran dan juga untuk mewujudkan satu jaringan modal insan yang berkemahiran tinggi.

Akan tetapi saya hendak menyatakan tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Syed Shahir dan Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah tentang *flexible work arrangement*. Ini satu perkara yang sangat menarik bagaimana kita terbazirkan rakyat kita yang mempunyai kemahiran. Dalam sebuah negara ada *unemployment* di mana kita sudah jawab banyak kali. Di Malaysia, *unemployment* ini lebih kurang 3 peratus. Akan tetapi sebenarnya kita melihat tentang *under employment*. *Under employment* yang diberi takrif sebagai *visible* dengan *invisible*.

Kita tengok kepada *visible*, dengan izin, lebih kurang 4.6 peratus. Apakah makna *visible under employment* ini? Dia tidak bekerja 30 jam seminggu. Kerana apa? Kerana ia hendak rehat di rumah, dia kurang kerja. Ini yang perlu kita manfaatkan supaya dia boleh membantu untuk memajukan negara dan juga memberikan pendapatan kepada keluarganya. Kita hendak beritahu kerana Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir menyatakan bahawa *flexible work arrangement* atau FWA, boleh memudaratkan pekerja dan ditindas oleh majikan.

■1820

Sebenarnya untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, *flexible work arrangement* merupakan sebuah kerangka yang dibina bagi memudah cara tenaga kerja wanita untuk kembali menyumbang tenaga dalam pasaran pekerjaan. Kerangka FWA turut menggalakkan penyertaan dan penglibatan kaum wanita terutamanya kaum ibu dalam mengimbangi tanggungjawab kerja dan rumah tangga. Secara tidak langsung kedua-dua belah pihak, pekerja dan majikan memperoleh keuntungan di mana situasi menang-menang dan matlamat syarikat akan tercapai. Usaha ini sepatutnya tidak memudaratkan atau menindas pekerja malah majikan digalakkan mengadakan latihan untuk faedah mereka yang ingin kembali serta menyediakan kemudahan dengan *family friendly* di tempat kerja.

Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah mencadangkan yang pada saya sangat baik iaitu untuk memastikan kejayaan FWA ini dengan memberikan maklumat tentang penguasaan bidang ICT dan kita tahu dalam dunia hari ini, perkembangan ICT malahan perniagaan melalui ICT ini merupakan satu perkara yang banyak memberi faedah, keuntungan kepada penggunaannya. Namun begitu, ingin saya nyatakan di sini bahawa insentif cukai yang diberikan oleh kerajaan kepada perkara ini adalah untuk memberi motivasi kepada majikan untuk melaksanakan dan mengekalkan FWA dalam organisasi mereka untuk membantu majikan membayar semula kos untuk melaksanakan FWA dan kita memang menggalakkan syarikat-syarikat yang terlibat untuk memberikan pendedahan ICT kepada pekerja mereka.

Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir juga ingin mengetahui apa manfaat dan status pembangunan Koridor Ekonomi Utara-Timur-Selatan dan seumpamanya. Ini telah pun saya nyatakan tadi. Mencari koridor baru untuk dibangunkan akan memberi banyak manfaat. Saya ingin berkongsi di sini jumlah pelaburan bagi Iskandar Malaysia adalah sebanyak RM128 bilion dengan peluang pekerjaan sebanyak 554,796. Koridor Utara – RM36 bilion dengan 53,352. Koridor Timur – RM49 bilion dengan 40,000 peluang pekerjaan. Koridor Pembangunan Sabah – RM116 bilion dengan 22,000 peluang pekerjaan dan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) – RM24 bilion dengan 13,994. ini menunjukkan bahawa kita dapat membuka peluang-peluang pekerjaan dan juga membawa masuk jumlah pelaburan ke dalam negara.

Isu tenaga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir menyatakan bahawa sekiranya sumber petroleum tidak diurus dengan baik, maka dikhuatiri Malaysia perlu mengimport petroleum dari negara luar semata-mata pada masa hadapan.

Sumbangan hasil petroleum juga semakin berkurangan sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, negara sememangnya telah menguruskan sumber petroleum dengan baik, malahan pada saya sangat baik. Pertama, bagi menguruskan sumber tenaga asli yang cekap, Petronas telah berjaya mengekalkan tahap *Overall Resources Replenishment Ratio* (ORRR) yang sihat untuk memanjangkan jangka hayat dan pembangunan berterusan sumber asli di Malaysia. Pada 1 Januari 2013, ORRR bagi purata tiga tahun 1.91 kali. Maksudnya *ratio* pengeluaran dengan terjumpanya punca baru kita sangat sihat. 1 kepada 1.91. sepatutnya 1 kepada 1.

Kedua, selain itu Dasar Susutan Negara (*National Depletion Policy*) yang telah diperkenalkan oleh kerajaan pada tahun 1980 juga bertujuan mengawal jumlah pengeluaran sumber minyak negara agar jangka hayat rizab minyak dapat dipanjangkan. Semua langkah ini menyumbang ke arah kecekapan pengurusan kemapanan sumber tenaga asli negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 1 Januari 2013, jumlah rizab minyak, *condensate* dan gas yang masih ada di Malaysia berserta indeks keseluruhan jangka hayat sumber minyak adalah seperti berikut:

Minyak dan *condensate*- 5.85 bilion *barrel* pada 1 Januari 2013. Jumlah purata pengeluaran bagi tahun 2012 bagi minyak dan *condensate* 585,600 buah tong sehari dan ini yang saya rasa banyak Yang Berhormat hendak tahu. Indeks keseluruhan jangka hayat sumber minyak Malaysia 27 tahun. Manakala gas asli kita ada 16.387 *billion of barrel* dengan 6,750 juta kaki padu sehari dibawa keluar pada tahun 2012 dan jangka hayat 43 tahun. Selain itu *World Bank* dalam laporan *Malaysia Economic Monitor* pada bulan Jun 2013 bertajuk *Harnessing Natural Resources* telah memuji kecekapan Malaysia dalam aspek pengurusan sumber semula jadinya yang telah banyak mendatangkan manfaat daripada segi pembangunan ekonomi dan sosial. Dengan kecekapan ini, Malaysia mampu memacu perkembangan ekonomi negara ke tahap yang sihat dan memuaskan.

Berkenaan sumber hasil petroleum yang dikatakan berkurangan. Sebenarnya jumlah hasil petroleum telah meningkat dari tahun 2010 hingga 2012. Apa yang dikatakan berkurangan adalah daripada segi peratusannya sahaja iaitu 35.8 peratus pada tahun 2011 kepada 33.7 peratus pada tahun 2012. Ini bukan disebabkan oleh hasil petroleum yang berkurangan tetapi disebabkan oleh sumbangan hasil daripada sumber lain kepada pendapatan kerajaan yang meningkat. Maknanya pada 2010, hasil petroleum 56.4, 2011 – 66.3, 2012 – 70.1, meningkat.

Akan tetapi hasil peratus petroleum menurun. Oleh kerana apa? Hasil bukan petroleum negara meningkat dengan jumlah yang lebih besar. Petanda kepada peningkatan ini sebenarnya datang daripada hasil-hasil bukan petroleum. Pada saya ia sangat sihat. Masih tidak beri jaminan lagi tetapi hendak beritahu, ini kedudukan dalam negara, kita tidak hanya bergantung kepada hasil petroleum kerana kita sudah boleh ada hasil-hasil daripada bukan petroleum.

Akhir sekali berkenaan dengan isu SPRM. Saya ingin menyatakan bahawa ada tujuh orang Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu-isu berkaitan Jabatan Perdana Menteri berkaitan SPRM yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman dan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahmad bin Yusop yang mahukan kerajaan memainkan peranan yang lebih penting dalam membantu rasuah. Saya ingin menyatakan bahawa keseriusan kita seperti yang saya nyatakan dua hari lepas adalah bila mana kita meletakkan isu rasuah ini dalam inisiatif pembanteras rasuah sebagai salah satu daripada tujuh NKRA, Bidang Keberhasilan Utama Negara sebagai bukti keseriusan kerajaan dalam meningkatkan integriti perkhidmatan awam dan mengurangkan persepsi perlakuan rasuah di semua agensi penguat kuasa.

Saya juga telah pun memberitahu antara perubahan-perubahan semenjak penubuhan SPRM pada tahun 2009 ialah dengan pembentukan lima badan pemantau yang tidak perlu saya ulangi lagi tetapi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi rasa terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah mengambil kesempatan memberi penjelasan ketika perbincangan mengenai inisiatif yang dibuat oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua telah memberikan satu penjelasan terhadap jawatankuasa-jawatankuasa tersebut dan saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih atas penjelasan itu.

Namun begitu, saya ingin menambah bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 27 Februari 2012 semasa Majlis Perasmian Program Pegawai Integriti Bertauliah telah menyatakan secara jelas bahawa kerajaan terus memandang serius rasuah sebagai musuh nombor satu negara dan akan bersama-sama memerangnya habis-habisan. Saya rasa dalam perjumpaan tersebut merupakan salah satu tempat di mana telah diisytiharkan bahawa rasuah telah dikatakan sebagai musuh nombor satu negara. Ini kerana rasuah memusnahkan niat murni kerajaan membantu rakyat dan menggagalkan pelaksanaan dasar yang telah dirancang rapi.

Justeru, demi rakyat dan masa depan negara, kita tidak boleh berkompromi dalam membasmi rasuah ini. Saya juga ingin memetik kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa memberi syarahan di Kelab Komanwel di San Francisco, Amerika Syarikat yang menggambarkan iltizam dan keseriusan kerajaan dalam membanteras rasuah di negara ini. Saya *quote*, dengan izin, "*I want to make corruption part of Malaysia's past, not its future*". Di situ kita dapati bahawa keseriusan kerajaan dalam usaha membanteras rasuah adalah sangat-sangat tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan cadangan Yang Berhormat Senator Izham dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiah supaya diwujudkan keperluan untuk menggubal undang-undang *misconduct in public office* atau dipinda peruntukan undang-undang yang sedia ada bagi membolehkan kes-kes salah laku dibawa ke mahkamah memandangkan ketika ini ia bukan merupakan kesalahan jenayah. Kerajaan menyambut baik cadangan Yang Berhormat dan bersedia untuk mengkaji keperluan mewujudkan akta. Pewujudan akta ini atau sebarang pindaan atas sedia ada seperti sebarang ketirisan dan kecuai yang melibatkan perbelanjaan institusi kerajaan tidak berulang di masa-masa akan datang.

Yang Berhormat Senator Saiful Izham bin Ramli mencadangkan supaya dipinda Perlembagaan Persekutuan untuk membolehkan SPRM setaraf dengan Ketua Audit Negara dan Peguam Negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya telah menyatakan perkara tersebut di Dewan Rakyat bahawa kerajaan pada dasarnya telah bersetuju untuk menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, SPRM dan pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

■1830

[*Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.*]

Namun begitu, ia memerlukan dua per tiga sokongan majoriti Ahli-ahli Dewan Rakyat untuk kelulusan dan ini juga membawa maksud bahawa semua ahli pembangkang perlu menyokong pindaan itu jika dibentangkan di Dewan Parlimen kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan. Saya ingin ulangi lagi, dalam sepanjang perbahasan banyak cadangan yang telah pun Yang Berhormat ketengahkan. Percayalah Dewan ini merupakan satu Dewan di mana kerajaan mendengar dan mengambil maklum serta menimbang semua bentuk cadangan.

Saya tidak menjawab setiap cadangan kerana cadangan itu telah pun diangkat bagi diperhalusi bagi pihak kerajaan. Saya bagi pihak Jabatan Perdana Menteri mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah menyumbang buah fikiran dan mohon mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua. Sekian, *wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya, kita beralih kepada giliran Kementerian Pendidikan untuk menjawab. Silakan Yang Berhormat Menteri.

6.32 ptg.**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu sebagai mewakili Kementerian Pendidikan Malaysia, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan kerana telah menyediakan peruntukan sebanyak RM54.6 bilion atau 21 peratus daripada keseluruhan Bajet 2014 untuk Kementerian Pendidikan.

Peruntukkan tersebut akan digunakan sebaik mungkin untuk menjayakan transformasi pendidikan demi melahirkan modal insan bertaraf dunia. Kementerian Pendidikan juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua 27 Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Bajet 2014 untuk Kementerian Pendidikan Malaysia. Seterusnya, memberi pandangan untuk meningkatkan lagi kualiti sistem pendidikan negara.

Oleh itu, saya akan cuba sedaya upaya menjawab dan menjelaskan isu-isu yang dibangkitkan sebaik mungkin ke atas perkara-perkara tersebut. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa akan memastikan dasar atau pelan di rancang dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin untuk meningkatkan pencapaian dan keberhasilan pendidikan seperti yang di harapkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar dan Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali.

Sememangnya Laporan Pencapaian PISA 2012 telah menunjukkan penurunan dalam aspek sains dan bacaan. Akan tetapi telah berlaku peningkatan dalam Matematik. Untuk makluman Dewan yang mulia, seramai 5,250 orang murid yang berumur 15 tahun atau dari tingkatan tiga di 150 buah sekolah seluruh Malaysia telah menduduki ujian PISA tahun 2012, termasuklah dari 29 buah sekolah Sabah dan Sarawak.

Oleh sebab pemilihan sekolah dan murid dibuat secara rawak dan hanya 1 peratus daripada keseluruhan murid pada tahap tersebut, maka keputusan yang diperolehi tidak memberi gambaran pencapaian sebenar murid di negara ini. Namun, Kementerian Pendidikan tetap memandangi berat perkara ini dan telah melaksanakan pelbagai strategi untuk memastikan pencapaian yang lebih baik pada masa hadapan. Antara strategi ialah membantu guru dan murid dalam mengubah proses pedagogi yang berorientasikan kemahiran berfikir aras tinggi (KIBAT). Termasuk menyediakan bahan sumber yang lengkap, berinovasi dan berkualiti serta meningkatkan peratus kandungan KIBAT dalam soalan peperiksaan awam, menggubal format soalan-soalan peperiksaan seperti yang digunakan oleh PISA dan melaksanakan ujian *mock test* kepada murid yang terlibat dalam PISA 2015.

Ingin juga ditegaskan bahawa ukuran kejayaan modal insan bukan berlandaskan kepada akademik semata-mata. Sebaliknya, banyak kejayaan lain telah diraih oleh pelajar kita di peringkat antarabangsa seperti dalam bidang inovasi, penciptaan, sukan dan kurikulum. Sebagai contohnya, pemenang pingat gangsa di Sukan Olimpik 2012, Pandelega Rinong anak Pang merupakan pelajar Sekolah Sukan Bukit Jalil yang berjaya dan cemerlang dalam bidang sukan.

Menyentuh tentang kewajaran melantik konsultan luar dalam merencanakan transformasi pendidikan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar, Yang Berhormat Senator Tuan Saiful Izham bin Ramli dan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul, Kementerian Pendidikan Malaysia bertanggungjawab meningkatkan sistem dan kualiti pendidikan di negara ini supaya setanding dengan negara luar dengan menggembelng tenaga pakar tempatan dan antarabangsa.

Justeru, rasional penglibatan kepakaran antarabangsa adalah untuk membantu dan memastikan polisi yang digubal dan dirancang dapat dilaksanakan secara sistematik, berkualiti dan memberi impak yang signifikan kepada sistem pendidikan negara. Pakar-pakar runding yang dipilih adalah melalui prosedur perolehan yang ditetapkan termasuklah mengambil kira pengalaman mereka dalam bidang pendidikan di seluruh dunia. Sementara itu, program penutur jati bahasa Inggeris juga didapati telah memberikan impak positif daripada segi minat, keyakinan murid dan *proficiency* mereka.

Oleh itu, kementerian akan meneruskan program ini serta dengan penambahbaikan terhadap pelaksanaan program berkenaan. Selain itu, melalui dasar MBM-MBI, kementerian sedang berusaha untuk mengatasi isu kekurangan guru Bahasa Inggeris melalui mengoptimalkan kepakaran guru cemerlang bahasa Inggeris sedia ada dan melantik pesara guru Bahasa Inggeris yang layak sebagai guru kontrak seperti pandangan Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed.

Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya kementerian sentiasa berusaha untuk memastikan prasarana pendidikan berada di tahap yang terbaik dan memenuhi keperluan seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul, Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Saat bin Haji Abu. Ini termasuklah melaksanakan penambahbaikan dan penyelenggaraan infrastruktur sekolah, rumah guru, makmal sains dan makmal komputer, termasuklah pembinaan sekolah baru.

Namun, perkara-perkara tersebut perlu diteliti dengan terperinci sebelum dapat dilaksanakan. Termasuklah daripada segi aspek lokasi, kepadatan penduduk, kesesuaian tapak, perolehan tapak baru dan kedudukan kewangan kerajaan.

■1840

Untuk itu, kementerian akan memastikan setiap ringgit yang telah diperuntukkan kepada kementerian akan dibelanjakan sebaik mungkin mengikut perancangan yang telah ditetapkan seperti Anjakan Kesepuluh Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, kementerian sentiasa memantau kemudahan infrastruktur sekolah seperti bekalan air, elektrik dan makmal sains melalui Jawatankuasa Pengauditan Kemudahan Fizikal Sekolah, KPM, JPN dan PBT, aduan rakyat mahupun ibu bapa. Pada masa kini, semua sekolah luar bandar mempunyai bekalan elektrik menerusi tiga kaedah iaitu solar hibrid, set jana kuasa dan talian grid. Mengenai bekalan air bersih pula, Kementerian Pendidikan Malaysia sedang melaksanakan projek bekalan air bersih daripada air bawah tanah dan air bukit di 270 buah sekolah luar bandar. Sehingga kini sebanyak 191 buah sekolah telah mendapat bekalan air bersih, manakala bakinya masih dalam projek pelaksanaan penyediaan bekalan.

Berhubung isu makmal komputer, kementerian sedang melaksanakan satu konsep baru iaitu makmal mudah alih di mana para pelajar boleh menggunakan komputer dan melayari *internet* di mana-mana sahaja dalam kawasan sekolah melalui kemudahan 1Murid 1Peranti yang akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar, Projek Perkhidmatan 1BestariNet yang sedang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat merupakan program yang meningkatkan akses jalur lebar berkelajuan tinggi bagi kegunaan pengajaran dan pembelajaran. Bagi sekolah luar bandar, sebanyak 1,926 buah sekolah telah mendapat capaian *internet* melalui VSET dan 1,250 lagi dibekalkan dengan kelengkapan ICT berteknologi *VDI Thin Client*, dengan izin. Kementerian Pendidikan Malaysia berharap dengan kemudahan yang disediakan ini, semua sekolah akan dapat menikmati capaian akses *internet* seperti yang disasarkan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang isu persekolahan satu sesi oleh Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul, kementerian sedang berusaha secara berterusan untuk mengurangkan jumlah pengoperasian sekolah dua sesi kepada sekolah satu sesi yang merupakan salah satu inisiatif dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Untuk makluman Dewan yang mulia, sehingga kini terdapat 1,432 buah sekolah yang masih beroperasi dua sesi daripada 10,094 buah sekolah di seluruh negara. Walau bagaimanapun, pelaksanaan sekolah satu sesi termasuk di Sabah perlu mengambil kira bilangan bilik darjah, penyediaan bangunan tambahan dan penambahan sekolah baru yang juga tertakluk kepada kedudukan kewangan negara.

Berhubung dengan keperluan prasekolah di bandar seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit. Sehingga kini, Kementerian Pendidikan Malaysia mempunyai 2,009 buah kelas prasekolah di mana 1,147 buah di kawasan bandar melibatkan 46,368 orang kanak-kanak berusia 4+ dan 5+. Perlu dijelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa terdapat juga agensi-agensi kerajaan seperti bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan pihak swasta yang bersama-sama menjayakan program prasekolah ini. Kementerian juga telah menyediakan bantuan yuran maksimum sebanyak RM150 kepada murid tadika swasta yang layak bagi mengurangkan beban ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke tadika swasta.

Sementara itu pada tahun 2014, Kementerian Pendidikan Malaysia telah bercadang untuk memperluaskan kelas prasekolah sebanyak 55 buah lagi di seluruh negara. Daripada jumlah itu, sebanyak 41 buah kelas adalah di kawasan bandar yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan keperluan yang mendesak untuk pendidikan prasekolah. Pada masa yang sama, perluasan pra sekolah di kawasan pedalaman termasuk penetapan Penan turut diberi perhatian seperti mana cadangan Yang Berhormat Senator Dato' Maznah binti Mazlan dan Yang Berhormat Senator Tuan Lihan Jok. Walau bagaimanapun, pembinaan prasekolah baru adalah bergantung kepada keperluan yang lebih mendesak dan kedudukan kewangan kerajaan.

Berkaitan kurikulum tadika KEMAS seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim, Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) mula dilaksanakan pada tahun 2010 di bawah inisiatif NKRA pendidikan prasekolah. Semua agensi pelaksana pendidikan prasekolah seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, KEMAS, JPNIN dan pihak swasta yang mendaftar dengan KPM diwajibkan melaksanakan kurikulum tersebut. Oleh itu, tidak timbul berlakunya perbezaan di antara tadika KEMAS atau tadika perpaduan atau tadika swasta dengan prasekolah di sekolah kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som a/l Inong, pendidikan moral merupakan mata pelajaran teras yang diajar kepada murid-murid bukan Islam di peringkat sekolah rendah iaitu Tahun 1 hingga Tahun 6 dan sekolah menengah Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. Ini bertujuan untuk membentuk insan yang berakhlak mulia, bertanggungjawab dan boleh menyumbang ke arah keharmonian dan kestabilan negara serta masyarakat global. Melalui mata pelajaran ini, 14 nilai dalam KSSR, 24 nilai untuk KBSR dan 36 nilai murni untuk sekolah menengah atau KBSM diajar sebagai nilai yang bersifat universal yang didokong oleh semua agama di Malaysia.

Sebagai langkah pengukuhan, Kementerian Pendidikan Malaysia bercadang untuk memperkenalkan projek khidmat masyarakat dalam kurikulum sekolah rendah dan menengah di bawah gelombang yang kedua Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia tahun 2013 hingga 2025 bagi memupuk serta mengukuhkan semangat perpaduan dan nilai murni dalam kalangan murid.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim bin Kader, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menubuhkan Jawatankuasa Penambahbaikan Mata Pelajaran Sejarah untuk memantapkan kandungan Kurikulum Sejarah Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Sejarah Sekolah Menengah (KSSM).

■1850

Sejarah juga akan menjadi mata pelajaran yang wajib diajar di sekolah rendah Tahap 2 mulai tahun 2014. Dengan langkah penambahbaikan ini, semangat patriotisme dan cinta akan negara di kalangan murid akan dapat diperkukuhkan demi perpaduan dan kecintaan kepada negara. Berhubung dengan isu pencapaian LINUS di luar bandar yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed. Program LINUS yang telah dilaksanakan mulai tahun 2010 telah berjaya memperlihatkan kejayaan di mana 98 peratus murid Tahun 3 telah menguasai Literasi Bahasa Malaysia manakala 99 peratus dapat menguasai Numerasi selepas 3 tahun persekolahan termasuk murid di luar bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah, Kementerian Pendidikan Malaysia mendengar pandangan semua pihak tentang kedudukan Bahasa Malaysia di sekolah rendah jenis kebangsaan. Namun perlu ditegaskan di sini bahawa peruntukan masa 240 minit seminggu bagi Bahasa Malaysia Tahap 2 KSSR sekolah jenis kebangsaan akan dilaksanakan mulai tahun 2014. Bagi isu memartabatkan Bahasa Kebangsaan, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang dianggotai oleh semua sektor utama kerajaan, NGO, tokoh bahasa dan pihak swasta. Jawatankuasa ini telah pun merangka strategi-strategi untuk memperkasakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa utama dalam sektor pendidikan, kewangan, komunikasi, perundangan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan bilangan dan kualiti universiti seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad dan Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar, pendidikan tinggi di Malaysia telah menunjukkan peningkatan yang membanggakan dengan mempunyai lima buah universiti penyelidikan. Sebuah universiti APEX, empat buah universiti komprehensif, 11 buah universiti berfokus, 40 buah universiti swasta, 20 buah kolej universiti swasta, lapan buah kampus cawangan universiti luar negara, 30 buah politeknik dan 86 buah kolej komuniti.

Daripada segi pilihan pelajar antarabangsa, universiti di negara ini berada di kedudukan nombor ke-9 di dunia dengan jumlah pelajar antarabangsa telah mencapai lebih 80,000 orang dan semakin meningkat dari semasa ke semasa. Selain itu, IPT tempatan juga telah mencapai peningkatan sebanyak 430 peratus dalam aspek bilangan penyelidikan yang dilaksanakan dan pertambahan sebanyak 310 peratus penerbitan dalam jurnal per indeks. Pusat Sitasi Malaysia juga telah berjaya memainkan peranan penting dalam mengukuhkan hasil penyelidikan dan inovasi di IPT. Dalam konteks ini, ranking universiti sepatutnya bukanlah menjadi satu ukuran atau sandaran tunggal kepada kejayaan sesebuah institusi pengajian tinggi semata-mata tetapi banyak kejayaan lain yang perlu dinilai dan dilihat.

Namun begitu, kementerian juga akan terus mengukuhkan aspek akademik dan penyelidikan universiti melalui Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia atau SETARA dan Instrumen Penilaian Penyelidikan Malaysia atau MyRA untuk meningkatkan lagi kualiti IPT di negara ini.

Kementerian Pendidikan Malaysia akan memberi perhatian kepada pandangan Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar dan Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin bin Abu Bakar berkaitan kerjasama dengan SME Bank dan kebolehpasaran graduan. Kementerian sentiasa menggalakkan universiti menjalankan kerjasama dengan pihak industri termasuk GLC dalam menghasilkan penyelidikan yang produknya boleh dikomersialkan.

Sehingga kini terdapat enam Pusat Kecemerlangan Industri Pengajian Tinggi atau HICoE dengan izin yang diwujudkan untuk menjalankan penyelidikan dalam pelbagai bidang yang boleh dikomersialkan seperti tenaga diperbaharui, kanser biometrik dan lain-lain. Selain itu, IPT juga digalakkan menjalankan kajian keperluan pasaran, mewajibkan latihan industri, kajian kemahiran insaniah dan memperkenalkan kurikulum baru yang boleh memenuhi dengan keperluan pembangunan modal insan negara.

Di samping itu, program kebolehpasaran graduan juga telah dilaksanakan untuk meningkatkan nilai tambah graduan daripada aspek kelayakan profesional, keterampilan diri dan sahsiah. Langkah ini diharapkan dapat membantu graduan berkenaan memperoleh pekerjaan yang sesuai dan relevan dengan keperluan majikan dalam pelbagai sektor.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul, yuran pengajian ijazah sarjana muda di IPTA ditanggung oleh kerajaan adalah di antara 85 peratus hingga 90 peratus. Oleh itu, kementerian berpandangan kadar yuran IPTA sekarang adalah munasabah. Namun IPTA digalakkan untuk mempelbagaikan sumber pendapatan dalaman seperti *endowment* atau wakaf supaya dapat membantu menyediakan lebih banyak bantuan kewangan kepada pelajarnya yang kurang berkemampuan termasuk dari luar bandar.

Pada masa yang sama, kementerian tidak bercadang menaikkan jumlah pembiayaan PTPTN kepada pelajar-pelajar IPTS yang mengikuti pengajian perubatan, pergigian dan farmasi seperti cadangan Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh. Ini kerana mereka menerima bantuan PTPTN jauh lebih tinggi iaitu antara RM20,000 hingga RM30,000 berbanding pelajar di IPTA yang mengikuti program yang sama iaitu sebanyak RM7,000 sebulan.

Sebagaimana Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar sedia maklum sebagai bekas pensyarah, IPTA tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di bawah Akta 605 iaitu Akta Badan-badan Berkanun Tatatertib dan Surcaj. Jika terdapat dakwaan pelanggaran mana-mana peraturan, universiti boleh merujuk kepada kesalahan tatatertib dan melaksanakan prosiding berdasarkan akta itu.

Dalam kes aduan terhadap Profesor Madya Dr. Mohd Ridhuan Tee berkaitan *plagiarism*, pihak UPNM telah menubuhkan Jawatankuasa Etika Akademik bagi menjalankan siasatan lanjut dan terperinci mengikut prosiding yang telah ditetapkan.

■1900

Berhubung isu ancaman fahaman Syiah di IPT oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Saat bin Haji Abu, sehingga kini, tiada bukti jelas yang menunjukkan pelajar Iran telah menyebarkan kefahaman Syiah dalam kalangan pelajar IPT di negara ini. Semua IPT sedang memantau perkembangan bagi menghindarkan penuluran fahaman Syiah dalam kalangan pelajar IPT. Pada masa yang sama, pihak kementerian sentiasa bekerjasama dengan pihak JAKIM, jabatan agama Islam negeri, KDN dan badan bukan kerajaan (NGO) bagi menangani isu ini secara bersepadu.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat dijelaskan mengenai perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang menyentuh Kementerian Pendidikan Malaysia. Perkara-perkara yang dibangkitkan juga sebenarnya telah dibangkitkan oleh...

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: [*Bangun*]

Puan Hajah Maryani binti Mohammad Yit: Mohon Tuan Yang di-Pertua, hendak mencelah.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Mohon mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah. Yang manakah satu Yang Berhormat?

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken: Yang Berhormat Olian dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Saya ada membangkitkan berkenaan dengan keciciran yang begitu tinggi di kalangan pelajar-pelajar Orang Asli. Oleh sebab itu saya menyarankan beberapa cadangan, iaitu pertamanya, mengadakan insentif kepada guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah Orang Asli dan juga diperluaskan lagi Sekolah Rancangan K9 tetapi saya tidak mendapat penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada jawapankah?

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken: Ada. Isu yang berkaitan dengan Orang Asli, saya akan rujuk kepada jawapannya ya. Jawapan saya Yang Berhormat, ada berkaitan dengan jumlah guru-guru dalam kalangan masyarakat Orang Asli adalah seramai 234 orang dan guru-guru Orang Asli ini terdiri daripada pelbagai opsyen yang bertugas di sekolah rendah dan sekolah menengah.

Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa menyediakan peluang kepada anak-anak masyarakat Orang Asli yang mempunyai kelayakan akademik untuk mengemukakan permohonan mengikut bidang perguruan sekali gus menambah bilangan guru-guru Orang Asli sedia ada.

Seramai 60 orang anak-anak Orang Asli sedang mengikuti kursus perguruan di bawah Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) di beberapa buah institusi pendidikan guru (IPG) di negara ini.

Sebagai contoh, di IPG Kampus Tunku Ampuan Afzan, Kuala Lipis, Pahang, terdapat seramai 49 orang guru pelatih Orang Asli sedang mengikuti kursus perguruan. Guru pelatih Orang Asli ini ditawarkan mengikuti kursus bagi opsyen pemulihan dan prasekolah. Sebilangan guru pelatih Orang Asli ini dijangka tamat pengajian mereka pada akhir tahun 2014. Jadi, peluang memang diberi kepada anak-anak Orang Asli. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi dua tadi hendak mencelah Yang Berhormat.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada dua perkara yang saya timbulkan yang tidak dijawab.

Pertama ialah Pekeliling 11/2007 di mana guru-guru besar dan guru penolong diarahkan untuk masuk kelas mengajar. Guru besar lima waktu dan penolong guru besar saya rasa 15 waktu. Ini belum dijawab dan saya mohon penjelasan sama ada Pekeliling ini masih dilaksanakan atau Pekeliling ini telah ditarik balik dan diganti dengan Pekeliling yang lain. Perkara ini adalah mustahak kerana sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

Satu lagi perkara ialah para pensyarah yang sudah mendapat PhD. Jumlah mereka yang belum dinaikkan pangkat kepada DG52 kerana kita hendak mengelak daripada ketidakpuasan hati dan *brain drain*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang berkaitan dengan masa pengajaran untuk guru besar atau pengetua atau penolong kanan. Pada dasarnya, menjadi tanggungjawab Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) untuk memantau dan membuat pemeriksaan ke atas semua sekolah bagi memastikan bahawa tahap kualiti pengajaran dan pembelajaran di kalangan pendidik berada pada tahap yang terbaik. Kementerian sentiasa peka dan prihatin terhadap Surat Siaran Tanggungjawab Mengajar bagi pengetua dan guru besar sekolah yang dikeluarkan pada 22 Jun 1998 yang memberikan penekanan pengetua dan guru besar perlu mengajar sekurang-kurangnya lima waktu seminggu.

Walau bagaimanapun, sekiranya pihak Yang Berhormat mempunyai maklumat berkaitan dengan pentadbir yang melanggar arahan surat siaran berkenaan, bolehlah membuat laporan terus kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia supaya prosiding siasatan segera dijalankan untuk tindakan sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada satu lagi Yang Berhormat. Seorang lagi.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua. Ya, sebab dalam perbincangan saya, saya ada beberapa persoalan yang saya kemukakan kepada kementerian tetapi nama saya cuma sekali disebut berkenaan dengan SME Bank. Saya pun tidak tahu dengan usul-usul saya yang lain berkenaan dengan soalan-soalan saya.

Yang pertama berkenaan dengan statistik guru-guru di sekolah rendah dan menengah kebangsaan yang mahir bertutur dan menulis dalam bahasa asing dan adakah sebarang insentif daripada pihak kementerian untuk menggalakkan guru-guru untuk menguasai bahasa asing? Itu antara yang pertamanya.

Kedua berkenaan dengan isu lambakan graduan pendidikan yang masih belum mendapat tempat di sekolah-sekolah awam. Saya juga memberikan cadangan, saya juga memohon pihak kementerian memaklumkan kepada Dewan, apakah status terkini berkenaan dengan graduan tersebut? Juga saya memberikan cadangan adakah kerajaan bercadang bekerjasama dengan pihak swasta untuk mengatasi permasalahan graduan pendidikan yang masih lagi belum mendapat tempat di perkhidmatan pendidikan?

Seterusnya pertanyaan saya juga ada berkenaan dengan pihak kementerian bekerjasama dengan universiti-universiti tempatan untuk menganugerahkan guru-guru yang berkeelayakan akademik seperti Ijazah Sarjana Muda, Sarjana atau Doktor Falsafah, iaitu berkenaan dengan cadangan saya untuk pihak kementerian mempertimbangkan tentang kenaikan hingga dua mata tangga gred gaji yang boleh dikategorikan sebagai Khas Untuk Penyandang (KUP) kepada guru-guru yang menunjukkan kecemerlangan dalam bidang penyelidikan pendidikan. Dalam itu juga saya ada menyentuh tentang tadbir urus yang berkesan berkenaan dengan pakej kerjaya guru yang perlu diselaraskan iaitu berkenaan dengan skala gaji mengikut pasaran terbuka dan tidak lagi berasaskan skala...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Baharudin..

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang soalan Yang Berhormat bangkitkan itu tidak...

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Ini semua dalam perbahasan saya yang saya persoalkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Belum berjawab?

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Tidak dijawab. Soalan saya cuma dijawab sekali sahaja berkenaan dengan SME Bank. Itu sahaja yang *direletekan* dengan perbahasan saya. Yang lain dalam perbahasan saya tidak ada apa-apa yang saya dapat jawapan. Jadi saya minta pihak kementerian, mungkin pegawai penyelidik pihak kementerian tidak ambil *note* dan sebagainya, saya pun tidak pasti. Akan tetapi saya perlukan jawapan inilah. Kalau boleh saya tidak hendak secara bertulis walaupun dibolehkan. Sebab, saya bercakap, dia ada dalam *Hansard*. Jadi kalau boleh, biar Dewan ini dimaklumkan juga apa yang saya perbahaskan. Terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken: Terima kasih dan saya akan jawab dan sekiranya tidak ada jawapan sekarang, saya akan menjawab secara bertulis jika diperlukan.

■1910

Jadi berkaitan dengan statistik guru sekolah rendah dan sekolah menengah yang boleh bertutur atau menguasai bahasa asing- bilangan guru yang mengajar bahasa antarabangsa di sini seramai 6,462 orang guru yang mengajar Bahasa Arab. Untuk Bahasa Arab *qiraat* SABK atau sekolah agama bantuan kerajaan, kita ada seramai 65 orang guru dan untuk bahasa Arab Tinggi seramai 267 orang guru, untuk bahasa Jepun kita mempunyai seramai 138 orang guru, bahasa Jerman seramai 23 orang guru dan bahasa Perancis seramai 60 orang guru. Jumlahnya...

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Saya minta maaf, sekejap yang itu guru bahasa asing atau guru tempatan yang menguasai bahasa asing?

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Ini bilangan guru yang mengajar bahasa antarabangsa.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Maksudnya guru tempatan? Terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih. Berkaitan dengan graduan pendidikan yang belum ditempatkan. Pada masa ini pelantikan dan penempatan graduan pendidikan...

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Saya minta maaf sebab soalan tadi itu tidak habis Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkenaan dengan penguasaan guru-guru yang menguasai bahasa asing tadi. Soalan saya dia ada berkaitan dengan ada tidak sebarang insentif yang diberikan oleh pihak kementerian untuk menggalakkan guru-guru dalam menguasai bahasa-bahasa asing ini untuk membolehkan kita lebih ada ramai lagi guru-guru yang boleh menguasai bahasa-bahasa asing. Maksudnya daripada segi insentif.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Apa yang berkaitan dengan insentif, Kementerian Pendidikan Malaysia boleh anggap bahawa ini boleh dikaji dan disemak untuk dipertimbangkan. Ini kerana ini merupakan satu usaha yang sebenarnya dipuji. Terima kasih.

Berkaitan dengan graduan pendidikan yang belum ditempatkan, pada masa ini pelantikan dan penempatan graduan pendidikan yang dilaksanakan berdasarkan kekosongan jawatan serta keperluan semasa Kementerian. Bagi graduan pendidikan keluaran tahun 2012 sejumlah 10,715 pelantikan tetap sebagai PPPS DG41 telah diselesaikan, dilaksanakan pada 16 Mac 2013. Pelantikan ini adalah berdasarkan keputusan temu duga dan penilaian khas yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan atau SPP.

Bagi mengekang kelebihan graduan pendidikan daripada berlarutan, Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan peajaran semula ambilan latihan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) di IPTA dan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di IPG. Kementerian Pendidikan Malaysia juga sedang menjalankan kajian unjuran keperluan dan bekalan serta dasar penempatan dan pertukaran guru dan kumpulan pelaksana. Kajian ini dimulakan pada bulan Februari tahun 2013 dan dijangka selesai pada Februari 2014.

Antara objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti keperluan guru daripada segi unjuran bekalan, penempatan dan pertukaran. Hasil kajian ini akan dapat membantu Kementerian untuk merangka serta menyusun strategi dan dasar baru berkaitan bekalan pelantikan dan penempatan graduan pendidikan IPTA dan IPGM. Berkaitan dengan skim atau pakej kerja guru dengan sistem terbuka dengan menawarkan gaji, perkara ini perlu diselaraskan dengan agensi-agensi pusat dan perkara ini boleh dikaji dengan teliti oleh pihak Kementerian. Sekian, terima kasih.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Saya minta maaf sebab mungkin ada beberapa persoalan saya yang saya rasa tidak berapa jelas daripada segi jawapan yang diberikan oleh pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi mungkin perkara ini saya terpaksa jugalah mengikut kepada peraturan mesyuarat mungkin boleh diberikan secara bertulis. Akan tetapi saya memintalah pihak Kementerian supaya melihat semula hansard saya mengenai persoalan dan juga cadangan-cadangan yang saya berikan kerana ada lima, enam. Saya rasa tidak *meet* dengan jawapan yang telah berikan. Jadi saya mohon supaya *check* balik *Hansard* saya dan saya memerlukan jawapan tersebut secara bertulis dan saya minta di dalam Dewan ini supaya jawapan bertulis itu dimasukkan di dalam *Hansard* juga. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya meminta pihak Kementerian teliti dengan cara terperinci *Hansard*, butiran yang telah diucapkan semasa perbahasan Yang Berhormat Baharudin dan jawab secara bertulis.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi setakat ini sahaja yang dapat dijelaskan mengenai perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang menyentuh Kementerian Pendidikan. Perkara-perkara yang dibangkitkan juga sebenarnya telah dibangkitkan dan telah dijawab secara lisan dan bertulis di Dewan yang mulia ini. Namun jika terdapat isu-isu yang tidak sempat dijawab ia akan diambil perhatian dan tindakan sewajarnya. Saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas keprihatinan, teguran dan sokongan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator terhadap usaha-usaha untuk meningkatkan lagi kecemerlangan pendidikan negara. Sekian, terima kasih dan salam hormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita beralih kepada Kementerian Luar Negeri. Menterinya ada? Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri teruskan.

7.17 min.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2014 di Dewan Negara yang mulia ini dari 9 Disember hingga 12 Disember 2013.

Sesungguhnya Kementerian Luar Negeri amat menghargai pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian. Setelah meneliti semua isu yang dibahaskan, izinkan saya memberikan penjelasan terhadap perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Luar Negeri dan telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator di sepanjang tempoh perbahasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, isu Syiah di Malaysia. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Saat bin Haji Abu pada 10 Disember 2013 telah menyentuh mengenai langkah-langkah diplomasi dan diplomatik yang telah diambil oleh Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Iran bagi membendung penyebaran ajaran Syiah di Malaysia serta keperluan rakyat Iran menghormati undang-undang negara ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Republik Islam Iran melalui Duta Besarnya di Kuala Lumpur telah mengambil langkah diplomatik dengan memaklumkan bahawa Kerajaan Iran tidak pernah dan tidak akan sekali-kali mencampuri hal ehwal dalaman Malaysia termasuk isu agama yang dilihat sebagai isu domestik. Kerajaan Iran turut menjelaskan bahawa matlamat utamanya menjalinkan hubungan diplomatik terutamanya di kalangan negara-negara Islam demi kesepakatan dan perpaduan ummah. Kerajaan Iran juga sentiasa melihat Malaysia sebagai sebuah negara sahabat dan akan sentiasa menghormati undang-undang Malaysia dan peka akan sensitiviti agama dan budaya masyarakat negara ini.

Isu pengintipan Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Saiful Izham atas pertanyaan yang dikemukakan mengenai isu pengintipan oleh Amerika Syarikat, Australia dan Singapura. Pada 26 November 2013, Kementerian Luar Negeri telah memanggil Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia bagi mendapatkan penjelasan mengenai dakwaan intipan yang telah dijalankan oleh pasukan perisikan negara jiran tersebut.

Terdahulu, Kementerian Luar Negeri juga telah memerintahkan atau *summon* Duta Besar Amerika Syarikat dan Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia untuk hadir ke Wisma Putra pada 1 November 2013 berhubung isu yang sama di mana Nota Bantahan telah dikemukakan kepada kedua-dua wakil negara tersebut. Ekoran daripada tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Luar Negeri ini, seperti yang dinyatakan, ketiga-tiga negara tersebut telah memberikan maklum balas seperti berikut.

Pertama Amerika Syarikat. Susulan daripada Nota Bantahan yang telah dikemukakan kepada Kerajaan Amerika Syarikat melalui Kedutaan Besar Amerika di Kuala Lumpur, Timbalan Ketua Perwakilan Amerika Syarikat telah hadir ke Wisma Putra pada 8 November 2013 untuk menyampaikan maklum balas mereka terhadap Nota Bantahan tersebut.

■1920

Kementerian Luar Negeri dimaklumkan bahawa Nota Bantahan tersebut telah dihantar ke Washington D.C. untuk tindakan mereka selanjutnya. Timbalan Ketua Perwakilan Amerika Syarikat seterusnya mengulangi penjelasan yang telah dibuat oleh Duta Besar Amerika Syarikat bahawa aktiviti pemantauan dan pengumpulan maklumat yang dilakukan oleh Amerika Syarikat di seluruh dunia atas tujuan keselamatan yang merangkumi aktiviti keganasan dan senjata pemusnah besar-besaran. Beliau menjelaskan bahawa Kerajaan Amerika Syarikat menjalankan kerjasama rapat dengan negara-negara sekutu dan sahabat mereka termasuklah Malaysia bagi membolehkan mereka untuk mengekang aktiviti-aktiviti keganasan.

Timbalan Ketua Perwakilan Amerika Syarikat seterusnya memaklumkan bahawa Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur tidak menjalankan sebarang aktiviti intipan atau pemantauan terhadap mana-mana pemimpin atau orang kenamaan di Malaysia. Beliau kemudiannya menyampaikan kekesalan Kerajaan Amerika Syarikat terhadap tuduhan yang telah dilemparkan oleh Edward Snowden yang telah menjejaskan hubungan Amerika Syarikat dengan Malaysia. Beliau menegaskan bahawa Kerajaan Amerika Syarikat komited untuk bekerjasama dengan Malaysia bagi menangani isu ini.

Manakala Australia pula, pada 1 November 2013, Menteri Luar Negeri Australia telah memaklumkan kepada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri Malaysia bahawa Australia mengambil maklum tentang kebimbangan yang disampaikan oleh Malaysia berhubung isu intipan ini dan memberikan jaminan bahawa Kerajaan Australia meletakkan kepentingan yang tinggi dalam hubungan dua halanya yang begitu rapat dengan Malaysia. Pendirian Australia ini diulangi oleh Pesuruhjaya Tingginya atau Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia semasa dipanggil oleh Kementerian Luar Negeri.

Manakala Singapura, pihak Singapura menjelaskan bahawa laporan-laporan media mengenai dakwaan aktiviti pengintipan yang dijalankan oleh pihak Singapura terhadap Malaysia adalah meragukan, bersifat spekulatif dan tidak berasas. Dalam hal ini, Kerajaan Singapura tidak mahu memberikan sebarang komen mengenai hal-hal perisikan walaupun dakwaan pengintipan tersebut adalah palsu. Kerajaan Singapura tidak mempunyai sebarang niat untuk memudaratkan jalinan persahabatan dan kerjasama yang sedia terjalin dengan Malaysia. Kerajaan Malaysia berpendirian bahawa aktiviti pengintipan yang dijalankan oleh negara-negara asing terhadap negara ini, merupakan sesuatu yang sangat serius. Dalam hal ini, kerajaan tidak sekali-kali memandang ringan aktiviti pengintipan yang boleh menggugat kedaulatan dan keselamatan negara kita.

Dalam konteks ini, kerajaan tetap tegas dalam isu ini dan tidak dapat dinafikan bahawa bantahan yang telah dibuat kepada Amerika Syarikat dan Australia dengan mengemukakan nota bantahan merupakan satu tindakan yang tegas dan keras dalam konteks diplomasi. Penyerahan nota bantahan tersebut jelas menyatakan pendirian Kerajaan Malaysia dalam mempertahankan dan memelihara kedaulatan negara. Kerajaan mengambil tindakan sedemikian memandangkan ia adalah penting menyatakan bagi pendirian Kerajaan Malaysia dalam mempertahankan dan menunjukkan kedaulatan negara kepada negara-negara yang terlibat.

Pendekatan kerajaan setakat ini telah mengambil kira pelbagai aspek termasuk kepentingan negara kita serta hubungan strategik yang sedang berkembang pesat dengan negara-negara terlibat. Justeru itu, adalah penting bagi Kerajaan Malaysia untuk mengendalikan situasi ini menerusi satu penilaian yang seimbang serta secara berhati-hati dengan berpandukan kepada pengumpulan bukti-bukti sahih yang sedang disiasat oleh pihak berkuasa Malaysia. Hakikatnya, Kerajaan Malaysia juga tidak akan sama sekali berkompromi dengan sebarang tindakan yang akan mengancam kedaulatan dan keselamatan negara. Kerajaan akan sentiasa meletakkan kedaulatan dan keselamatan negara pada tahap keutamaan yang tertinggi.

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan di bawah tanggungjawab Kementerian Luar Negeri sepanjang perbahasan belanjawan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Cepat dan ringkas ya. Seterusnya kita beralih kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

7.25 mlm.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2014 dan memberikan pandangan serta cadangan terhadap perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Yang Berhormat Dato' Muhammad Olian bin Abdullah telah membangkitkan isu banjir kilat lumpur di Cameron Highlands pada 23 Oktober 2013. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, banjir kilat dan lumpur berkenaan disebabkan oleh limpahan air Sungai Bertam akibat pelepasan air daripada Empangan Sultan Abu Bakar di Cameron Highlands. Empangan ini adalah di bawah tanggungjawab Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sememangnya telah mempunyai perancangan serta sedang melaksanakan kerja-kerja berkaitan bagi mengatasi masalah limpahan air sungai dan meningkatkan kapasiti sistem sungai yang bertujuan untuk mengurangkan masalah banjir di Cameron Highlands khususnya akibat daripada pelepasan air di Empangan Sultan Abu Bakar. Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) telah memohon untuk melaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir di Lembah Bertam dan permohonan ini telah pun diluluskan di dalam *Rolling Plan* keempat di bawah status projek baru yang akan dilaksanakan pada tahun 2015.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 25 Oktober 2013 di Dewan Rakyat semasa membentangkan Rang Undang-Undang Perbekalan 2014 telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM40 juta bagi kerja-kerja mendalamkan Sungai Bertam sebagai langkah segera untuk menangani masalah ini. Projek ini dicadangkan akan dilaksanakan mulai tahun 2014 dan pembinaan ini akan melangkaui hingga Rancangan Malaysia Kesebelas. Sementara itu, bagi langkah-langkah membaik pulih kejadian banjir lumpur yang berlaku, JPS telah memperuntukkan sebanyak RM370,000 bagi tahun 2013 untuk melaksanakan kerja-kerja pemulihan Sungai Bertam dan kerja-kerja kecemasan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat telah membangkitkan isu banjir di Rantau Panjang, Kelantan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) mempunyai perancangan untuk melaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Golok di Kelantan bagi mengurangkan masalah banjir di sempadan antara Malaysia-Thailand terutamanya di pekan Rantau Panjang dan juga sebagai projek keselamatan di sempadan.

Reka bentuk terperinci bagi projek RTB Sungai Golok telah siap sedia pada akhir tahun 2010. Projek RTB ini meliputi kawasan dari Sungai Lanas di jajahan Jeli sehingga ke muara Sungai Golok di Pangkalan Kubur Tumpat yang melibatkan kos keseluruhan sebanyak RM1.04 bilion dan dibahagikan kepada tiga fasa pelaksanaan.

■ 1930

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat.*]

Sehubungan itu, JPS telah memohon peruntukan sebanyak RM345 juta untuk melaksanakan Projek RTB Sungai Golok Fasa Satu. Sekiranya permohonan tersebut diluluskan, projek ini dijangka dapat dimulakan pada pertengahan tahun 2015 dan disiapkan pada tahun 2019.

Yang Berhormat Datuk Seri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam telah memohon supaya disegerakan peruntukan bagi RTB Sungai Melaka sebanyak RM167 juta dan RTB Sungai Duyong sebanyak RM70 juta. Untuk makluman Yang Berhormat, Projek RTB Sungai Melaka dan RTB Sungai Duyong telah dipohon sebagai projek baru dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh *Rolling Plan* Keempat tahun 2014 tetapi tidak diluluskan oleh EPU. Pihak kementerian telah memohon semula projek-projek ini di dalam *Rolling Plan*...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat panjang lagi kah Yang Berhormat? Yang Berhormat panjang lagi, panjang lagi kah?

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Tidak panjang lagi. Dua lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya? Yang Berhormat cuma untuk Sumber Manusiakan-Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, kan?

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Ya, sekarang Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Tuan Yang di-Pertua: Okey. Terus kan, cepat sedikit Yang Berhormat.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Ya, memang saya akan mempercepatkan ini. Untuk makluman Yang Berhormat, Projek RTB Sungai Melaka dan RTB Sungai Duyong telah dipohon sebagai projek baru dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh *Rolling Plan* Keempat tahun 2014 tetapi tidak diluluskan oleh EPU.

Pihak kementerian telah memohon semula projek-projek ini dalam *Rolling Plan* Keempat tahun 2015 sebagai projek baru dan masih dalam pertimbangan pihak Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri. Sehingga kini, antara projek-projek yang telah dan sedang dilaksanakan ialah projek menaik taraf sistem saliran bagi mengatasi masalah banjir kilat di kawasan Melaka Bandaraya Bersejarah di mana projek ini telah pun diluluskan dan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dengan kos RM50 juta untuk fasa 1 dan telah siap dilaksanakan fasa 2. Bagi projek ini dan juga telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh *Rolling Plan* Ketiga bermula dalam tahun 2013 dengan kos projek sebanyak RM81 juta.

Projek ini sedang dalam pembinaan dan dijangkakan siap pada tahun 2015. Peruntukan yang telah disalurkan bagi projek ini ialah sebanyak RM10 juta pada Bajet 2013 dan akan disalurkan sejumlah RM38 juta dalam Bajet 2014.

Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian bin Abdullah, Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon, Yang Berhormat Senator Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam dan Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin bin Abu Bakar telah membangkitkan isu banjir yang melanda Malaysia terutamanya di negeri Pahang baru-baru ini dan mencadangkan supaya kerajaan mengkaji secara menyeluruh untuk menangani masalah ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sememangnya memandang serius terhadap masalah banjir yang berlaku di seluruh negara dan membuat perancangan yang menyeluruh dalam menangani masalah banjir. Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah menyediakan Pelan Induk Tebatan Banjir bagi lembangan-lembangan sungai di seluruh negara. Setakat ini JPS telah menyediakan 13 Pelan Induk Tebatan Banjir di seluruh Malaysia.

Pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir adalah bergantung pada peruntukan yang disediakan oleh kerajaan. Sebagai usaha mitigasi banjir bagi negeri Pahang khususnya, kementerian ini melalui JPS telah, sedang dan merancang untuk melaksanakan beberapa projek Rancangan Tebatan Banjir seperti berikut, projek-projek yang dilaksanakan pada Rancangan Malaysia Kesembilan.

- (i) Rancangan Tebatan Banjir Daerah Kuantan; ...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah sedikit.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: ...Berjumlah RM36.10 juta. Sekejap.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Sekejap, sekejap.

- (ii) Rancangan Tebatan Banjir Daerah Pekan berjumlah RM5.65 juta;
- (iii) Rancangan Tebatan Banjir Daerah Raub RM7.56 juta;
- (iv) Rancangan Tebatan Banjir Daerah Bentong RM3.89 juta; dan
- (v) Rancangan Tebatan Banjir Daerah Temerloh, Mentakab RM0.93 juta.

Ya, sila.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, apakah rancangan atau pelan kerajaan untuk mencegah banjir bila air laut masuk ke darat? Itu saya hendak tahu seperti yang berlaku baru-baru ini.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan itu. Saya memang amat gembiralah kerana Yang Berhormat bertanya tentang kemasukan air pasang ke dalam sungai. Jika hujan lebat dan air pasang laut tinggi, maka berlakulah limpahan, maknanya banjir. Okey, setakat ini untuk makluman di Pahang atau pun di Kuantan pada 30 November, air laut ini ketinggian yang masuk ke dalam Sungai Pahang itu ialah 266cm. Manakala pada 1 Disember - 289cm; 2 hari bulan - 307cm; 3 hari bulan - 320 cm.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia bertanya, apakah pelan perancangan itu dalam situasi itu? Boleh jawab pendek sahaja.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Betul, betul.

Tuan Yang di-Pertua: Apakah pelan?

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Saya hendak jawab pendeklah ini tetapi yang perlu tahu ini. Kalau kita tidak tahu ini, kita tidak boleh membuat perancangan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Janganlah marah, *slowly*, ...

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Mengikut data, kerajaan telah pun di semua negeri sudah pun merancang untuk, antaranya pertama, lencongan untuk mengeluarkan air banjir ke laut lagi; kedua, kolam takungan; ketiga, sekiranya banyak duit lagi kita akan buat *barrage* mengikut apa yang telah saya rancang untuk Sungai Sarawak dahulu. Sekarang di Kuching, 10 tahun tidak ada banjir. Kalau kita ada duitlah, itu amat penting kerana di Sungai Tem, 16 *barrage* keseluruhan untuk menebatkan banjir...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Betul itu, betul Yang Berhormat, betul itu.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Ini sudah dalam perancangan kerajaan.

■1940

Tuan Yang di-Pertua: Ha itu yang Dato' Rahman hendak dengar, kan?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Ha.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Akan tetapi yang perlu ialah kita mesti tahu air pasang sebab ia bertambah tinggi setiap tahun disebabkan perubahan iklim. Jadi inilah yang penting.

Tuan Yang di-Pertua: Yes, betul-betul.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat Senator, kawan saya ini. Dah lama kita kenal.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, *next point* Yang Berhormat.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Okey, seterusnya projek yang dilaksanakan pada tahun 2011, antaranya pertama Perancangan Tebatan Banjir Bandar Pekan – RM40.4 juta; kedua, Rancangan Tebatan Banjir Rompin, Bentong, Bera, Cameron Highlands, Jerantut, Kuala Krau, Lipis, Maran, Paya Besar, Pekan, Raub dan Temerloh – RM24 juta.

Untuk tahun 2012, pertama projek-projek yang dilaksanakan; kedua Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kuantan – RM2.19 juta; dan ketiga Rancangan Tebatan Banjir Bandar Pekan – RM33.07 juta.

Projek-projek yang sedang dilaksanakan pada tahun 2013 pula, pertama Rancangan Tebatan Banjir Bandar Pekan Fasa II – RM7.3 juta; dan kedua, kerja-kerja mengatasi banjir kilat di Kuantan – RM50 juta

Projek-projek yang akan dilaksanakan pada tahun 2014; perlu juga saya ingin mengumumkan kepada Dewan yang mulia ini iaitu; pertama Rancangan Tebatan Banjir Bandar Pekan Fasa II – RM50 juta; kedua, Rancangan Tebatan Banjir Lembah Bertam Cameron Highlands – RM40 juta; ketiga, projek-projek yang dalam perancangan; keempat, Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kuantan Fasa II – RM331 juta. Saya harap ianya mencukupi untuk buat baraj; kelima, Rancangan Tebatan Banjir Raub Fasa II dan Semantan Hulu Raub – RM66 juta; keenam, Rancangan Tebatan Banjir Sungai Betong Jerantut – RM4 juta; dan ketujuh, Rancangan Tebatan Banjir Pekan Cenderung Maran – RM5 juta.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian...

Dato' Maznah binti Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya. Yang Berhormat. Yang Berhormat, boleh saya mencelah?

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Ya, yang mana, sudah berdiri?... Silakan. Kalau ada masalah.

Dato' Maznah binti Mazlan: Ya. Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya kalau kita lihat di *Bertam Valley* Cameron Highlands, dia bukan banjir biasa seperti yang ada di Pantai Timur dan lainnya tetapi ialah banjir lumpur.

Jadi saya nak tanya Yang Berhormat dari Kementerian Sumber Asli, selain daripada tindakan-tindakan mengadakan peruntukan untuk membina struktur-struktur untuk menghalang kemungkinan banjir pada masa hadapan, apakah langkah-langkah untuk mencari punca banjir itu yang menyebabkan banjir lumpur itu dan ada tak program untuk memelihara dan memulihara alam sekitar supaya tidak berlaku lagi kerana saya kira jika selut ataupun lumpur ini berterusan kerana hakisan di hulu kerana adanya kejadian-kejadian yang seperti penanaman sayur yang tidak diluluskan dan lain-lainnya, macam mana pun kita labur untuk infrastruktur, akhirnya kita dapati akan berlaku juga kelodak itu yang akhirnya akan meningkatkan dasar tasik ataupun empangan tersebut dan akan berlaku juga banjir lumpur tersebut. Terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat dah beri jawapan, itu yang saya mahu maklumkan sebab kelodak di dalam empangan sudah pun berlaku. Pihak yang bertanggungjawab ialah TNB (Tenaga Nasional Berhad) yang seharusnya membuat kerja penyelenggaraan sebab di Cameron Highlands, kegunaan tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Apatah lagi bila ada pemaju-pemaju yang mencero bohi hutan yang tebang-tebang pokok untuk buat ini, untuk buat kebun-kebun sayuran. Jadi inilah masalah dia sebab dalam perintah EIA, 100 hektar sahaja yang memerlukan EIA. Jadi yang kecil daripada itu tidak memerlukan EIA. Jadi langkah mitigasi untuk itu lebih-lebih lagi di lereng bukit memang ada. Kita tahu langkah-langkah mitigasi tetapi apabila EIA tidak diperlukan dan tidak dibuat, tak ada EIA, inilah yang berlaku juga kerana kerajaan negeri yang bertanggungjawab tentang pemantauan.

Walaupun demikian, mulai dari bulan November yang lepas, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bekerjasama dengan Pejabat Daerah di Cameron Highlands dan pihak berkuasa tempatan di Cameron Highlands untuk membuat penguatkuasaan tetapi baru bermula sahaja dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Saya harap ia akan diteruskan dan supaya alam sekitar di Cameron Highlands akan terus dijaga.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia adalah komited dalam pelaksanaan amalan pengurusan hutan secara berkekalan iaitu *sustainable forest management*. Salah satu kriteria utama dalam SFM ini ataupun *sustainable forest management* pengawalan terhadap pembukaan kawasan hutan untuk tujuan pengusahaan hasil atau pembalakan melalui pelaksanaan catuan tebang tahunan ataupun CTT yang ditetapkan pada setiap tempoh Rancangan Malaysia lima tahun.

Pembalakan kawasan hutan dalam hutan simpan ataupun HSK dalam hutan simpan kekal dilaksanakan dengan berpandukan kadar CTT bagi kawasan hutan pengeluaran dalam HSK sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis Tanah Negara. Penetapan CTT adalah berasaskan kepada *national regionalization capacity*, dengan izin, kawasan yang diusahakan hasil. Pemuatan CTT di semua negeri turut dipantau oleh Jabatan Perhutanan di negeri masing-masing melalui Laporan Pengeluaran Lesen Membalak dan keluasan hutan yang dilesenkan.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi Yang Berhormat..., dua lagi?

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Ini sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, cepat sikit.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim telah membangkitkan mengenai laporan kajian yang diterbitkan oleh *World Applied Science Journal* yang berpangkalan di Amerika Syarikat berhubung toksik yang dikenal pasti di Perairan Juru dan di Prai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laporan kajian sedimen di Perairan Selat Prai yang telah diterbitkan oleh *World Applied Science Journal* keluaran 25 Julai 2013 yang bertajuk "*Distribution, Characterization and Origins of Polycyclic Aromatic Hydrocarbons*" ataupun nama singkat *PAHs in Surficial Sediment of Penang, Malaysia: The Presence of Fresh and Toxic Substances*- merupakan hasil kajian yang telah dijalankan oleh Mahyar Sakari dari *Water Research Unit* Universiti Malaysia Sabah dan Mohamad Fauzi Zakaria dari *Faculty of Implemental Studies* Universiti Putra Malaysia ke atas 20 sampel sedimen yang diambil di sepanjang Perairan Selat Prai dan Selatan Jambatan Pulau Pinang yang menunjuk kepada bacaan parameter *polycyclic aromatic hydrocarbon* ataupun PAH yang terdapat di dalam sedimen.

■1950

Kesimpulan kajian berkenaan adalah seperti berikut. Pertama, pencemaran atau kehadiran PAH dalam sentimen di beberapa buah kawasan di perairan Selat Prai tersebut berkemungkinan berpunca daripada aktiviti industri dan kenderaan bermotor. Konsentrasi PAH di kawasan kejadian adalah setara dengan konsentrasi di mana-mana kawasan pelabuhan dan dermaga. Penyeranaan kajian saintifik yang lebih lanjut perlu dijalankan bagi mengesahkan penemuan-penemuan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang menjalankan pemeriksaan dan pemantauan yang berterusan ke atas punca-punca yang dikenal pasti berpotensi untuk menyebabkan pencemaran PAH termasuklah ke atas loji simpanan minyak yang terdapat di Pulau Pinang iaitu dimiliki oleh Shell, Petronas Dagangan Berhad dan Chevron Caltex Sdn. Bhd. Siasatan mendapati setiap loji simpanan minyak tersebut dilengkapi dengan sistem kawalan kumbahan minyak yang baik. Tiada sebarang kesan minyak di sekitar kawasan pantai berkenaan loji-loji tersebut. Siasatan juga telah dijalankan di Penang Port Sdn. Bhd. bagi memantau aktiviti pembersihan kapal-kapal. Hasil siasatan mendapati bahawa operasi di Penang Port dikawal dan dipantau terutamanya bagi mengelakkan risiko pencemaran minyak semasa proses pembersihan kapal di mana peralatan-peralatan bagi mencegah dan mengawal tumpahan minyak termasuk bong dipasang di sekitar kawasan operasi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan jawapan-jawapan yang telah saya kemukakan tadi adalah diharapkan agar semua pertanyaan...

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Izinkan saya mencelah sedikit? Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ahli Yang Berhormat.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Ya, terima kasih. Terima kasih kepada Timbalan Menteri. Cuma saya ingin bertanya, kita masih dalam tahap siasatan. Jadi sementara siasatan ini dilaksanakan, apakah tindakan jangka pendek kementerian agar orang-orang awam tidak berenang atau menggunakan kawasan-kawasan yang tercemar ini? Apakah tindakan jangka pendek untuk memastikan tidak ada kesan sampingan di sebalik pencemaran tersebut? Terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas pertanyaan itu. Sememangnya Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang terus membuat atau pun menjalankan penguatkuasaan dan jika didapati bertambah nilai par dalam sentimen, maka kita akan buat *signboard*lah supaya orang awam tidak dibenarkan masuk ke dalam air di situ atau pun berenang di situ. Sememangnya kita buat macam itu sebab par mengandungi hidrokarbon, bahan-bahan berminyak dan juga termasuk plumbum. Jadi plumbum satu mineral *heavy metal*. Jadi inilah yang kita akan terus buat jika sudah ada kompelin atau kita sudah tahu ada maklumat asas seperti ini agar ia tidak akan berterusan.

Akan tetapi yang saya khawatir ialah selama ini, mungkin dululah, sekarang kita sudah ada perundangan yang memang tetap. Akan tetapi dulu, mungkin masa dulu kapal yang berlabuh di selat itu buang minyak di dalam air laut. Ini masalah dia, sebab sekarang setiap pelabuhan semestinya mewujudkan loji pelupusan minyak terpakai daripada kapal-kapal. Ini di bawah *Marine Pollution Program* (MAPO). Ini semua...

Tuan Yang di-Pertua: Okey Yang Berhormat, okey Yang Berhormat. Sudah habis sudah?

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Sudah habis sudah. Seterusnya, segala pandangan dan cadangan yang diberikan akan diberi perhatian dan disusuli sewajarnya oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya giliran mengikut di sini bahawa Kementerian Pelancongan. Akan tetapi saya dimaklumkan bahawa Kementerian Pengangkutan telah membuat satu kompromi dengan pihak pelancongan dan membenarkan Kementerian Pengangkutan menggulung daripada segi kementerian. Betul Yang Berhormat? Ada buat persefahaman? Saya telah bersetuju, saya mempersilakan Kementerian Pengangkutan. Selepas itu kita pergi kepada Kementerian Pertahanan. Silakan Yang Berhormat.

7.57 min.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2014 yang menyentuh bidang tugas Kementerian Pengangkutan di Dewan Negara yang mulia ini.

Sebelum saya menjawab pertanyaan spesifik, izinkan saya memanjatkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas keprihatinan beliau yang telah menyediakan peruntukan khusus untuk melicinkan operasi dan pengurusan trafik udara, menaik taraf beberapa buah lapangan terbang, mengukuhkan jaringan pengangkutan awam dan membangunkan ekonomi maritim. Kementerian Pengangkutan akan memanfaatkan sepenuhnya peruntukan yang disalurkan bagi memberi impak yang maksimum dalam usaha memastikan bahawa sistem pengangkutan awam di negara ini senantiasa ditambah baik dan menjadi lebih efisien serta selamat dan untuk kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab isu-isu pertanyaan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengutarakan pelbagai isu dan soalan berkaitan dengan kementerian saya, saya ingin menjawab mengikut sektor-sektor Kementerian Pengangkutan.

Pertamanya menyentuh isu berkenaan pembangunan. Pertama, menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit yang telah membangkitkan persoalan agar kerajaan dapat mengambil langkah yang lebih ketara dengan mensyaratkan kontraktor utama mengambil pekerja tempatan pada kadar 75 peratus terutama bagi projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru.

Menjadi hasrat kerajaan untuk memastikan penglibatan pihak tempatan sama ada barangan, mesin peralatan, bahan binaan, ahli profesional binaan malahan tukang kayu, tukang ikat bata atau pekerja am yang terlibat dalam industri binaan tempatan pada tahap optimum. Seajar dengan hasrat tersebut, kerajaan telah mengeluarkan pekeliling berkaitan perolehan kerja dan mengenakan syarat-syarat seperti keutamaan penggunaan barang-barangan atau bahan binaan buatan tempatan dan penglibatan kontraktor bumiputera pada tahap sekurang-kurangnya 30 peratus dalam projek kerajaan.

Kerajaan juga pada September 2013, telah mengarahkan penubuhan Unit Pembangunan Bumiputera di semua kementerian yang mana unit ini berperanan untuk memperkasakan peranan kontraktor bumiputera dalam melaksanakan projek-projek.

Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru juga tidak terkecuali dengan syarat-syarat tersebut di mana telah diperuntukkan syarat-syarat demikian supaya kontraktor yang berjaya melaksanakan projek ini perlu mematuhi syarat-syarat tersebut.

■2000

Namun begitu, jika dilihat daripada senario yang berlaku di dalam industri pembinaan di Malaysia, kini majoriti tukang dan pekerja am terdiri daripada kalangan pekerja import. Bukan menjadi satu masalah untuk kita mendapat pekerja tempatan atau kalau boleh mencapai sehingga 75 peratus penglibatan pekerja tempatan. Akan tetapi rakyat kita tidak berminat untuk bekerja dalam industri ini sebagai tukang atau pekerja am disebabkan keadaan kerja yang tidak selesa, kotor, berdebu dan banyak menggunakan tenaga fizikal. Mereka lebih berminat menceburi industri pembuatan, pengilangan atau kerja yang lebih selesa.

Seterusnya sektor maritim. Persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus mengenai permohonan supaya membuka semula sekolah pelaut di Labuan yang didakwa telah ditutup. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga tahun 2010 terdapat dua buah institut latihan maritim yang lulus akreditasi oleh Jabatan Laut Malaysia dan beroperasi di Wilayah Persekutuan Labuan iaitu Innatech Sdn. Bhd. di Jalan Patau-Patau dan Sastra Maritime Academy Sdn. Bhd. di Jalan Ranca-Ranca.

Walau bagaimanapun, pada 22 Februari 2010 Sastra Maritime Academy Sdn. Bhd. telah memohon untuk menutup sementara kampus di Wilayah Persekutuan Labuan kerana kekurangan pelatih. Selepas beberapa siri rundingan dan audit pada 27 April 2011, Jabatan Laut Malaysia telah mengeluarkan surat membatalkan kelulusan Institut latihan Maritim kepada Sastra Maritime Academy Sdn. Bhd. Labuan setelah mendapati institut latihan maritim tersebut hendak menumpukan operasi di kampus cawangannya di Jalan Pedada Sibu, Sarawak. Manakala Innatech Sdn. Bhd. masih beroperasi di Wilayah Persekutuan Labuan dengan kapasiti untuk melatih pelaut bagi skop kelulusan *modular courses* dan *special training courses* sesuai dengan keperluan Labuan sebagai hab industri minyak dan gas.

Seterusnya beralih kita sektor udara. Persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim bin Kader. Dato' Syed Ibrahim tidak ada. Kalau boleh saya hendak menjawab secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Seterusnya juga persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar juga tiada dalam Dewan. Jadi, saya mohon untuk menjawab secara bertulis.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman yang menyatakan bahawa terdapat lapangan terbang yang tidak menyediakan perkhidmatan penerbangan domestik ke bandar-bandar lain di dalam negara. Contohnya tiada penerbangan dari Lapangan Terbang Kuantan ke Kota Bharu, Lapangan Terbang Ipoh ke Kuantan, Kuala Terengganu ke Johor Bahru dan sebagainya. Untuk makluman, kerajaan sentiasa menggalakkan mana-mana syarikat penerbangan negara untuk menyediakan dan meningkatkan kekerapan perkhidmatan penerbangan domestik ke bandar-bandar lain di dalam negara.

Walau bagaimanapun, keputusan untuk menyediakan dan meningkatkan kekerapan perkhidmatan penerbangan merupakan keputusan komersial ataupun dengan izin, *commercial decision* syarikat penerbangan tersebut yang ditentukan berdasarkan *commercial viability* sesuatu laluan. Menurut Firefly dan AirAsia, pada masa kini pihaknya tidak mempunyai rancangan untuk menyediakan perkhidmatan penerbangan penumpang bagi laluan-laluan yang tersebut.

Seterusnya, soalan daripada Yang Berhormat Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman mengenai bilangan pengawal trafik udara pada masa kini dan apa tindakan yang dibuat bagi melatih pengawal udara ini untuk menjadi pengawal trafik udara yang kompeten. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pengawal trafik udara buat masa ini adalah seramai 950 orang berbanding dengan 1,125 jawatan yang diluluskan.

Bagi memastikan pengawal trafik udara kompeten dalam tugas yang dilaksanakan program latihan serta kursus intensif yang menepati piawaian antarabangsa *International Civil Aviation Organization (CAAO) Annex 1*, dengan izin, *personal licensing* dilaksanakan di *Malaysia Aviation Academy (MAVA)*. Pengawal trafik udara baru tersebut akan berkursus di MAVA di mana beliau akan melalui ujian bertulis, amali dan lisan di penghujung kursus. Seterusnya akan ditempatkan di mana-mana stesen untuk menjalani *on-the-job training* selama beberapa bulan sebelum menjalani sekali lagi ujian bertulis, amali dan lisan.

Selain daripada itu, beliau juga perlu lulus ujian *Aviation, English* sekurang-kurangnya tahap empat sebelum diberikan rating dan lesen untuk membolehkan beliau bertugas secara solo. Untuk memastikan kompetensi sentiasa di tahap yang diperlukan, semua pengawal trafik udara akan diuji melalui ujian kompetensi ataupun *proficiency check* yang dijalankan setiap tahun yang merangkumi ujian bertulis, amali dan lisan. Semua butiran ujian yang dilalui akan direkodkan di dalam buku lesen pegawai kawalan trafik udara. Seterusnya bagi menjawab soalan...

Dato' Dr. Johari bin Mat: Boleh mencelah?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun. Silakan.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya hendak minta balik ke belakang sedikit. Saya ada menimbulkan soalan berhubung dengan peningkat taraf lapangan terbang. Jadi, dalam perbincangan saya baru-baru ini saya bertanya berhubung dengan peningkat taraf ini tidak termasuk *airport* atau Lapangan Terbang Pengkalan Chepa. Saya difahamkan bahawa Lapangan Terbang Pengkalan Chepa ini adalah antara penerbangan domestik dalam negeri yang maju. Jadi, dalam hubungan ini saya ingin tahu bagaimana ia tidak termasuk dalam rancangan bajet kita dan saya ingin tahu juga ia sebagai perbandingan dengan lapangan terbang-lapangan terbang negeri yang lain daripada segi kekerapan penerbangan ke situ. Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator mengenai Lapangan Terbang Pengkalan Chepa, Kota Bharu. Pihak kerajaan sedang menyediakan untuk membuat perancangan tetapi belum dimuktamadkan. Memang sudah ada dalam perancangan tetapi belum dimuktamadkan tentang menaik taraf Lapangan Terbang Pengkalan Chepa. *Insyallah* saya yakin tidak lama lagi atau tahun hadapan *insyallah*, akan ada pengumuman mengenai perkembangan tentang program untuk meningkatkan taraf Lapangan Terbang Kota Bharu.

Seterusnya mengenai persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Seri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam... [*Melihat ke tempat duduk YB Senator berkaitan*] Yang Berhormat Senator pun tidak ada, jadi saya ingin menjawab secara bertulis. Begitu juga persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya yang juga tidak ada, jadi saya minta izin untuk menjawab secara bertulis.

■2010

Seterusnya berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat berkaitan dengan cadangan menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail. Jadi telah saya sebutkan tadi, pihak kementerian sedang mengenal pasti keperluan untuk menaik taraf lapangan terbang tersebut di mana ia di peringkat perancangan dan belum dimuktamadkan.

Seterusnya mengenai isu sektor darat. Isu yang dibangkitkan Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim, juga tidak ada dalam Dewan. Jadi saya mohon izin untuk menjawab secara bertulis.

Seterusnya menyentuh mengenai isu cermin gelap yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, boleh celah sikit?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Untuk pengangkutan darat, saya hendak tanya sikit. Apakah benar yang kerajaan akan bina satu *high speed train* dari Kuala Lumpur sampai Singapura yang memakan belanja sebanyak RM40 bilion? Kalau benar, sila terangkan.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, walaupun sebenarnya ia di bawah Jabatan Perdana Menteri tapi saya ingin memaklumkan bahawa projek itu memang benar, cuma belum dimuktamadkan. Oleh itu, saya tidak dapat memberi penerangan secara terperinci.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Mengenai persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin bin Abd Samad yang mencadangkan supaya had cermin gelap dinaikkan kepada 60 peratus hingga 70 peratus berikutan cuaca panas. Untuk makluman, buat masa ini, JPJ tiada cadangan untuk meminda apa-apa peruntukan yang sedia ada berkaitan dengan tahap ketelusan cermin gelap. Untuk makluman, tahap ketelusan cermin gelap 50 peratus.

Seterusnya mengenai cadangan supaya AES juga dapat menangkap gambar pemandu yang memandu terlalu perlahan di lorong laju. Buat masa ini, sistem AES hanya berfungsi untuk merakam imej kenderaan yang melebihi had laju dan juga yang gagal mematuhi peraturan lampu isyarat. Pihak kementerian akan membuat penyelarasan berhubung dengan peraturan dan penggunaan lebuh raya supaya ia lebih bersistematik. Kerajaan juga bercadang untuk menetapkan lorong yang ketiga di lebuh raya hanya untuk laluan memotong sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator...

Dato' Khairudin bin E.S. Abd Samad: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat. Ya, silakan.

Dato' Khairudin bin E.S. Abd Samad: Yang Berhormat Menteri, yang pertama saya nyatakan cermin gelap ini bukan kerana kita hendak cermin gelap sangat. Kita bercakap soal cuaca dan radiasi panas matahari itu yang akan mengakibatkan penyakit kulit. Jadi, jangan tunggu orang sakit kulit baru minta cermin gelap. Sebelum dia kena penyakit kulit disebabkan radiasi daripada cahaya matahari itu, jadi kita luluskan. Bukan kita minta lebih pun. Daripada 50 peratus naik kepada 60 peratus hingga 70 peratus. Itu yang saya maksudkan kepada Yang Berhormat Menteri.

Kemudian yang keduanya saya sebut bukanlah saya kata AES. Saya tahu AES ini ditangkap yang laju tetapi kita mesti ada satu kaedah lain, apakah kita hendak buat dengan mereka yang menyebabkan kemalangan oleh sebab dia perlahan di lorong laju? Jadi kita kena cari jalan macam mana kalau kementerian kata ada kaedah lain, macam mana kita hendak tangkap.

Yang ketiganya saya juga ada menyuarakan soal lorong motosikal kerana- ini saya berkawanlah dengan kawan-kawan daripada JPJ ini termasuklah KP nya sekali. Saya difahamkan Yang Berhormat Menteri, daripada hampir 7,000 kemalangan maut pada tahun 2012, 60 peratus lebih penunggang motosikal. Jadi hendak menyelamatkan nyawa mereka yang lebih mahal daripada- saya tidak bercakap soal mat rempit, saya bercakap soal *decent*, dengan izin, yang bawa motosikal dengan baik. Cuma dia kadang-kadang di lorong tengah, kadang-kadang di lorong tepi, waktu kereta hendak memotong, dia datang. So, kita terlanggar dia. Terlanggar, terus maut.

Jadi yang itu yang kita minta perhatian. Kalau ada boleh kita buat lorong motosikal yang tebal yang ikut mekanisme *road system*. Janganlah lorong motosikal yang macam jalan dalam kampung. Yang itu nipis. Dia sekejap saja berlopak, banjir, lepas itu...

Tuan Yang di-Pertua: Faham lah itu Yang Berhormat.

Dato' Khairudin bin E.S. Abd Samad: Itu maksud saya. Yang itu tidak jawab oleh Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, jawab Yang Berhormat Menteri.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, mengenai cermin gelap. Memang dalam keadaan cuaca yang panas memang ada pesakit yang menghadapi penyakit kulit, menghadapi masalah tersebut. Walau bagaimanapun, ia juga dalam cermin gelap ini menimbulkan permasalahan kepada masyarakat umum seperti teguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat baru-baru ini seperti di Kuching, banyak kereta yang menggunakan cermin gelap sehingga tidak nampak siapa di sebelah mereka apabila tiba di persimpangan dan ini mewujudkan banyak gejala gengster yang menggunakan cermin gelap untuk tidak dikenali. Maka, ini yang menjadi dilema kepada kerajaan kerana cermin gelap akan memberi kemudahan sekiranya ia disalahgunakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Walaupun bagaimanapun, untuk maklumat Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, cermin gelap di Malaysia, untuk cermin hadapan, 20 peratus. Cermin hadapan itu di atasnya dibenarkan untuk diletak cermin gelap ataupun lapisan plastik ataupun mikrofilem yang gelap. Tetapi di sisinya kita benarkan sehingga 50 peratus. Jadi saya berpandangan ini pun telah memberi satu kemudahan untuk menghalang kepanasan sampai ke dalam kereta.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya ada pesakit-pesakit yang benar-benar mendapat kelulusan ataupun mendapat *certificate* daripada doktor memang tidak boleh kena cahaya langsung, bolehlah memohon kepada kementerian untuk mendapatkan pengecualian menggunakan cermin gelap.

Seterusnya, mengenai jalan seperti yang disebutkan Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin, memang kita akui mengenai jalan di lebuh raya ini memang agak tidak ada keseragaman. Maka sebab itu, pihak kerajaan dalam waktu yang terdekat ini, mengambil komen daripada Yang Berhormat Senator, akan membuat penyesuaian mengenai penggunaan lorong-lorong supaya lebuh raya kita lebih bersistematik. Pihak kerajaan akan melibatkan semua pihak berkepentingan, *stakeholders*, untuk menyesuaikan kembali mengenai peraturan dan undang-undang dalam menggunakan lebuh raya supaya ia tidak rojak, tidak kalam kabut.

■ 2020

Seperti saya sebutkan tadi untuk laluan lorong yang ketiga hanya untuk memotong. Maknanya kalau lepas ini ada kenderaan yang jalan perlahan di lorong ketiga, ia menjadi kesalahan. Begitu juga mengenai lorong yang awal lorong pertama, hanya untuk kenderaan perlahan dan juga laluan untuk motosikal. Motosikal juga tidak akan dibenarkan sehingga menggunakan lorong yang ketiga. Ini untuk menyesuaikan agar sistem di lebuh raya dapat disusun dengan lancar dan licin, *insya-Allah*.

Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat senator yang telah memberikan pandangan yang begitu baik. Akhir sekali saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dengan cadangan-cadangan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan dan segala cadangan dan pandangan akan diambil perhatian serta tindakan sewajarnya oleh pihak kementerian. Saya dan seluruh warga pengangkutan akan terus komited dan beriltizam untuk memastikan sistem pengangkutan pelbagai mod dan bersepadu selamat, mampan dan mesra pengguna di negara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin mengambil perhatian semua Ahli Yang Berhormat bahawa saya pernah banyak kali menasihatkan supaya apabila kementerian buat pengumuman, tentukan berada dalam Dewan.

Kalau sekiranya tidak ada, kementerian itu boleh membuat jawapan secara bertulis untuk menjimatkan masa. Oleh yang demikian saya rasa elok kalau boleh yang hadir itu tentukan hendak dengar apa reaksi atau jawapan daripada kementerian. Tanpa membuang masa kita mempersilakan Yang Berhormat dari Kementerian Pertahanan. Untuk maklumat semua juga Kementerian Pelancongan kita akan mulakan besok. Hari ini Kementerian Pertahanan, agaknya kalau tidak sempat masa nanti sambung besok, Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat.

8.22 mlm

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2014 yang menyentuh isu-isu di bawah bidang kuasa Kementerian Pertahanan.

Sesungguhnya keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh isu-isu yang diletakkan di bawah kementerian akan dinilai dan dipertimbangkan dengan sewajarnya dan setiap cadangan yang bernas yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat jika terdapat kesesuaian akan diguna pakai bagi maksud menambah baik urus tadbir dan hala tuju Kementerian Pertahanan.

Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim bin Kader ada membangkitkan berkaitan dengan PLKN iaitu cadangan mewajibkan PLKN kepada semua remaja berumur 18 tahun. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan ini PLKN sebagai sebuah program mewajibkan bagi semua remaja berumur 18 tahun.

Untuk makluman Yang Berhormat pihak kementerian sememangnya menyambut baik dan mengalu-alukan cadangan tersebut dan berdasarkan maklum balas positif yang diterima daripada pelbagai pihak terutamanya ibu bapa pelatih dan pelatih sendiri berkaitan dengan program ini dalam melahirkan generasi muda yang berwibawa serta bersemangat patriotik. Atas saranan ini pihak kementerian sememangnya berhasrat untuk mewajibkan semua remaja yang berusia 18 tahun menyertai program ini.

Walau bagaimanapun, setakat ini Jabatan Latihan Khidmat Negara hanya mampu mengambil pelatih pada kadar 25 peratus daripada jumlah keseluruhan remaja dalam setahun. Kekangan ini adalah berkait rapat dengan masalah peruntukan kewangan yang lebih besar yang melibatkan belanja mengurus, infrastruktur, prasarana, kejurulatihan serta keperluan-keperluan lain. Setakat ini JLKN membelanjakan RM550 juta hingga RM650 juta setahun.

Berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat untuk menambah baik modul PLKN, Tuan Yang di-Pertua cadangan penambahbaikan modul seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tersebut memang pun telah dilakukan dan pada tahun ini sahaja pihak Kementerian Pertahanan melalui JLKN telah memasukkan isu-isu semasa bagi meningkatkan kesedaran dan tahap patriotisme remaja seperti berkaitan insiden yang berlaku di Lahad Datu ke dalam modul kenegaraan bagi meningkatkan perasaan cinta kepada negara. Selain daripada itu, penghargaan terhadap jasa pasukan keselamatan yang mempertahankan kedaulatan negara juga akan dapat disemat dalam diri pelatih.

Selain daripada itu pihak kementerian juga memandang berat dengan etika penggunaan *internet* dan media sosial di kalangan remaja dan pada tahun 2014 semua kem PLKN akan melaksanakan modul tambahan iaitu "Klik Dengan Bijak", untuk mendidik pelatih supaya menggunakan *internet* dan media sosial secara beretika dan berfaedah kepada masyarakat.

Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman ada membangkitkan berkaitan dengan isu tahap keselamatan di Pantai Timur Sabah. Untuk makluman Yang Berhormat pada masa ini keadaan keselamatan di Pantai Timur Sabah adalah terkawal daripada pencerobohan militan dan ancaman-ancaman oleh anasir militan tidak berulang lagi sehingga kini hasil daripada gerakan bersepadu antara ATM dan agensi-agensi keselamatan yang lain. Kejadian penculikan di Pulau Pom Pom Sabah seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat adalah merupakan kes terencil yang merupakan jenayah yang masih dalam siasatan pihak Polis Diraja Malaysia dan unsur-unsur jenayah kumpulan kecil ini kita akui memang sukar dibendung mengambil kira keluasan keseluruhan persisiran Pantai Timur Sabah yang panjangnya melebihi 1,400 kilometer. Namun begitu pihak ATM dan agensi-agensi lain di bawah ESSCOM akan terus komited sedaya-upaya untuk cegah setiap kejadian yang berlaku.

Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah juga membangkitkan tentang isu kelemahan risikan di bawah kawasan berkenaan seperti yang telah dibangkitkan oleh beliau.

Untuk makluman Yang Berhormat, kawalan keselamatan keseluruhan Pantai Timur Sabah pada masa ini adalah di bawah tanggungjawab ESSCOM iaitu melalui Ops Sanggah dan Ops Pasir yang dilaksanakan dan kini diletakkan di bawah pemerintah ESSCOM yang bertanggungjawab sepenuhnya di bawah Majlis Keselamatan Negara. Segala perancangan dan pelaksanaan operasi pertahanan keselamatan dan perisikan adalah di bawah kawalan ESSCOM dan maklumat risikan yang tepat kurang diperoleh yang menyukarkan bagi pelaksanaan operasi selain daripada peranan tali barut. Namun langkah siap siaga terus dimaklumkan kepada semua agensi keselamatan yang berkenaan dan justeru itu pihak perisikan ATM dengan kerjasama agensi keselamatan yang lain sentiasa berusaha mencari maklumat-maklumat perisikan agar tindakan awal dapat dilaksanakan dengan efisien dan efektif.

Berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat penerapan konsep HANRUH dalam kawalan keselamatan di Timur Sabah, untuk makluman Yang Berhormat konsep HANRUH ataupun konsep 'pertahanan menyeluruh' (HANRUH) memang telah pun diterapkan dalam kawalan keselamatan di kawasan berkenaan. Sukacita ingin saya menyatakan sememangnya Kementerian Pertahanan telah pun melaksanakan konsep HANRUH terutamanya dalam aspek kawalan keselamatan di Pantai Timur Sabah seperti melibatkan penubuhan askar wataniah di setiap kawasan Parlimen. Malahan pasukan simpanan sukarela TLDM di KD Sri Semporna memainkan peranan yang penting dengan melakukan rondaan bagi memastikan perairan di sepanjang Pantai Timur Sabah berada dalam keadaan terkawal dan selamat.

Sebagai makluman Dewan yang mulia ini konsep pertahanan menyeluruh atau HANRUH merupakan salah satu prinsip asas yang terkandung dalam dokumen Dasar Pertahanan Negara. Ia merupakan konsep yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat awam, syarikat swasta dan juga agensi-agensi kerajaan di dalam mengekalkan keamanan dan semasa menghadapi sesuatu krisis.

Justeru itu, Kementerian Pertahanan akan terus memperkukuhkan lagi pelaksanaan HANRUH dengan menarik minat dan penglibatan masyarakat tempatan dalam pasukan-pasukan sukarela beruniform sama ada dalam pasukan askar Wataniah ataupun pasukan simpanan sukarela TLDM. Penglibatan anak-anak muda tempatan dalam pasukan simpanan ini adalah cukup kritikal bagi mengekalkan keamanan di kawasan ini.

Selain daripada itu, inisiatif kerajaan dengan menubuhkan ESSCOM adalah merupakan sebahagian daripada konsep HANRUH yang di dalamnya terdapat pelbagai agensi kerajaan dan badan penguat kuasa kerajaan yang digembleng secara bersepadu yang akan dapat merapatkan hubungan dan kerjasama di kalangan masyarakat setempat dengan pihak berkuasa kerajaan.

Akhir sekali Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani telah pun mencadangkan agar kekuatan rejimen sempadan ditambah di kawasan sempadan Malaysia-Thailand bagi membantu agensi penguatkuasaan awam lain dalam membanteras pencerobohan serta penyeludupan di kawasan sempadan.

Untuk makluman Yang Berhormat anggota keselamatan yang bertugas untuk mengawal sempadan berkenaan adalah pada ketika ini mencukupi. Sebagai makluman Yang Berhormat pihak...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada panjang lagikah?

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Hendak habis.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak habis? Habiskan cepat.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang melaksanakan sebanyak enam operasi di kawasan berkenaan yang merangkumi 86 sektor ataupun lokasi pos kawalan di sepanjang kawasan sempadan Malaysia-Thailand. Selain daripada pos kawalan rondaan, dan lain-lain aktiviti pengawasan terdapat juga pagar dan tembok keselamatan sepanjang 46 kilometer di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand. Justeru itu, ingin saya memaklumkan di sini bahawa pada sebilang masa sebanyak lima buah batalion yang melaksanakan operasi dengan kekuatan keseluruhan anggota seramai 70 orang pegawai dan 1,300 anggota lain-lain pangkat.

Sehubungan dengan itu berdasarkan langkah-langkah yang telah diambil serta kerjasama erat antara agensi-agensi penguat kuasa awam yang lain maka diyakini kawalan sempadan negara berada dalam kawalan yang terkawal. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat semua, sekarang ini jam telah pun sampai ke tahap yang kementerian sepatutnya berhenti pada hari ini dan akan sambung esok.

Ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa 17 Disember 2013 besok. Sekian, terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.31 malam.]